BEBAS

TELUS

PROFESIONAL



LAPORAN TAHUNAN SPRM 2015

JIHAD MEMERANGI RASUAH

Konsep Ilustrasi Muka Hadapan

Tema: Jihad Memerangi Rasuah

Jihad memerangi rasuah yang diterjemahkan melalui konsep papan sasaran dengan perkataan **RASUAH** menjadi sasaran atau fokus sebagai simbolik untuk menonjolkan semangat pegawai SPRM yang beriltizam dalam usaha untuk memerangi rasuah. Lingkaran papan sasaran ibarat pendekatan yang dilaksanakan secara holistik oleh SPRM bertujuan membawa mesej anti rasuah kepada semua lapisan masyarakat yang berbilang bangsa, agama serta latar belakang. Selain itu, lapisan lingkaran biru dengan gambar kecil pada 'papan sasaran' merujuk kepada inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan menerusi Program Transformasi SPRM yang membawa pembaharuan dalam ketiga-tiga sektor utama iaitu operasi, pencegahan dan modal insan dengan berpaksikan kepada prinsip Bebas, Telus dan Profesional.

Lencana "Transformasi Bermula Dari Saya" memperjelaskan setiap pegawai dan warga kerja sentiasa bersiap sedia menempuh ujian dan perubahan dalam persekitaran kerja yang mencabar.

BAHAGIAN PENDIDIKAN MASYARAKAT
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Tel : 603 8886 7000
E-mel : info@sprm.gov.my
SMS : 019-6000 696

© HAK CIPTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
Cetakan 2016

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

RASIONAL
LOGO



Emas
Melambangkan perjuangan yang paling berharga iaitu membanteras jenayah rasuah demi mencapai kejayaan yang tidak ternilai iaitu negara yang bebas rasuah.

Kuning
Melambangkan adil iaitu keadilan adalah salah satu daripada piagam pelanggan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam apa jua keputusan yang diambil tanpa mengira pangkat dan bangsa.

Biru
Mencerminkan amanah dan harmoni. Ini bermaksud bahawa di samping menguatkuasakan undang-undang, Suruhanjaya ini juga merangka dan melaksanakan kempen pencegahan rasuah melalui program-program seperti penerangan, pendidikan dan perhubungan masyarakat.

Hitam
Melambangkan kejituan dan kemantapan semangat yang padu dan perjuangan yang mpuh.

Kelabu Gelap
Warna kelabu adalah warna neutral yang terletak di antara putih dan hitam, yang melambangkan kebebasan dan ketelusan SPRM dalam usaha pembanterasan jenayah rasuah tanpa campur tangan mana-mana pihak.

Merah
Warna merah melambangkan semangat perjuangan mempertahankan kedaulatan dan maruah negara walau terpaksa menumpahkan darah.

Putih
Melambangkan jiwa yang bersih dalam perjuangan yang suci menegakkan kebenaran dan menghapuskan kemungkaran.

Bintang (14 Bucu)
Mencerminkan kecemerlangan dan kegemilangan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan yang bebas rasuah, warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika yang paling tinggi.

Bulan Sabit
Bulan sabit mencerminkan agama Islam yang juga merupakan agama rasmi negara ini. Pengetahuan agama dan ketaqwaan dapat menghindar diri daripada perbuatan rasuah.

Keris Bersilang
Melambangkan kuasa yang dimiliki oleh pegawai-pegawai SPRM seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang negara dalam melaksanakan tugas mencegah jenayah rasuah, sedia berjuang demi mendukung hasrat semua warga walau seribu rintangan dan cabaran, tetap mara ke hadapan.

Perisai
Melambangkan alat mempertahankan diri. Ia memberi maksud bahawa tugas risikan yang dilaksanakan dengan cekap dan berkualiti dengan identiti pemberi maklumat dirahsiakan.

Bunga Padi
Melambangkan kemajuan, kemakmuran dan kejayaan, dalam masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika. Segala aduan yang diterima akan dijalankan siasatan sewajarnya tanpa prasangka dengan amanah, tegas dan adil.

Harimau
Melambangkan keberanian dan kekuatan dalam melaksanakan segala tugas walau seribu rintangan dan cabaran tetap mara ke hadapan.

14 Jalur Putih dan Merah
Mencerminkan aktiviti pendidikan tentang rasuah dan kesan buruknya, merangkumi seluruh negeri di Malaysia.

Tulisan Jawi
سوروهنجاي قنچكاڼ رسواه مليسيا
Melambangkan semangat mempertahankan pusaka bangsa dan khazanah negara agar dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang.

KANDUNGAN

07 **PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA**

17 **MEKANISME *CHECK AND BALANCE***
- Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR)
- Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)
- Jawatankuasa Aduan (JKA)
- Panel Penilaian Operasi (PPO)
- Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)
- Sumbangan Pemantau Bebas

33 **MAKLUMAT KORPORAT**
- Struktur Organisasi
- SPRM Negeri
- Visi, Misi Dan Objektif
- Piagam Pelanggan, Prinsip - Prinsip SPRM, Kod Etika, Aspirasi Dan Fungsi, Strategi dan Moto

43 **PENGUATKUASAAN**
- Statistik Operasi
- Penyiasatan SPRM
- Forensik Penyiasatan SPRM
- Pendakwaan Kes Rasuah

95 **PENCEGAHAN**
- Pemeriksaan Dan Perundingan
- Pemantapan Tadbir Urus Sektor Awam
- Pengurusan Integriti Agensi

153 **PENDIDIKAN MASYARAKAT**
- Pendidikan Pencegahan Rasuah
- Komunikasi Strategik

189 **PENGANTARABANGSAAN**

203 **PROFESIONALISME**
- Profesionalisme Tonggak Kecemerlangan
- Keselamatan
- Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
- Pemantauan dan Penyelarasan

231 **PENGURUSAN DAN KEWANGAN**
- Khidmat Pengurusan
- Kewangan dan Pembangunan

247 **LAMPIRAN**
- Senarai Lampiran
- Senarai Carta, Jadual dan Keratan Akhbar

SIDANG **REDAKSI**

PENAUNG
Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed

KETUA PENASIHAT
Dato' Sri Hj. Mustafar bin Hj. Ali

PENASIHAT
Dato' Hj. Shamshun Baharin bin Mohd. Jamil

EKSEKUTIF EDITOR
Tuan Mohamad Zaki bin Ibrahim

KETUA EDITOR
Puan Hjh Nor Yatimah binti Yamin

EDITOR
PPj Hj. Zulkefli bin Zainal Abidin
P/PPj Shahami bin Hashim
P/PsK Mohd. Fairul Aswan bin Salleh
P/PsK Ridzuan bin Baharin
PkPs Ahmad Faiz bin Sulaiman
En. Mohd Faizal bin Awang Senik

PENYUMBANG BAHAN
Pengarah-Pengarah Bahagian/Negeri
Ps Lee Cheng Teik
KPkPs Azean binti Ahmad
PPs Siti Rahayu binti Che Rahim
PPs Nurul Izra Wahida binti Abu Bakar

KONSEP DAN REKABENTUK
Ps Lee Cheng Teik

SENARAI PANGKAT DALAM SPRM

KPj	Ketua Pesuruhjaya	**PKPj**	Penolong Kanan Pesuruhjaya	**PkPs**	Penolong Kanan Penguasa
TKPj	Timbalan Ketua Pesuruhjaya	**PPj**	Penolong Pesuruhjaya	**PPs**	Penolong Penguasa
Pj	Pesuruhjaya	**PsK**	Penguasa Kanan		
TPj	Timbalan Pesuruhjaya	**Ps**	Penguasa		
KPKPj	Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya	**KPkPs**	Ketua Penolong Kanan Penguasa		



PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA

PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA



Daripada perspektif umum, peningkatan penglibatan dan sokongan pihak-pihak tertentu dalam pencegahan rasuah di negara ini akan memberi impak yang besar kepada SPRM. Kami tidak lagi bertindak sendirian dan tugas pembanterasan rasuah tidak lagi menjadi tugas eksklusif SPRM sahaja. Dengan modul dan kawal selia oleh SPRM, mana-mana pihak mampu membangunkan benteng pencegahan rasuah masing-masing sekaligus mengekang risiko rasuah dalam agensi. Justeru itu, kami berharap agar komitmen tinggi oleh pemimpin politik negara dalam pencegahan rasuah dapat diteruskan dengan memberi kepercayaan dan kebebasan bertindak kepada SPRM.

PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA

Rasuah bukanlah satu fenomena yang baru, dan ia adalah satu fenomena universal yang tidak mengenal bangsa, sempadan tempat dan batasan waktu. Rasuah juga dapat diumpamakan seperti 'api dalam sekam' yang jika dibiarkan boleh menghakis keadilan dan nilai-nilai murni, menindas rakyat, menggugat kesejahteraan dan akhirnya membinasakan negara.

2. Sebagai agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah di Malaysia, SPRM bertanggungjawab memastikan fungsinya membanteras dan mencegah rasuah disempurnakan dengan sebaik mungkin untuk mewujudkan persekitaran masyarakat dan negara yang bebas daripada rasuah bersandarkan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme.

3. Bagi SPRM, ukuran utama kejayaan pencegahan rasuah bukan sahaja dinilai dengan keberhasilan siasatan sehingga ke mahkamah, malah impak kepada kesejahteraan rakyat dan negara melalui peningkatan kawalan dan keberkesanan agensi-agensi bertanggungjawab antaranya terhadap kawalan persempadanan, penyeludupan, kemusnahan alam sekitar, ketirisan dana kerajaan dan penentuan hak dan keadilan individu. Kepentingan impak kepada kesejahteraan rakyat dan negara dalam persekitaran pencegahan rasuah ini telah mendukung "Dasar Merakyatkan SPRM", terus memperkukuhkan hala tuju dan fokus operasi SPRM dalam tahun 2015.

4. Selaras dengan dasar dan aspirasi yang dicanangkan, SPRM telah meletakkan usaha untuk meningkatkan keyakinan masyarakat melalui

pengurangan tahap rasuah di Malaysia dengan memberi fokus kepada dasar, strategi dan program serta aktiviti yang memberi kesan besar ke atas peningkatan keyakinan masyarakat sebagai matlamat utama tahun 2015.

Dasar dan Hala Tuju

"Mempertingkatkan keyakinan masyarakat melalui merakyatkan SPRM ke arah pengurangan tahap rasuah di Malaysia dengan memberi fokus kepada dasar, strategi dan program yang memberi kesan besar kepada tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM"

Empat bidang keberhasilan telah ditetapkan bagi menjayakan matlamat ini iaitu:

i. Pengurusan Kes Berprofil Tinggi dan Berkepentingan Awam Secara Efektif;
ii. Pengurusan Isu Secara Efektif;
iii. Keterlibatan Strategik Dengan Pemimpin Politik dan NGO; serta
iv. Keterlibatan Sektor Swasta Secara Efektif.

5. Sehubungan itu, selaras dengan tema 2015 "Jihad Memerangi Rasuah", SPRM memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, SPRM berjaya melunaskan amanah dan memenuhi hasrat 2015 dengan sempurna.

Pengukuhan Imej SPRM

6. Sepanjang tahun ini, SPRM telah memberi tumpuan penuh kepada tindakan menangani kes-kes yang berkait rapat dengan penglibatan orang tengah dalam enam sektor penting iaitu alam sekitar, perolehan, swasta, penguatkuasaan, penyeludupan serta gas dan minyak. Penekanan strategi pengurusan siasatan yang efektif, pencegahan dan pendidikan yang efektif serta mengekalkan keyakinan terhadap SPRM tetap terus menjadi landasan utama SPRM dalam memperkukuhkan imej dan persepsi terhadap SPRM dan Malaysia keseluruhannya.

7. Selain itu, sebagai sebuah agensi penguatkuasa, SPRM tidak terlepas daripada permainan persepsi umum. Kajian Keberkesanan Tindakan SPRM yang dijalankan oleh universiti tempatan pada tahun 2015, turut membuktikan bahawa tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM berada pada paras 65.8 peratus. SPRM menyedari bahawa terdapat beberapa isu di luar jangkaan, timbul pada tahun yang sama telah mempengaruhi skor ini biarpun terdapat pelbagai kejayaan diperolehi sepanjang suku tahun pertama dan kedua 2015. Walau bagaimanapun SPRM tetap mensasarkan skor pada paras 70 peratus pada tahun seterusnya.

8. Susulan daripada itu, SPRM telah menggandakan tindakan bagi memastikan persepsi negatif oleh segelintir pihak, dapat diperbaiki selaras dengan dasar dan hala tuju serta undang-undang yang diperuntukkan. Inisiatif dan strategi pencegahan rasuah yang lebih komprehensif turut akan dilaksanakan pada tahun seterusnya dengan mengambil kira pandangan semua pihak.

Kejayaan Tindakan Penguatkuasaan

9. Penetapan dasar dan hala tuju yang betul telah menjadi pemacu penting dalam peningkatan keberkesanan penguatkuasaan SPRM, dengan jumlah **tangkapan meningkat kepada 841 orang** pada tahun 2015, berbanding 552 orang pada tahun 2014. Ia berikutan kejayaan SPRM antaranya dalam lebih 20 operasi rasuah terancang seperti '*Ops Sealord*', 'Ops Gergaji', 'Ops Licin 2' dan lain-lain lagi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **982 Kertas Siasatan telah dibuka** di seluruh Malaysia berbanding 919 Kertas Siasatan pada tahun 2014.

10. Hasil semakan SPRM mendapati, kadar siasatan tertinggi adalah bagi **kesalahan menerima rasuah yang mencecah 401 kesalahan** daripada 982 kesalahan yang direkodkan. Kejayaan ini sedikit sebanyak berjaya mengekang tindak-tanduk salah guna kuasa oleh sesetengah individu dalam menjalankan tugas rasmi mereka. Ini sekaligus memberi peringatan kepada masyarakat tentang *trend* rasuah sebegini sedang berada dalam perhatian pihak SPRM.

11. SPRM turut berbangga kerana sepanjang tahun 2015, sejumlah **RM15,433,906.51 harta telah disita** berhubung kesalahan rasuah manakala sejumlah **RM3,937,035 harta berjaya dilucuthakkan.** Pencapaian kadar sabitan turut berada diparas yang baik dengan peratusan **kadar sabitan mencecah 77 peratus pada tahun 2015**. Daripada peratusan tersebut sejumlah **RM6,367,177 denda** telah diputuskan oleh mahkamah ke atas individu-individu yang disabitkan atas kesalahan rasuah.

12. Selaras dengan dasar dan hala tuju tahun 2015, SPRM telah melipatgandakan usaha pembanterasan jenayah rasuah terutama dalam kes-kes rasuah bersindiket dan rasuah terancang yang melibatkan isu-isu nasional. Antara operasi-operasi yang berjaya seperti pembongkaran penyelewengan pemberian kontrak dan perolehan barangan TLDM melalui '*Ops Sealord'* di Lumut Perak, sindiket rasuah dalam pembalakan haram (Ops Gergaji) di Sarawak, penyeludupan dan sindiket kereta klon (Ops Carsing), penyeludupan dan penjualan diesel dan petrol bersubsidi ke negara jiran (Ops Licin 2), penyeludupan rokok, arak, penyelewengan diesel bersubsidi dan perbuatan mengelak cukai (Ops BS) di Sabah serta 'Ops Rimba' bagi sindiket pembalakan haram di Hutan Simpan Temenggor, Perak.

13. Selain kes-kes berkepentingan awam, pada tahun 2015, SPRM juga telah mempertingkatkan usaha menjejak individu-individu berprofil tinggi yang terlibat dalam jenayah rasuah. Antaranya, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pemberi Wang dan Pemegang Pajak Gadai di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang didakwa menerima suapan berbentuk sebuah kenderaan BMW 525i kerana meluluskan permohonan lesen pajak gadai; Pengarah Urusan TEKUN didakwa kerana menerima rasuah bernilai RM200,000 bagi meluluskan permohonan pinjaman program perintis syarikat menantunya serta kes Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menerima rasuah berbentuk penginapan di hotel mewah sebagai dorongan tidak mengganggu dan mengekalkan kontrak pengeluaran batuan dan pasir di Empangan Batu, Gombak, Selangor.

14. Manakala di sektor swasta, beberapa individu turut telah diberkas kerana terlibat dengan kegiatan rasuah dan pecah amanah. Antara yang terlibat adalah dua Pengarah *Blue Valley Plantation Berhad* (BVPB) yang telah didakwa atas kesalahan pecah amanah dan amalan pengubahan wang haram ke atas wang penjualan tanah berjumlah RM3,249,235.82. Selain itu Eksekutif Pemasaran di *Elegance Club (M) Sdn Bhd* yang menerima rasuah berjumlah RM167,000 sebagai upah bagi membolehkan berlian daripada syarikat luar dibeli oleh majikan tertuduh.

15. Hasil daripada operasi yang dilaksanakan pada tahun 2015, SPRM telah berjaya mengekang kerugian dan ketirisan hasil kerajaan akibat perbuatan rasuah dan penyelewengan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Antaranya siasatan yang melibatkan operasi-operasi berikut:

- 'Ops Gergaji' yang melibatkan aktiviti pembalakan haram di Sarawak telah membantu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengutip cukai tidak berbayar sebanyak RM74.5 juta dan royalti kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM141,128.

- 'Ops BS' yang dijalankan di Sabah melibatkan aktiviti penyeludupan rokok, minuman keras, diesel bersubsidi dan minyak masak, telah berjaya membantu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengutip cukai tidak berbayar sebanyak RM20 juta.

- 'Ops Kuang' yang dijalankan telah berjaya membantu Jabatan Kastam DiRaja Malaysia mengutip cukai tidak berbayar sebanyak RM236,400.

- 'Ops Sejuk' yang dilaksanakan bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah berjaya membantu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengutip cukai tidak berbayar sebanyak RM8.2 juta.

Keberhasilan Kerjasama Merentas Sempadan

16. Jaringan kerjasama *bilateral* dan *multilateral* antara Malaysia dengan beberapa negara dan institusi antarabangsa merupakan langkah penting bagi meningkatkan keberkesanan pencegahan rasuah global serta membuktikan kesungguhan Malaysia di arena antarabangsa. Sebagai kesinambungan tahun sebelumnya, Malaysia masih terlibat secara aktif dalam beberapa inisiatif antarabangsa seperti dalam *United Nation Convention Against Corruption* (UNCAC), *Asia Pasific Economic Corporation-Anti Corruption Transparency Working Group* (APEC-ACTWG), *International Anti-Corruption Conference* (IACC), *International Anti-Corruption Academy* (IACA) dan *South East Asia Parties Against Corruptio*n (SEA-PAC).

17. Melalui UNCAC, selepas kejayaan mendapat pengiktirafan UNCAC berhubung 23 amalan terbaik bagi pematuhan Bab III dan Bab IV UNCAC pada tahun 2014, Malaysia terus terlibat dalam pusingan kedua proses kedua penilaian bagi Bab II dan Bab V bermula tahun 2016 hingga tahun 2020. Sebagai penghargaan kepada Malaysia juga, atas permintaan *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC), tenaga pakar dari SPRM telah diiktiraf untuk membantu negara Palau dalam penyediaan *Self Assessment Checklist* bagi Bab II pada 21 hingga 23 April 2015. Hasil bantuan berkenaan telahpun dibentangkan dalam persidangan *6th Session of the Implementation Review Group* (IRG) pada 1 hingga 5 Jun 2015 di Vienna, Austria.

18. SPRM turut berbangga kerana Malaysia diberi peluang menjadi tuan rumah kepada *16th International Anti-Corruption Conference* (IACC) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 2 hingga 4 September 2015 yang bertemakan "Mengakhiri Kesan Buruk: Rakyat, Integriti dan Tindakan". Persidangan yang dipenuhi dengan empat bengkel melibatkan 35 orang pembentang kertas kerja telah dihadiri oleh lebih 1,200 peserta dari 130 buah negara. **Satu deklarasi mengenai komitmen bersama untuk memerangi jenayah rasuah berjaya diperolehi** sebagai bukti kejayaan persidangan berkenaan.

19. Di peringkat hubungan *bilateral*, pada tahun 2015 SPRM telah menjalinkan tiga Memorandum Persefahaman (MoU) baru iaitu dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Maldives, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Timor Leste dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Bhutan. Kerjasama ini bertujuan mempertingkatkan kerjasama merentas sempadan, perkongsian kemahiran dan bantuan teknikal antara kedua-dua negara. Bagi kerjasama sedia ada antara SPRM dengan Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei Darussalam dan dengan *National Anti-Corruption Commission* (NACC) Thailand pula, kedua-dua negara sepakat untuk mempertingkatkan jaringan kerjasama dalam pembanterasan rasuah rentas sempadan serta berkongsi pengalaman dan amalan baik dari semasa ke semasa.

20. Sebagai tambahan, hasil daripada hubungan *bilateral* yang wujud, SPRM melalui **MACA telah diiktiraf oleh *South East Asia Parties Againts Corruption* (SEA-PAC) sebagai hab latihan antarabangsa dan pusat kecemerlangan pencegahan rasuah di rantau Asia Tenggara.** Pelbagai modul latihan peringkat antarabangsa telah dibangunkan seperti modul enam Program *Master of Corruption Studies* (MACS) anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA), Vienna, Austria. Selain itu, SPRM melalui hubungan ini telah menjadi pusat rujukan dan pembelajaran bagi sepuluh buah negara termasuk Indonesia, Egypt, Maldives, Vietnam dan Fiji.

Keberkesanan Usaha Pendidikan Pencegahan Rasuah

21. Dengan peningkatan kesedaran masyarakat dalam pencegahan rasuah, SPRM terus memberi tumpuan kepada keterlibatan aktif pihak-pihak tertentu khususnya politik, *opinion leaders* dan NGO sebagai *role model* kepada masyarakat. Dimensi baharu pendidikan pencegahan rasuah ini bertujuan melahirkan rasa kesediaan dan komitmen langsung daripada masyarakat untuk memerangi rasuah. Ia selaras dengan dasar dan halatuju SPRM yang menekankan kepada pendekatan CPM yang bermaksud *communicate, penetrate* dan *mobilize*.

22. Salah satu daripada bidang sasaran utama SPRM dalam pendidikan pencegahan rasuah ialah keterlibatan strategik dengan pemimpin politik, *opinion leaders* dan NGO yang berpengaruh. Untuk merapatkan jurang penglibatan pihak politik dan NGO dalam pencegahan rasuah, SPRM telah mengadakan *engagement* secara langsung dengan beberapa parti politik untuk mendapatkan sokongan mereka dalam menyebarluaskan peranan masyarakat memerangi rasuah. Antara pihak yang terlibat adalah ahli Parlimen dan ADUN Barisan Nasional, ahli Parlimen dan ADUN Pakatan Harapan, dialog bersama ahli Parlimen DAP, ahli Parlimen dan ADUN Negeri Selangor, Pengurusan Tertinggi Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) dan *Centre to Combat Corruption and Cronysim* (C4).

23. Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pencegahan rasuah, SPRM turut mendekati sektor-sektor swasta khususnya *Government-Linked Companies* (GLC) dan institusi kewangan dan perbankan. Hasilnya, sektor-sektor berkenaan telah bersetuju untuk bersama SPRM membantu meningkatkan usaha pencegahan rasuah di sektor masing-masing. Antara siri *engagement* yang telah dilaksanakan termasuk bersama *Association of Islamic Banking Malaysia* (AIBIM), *Malaysian Employees Federation* (MEF) dan *American Chamber of Commerce* (AMCHAM).

24. Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, pendekatan penglibatan golongan belia dalam memerangi rasuah kekal menjadi agenda penting dalam pencegahan rasuah. Sehingga hari ini, penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) universiti awam, Institut Pendidikan Perguruan (IPG) dan Institusi Pendidikan MARA (IPMa) telah mencecah sebanyak 104 SPR. Golongan belia boleh menjadikan *platform* ini untuk memerangi rasuah dengan lebih terancang dan berkesan. Keberhasilan SPR juga telah menarik minat universiti swasta seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Saito, Petaling Jaya untuk menubuhkan SPR di kolej masing-masing.

25. SPRM juga turut berbangga kerana pada tahun 2015, sokongan dan penglibatan program Wira Anti Rasuah (WAR) di peringkat sekolah telah meningkat kepada 26 buah sekolah berbanding hanya tujuh sekolah pada tahun 2014. Enam belas daripadanya adalah daripada Sekolah Menengah biasa dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).

26. Menyedari akan keperluan menggalakkan kesedaran, SPRM telah mengambil langkah memperkenalkan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) bagi mengekang rasuah dalam agensi-agensi. Pelan ini telah dibangunkan dengan kerjasama agensi-agensi yang dikenalpasti mempunyai risiko rasuah bagi menyokong Pelan Integriti Organisasi (PIO). Antara agensi yang telah dan dalam proses pelaksanaan PSPR ini adalah Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Daerah Tampin Negeri Sembilan, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Daerah Besut, Jabatan Imigresen Melaka, Majlis Daerah dan Pejabat Tanah Cameron Highlands serta Jabatan Tanah dan Survei Sarawak.

Keberkesanan Usaha Pencegahan dan Kawalan Dalaman

27. Dalam usaha membina benteng pencegahan rasuah jangka panjang, SPRM sedar bahawa kawalan dalaman kekal menjadi salah satu faktor paling penting yang mempengaruhi tinggi rendahnya rasuah dalam sesebuah agensi.

28. Tahap risiko rasuah banyak dipengaruhi oleh pelbagai aspek pengurusan dan pentadbiran agensi. Pengawal selia agensi perlu mengambil pandangan holistik terhadap pembentukan integriti, tadbir urus yang baik dan keperluan kawalan dalaman yang kukuh. Kelemahan kawalan dalaman menjadi kebimbangan serius apabila perlakuan rasuah wujud secara berulang pada sebahagian besar skop bidang yang sama setiap tahun.

29. SPRM secara signifikan, turut memperkukuhkan keupayaan dan usaha untuk membangunkan kawalan dalaman secara terancang melalui pemeriksaan amalan, sistem dan tatacara kerja agensi, pelaksanaan *Corruption Risk Management* (CRM) dan Ikrar Integriti Korporat (CIP) bagi sektor swasta. Buktinya sebanyak **424 cadangan penambahbaikan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja telah disyorkan kepada lebih 126 buah agensi.** 316 organisasi telah menandatangani CIP dan 35 bengkel CRM berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2015.

30. Antara kejayaan penambahbaikan amalan, sistem dan tatacara kerja pada tahun 2015 adalah penguatkuasaan penyeludupan migran melalui pintu sempadan di zon utara Kedah dan Perlis, proses alat ganti kapal oleh Depot Bekalan Armada (DBA) Pangkalan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) Lumut, projek menaiktaraf sekolah dhaif dan projek menaiktaraf kemudahan pengangkutan awam luar bandar oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pengurusan pengambilan, pengendalian dan pengesanan pekerja asing serta pengurusan pembiayaan program oleh Jabatan Belia dan Sukan.

31. Tahun 2015 juga menyaksikan kejayaan SPRM dengan penubuhan *Anti Corruption and Ethics* (ACE) *Centre* yang secara rasminya telah dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan. ACE dibangunkan khusus sebagai pusat perkongsian maklumat berkaitan isu-isu rasuah semasa, khidmat nasihat dan rujukan kepada amalan-amalan baik berkaitan pencegahan rasuah oleh sektor awam dan swasta mahupun orang awam. Seiring dengan majlis pelancaran ACE, satu jalinan kerjasama (alliance) telah terbentuk dengan termeterinya hubungan strategik untuk meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan rasuah dalam sektor pembinaan di antara Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau *Construction Industry Development Board* (CIDB) Malaysia dengan *Global Infrastructure Anti Corruption Centre* (GIACC), United Kingdom yang diterajui oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). Ia merupakan satu inisiatif yang sangat baik dalam mewujudkan persekitaran bebas rasuah di Malaysia.

32. Bagi mempertingkatkan keberkesanan tadbir urus sektor awam, Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) yang diwujudkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2014, telah mengusulkan sembilan isu utama tadbir urus antaranya isu melibatkan peranan 'orang tengah', tapisan keutuhan bagi pelantikan pegawai kanan GLC, pengurusan dana serta penyeludupan migran melalui pintu masuk sempadan di zon utara Kedah dan Perlis. Selain itu Pasukan Khas Perundingan JITU (PKP JITU) yang ditubuhkan juga telah berjaya melaksanakan lima kajian bagi peningkatan tadbir urus dan integriti antaranya dalam aspek penyelewengan dan salah guna kuasa oleh ahli jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB/JMC) serta kebocoran maklumat rasmi dan rahsia rasmi di sektor awam.

Inisiatif, Cabaran dan Harapan

33. Dalam membina keutuhan dan kecekapan Suruhanjaya, SPRM akan terus mengusulkan beberapa perubahan dan penambahbaikan dibuat terhadap aspek perundangan, pengurusan dan tadbir urus, struktur dan modal insan.

34. Dalam memperkasakan undang-undang, SPRM mencadangkan agar penguatkuasaan pencegahan rasuah di sektor korporat diperkasakan melalui penggubalan peruntukkan 'Liabiliti Korporat' bagi memastikan peranan pencegahan rasuah turut dititik beratkan oleh sektor berkenaan. Selain itu, kawalan terhadap kesalahan salahguna kuasa yang menyebabkan ketirisan dan pembaziran dana awam dapat dikaji dan dirangka untuk dilaksanakan di negara ini melalui pengenalan kesalahan *Misuse of Public Office*.

35. Dari segi pengurusan dan tadbir urus dalam pencegahan rasuah, SPRM akan mempertingkatkan komitmen dan kerjasama antara agensi melalui pelbagai mekanisme seperti "Kerjasama Strategik" dan "Kenyataan Komitmen Bersama" dengan agensi-agensi yang dikenalpasti. Selain itu, dalam mempertingkatkan kecekapan pencegahan rasuah di agensi, turut diperkenalkan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) bagi membantu agensi melaksanakan pelan pencegahan rasuah mereka dengan lebih efektif dan tersusun. Diharapkan agar inisiatif ini dapat diperluaskan kesemua sektor bagi memastikan usaha pencegahan rasuah boleh mencakupi semua peringkat.

36. Selain daripada itu, perubahan kepada struktur dan mekanisme pencegahan rasuah juga amat diberi perhatian agar kelemahan pada medium sedia ada dapat diperbaiki. Antaranya, penubuhan Unit Integriti di agensi-agensi bagi mengekang salah laku rasuah dan integriti secara dalaman. Sebanyak 887 agensi Persekutuan dan Negeri telah menubuhkan Unit Integriti masing-masing yang melibatkan Kementerian Persekutuan, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan Persekutuan, Kementerian Negeri, Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri. Mekanisme ini hendaklah disokong oleh program *Certified Integrity Officer* (CeIO) anjuran MACA bagi memastikan pegawai yang ditempatkan sebagai pegawai integriti di agensi berkenaan mempunyai kelayakan dan kepakaran yang diiktiraf oleh kerajaan.

37. Dengan memberi penekanan kepada agenda 'Merakyatkan SPRM', SPRM sedar akan keperluan untuk memelihara sokongan dan mendapatkan komitmen padu dari semua pihak dalam memerangi rasuah. Tahap kepercayaan yang tinggi diberikan oleh masyarakat kepada SPRM dalam melunaskan amanah merupakan asas dan cabaran utama kepada keberkesanan dan kemampanan tindakan SPRM. Melangkah ke hadapan, SPRM akan terus bertindak secara bebas, telus dan profesional berlandaskan kuasa dan undang-undang yang diperuntukkan.

38. Daripada perspektif umum, peningkatan penglibatan dan sokongan pihak-pihak tertentu dalam pencegahan rasuah di negara ini akan memberi impak yang besar kepada SPRM. SPRM tidak lagi bertindak sendirian dan tugas pembanterasan rasuah tidak lagi menjadi tugas eksklusif SPRM sahaja. Dengan modul dan kawal selia oleh SPRM, mana-mana pihak mampu membangunkan benteng pencegahan rasuah masing-masing sekaligus mengekang risiko rasuah dalam agensi. Justeru itu, SPRM berharap agar komitmen tinggi oleh pemimpin politik negara dalam pencegahan rasuah dapat diteruskan dengan memberi kepercayaan dan kebebasan bertindak kepada SPRM.

39. Kejayaan yang SPRM capai pada tahun 2015 dalam mengekang jenayah rasuah tidak akan dapat dijayakan tanpa komitmen dan kepakaran warga SPRM. SPRM turut menghargai sumbangan dan peranan panel-panel bebas SPRM yang terdiri dari Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR),


Jawatankuasa Aduan (JKA), Panel Penilaian Operasi (PPO) dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dalam memberi pandangan dan hujahan bernas bagi memastikan SPRM berada pada landasan yang tepat. SPRM juga sentiasa bersikap terbuka terhadap sebarang teguran dan penambahbaikan pencegahan rasuah demi memastikan agenda pencegahan rasuah negara tercapai.

40. Akhir kata, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengalungkan penghargaan saya atas sumbangan penting dan dedikasi semua. Saya berharap SPRM akan terus diberi kepercayaan tinggi oleh masyarakat untuk memikul amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin demi kesejahteraan negara dan generasi akan datang.

Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



MEKANISME *CHECK AND BALANCE*



MEKANISME *CHECK AND BALANCE*

MEKANISME *CHECK AND BALANCE*

Selaras dengan penubuhan SPRM, lima mekanisme tanggungjawab telah diwujudkan sebagai *check and balance* terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya.

Pembentukan **Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)** dan **Jawatankuasa Aduan (JKA)** dibuat melalui peruntukan undang-undang manakala pembentukan **Panel Penilaian Operasi (PPO)** serta **Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)** dibuat secara pentadbiran. Kelima-lima badan khas ini diwujudkan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM.

Mekanisme ini membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti SPRM dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan. Persepsi yang positif terhadap kewibawaan SPRM dan kerajaan akan memudahkan usaha meraih sokongan dan kerjasama masyarakat dalam membanteras jenayah rasuah, salah guna kedudukan dan penyelewengan.



01 JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH (JKMR)

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) diwujudkan secara perundangan mengikut seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Ahli-ahli JKMR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Peruntukan seksyen tersebut juga menetapkan tidak ada seorang pun Anggota Pentadbiran boleh dilantik menganggotai jawatankuasa ini.

TERMA RUJUKAN JKMR

- Menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- Memeriksa Laporan Tahunan Suruhanjaya;
- Memeriksa ulasan oleh Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah tentang perjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta ini; dan
- Mendapatkan penjelasan dan penerangan daripada Suruhanjaya mengenai Laporan Tahunan Suruhanjaya dan ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah.

AHLI-AHLI JKMR



YB Tan Sri Abu Zahar bin Ujang
(Yang Dipertua Dewan Negara)
Pengerusi



YB Dr. Tan Seng Giaw
(Ahli Parlimen Kepong - DAP)
Timbalan Pengerusi



YB Senator Datuk Doris Sophia Anak Brodi
(Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara)



YB Dato' Takiyuddin bin Hassan
(Ahli Parlimen Kota Bharu - PAS)



YB Dato' Irmohizam bin Ibrahim
(Ahli Parlimen Kuala Selangor - BN)



YB Dato' Fauzi bin Abd Rahman
(Ahli Parlimen Indera Mahkota - PKR)



YB Senator Datuk Noraini binti Ahmad
(Ahli Parlimen Parit Sulong -BN)

02 LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH (LPPR)

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) diwujudkan mengikut seksyen 13 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Ahli-ahli LPPR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan orang yang berintegriti dan telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau mencapai keunggulan dalam profesion masing-masing. Ketua Pesuruhjaya SPRM dilantik sebagai anggota *ex-officio* sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 13(2)(b) Akta tersebut.

TERMA RUJUKAN LPPR

- Menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- Menasihati Suruhanjaya tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya membanteras rasuah;
- Menerima, meneliti dan mengendorskan cadangan daripada Suruhanjaya ke arah perjalanan cekap dan berkesan Suruhanjaya;
- Meneliti dan mengendorskan keperluan sumber Suruhanjaya untuk memastikan keberkesanannya;
- Meneliti Laporan Tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah; dan
- Mengemukakan ulasannya tentang penjalanan oleh Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.

AHLI-AHLI LPPR



YM Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim
(Pengerusi)



Tan Sri Datuk Dr. Hadenan bin Abdul Jalil



Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri



Tan Sri Musa bin Hassan



Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak



Tan Sri Dato' Dr. Michael Yeoh Oon Kheng



Profesor Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin



Dato' Mohd Noor bin Abdullah



Datuk Seri Azman bin Ujang



Datuk Dr. Mohd Tap bin Salleh



Datuk Dr. Hamzah bin Kassim



Datuk David Chua Kok Tee



Dato' Halimah binti Mohd Said

03 JAWATANKUASA ADUAN (JKA)

Jawatankuasa ini juga dibentuk secara perundangan mengikut seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan pelantikan mereka dibuat oleh Menteri.

TERMA RUJUKAN JKA

- Memantau pengendalian oleh Suruhanjaya akan aduan mengenai salahlaku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai Suruhanjaya; dan
- Mengenalpasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja Suruhanjaya yang mungkin menimbulkan aduan dan jika difikirkannya sesuai untuk membuat apa-apa syor tentang tatacara kerja Suruhanjaya sebagaimana yang difikirkannya patut.

AHLI-AHLI JKA



Tan Sri Datuk Amar Wilson Baya Dandot
(Pengerusi)



Dato' Ahmad bin Said



Datuk Muhammad Hatta bin Abd. Aziz



Puan Hajah Rohani binti Abdul Kadir

04 PANEL PENILAIAN OPERASI (PPO)

Panel Penilaian Operasi (PPO) diwujudkan secara pentadbiran dan ahli-ahlinya dilantik oleh Perdana Menteri daripada kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dan mewakili badan-badan profesional yang bersesuaian serta individu yang berupaya memperlihatkan ketelusan dan kebebasan tindakan yang dijalankan dan sebab sesuatu kes diperakukan untuk didakwa atau ditutup. PPO juga boleh mencadangkan kes dikaji semula sekiranya tidak berpuas hati dengan penjelasan yang dikemukakan oleh SPRM.

TERMA RUJUKAN PPO

- Menerima dan meneliti semua aduan yang diterima oleh Suruhanjaya dan tindakan-tindakan yang diambil terhadap aduan berkenaan;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung Kertas Siasatan yang mana tempoh siasatan melebihi 12 bulan;
- Menerima laporan daripada Suruhanjaya berhubung semua kes di mana Orang Yang Ditangkap yang dilepaskan dengan jaminan oleh Suruhanjaya melebihi enam bulan;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung keputusan-keputusan Kertas Siasatan yang telah diperoleh daripada Pendakwa Raya;
- Menerima dan meneliti laporan daripada Suruhanjaya berhubung Kertas Siasatan yang dikemukakan kepada Pendakwa Raya dan tidak mendapat apa-apa keputusan selepas tempoh melebihi enam bulan ke atas;
- Memberi pendapat berhubung tindakan-tindakan ke atas kes-kes yang diputuskan untuk tidak dituduh;
- Meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan operasi siasatan Suruhanjaya; dan
- Mengemukakan laporan tahunan dan ulasan PPO kepada YAB Perdana Menteri berhubung dengan perjalanan operasi siasatan oleh Suruhanjaya.

AHLI-AHLI PPO



Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid bin Bugo
(Pengerusi)



Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar bin Hassan



Datuk Zamani bin Abdul Ghani



Datuk Azizah binti Hj Arshad



Dato' Wan Abdul Wahab bin Abdullah



Profesor Dr. Normah binti Hj. Omar



Dr. Sundramoorthy M. Pathmanathan



Tuan Lim Chee Wee

05 PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH (PPPR)

Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) ini diwujudkan secara pentadbiran dan dianggotai oleh individu yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri mewakili pelbagai kumpulan masyarakat seperti ahli akademik, dewan perniagaan, pakar media, aktivis sosial dan pertubuhan yang diyakini dapat membantu SPRM dalam mencapai matlamat mewujudkan masyarakat yang membenci rasuah di pelbagai sektor.

TERMA RUJUKAN PPPR

- Meneliti dan memperakukan kepada Suruhanjaya bidang tumpuan (priority areas) amalan, sistem dan tatacara kerja di sektor awam dan swasta yang membuka ruang dan peluang perlakuan jenayah rasuah;
- Meneliti dan menambah baik laporan yang disediakan oleh Suruhanjaya berhubung dengan perakuan bagi menutup ruang dan peluang jenayah rasuah berkembang di sektor awam dan swasta;
- Membentuk dan menggubal amalan baik (best practices) dalam bidang-bidang tumpuan dari semasa ke semasa;
- Menasihati dan memperakukan kepada Suruhanjaya berhubung keberkesanan pelaksanaan program penerangan dan perhubungan masyarakat serta kempen-kempen ke arah meningkatkan kesedaran tentang jenayah rasuah dan mendapatkan sokongan mereka;
- Memantau dari semasa ke semasa sikap dan persepsi umum masyarakat terhadap rasuah dan usaha yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya dan mengesyorkan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan;
- Membantu Suruhanjaya sebagai 'key communicator' dalam meraih sokongan masyarakat, pihak media dan sektor-sektor yang dikenal pasti terhadap usaha-usaha pencegahan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya;
- Meneliti, mengkaji dan memperakukan kepada Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah berhubung cadangan untuk meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan rasuah oleh Suruhanjaya; dan
- Mengemukakan laporan tahunan, ulasan dan cadangan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah kepada YAB Perdana Menteri berhubung dengan pencapaian aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya.

AHLI-AHLI PPPR



Tan Sri Johan bin Jaaffar
(Pengerusi)



Tan Sri Dato' Sri Dr. Lim Kok Wing



Datuk Dr. Marimuthu Nadason



Dato' (Dr.) Hussamuddin bin Haji Yaacub



Dato' Profesor Dr. Engr. Chin Yew Sin



Dato' Zuraidah binti Atan



Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz



Dato' Khalid bin Ibrahim



Dato' Sharifah binti Mohd Ismail



Dato' (Dr.) Anwar Fazal



Profesor Dr. Syed Noh bin Syed Ahmad



Profesor Madya Dr. Ismail bin Sualman



Tuan Walter Sandosam



Tuan R. Nadeswaran

SUMBANGAN PEMANTAU BEBAS

DASAR DAN PERANCANGAN

Selepas penubuhan SPRM, aspek perancangan dan penyelidikan terus diberi penekanan penting bagi mewujudkan sebuah organisasi yang dinamik dan profesional, selari dengan Aspirasi SPRM. Bagi mencapai sasaran itu, tumpuan holistik perlu diberi ke atas aspek dasar organisasi. Perkara ini dilihat amat penting lebih-lebih lagi ketika Suruhanjaya sedang melaksanakan Program Transformasi. Bermakna kedua-dua perancangan dan penyelidikan memberi kesinambungan input untuk memastikan satu dasar yang kukuh dan berdaya maju.

SPRM yang merupakan agensi pencegahan rasuah tunggal di Malaysia, bukan sahaja menjadi perhatian dalam negara, malah terus menjadi rujukan masyarakat antarabangsa. SPRM tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian lalu, sebaliknya terus bertindak inovatif. Seperti enam tahun lalu, 2015 merupakan tahun mencabar bagi memastikan SPRM terus mempunyai satu dasar yang kukuh dan disokong oleh perancangan dan penyelidikan yang rapi.

SEKRETARIAT ENTITI PEMANTAU LUAR

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) dan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) ditubuhkan masing-masing di bawah seksyen 13 dan 14 Akta SPRM 2009. Akta berkenaan menggariskan kuasa dan tanggungjawab, terma-terma rujukan secara amnya.

Kedua-dua entiti ini mempunyai ciri-ciri yang berbeza dan beroperasi seperti yang dihuraikan dalam seksyen 13 dan 14 Akta SPRM 2009.

Ahli LPPR dan JKMR adalah bertanggungjawab secara bersama bagi semua keputusan dan kegiatan Suruhanjaya. Adalah menjadi kewajipan setiap ahli untuk hadir dan mengambil bahagian di dalam mesyuarat Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah dan mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah yang dirancang.

Bagi tahun 2015, beberapa keputusan baru mengenai dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya untuk membanteras gejala rasuah telah dibincangkan melalui kedua-dua mesyuarat tersebut. Antara beberapa keputusan dasar dan strategi yang dibuat adalah seperti berikut:

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH (LPPR)

LPPR memandang serius isu perolehan awam serta isu orang tengah. Sehubungan itu, suatu Lab yang turut dihadiri oleh beberapa agensi kerajaan telah diadakan pada 13 November 2015 bertempat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) bagi meneliti dan mengenal pasti kelemahan sedia ada bagi tujuan penambahbaikan sistem prosedur dan undang-undang yang berkaitan dengan perolehan awam serta isu orang tengah. Perkara tersebut akan diperhaluskan dan dibentangkan kepada pihak berkaitan pada tahun 2016.

LPPR akur dengan keputusan Pengurusan Tertinggi SPRM bahawa adalah menjadi polisi SPRM untuk tidak membenarkan mana-mana pegawai SPRM untuk turut hadir dalam mana-mana mesyuarat atau perbincangan yang melibatkan penilaian atau proses tender. SPRM secara umumnya tidak mempunyai tenaga pakar dalam bidang penilaian tender tetapi SPRM boleh terlibat secara langsung dalam memberikan khidmat nasihat sekiranya diperlukan sebelum mana-mana keputusan tender dibuat.

PANEL PENILAIAN OPERASI (PPO)

PPO berperanan menentukan tindakan operasi yang dijalankan oleh SPRM khususnya aktiviti penyiasatan

dilaksanakan dengan bebas, telus dan professional. Penilaian, pemerhatian dan perakuan terhadap aktiviti operasi oleh PPO merupakan *mekanisme check and balance* yang diamalkan bagi memastikan tidak timbul dakwaan bahawa SPRM atau Timbalan Pendakwa Raya boleh menutup sesuatu kes siasatan tanpa dikawal selia oleh suatu mekanisme bebas.

Bagi memastikan mekanisme ini berfungsi sepenuhnya, SPRM akan membentangkan kepada PPO semua kes penyiasatan sebagaimana yang digariskan dalam terma rujukan PPO. PPO boleh meminta penjelasan terhadap mana-mana kes yang dirujuk dan boleh mencadangkan supaya sesuatu kes itu disemak semula.

Pada tahun 2015, PPO telah memberi pandangan terhadap tujuh kes yang diputuskan oleh Timbalan Pendakwa Raya yang memutuskan supaya siasatan dihentikan atau disemak semula. Daripada tujuh kes berkenaan, satu kes diputuskan untuk tindakan tatatertib oleh pihak jabatan, satu kes diteruskan dengan siasatan dan satu lagi kes dipersetujui untuk tidak diteruskan siasatan. Manakala empat lagi kes masih dalam kajian serta semakan semula keputusan oleh Bahagian Perundangan dan Pendakwaan untuk perakuan.

PPO telah memberi pandangan dan meminta 70 kes yang telah diputuskan oleh Timbalan Pendakwa Raya dihentikan siasatan, untuk diteliti semula keputusannya.

Daripada jumlah tersebut, sembilan kes diperakukan untuk pertuduhan, satu kes melibatkan lucut hak, tujuh kes disyorkan untuk tindakan tatatertib diambil oleh ketua-ketua jabatan yang berkaitan. Lapan kes lagi diputuskan untuk diteliti berhubung sistem dan prosedur jabatan atau agensi berkaitan. Satu kes disiasat berkaitan pengisytiharan harta, tiga kes diteruskan dengan penyiasatan lanjut, tujuh kes masih dalam kajian Timbalan Pendakwa Raya, dan baki 34 kes dikekalkan keputusan dengan siasatan dihentikan.

JAWATANKUASA ADUAN

Tahun 2015, telah memperlihatkan Jawatankuasa Aduan telah menghasilkan penambahbaikan tatacara kerja menerusi kawalan dalaman berhubung isu-isu yang melibatkan salahlaku pegawai SPRM. Penambahbaikan tersebut dilaksanakan demi kepentingan dan perjalanan operasi SPRM sekaligus dapat membantu para pegawai melaksanakan tugas membanteras jenayah rasuah dengan efektif dan komited.

Jawatankuasa Aduan (JKA) telah menyediakan dua Kertas Perbincangan untuk cadangan penambahbaikan dan pengsyoran kepada Pengurusan Tertinggi SPRM untuk pelaksanaan. Dua Kertas Perbincangan tersebut adalah mengenai:

i. Kawalan Dalaman Mengenai Penyalahgunaan Kemudahan ICT SPRM. Ia selaras dengan Dasar Keselamatan ICT SPRM melarang pengguna melakukan aktiviti-aktiviti menyedia, memuat naik, memuat turun dan menyimpan material, teks ucapan atau bahan-bahan yang dilarang.

ii. Kawalan Dalaman Mengenai Larangan Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Pegawai Dan Kakitangan SPRM.

Sepanjang tahun 2015, JKA telah mengadakan enam mesyuarat yang bertujuan untuk memantau tindakan 95 aduan yang diterima terhadap warga kerja SPRM. Pecahan penerimaan aduan adalah seperti berikut:

JADUAL 1: Jumlah penerimaan aduan mengikut saluran

BIL.	SALURAN ADUAN	JUMLAH
1	Surat rasmi	53
2	Surat layang	12
3	Panggilan telefon	4
4	e-mel rasmi jabatan	26
JUMLAH		**95**

JKA turut mengadakan sesi dialog dengan pegawai serta kakitangan SPRM Negeri. Melalui inisiatif ini, JKA memperoleh input dan maklum balas mengenai isu-isu pengurusan tatatertib, memahami permasalahan sebenar dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan kepada Pengurusan Tertinggi SPRM.

PANEL PERUNDINGAN DAN PENCEGAHAN RASUAH (PPPR)

Sepanjang tahun 2015, PPPR bermesyuarat setiap bulan tanpa gagal dalam melaksanakan peranannya sebagai pemantau dan penasihat kepada SPRM dalam aspek aktiviti pencegahan dan kempen pendidikan pencegahan rasuah.

Selaras dengan terma rujukannya iaitu memperakukan hasil pemeriksaan SPRM bagi menambah baik sistem dan prosedur sektor awam dan swasta, sebanyak empat laporan pemeriksaan telah diperakukan oleh PPPR. Kesemuanya berkaitan isu-isu nasional dan berkepentingan awam selaras dengan dasar 'Merakyatkan SPRM' yang dilaksanakan SPRM pada tahun 2015.

Hasil pemeriksaan yang diperakukan itu berkaitan pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja berhubung penguatkuasaan penyeludupan migran melalui pintu sempadan di zon utara Kedah dan Perlis; pelaksanaan bantuan Projek Khas Perumahan Nelayan 2012; program pembinaan kekal dan baik pulih rumah pasca banjir; pengurusan pengambilan, pengendalian dan pengesanan pekerja asing di agensi-agensi berkaitan; pengurusan program dan aktviti yang dijalankan oleh Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC); dan pengurusan pengambilan, pengendalian dan pengesanan ekspatriat atau pegawai dagang di Jabatan Imigresen Malaysia.

PPPR juga mengadakan sesi keterlibatan dengan pemimpin di peringkat persekutuan dan negeri dan ketua-ketua agensi. Selain mendapat maklumat berkaitan isu pencegahan rasuah, PPPR mengambil kesempatan berkongsi amalan baik yang dilaksanakan oleh sesebuah negeri atau agensi. Antara pemimpin yang terlibat adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan (16 Oktober 2015), Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem (29 Oktober 2015), Ketua Menteri Melaka, Dato' Sri Ir. Idris Haron (2 Jun 2015), dan Ketua Audit Negara (28 September 2015).

Ahli PPPR menggunakan media massa untuk melaksanakan tugas sebagai key-communicator kepada masyarakat. Sebanyak 35 artikel dihasilkan oleh ahli PPPR dan disiarkan di media utama dan media sosial.

Sebagai penasihat, PPPR mengemukakan cadangan agar pembaharuan dibuat dalam aspek undang-undang dan pentadbiran SPRM. Bagi pembaharuan undang-undang, PPPR menyokong sepenuhnya cadangan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang untuk memperkasakan SPRM dan usaha pencegahan rasuah di negara ini. Pindaan-pindaan tersebut merangkumi pelantikan Ketua Pesuruhjaya melalui Perlembagaan Persekutuan; penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah; Peruntukan mengenai kesalahan liabiliti korporat; dan peruntukan mengenai kesalahan salah laku pegawai awam.

Bagi pembaharuan pentadbiran, PPPR mencadangkan penambahbaikan ke atas:

a. Tumpuan pemeriksaan dan perundingan kepada isu-isu berkepentingan awam;
b. Pelaksanaan Jabatan Angkat di agensi berisiko tinggi;
c. Memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan prosedur perolehan kerajaan;
d. Memperkasakan PDRM;
e. Pemantauan SPRM terhadap agihan dana kerajaan;
f. Pendidikan kepada golongan pelajar secara berkesan;
g. Memantapkan integriti perkhidmatan awam melalui penubuhan Unit Integriti dan penempatan Pegawai Integriti Bertauliah di peringkat kementerian, jabatan dan agensi; dan
h. Penggunaan media sosial secara meluas untuk pencegahan rasuah.


SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
SPRM
MALAYSIA

MAKLUMAT KORPORAT



STRUKTUR ORGANISASI

PENGURUSAN TERTINGGI
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2015



Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Dato' Sri Haji Mohd Shukri bin Abdull
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Operasi)



Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pencegahan)



Dato' Seri Haji Zakaria bin Haji Jaafar
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pengurusan dan Profesionalisme)
(hingga 31.07.2015)



Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah
Timbalan Ketua Pesuruhjaya
(Pengurusan dan Profesionalisme)
(mulai 01.08.2015)

STRUKTUR ORGANISASI SPRM 2015



Ketua Pesuruhjaya
Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi)
Dato' Sri Haji Mohd Shukri bin Abdull



Pengarah Bahagian Siasatan
Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah
(Hingga 31.07.2015)



Pengarah Bahagian Siasatan
Pj Dato' Haji Azam bin Baki
(Mulai 01.08.2015)



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan)
Dato' Sri Haji Mustafar bin Haji Ali



Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan
TPj Dato' Haji Mohamad Yusoff bin Akope



Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat
TPj Dato' Hj. Shamshun Baharin bin Mohd Jamil



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme)
Dato' Sri Haji Zakaria bin Haji Jaafar
(Hingga 31.07.2015)



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme)
Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah
(Mulai 1.8.2015)



Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
TPj Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz



Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Nordin bin Buyau
(Hingga 05.05.2015)



Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan
Dato' Umar Saifuddin bin Jaafar



Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan
TPj Dato' Sri Ahmad Khusairi bin Yahaya



Pengarah Bahagian Operasi Khas
Pj Dato' Haji Bahri bin Mohamad Zain



Pengarah Bahagian Perisikan
Pj Dato' Haji Azam bin Baki
(Hingga 31.07.2015)



Pengarah Bahagian Perisikan
KPKPj Dato' Sok One a/l Esen
(Mulai 3.08.2015)



Pengarah Bahagian Forensik
Datuk Gnanachandran a/l S. Ayadurai



Pengarah Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat
KPKPj Dato' Haji Nor Azmi bin Karim

SPRM NEGERI



Pengarah Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam
KPKPj Junipah binti Wandi



Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Pauzan bin Ahmar
(Mulai 05.05.2015)



Pengarah Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan
Mohd Kamal bin Husin



Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme
KPKPj Dato' Wan Ramli bin Wan Abdullah



Pengarah Bahagian Keselamatan
KPKPj Dato' Haji Alias bin Salim



Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi
TPj Dato' Norazlan bin Mohd Razali



Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan
KPKPj Dato' Muhammad Salim Sundar bin Abdullah



Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik
KPKPj Dato' Rohaizad bin Yaacob

LAPORAN TAHUNAN 2015 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

PENGARAH SPRM NEGERI 2015



Pengarah SPRM Pahang
KPKPj Dato' Zainul bin Darus



Pengarah SPRM Terengganu
KPKPj Dato' Zainal bin Adam
(Hingga 14.08.2015)



Pengarah SPRM Terengganu
PKPj Hairuzam bin Mohamad Amin
(Mulai 15.08.2015)



Pengarah SPRM Perlis
PPj Yaacob bin Angah



Pengarah SPRM Selangor
TPj Dato' Simi bin Abdul Ghani



Pengarah SPRM Negeri Sembilan
KPKPj Dato' Shaharom Nizam bin Abd Manap



Pengarah SPRM Johor
KPKPj Dato' Haji Azmi bin Alias



Pengarah SPRM Kelantan
KPKPj Datuk Abd. Aziz bin Aban



Pengarah SPRM Kedah
TPj Raja Khan bin Raja Ahmad
(Hingga 18.03.2015)



Pengarah SPRM Kedah
KPKPj Dato' Haji Mohd Fauzi bin Mohamad
(Mulai 19.03.2015)



Pengarah SPRM Perak
TPj Dato' Nooraziah binti Abd Manaf



Pengarah SPRM Pulau Pinang
TPj Dato' Samarajoo a/l Manikam



Pengarah SPRM Melaka
PKPj Ramli bin Ismail
(Mulai 1.3.2014)



Pengarah SPRM Sabah
TPj Dato' Hishamuddin bin Hashim
(Mulai 15.10.2014)



Pengarah SPRM Sarawak
TPj Dato' Badrul Shah bin Norman



Pengarah SPRM WP Kuala Lumpur
TPj Dato' Hasan bin Yahaya



Pengarah SPRM WP Labuan
PPj Abu Talib bin Othman



Pengarah SPRM WP Putrajaya
TPj Dato' Tan Kang Sai
(Hingga 04.05.2015)



Pengarah SPRM WP Putrajaya
TPj Dato' Moh. Shamsudin bin Yusof
(Mulai 05.05.2015)

VISI

1. Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah; dan
2. Menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

MISI

1. Menerajui usaha pencegahan rasuah di Malaysia; dan
2. Menjadikan SPRM sebagai organisasi yang dinamik dan progresif melalui pembangunan kapasiti dan kapabiliti yang berterusan.

OBJEKTIF

Membanteras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan.

PIAGAM PELANGGAN

- Bertindak ke atas aduan berunsur rasuah dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima;
- Pengadu boleh mengetahui status siasatan ke atas aduannya selepas 28 hari bekerja;
- Maklumat dan identiti pemberi maklumat dirahsiakan mengikut undang-undang yang berkuat kuasa;
- Keputusan Tapisan Keutuhan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja;
- Mendidik masyarakat dalam memerangi rasuah; dan
- Mendapatkan dan memelihara sokongan masyarakat dalam usaha pencegahan rasuah.

Prinsip-prinsip SPRM

Bebas
Tidak dipengaruhi dan tidak perlu merujuk kepada mana-mana pihak dalam membuat keputusan.

Telus
Aktiviti SPRM dipantau dan dinasihati oleh lima badan khas yang bebas. Laporan aktiviti SPRM juga mesti dibentangkan di parlimen.

Profesional
Pegawai SPRM bertindak berlandaskan parameter undang-undang dan kod etika kerja jabatan

KOD ETIKA

- Memastikan segala arahan dilaksanakan segera dengan penuh ketaatan dan komitmen selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip agama serta undang-undang dan peraturan yang diguna pakai;
- Berusaha meningkatkan lagi kecekapan, profesionalisme dan kecemerlangan diri melalui ilmu pengetahuan dan amalan secara berterusan;
- Bertindak secara amanah, tegas, bijaksana, benar dan telus tanpa mementingkan keuntungan peribadi, atau apa-apa balasan;
- Gigih dan positif menghadapi cabaran, berobjektif dan realistik;
- Mendisiplinkan diri untuk menegakkan amalan baik dan mencegah kemungkaran;
- Bersyukur dan berazam untuk meningkatkan kejayaan dan integriti; dan
- Memelihara kerahsiaan maklumat jabatan.

ASPIRASI & FUNGSI

Seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) memperuntukkan fungsi pegawai-pegawai SPRM seperti mana berikut:

a. Menerima dan menimbangkan apa-apa aduan tentang pelakuan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan menyiasat mana-mana aduan itu sebagaimana yang difikirkan praktik oleh Ketua Pesuruhjaya atau pegawai-pegawai itu;

b. Mengesan dan menyiasat:

   i. Apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah Akta SPRM 2009;
   ii. Apa-apa percubaan yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM 2009; dan
   iii. Apa-apa komplot yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

c. Meneliti amalan, sistem dan tatacara badan-badan awam untuk memudahkan penemuan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan untuk menghasilkan kajian semula amalan, sistem atau tatacara itu yang pada pendapat Ketua Pesuruhjaya mungkin membawa kepada rasuah;

d. Mengarahkan, menasihati dan membantu mana-mana orang, atas permintaan orang itu, tentang cara-cara bagaimana rasuah dapat dihapuskan oleh orang itu;

e. Menasihati ketua badan-badan awam tentang apa-apa perubahan dalam amalan, sistem atau tatacara yang sesuai dengan penunaian berkesan kewajipan badan-badan awam itu sebagai mana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pesuruhjaya untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah;

f. Mendidik orang ramai untuk menentang rasuah; dan

g. Mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

STRATEGI

Strategi serampang tiga mata yang diadaptasikan oleh SPRM adalah berdasarkan kepada Seksyen 7 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) seperti berikut:

Penguatkuasaan

- Mengesan kesalahan rasuah; dan
- Menyiasat kesalahan rasuah.

Pencegahan

- Mengesan risiko rasuah dalam amalan, sistem dan prosedur; dan
- Memberi khidmat nasihat untuk menutup ruang dan peluang rasuah.

Pendidikan Masyarakat

- Mendidik orang ramai agar menentang rasuah; dan
- Mendapat dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

MOTO

Amanah
Amanah dalam menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.

Tegas
Tegas menjalankan penyasatan terhadap semua perlakuan rasuah secara objektif dan tanpa pilih kasih.

Adil
Adil bertindak secara saksama tanpa prasangka dan berat sebelah dalam semua keadaan berteraskan keluhuran undang-undang.

PENGUATKUASAAN

Jenayah rasuah kini semakin kompleks, merentasi sempadan dan berkait pula dengan jenayah lain seperti jenayah bersindiket, ekonomi, kewangan, keganasan, pengubahan wang haram dan penyeludupan manusia. Rasuah bukan lagi berlaku di tepi-tepi jalan, di bawah jambatan atau di sebalik tembok untuk mengelak daripada dilihat orang, malahan kini jenayah rasuah telah berlaku secara terang-terangan. Perlakuan rasuah kini semakin canggih seiring dengan ledakan teknologi menjadikan ia jenayah yang rumit untuk diselesaikan.

Rasuah kini bukan lagi dilakukan oleh individu yang mendakwa tidak cukup gaji, tetapi juga melibatkan mereka yang berpengaruh, ketua-ketua jabatan, ahli politik mahupun ahli perniagaan yang telah hilang nilai integriti. Penyelesaiannya memerlukan kemahiran dalam risikan, siasatan dan pendakwaan untuk proses pembuktian kes sebelum mensabitkan mereka dengan hukuman.

Namun, semua kesukaran tersebut bukan menjadi halangan untuk pegawai-pegawai SPRM menjalankan tugas yang diamanahkan. Tanggungjawab yang digalas sentiasa dilaksanakan secara profesional dalam erti kata pegawai-pegawai SPRM akan bertindak berlandaskan parameter undang-undang dan kod etika kerja serta kemahiran yang secukupnya untuk melaksanakan tugas dengan kompeten, kreatif, inovatif dan efektif selain bebas serta telus mengendalikan setiap kes rasuah yang disiasat.

Dalam melaksanakan tanggungjawab membanteras rasuah, SPRM didukung sepenuhnya oleh aktiviti pengurusan maklumat, perisikan, penyiasatan, pendakwaan dan perundangan.

PENGUATKUASAAN



STATISTIK OPERASI

STATISTIK OPERASI


PUNCA MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 6,343 maklumat telah diterima oleh pihak SPRM daripada pelbagai punca. Statistik menunjukkan maklumat yang diterima oleh pegawai SPRM sendiri (termasuk pegawai SPRM yang ditempatkan di Unit Integriti Agensi Luar) mencatat jumlah tertinggi iaitu sebanyak 2,499, atau 39.40 peratus daripada keseluruhan maklumat diterima. Ini diikuti oleh maklumat yang berpunca daripada pengadu datang sendiri dan surat diterima daripada individu yang mana, masing-masing mencatat 1,741 atau 27.45 peratus dan 1,106 atau 17.44 peratus daripada keseluruhan maklumat yang diterima sepanjang tahun 2015. Punca keseluruhan maklumat yang diterima oleh SPRM sepanjang tahun 2015 adalah sebagaimana yang dipaparkan dalam CARTA 1.

Jika dibandingkan dengan punca maklumat yang diterima pada tahun sebelumnya, terdapat peningkatan maklumat yang berpunca daripada surat individu yang boleh dikenalpasti dan yang diterima oleh pegawai SPRM manakala terdapat penurunan bagi kategori punca-punca lain. Terdapat penurunan yang agak signifikan bagi maklumat yang berpunca daripada surat layang iaitu sebanyak 339 atau 52.23 peratus maklumat daripada 649 maklumat pada tahun 2014 kepada 310 maklumat pada tahun 2015.

Peningkatan yang signifikan juga terdapat dalam maklumat yang berpunca surat daripada individu iaitu sebanyak 314 atau 39.65 peratus maklumat daripada 792 maklumat pada tahun 2014 kepada 1,106 maklumat pada tahun 2015. Pecahan punca maklumat yang diterima bagi tahun 2014 dan 2015 adalah sebagaimana dalam JADUAL 2.

CARTA 1: Punca penerimaan maklumat tahun 2015



JADUAL 2: Punca maklumat diterima tahun 2014 dan 2015

BIL	PUNCA MAKLUMAT	2014 BILANGAN	2015 BILANGAN	BEZA (+/-)	BEZA (%)
1.	Diperoleh pegawai SPRM	2,333	2,499	+166	7.12
2.	Pengadu datang sendiri	1,917	1,741	- 176	-9.18
3.	Surat daripada individu	792	1,106	+ 314	39.65
4.	Surat Layang	649	310	- 339	-52.23
5.	Telefon	388	279	- 109	-28.09
6.	Dirujuk oleh Jabatan Kerajaan	42	45	+ 3	-7.14
7.	Media cetak/ elektronik	463	363	- 100	-21.60
JUMLAH		**6,584**	**6,343**	**- 241**	**-3.66**

Peningkatan bilangan surat yang diterima daripada individu dan penurunan ketara bilangan surat layang, menunjukkan keyakinan masyarakat untuk menyalurkan maklumat kepada pihak SPRM telah meningkat. Ia juga boleh dikaitkan dengan transformasi pengurusan maklumat yang telah dilaksanakan sebelum ini di mana pihak SPRM akan memaklumkan status maklumat yang diterima kepada pemberi maklumat yang boleh dihubungi.

KATEGORI MAKLUMAT

Daripada 6,343 jumlah keseluruhan maklumat yang diterima sepanjang tahun 2015, sebanyak 2,892 atau 45.59 peratus maklumat dikategorikan sebagai berunsur rasuah manakala 3,451 atau 54.41 peratus maklumat dikategorikan sebagai bukan berunsur rasuah. Pecahan penerimaan maklumat mengikut kategori dan bulan sepanjang tahun 2015 seperti yang dipaparkan dalam JADUAL 3.

JADUAL 3: Maklumat diterima tahun 2015

BULAN	BERUNSUR RASUAH	TIDAK BERUNSUR RASUAH	JUMLAH
Jan	315	336	651
Feb	212	281	493
Mac	352	304	656
April	327	332	659
Mei	271	319	590
Jun	247	375	622
Julai	249	258	507
Ogos	241	243	484
Sept	240	219	459
Okt	193	229	422
Nov	154	279	433
Dis	91	276	367
JUMLAH	**2,892**	**3,451**	**6,343**

JADUAL 4: Perbandingan bilangan maklumat mengikut kategori tahun 2014 dan 2015


BIL	KATEGORI MAKLUMAT	2014	2015	BEZA (+/-)	BEZA (%)
1.	Berunsur Rasuah	2,954	2,892	- 62	-2.10
2.	Bukan Berunsur Rasuah	3,630	3,451	- 179	- 4.93
JUMLAH		**6,584**	**6,343**	**- 241**	**-3.66**

Berdasarkan statistik yang dipaparkan dalam JADUAL 4, jumlah maklumat yang diterima sepanjang tahun 2015 adalah sebanyak 6,343 berbanding tahun 2014 iaitu sebanyak 6,584. Ia menunjukkan penurunan sebanyak 241 atau 3.66 peratus maklumat.

TINDAKAN TERHADAP MAKLUMAT

Sepanjang tahun 2015, SPRM telah membuka 982 Kertas Siasatan (KS), 733 Kertas Penyiasatan Awal (KPA) dan 202 Kertas Risik (KR) serta melaksanakan 975 tindakan operasi lain ke atas keseluruhan 2,892 maklumat berunsur rasuah yang diterima. Statistik menunjukkan terdapat pertambahan sebanyak 63 atau 6.86 peratus KS dan 17 atau 1.77 peratus tindakan operasi lain berbanding tahun 2014 manakala terdapat penurunan sebanyak 108 atau 12.84 peratus KPA dan 34 atau 14.41 peratus KR berbanding tahun sebelumnya. Perbandingan tindakan yang diambil oleh pihak SPRM terhadap maklumat berunsur rasuah pada tahun 2014 dan 2015 adalah sebagaimana CARTA 2.

CARTA 2: Perbandingan tindakan terhadap maklumat berunsur rasuah tahun 2014 dan 2015



PEMBUKAAN KERTAS SIASATAN MENGIKUT JENIS DAN SEKSYEN KESALAHAN


Daripada 982 KS yang dibuka pada tahun 2015, sebanyak 401 atau 40.84 peratus KS melibatkan kesalahan menerima rasuah, 156 atau 15.89 peratus KS melibatkan kesalahan memberi rasuah, 241 atau 24.54 peratus KS melibatkan kesalahan mengemukakan tuntutan palsu, 69 atau 7.03 peratus KS kesalahan salahguna jawatan/kedudukan manakala 115 atau 11.71 peratus KS dibuka melibatkan lain-lain kesalahan. Pecahan KS yang dibuka mengikut jenis kesalahan pada tahun 2015 adalah sebagaimana yang dipaparkan dalam JADUAL 5.

JADUAL 5: Kertas Siasatan mengikut jenis-jenis kesalahan tahun 2014 dan 2015

BIL	PUNCA MAKLUMAT	2014	2015	BEZA (+/-)	BEZA (%)
1.	Menerima rasuah	326	401	+ 75	23.01
2.	Memberi rasuah	159	156	- 3	-1.89
3.	Tuntutan palsu	283	241	- 42	-14.84
4.	Salah guna jawatan/ kedudukan	69	69	0	0
5.	Lain-lain kesalahan	82	115	+ 33	40.24
JUMLAH		**919**	**982**	**+ 63**	**-**

Berdasarkan statistik yang dipaparkan dalam JADUAL 5, terdapat peningkatan sebanyak 75 atau 23.01 peratus KS melibatkan kesalahan menerima rasuah dan 33 atau 40.24 peratus KS melibatkan lain-lain kesalahan. Manakala bagi kesalahan mengemukakan tuntutan palsu terdapat penurunan sebanyak 42 atau 14.84 peratus KS pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Untuk kesalahan memberi rasuah sebanyak 156 KS telah dibuka berbanding 159 KS pada tahun sebelumnya. Penurunan adalah sebanyak tiga KS atau 1.89 peratus.

CARTA 3: Kertas Siasatan mengikut jenis-jenis kesalahan tahun 2015



JADUAL 6: Kertas Siasatan mengikut seksyen kesalahan tahun 2015

BIL	SEKSYEN KESALAHAN	JUMLAH	PERATUS (%)
1	Sek 15 Akta Pencegahan Rasuah 1997	2	0.20
2	Sek 16 (a)(A) Akta SPRM 2009	90	9.16
3	Sek 16 (a)(B) Akta SPRM 2009	19	1.93
4	Sek 16 (b)(A) Akta SPRM 2009	10	1.02
5	Sek 16 (b)(B) Akta SPRM 2009	5	0.51
6	Sek 17 (a) Akta SPRM 2009	291	29.63
7	Sek 17 (b) Akta SPRM 2009	141	14.36
8	Sek 18 Akta SPRM 2009	241	24.54
9	Sek 19 Akta SPRM 2009	1	0.10
10	Sek 23 Akta SPRM 2009	67	6.82
11	Sek 4 AMLATFA 2001	39	3.97
12	Kanun Keseksaan / Lain-lain Kesalahan	76	7.74
JUMLAH		**982**	**100**

TANGKAPAN

Sepanjang tahun 2015, SPRM telah melaksanakan sejumlah 841 tangkapan. Daripada jumlah tersebut, 398 atau 47.32 peratus tangkapan ke atas penjawat awam daripada pelbagai kategori manakala 443 atau 52.68 peratus tangkapan melibatkan individu awam dan pihak swasta. Daripada 398 tangkapan ke atas penjawat awam, sembilan tangkapan melibatkan pegawai kumpulan Pengurusan Tertinggi, 82 tangkapan ke atas pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesionalisme manakala baki 307 tangkapan adalah daripada kalangan kumpulan pelaksana.

Terdapat peningkatan sebanyak 289 atau 52.36 peratus tangkapan dilakukan oleh SPRM pada tahun 2015 jika dibandingkan dengan sejumlah 552 tangkapan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini melibatkan 173 tangkapan ke atas penjawat awam dan 116 tangkapan ke atas orang awam serta pihak swasta. Perincian tangkapan berdasarkan kategori tangkapan bagi tahun 2014 hingga 2015 adalah sepertimana dalam JADUAL 7.

JADUAL 7: Perbandingan tangkapan berdasarkan kategori perjawatan tahun 2014 dan 2015

BIL	KATEGORI		2014	PERATUSAN	2015	PERATUSAN
1.	**PENJAWAT AWAM**		225	40.76	398	47.32
	1.1	Pengurusan Tertinggi	2		9	
	1.2	Pengurusan dan Profesionalisme	45		82	
	1.3	Pelaksana	178		307	
2.	**AWAM**		327	59.24	443	52.68
	2.1	Swasta	107		127	
	2.2	Individu	218		316	
	2.3	Lain-Lain	2		0	
JUMLAH			**552**	**100**	**841**	**100**

JADUAL 8: Tangkapan mengikut jenis kesalahan - tahun 2014 dan 2015

BIL	KESALAHAN	2014		2015	
		JUMLAH	PERATUSAN	JUMLAH	PERATUSAN
1	Menerima Rasuah	244	44.20	449	53.39
2	Memberi Rasuah	160	28.99	193	22.95
3	Tuntutan Palsu	103	18.66	108	12.84
4	Salah Guna Jawatan / Kedudukan	2	0.36	24	2.85
5	Lain-Lain Kesalahan	43	7.79	67	7.97
JUMLAH		**552**	**100**	**841**	**100**

Berdasarkan statistik dalam JADUAL 8, tangkapan yang melibatkan kesalahan menerima rasuah menyumbang kepada 53.39 peratus atau 449 tangkapan daripada keseluruhan tangkapan pada tahun 2015. Ini merupakan peningkatan sebanyak 205 tangkapan atau 84.02 peratus berbanding 244 tangkapan atas kesalahan yang sama pada tahun 2014.

Ini diikuti dengan tangkapan yang melibatkan kesalahan memberi rasuah sebanyak 193 atau 22.95 peratus tangkapan, kesalahan mengemukakan tuntutan palsu 108 atau 12.84 peratus tangkapan, lain-lain kesalahan 67 atau 7.97 peratus tangkapan dan salah guna jawatan/kedudukan 24 atau 2.85 peratus tangkapan. Trend tangkapan mengikut jenis kesalahan yang sama juga berlaku pada tahun sebelumnya.

TAPISAN KEUTUHAN

SPRM turut dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tapisan keutuhan berdasarkan **Pekeliling Am Sulit Bil.1 Tahun 1985 - Arahan Pematuhan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 Dan Pelaksanaan Arahan, Peraturan, Prosedur Dan Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Keselamatan Perlindungan Di Jabatan-Jabatan Kerajaan**, oleh Ketua Setiausaha Negara Malaysia bertarikh 20 Ogos 2004.

Berdasarkan pekeliling tersebut, tapisan keutuhan perlu dikemukakan kepada pihak SPRM untuk semakan dan kelulusan sebelum suatu urusan bagi tujuan kenaikan pangkat, persaraan pilihan, penganugerahan pingat persekutuan dan negeri boleh dipertimbangkan. Di samping itu, **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2012 telah menetapkan agar urusan Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang (PPC) anggota Perkhidmatan Awam perlu melalui proses tapisan keutuhan yang sama.**

Melalui arahan dalaman, pihak Kementerian Kewangan juga telah menetapkan bahawa perlantikan Pengerusi, Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Lembaga Pengarah perlu dilaksanakan tapisan SPRM supaya calon yang dilantik dapat mempertingkatkan integriti syarikat. Kebelakangan ini terdapat kecenderungan pihak swasta untuk menggunapakai khidmat tapisan keutuhan yang dilaksanakan oleh SPRM bagi tujuan perlantikan pegawai-pegawai kanan di syarikat masing-masing.

Pengurusan tapisan keutuhan oleh SPRM dilaksanakan menggunakan Sistem Tapisan Keutuhan (eSTK). eSTK membolehkan pengurusan tapisan keutuhan dilaksanakan secara *online* (atas talian). Ia lebih memudahkan, cepat, telus dan sistematik selaras dengan hasrat SPRM untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna-pengguna eSTK.

Penambahbaikan eSTK secara berterusan telah memberikan impak yang besar khususnya dari segi bilangan permohonan yang diurus dan tempoh masa pengurusan sejak versi baru eSTK diperkenalkan pada tahun 2014. Sepanjang tahun 2015 SPRM telah menerima sebanyak 30,143 permohonan (melibatkan 160,497 penama) daripada pelbagai jenis tapisan berbanding 22,156 permohonan (melibatkan 179,799 penama) pada tahun 2014. Jumlah tersebut meningkat sebanyak

7,987 atau 36.05 peratus permohonan berbanding tahun 2014. Perbandingan jenis tapisan keutuhan mengikut kategori bagi tahun 2014 dan 2015 adalah sebagaimana dalam JADUAL 9.

JADUAL 9: Permohonan tapisan keutuhan tahun 2014 dan 2015

BIL	JENIS TAPISAN	BILANGAN PERMOHONAN		PERBEZAAN	
		2014	2015	JUMLAH	%
1	Kenaikan Pangkat	14,973	20,209	5,236	34.97
2	Persaraan	4,851	5,998	1,148	23.67
3	Tapisan Am	1,701	2,440	739	43.45
4	Pingat Persekutuan	96	135	39	40.63
5	Pingat Negeri	415	1,182	767	184.82
6	Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)	120	179	59	49.17
JUMLAH		**22,156**	**30,143**	**7,987**	**36.05**

Berdasarkan Piagam Pelanggan SPRM dan arahan yang berkuatkuasa, pengurusan sesuatu tapisan hendaklah diselesaikan dalam tempoh 14 hari. Namun begitu, pengurusan tapisan melalui eSTK telah berjaya mempercepatkan tempoh tersebut dengan mendadak. Berdasarkan statistik yang dijana melalui eSTK, tidak terdapat sebarang permohonan tapisan yang diurus melebihi tempoh yang ditetapkan sejak tahun 2014.

Tempoh pengurusan tapisan telah dipercepatkan dengan begitu ketara pada tahun 2015 di mana 29,023 permohonan atau 96.85 peratus (diproses sehingga 31 Disember 2015, manakala 175 permohonan diproses pada tahun berikutnya) telah berjaya diurus dalam tempoh 3 hari berbanding 16,824 permohonan atau 75.93 peratus pada tahun 2014. Sejumlah 29,967 (hampir 100 peratus) permohonan tapisan yang diterima pada tahun 2015 telah berjaya diurus dalam tempoh 10 hari dan tiada satu permohonan yang melepasi 12 hari. Perbandingan tempoh pengurusan tapisan keutuhan adalah sebagaimana dalam JADUAL 10.

JADUAL 10: Tempoh proses permohonan tapisan keutuhan tahun 2014 dan 2015 (sehingga 31 Disember)

TEMPOH PROSES	2014		2015		PERBEZAAN
	PERMOHONAN	PERATUS	PERMOHONAN	PERATUS	PERATUS
1-3 hari	16,824	75.93	29,023	96.85	20.92
4-7 hari	4,913	22.17	910	3.04	-19.13
8-10 hari	386	1.74	34	0.11	-1.63
11-12 hari	25	0.11	1	0.003	-0.11
13-14 hari	8	0.04	0	0.00	-0.04
JUMLAH	**22,156**	**100**	**29,968**	**100**	**-**

SPRM mengharapkan kemudahan tapisan keutuhan melalui eSTK yang disediakan secara percuma ini akan dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak luar selain daripada Perkhidmatan Awam agar setiap urusan pelantikan yang hendak dibuat oleh pihak-pihak tersebut adalah terdiri daripada kalangan mereka yang bebas daripada sebarang rekod kesalahan rasuah. Ini dapat menjamin integriti dan imej pihak-pihak berkenaan.

PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

Bagi menggalakkan orang ramai melaporkan kegiatan rasuah, SPRM menyediakan perlindungan yang sewajarnya di bawah **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010** kepada pemberi maklumat yang memohon perlindungan. Pada tahun 2015, seramai 16 pemberi maklumat yang memohon perlindungan dan kesemua pemberi maklumat tersebut telah diberi perlindungan. Statistik perlindungan kepada pemberi maklumat bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti yang dipaparkan dalam JADUAL 11.

JADUAL 11: Jumlah perlindungan kepada pemberi maklumat bagi tahun 2011 hingga tahun 2015

TAHUN	BILANGAN PEMBERI MAKLUMAT YANG MEMOHON PERLINDUNGAN	BILANGAN PEMBERI MAKLUMAT YANG DIBERI PERLINDUNGAN
2011	6	6
2012	35	29
2013	6	4
2014	15	10
2015	16	16
JUMLAH	**78**	**65**



PENYIASATAN SPRM

PENYIASATAN SPRM

KEJAYAAN OPERASI SPRM

Tindakan penyiasatan secara holistik yang diterajui oleh Bahagian Siasatan, Bahagian Operasi Khas, Bahagian Perisikan, Bahagian Forensik dan SPRM Negeri dengan menggunakan kaedah Pengurusan Penyiasatan Berpasukan (Managing Team Based Investigation – MTI) dan *Intelligence Based Investigation* (IBI), telah berjaya membanteras sindiket jenayah rasuah yang antara lain boleh mengakibatkan ketirisan wang rakyat.

Turut menyumbang kejayaan ini adalah hasil kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain melalui operasi-operasi khas yang dijalankan secara bersama. Antara operasi yang membawa kepada kejayaan besar SPRM sepanjang tahun 2015 adalah seperti yang tersenarai dalam JADUAL 12.

JADUAL 12: Antara operasi yang dijalankan pada tahun 2015

BIL	NAMA OPERASI	AGENSI TERLIBAT OPERASI	SASARAN	KEJAYAAN
1.	***'Ops Sealord'***	• SPRM • TLDM	Anggota TLDM dan pihak pembekal yang terlibat dalam perlakuan rasuah	• Enam anggota TLDM dan sepuluh orang awam telah ditahan bagi membantu penyiasatan. • Lima anggota TLDM tersebut telah dituduh dengan 40 pertuduhan • 240 akaun syarikat dan akaun individu yang melibatkan RM23 juta termasuk saham dibekukan dan disita • 13 buah kenderaan mewah termasuk Lamborghini, BMW, Mercedez Benz dan Audi telah disita.
2.	**'Ops Gergaji'**	• SPRM • PDRM • LHDN • Jabatan Perhutanan Sarawak • Bank Negara Malaysia	Individu yang terlibat dalam aktiviti pembalakan haram dan perlakuan rasuah.	• 424 akaun syarikat dan akaun individu berjumlah RM619 juta telah dibekukan untuk tujuan siasatan • Jumlah cukai tidak berbayar yang ditafsirkan oleh LHDN adalah sebanyak RM74.5 juta • Menyita 1,357 kayu balak bernilai RM678,500

3.	**'Ops Licin 2'**	• SPRM	• Sindiket penyeludupan keluar minyak diesel, petrol bersubsidi dan rokok yang melibatkan perlakuan rasuah • Pegawai penguatkuasa yang melindungi penyeludupan berkenaan.	• Seramai 37 pegawai penguatkuasa telah ditahan atas kesalahan memberi dan menerima rasuah. Pecahan pegawai penguatkuasa yang ditahan adalah seperti berikut: » Tujuh orang anggota Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) » 23 orang anggota PDRM » Dua orang anggota Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) » Lima orang anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) » Turut ditahan adalah lima orang awam (pengusaha stor minyak diesel dan petrol)
4.	***'Ops Carsing'***	• SPRM • JPJ	Membanteras kegiatan sindiket penyeludupan kereta klon yang melibatkan kesalahan rasuah.	• 153 buah kenderaan klon bernilai RM13 juta berjaya disita. • Tiga individu terlibat dalam sindiket telah ditahan.
5.	**'Ops BS'**	• SPRM • Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom) • Pasukan Gerakan Am (PGA) • KPDNKK • PDRM • Jabatan Kastam • Bank Negara Malaysia	Penjawat awam yang dipercayai terlibat melakukan rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang melibatkan aktiviti penyeludupan minyak diesel bersubsidi, rokok dan minuman beralkohol.	• 1,623 akaun syarikat-syarikat dan individu bernilai RM560 juta telah dibekukan. • Wang tunai dan barang kemas bernilai lebih RM1 juta juga dirampas oleh SPRM untuk tujuan siasatan. • Pihak LHDN telah membuat tafsiran cukai yang tidak berbayar sebanyak RM19.9 juta.
6.	**'Ops Rimba'**	• SPRM • Jabatan Perhutanan Sem.Malaysia, Negeri Perak	Individu yang terlibat dalam aktiviti pembalakan haram dan perlakuan rasuah.	• Pengarah Syarikat Perak Industrial Cooperation telah ditahan kerana cuba memberi rasuah sebanyak RM500,000 kepada pegawai SPRM dan pegawai Jabatan Perhutanan.

BIL	NAMA OPERASI	AGENSI TERLIBAT OPERASI	SASARAN	KEJAYAAN
7.	**'Ops Ubat'**	• SPRM	Individu yang melakukan penyalahgunaan kuasa di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)	• Dr. Nor Asiah Binti Muhamad, Pakar Perubatan Penyelidikan di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah ditangkap dan dituduh kerana meluluskan dokumen yang mengandungi tuntutan palsu berkaitan kursus bernilai RM80,000 sedangkan kursus tersebut tidak wujud. • Orang awam iaitu Normi Mustapha telah ditangkap dan dituduh kerana mengemuka kan dokumen tuntutan yang mengandungi butiran palsu untuk kursus-kursus berkaitan pegawai IMR sedangkan ianya tidak wujud dan tidak dilaksana.
8.	**'Ops Kuang'**	• SPRM • Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pahang	Pihak yang terlibat dalam sindiket pembelian minyak diesel secara haram dan perlakuan rasuah.	• Merampas dan menyita tiga buah kapal yang masing-masingnya berharga: 1. RM100,000 2. RM50,000 3. RM30,000 • Berjaya merampas minyak diesel sebanyak 175,000 liter bernilai anggaran RM236,400 • Dua tangki minyak telah disita.
9.	**'Ops TEKUN'**	• SPRM	Individu yang terlibat dalam penerimaan rasuah berkaitan kontrak pinjaman TEKUN.	• Mantan CEO TEKUN bergelar Datuk berjaya ditahan ketika sedang menerima wang rasuah sebanyak RM36,000.

BIL	NAMA OPERASI	AGENSI TERLIBAT OPERASI	SASARAN	KEJAYAAN
10.	**'Ops Terus'**	• SPRM	Mematahkan aktiviti rasuah yang melibatkan proses perolehan di syarikat L.K. Insulation Engineering (M) Sdn. Bhd.	• Pengurus Projek Syarikat L.K Insulation Engineering (M) Sdn. Bhd telah dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Johor Bahru atas 40 pertuduhan rasuah bernilai lebih kurang RM100,631. • Tertuduh didapati melakukan pemerasan terhadap dua mangsa sebagai balasan untuk tidak menamatkan kerja-kerja sub kontrak yang dilakukan oleh mangsa. • Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM160,000 (RM4,000 x 40 pertuduhan) • Mangsa pertama menerima pampasan sebanyak RM1,500 manakala mangsa kedua menerima pampasan sebanyak RM50,000.
11.	**'Ops Sejuk'/ 'Ops Tarah'**	• SPRM • Majlis Keselamatan Negara (MKN)	• Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) • Pengusaha ladang di Cameron Highlands • Pegawai Penguatkuasaan Tempatan	• 15 pengusaha ladang sayuran rakyat tempatan dan PATI telah ditahan bagi tujuan siasatan. • 700 akaun syarikat dan milik individu bernilai RM152,655,559 telah dibekukan. • LHDN telah membuat tafsiran cukai yang tidak berbayar sebanyak RM8.2 juta. • SPRM kemudiannya turut menyertai dalam 'Ops Gading' yang diketuai oleh Majlis Keselamatan Negara.
12.	**'Ops Brickfield'**	• SPRM • Jabatan Imigresen	Individu yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) palsu.	• Subbiah Retinam telah ditangkap dan dituduh kerana merasuah Pegawai Imigresen sebanyak RM3,000. • Beliau dijatuhkan hukuman denda RM15,000 dan satu bulan penjara.

BIL	NAMA OPERASI	AGENSI TERLIBAT OPERASI	SASARAN	KEJAYAAN
13.	**'Ops Gunting'**	• SPRM • Jabatan Imigresen	Individu, pegawai penguatkuasa di Jabatan Imigresen Malaysia dan PDRM yang terlibat dalam rasuah, bagi menutup kesalahan mengambil warga negara India sebagai pekerja secara tidak sah.	• Sepuluh warga negara India telah ditahan oleh Jabatan Imigresen Malaysia atas kesalahan di bawah Peraturan 17(a) Peraturan-Peraturan Imigresen 1959/63 • Pemilik kedai gunting rambut dan kedai jahitan pakaian telah ditangkap kerana memberi suapan kepada pegawai Imigresen sebanyak RM1,500 bagi mengelakkan diambil tindakan undang-undang.
14.	**'Ops Wanted'**	• SPRM	Membanteras sindiket 'orang tengah' dalam kalangan anggota PDRM yang meminta rasuah sebagai dorongan menggugurkan kes orang awam yang terlibat dalam jenayah curi kenderaan.	• Pegawai polis berpangkat Inspektor yang bertugas di IPD Barat Daya, Pulau Pinang telah ditahan kerana cuba menerima rasuah sebanyak RM30,000. Kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.
15.	**'Ops Kristal'**	• SPRM	Pegawai Polis dari Ibu Pejabat Daerah (IPD) Seberang Perai, Pulau Pinang menerima rasuah daripada penagih dadah.	• Penolong Pegawai Penyiasat Narkotik, IPD Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang berpangkat Sarjan telah ditangkap kerana meminta wang rasuah berjumlah RM1,000 daripada seorang lelaki yang positif dalam ujian dadah.
16.	**'Ops Pantul'**	• SPRM	Membanteras kegiatan rasuah yang melibatkan pengusaha rumah urut secara haram di sekitar negeri Selangor.	Hasil operasi telah berjaya memberkas 17 suspek seperti berikut: • 15 pegawai penguatkuasa Majlis Perbandaran Selayang (MPS) • Seorang pegawai kanan PDRM berpangkat Inspektor. • Seorang orang awam yang berperanan sebagai 'orang tengah' dalam pengagihan wang rasuah telah ditahan. • Beberapa dokumen penting berkaitan pengeluaran lesen daripada suspek-suspek turut dirampas.

BIL	NAMA OPERASI	AGENSI TERLIBAT OPERASI	SASARAN	KEJAYAAN
17.	***'Ops Middle'***	• SPRM	• Untuk menumpaskan kegiatan menggunakan nama Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri Perak (GLC) sebagai laluan untuk mendapatkan wang rasuah daripada pihak kontraktor dan ahli korporat. • Rasuah diminta sebagai 'balasan' mendapatkan projek dan tanah kerajaan, kawasan lombong pasir, kuari batu dan kawasan balak sekitar Negeri Perak.	• Tiga orang termasuk pembantu peribadi kepada Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Perak dan suaminya telah ditahan semasa berurusan bagi mendapatkan wang suapan sebanyak RM10,000 daripada seorang kontraktor untuk mendapatkan projek kerajaan negeri. • Ketiga-tiganya ditahan di bawah seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM.
18.	**'Ops Bersepadu'**	• SPRM • Jabatan Hutan Negeri Perak • PDRM Perak	Bagi menumpaskan kegiatan penipuan bayaran royalti dan 'ses' kayu balak bermutu tinggi.	• Walaupun tiada tangkapan dilakukan di bawah Akta SPRM 2009 namun operasi ini telah berjaya dengan tertangkapnya pesalah-pesalah sehingga membawa pertuduhan di bawah Akta Imigresen 1959/63. • Pencemaran alam sekitar dapat dielakkan.
19.	**'Operasi Bersama – PATI'**	• SPRM • Jabatan Imigresen	Bagi menumpaskan aktiviti penternakan ikan keli secara haram dan menggaji PATI.	• Majikan dan lapan orang PATI berjaya ditahan oleh pihak Imigresen kerana kesalahan tamat tempoh pas lawatan dan tiada pengenalan diri.
20.	**'Operasi Bersama' – Sindiket Tong Gas Domestik.**	• SPRM • KPDNKK	Bagi menumpaskan penyelewengan menyaring gas bersubsidi domestik.	• KPDNKK berjaya merampas pelbagai barangan bernilai RM225,000 termasuk 300 buah tong gas domestik dan 300 buah tong gas industri serta dua buah lori yang berkaitan dengan sindiket. • Pihak SPRM telah menahan dua orang lelaki tempatan kerana cuba menyogok RM5,000 kepada pegawai penguatkuasa KPDNKK.

RINGKASAN BEBERAPA KES OPERASI YANG TELAH MENDAPAT LIPUTAN MEDIA

1. 'Ops Sealord' – Gaya hidup mewah membawa padah

Kuasa yang diperuntukkan untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab kepada pegawai-pegawai TLDM Lumut, Perak digadai hanya untuk memenuhi nafsu jahat, gara-gara ingin hidup mewah dan ingin disanjung orang. Kehidupan mewah yang berpunca daripada amalan rasuah telah membawa padah kepada lima pegawai dan anggota TLDM.

- **rasuah berjumlah RM5,999,904.07 berjaya dibongkar.**
- **16 individu termasuk enam pegawai dan anggota TLDM ditahan**

Operasi dijalankan atas maklumat yang diterima mengatakan beberapa pegawai dan anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang berpangkalan di Lumut, Perak, telah mengamalkan gaya hidup mewah hasil perbuatan rasuah berkaitan pemberian kontrak dan perolehan barangan TLDM. Rentetan daripada itu, SPRM telah melancarkan satu operasi yang dinamakan sebagai *"Ops Sealord"* bagi menjejaki seterusnya menumpaskan kegiatan ini.

Siasatan SPRM dengan menggunakan kaedah *Intelligence Based Investigation* (IBI) dan *Managing Team Based Investigation* (MTI) telah berjaya menahan seramai 16 individu termasuk enam pegawai dan anggota TLDM yang disyaki terlibat melakukan rasuah dalam pemberian kontrak dan perolehan TLDM Lumut, Perak.

Sepanjang siasatan, SPRM telah membekukan **240 akaun syarikat dan milik individu berjumlah RM23 juta** termasuk saham dan wang tunai. **13 unit kenderaan mewah** antaranya Lamborghini, Mercedez-Benz, BMW dan Audi turut **disita** bagi membantu siasatan.

Hasil operasi, seramai lima pegawai TLDM yang bertugas di pangkalan Lumut telah dituduh dengan 40 pertuduhan seperti berikut:-

- Empat pertuduhan di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 atas kesalahan menerima rasuah kerana meluluskan kerja-kerja pembekalan kepada syarikat yang tertuduh berkepentingan. Jumlah keseluruhan nilai rasuah yang diambil adalah sebanyak **RM420,852.85**

- Dua pertuduhan di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 atas kesalahan menerima suapan wang berjumlah **RM230,011.44**

- Tiga pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 berjumlah **RM82,971.97**

- 15 pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 berjumlah **RM2,608,975.24**

- 16 pertuduhan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan berjumlah **RM2,657,092.57** bagi kerja-kerja pembekalan kepada syarikat di mana tertuduh mempunyai kepentingan.

Kes ini masih dalam perbicaraan.

Keratan akhbar tempatan berkaitan '*Ops Sealord*'

14 individu direman tujuh hari

ASLIZA MUSA | 11 Mac 2015 1:45 AM

Share 19 Tweet 2 Google + 0



SEBAHAGIAN daripada 14 individu termasuk lima pegawai dan anggota TLDM dibawa ke mahkamah untuk permohonan reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan kes memberi dan menerima rasuah di Mahkamah Majistret Ipoh, Perak, semalam. – UTUSAN/SANAFI KHAMIS

IPOH 10 Mac - Seramai 14 individu termasuk lima pegawai dan anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) hari ini ditahan reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan kontrak dan pembelian barang.

Perintah reman terhadap kesemua suspek termasuk dua wanita itu dikeluarkan oleh Majistret Rahimah Rahim mulai hari ini.

Kesemua suspek yang berusia lingkungan 30 hingga 50 tahun itu tiba di pekarangan mahkamah dengan menaiki sebuah bas SPRM kira-kira pukul 11 pagi.

Sebaik sahaja menyedari kehadiran petugas media, kesemua mereka bertindak menutup muka bagi mengelakkan wajah dirakam jurugambar dan jurukamera.

Kesemua individu terbabit kemudiannya beredar menaiki bas sama kira-kira sejam kemudian.

Lima penjawat awam termasuk seorang wanita itu direman mengikut seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 kerana meminta atau menerima rasuah.

Sembilan orang awam pula direman mengikut Seksyen 17 (b) akta sama kerana memberi suapan.

Sementara itu, sumber memberitahu, kesemua suspek ditahan oleh Bahagian Siasatan Ibu Pejabat SPRM Putrajaya selepas menerima aduan mengenai gaya hidup mewah selain isu membabitkan kontrak dan pembelian barang tersebut.

13 kenderaan mewah turut dirampas, siasatan kes anggota TLDM

SPRM beku RM23 juta dalam akaun bank

Oleh MASZUREEN HADZMAN

■ KUALA LUMPUR 25 MAC



ANTARA kereta mewah yang disita oleh SPRM berikutan penahanan seramai 16 orang bagi membantu siasatan dalam kes yang melibatkan pembelian barangan dan peralatan kepada TLDM baru-baru ini.

SEJUMLAH RM23 juta wang dalam simpanan dan 240 akaun bank dibeku dalam siasatan berhubung kes melibatkan pembekalan barangan dan peralatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), baru-baru ini.

Pengarah Bahagian Siasatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mohd. Jamil Abdullah berkata, selain itu, wang tunai lebih RM200,000 turut dirampas dan 13 kereta mewah disita.

Beliau berkata, antara jenama kereta mewah yang disita ialah Lamborghini, BMW, Mercedes-Benz dan Audi.

"Dalam operasi ini, SPRM turut merampas sejumlah jam tangan berjenama mewah seperti Louis Vuitton, Patek Philippe, Tag Heuer dan Frederique Constant," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengesahkan, daripada 16 orang yang ditahan itu, enam orang merupakan anggota TLDM, manakala baki adalah orang awam yang kebanyakannya adalah ahli perniagaan dan orang tengah.

"Pegawai dan anggota TLDM terdiri daripada pegawai yang berpangkat Pegawai Memerintah, Leftenan Komander, Leftenan Tentera Laut dan Laskar Kanan," katanya.

Mohd. Jamil turut memberitahu, kesemua mereka ditahan pada 9 Mac lalu di Kuala Lumpur, Manjung, Ipoh dan Lumut.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan bagi Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

"Kesemua 16 orang terbabit telah dibebaskan selepas ditahan reman antara tujuh hingga 10 hari," katanya sambil menjelaskan siasatan kes itu masih dijalankan.



2. 'OPS Gergaji' – Sindiket pembalakan haram berjaya dibanteras

- **424 akaun berjumlah RM618,608,652.44 dibekukan**
- **jumlah cukai tidak berbayar RM74.5 juta**
- **1,357 kayu balak bernilai RM678,500 melibatkan royalti tidak berbayar kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM141,128 telah disita**

Susulan daripada tindakan operasi yang dijalankan pada tahun 2014, SPRM sekali lagi dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak, PDRM, LHDN dan Jabatan Perhutanan Sarawak telah melancarkan operasi bersepadu terbesar yang melibatkan 400 orang anggota dan pegawai daripada pelbagai agensi di Negeri Sarawak.

Operasi ini diadakan bagi membanteras kegiatan rasuah, pembalakan dan penebangan hutan secara haram serta perbuatan mengelak cukai kerajaan oleh pemilik-pemilik syarikat pembalakan di negeri berkenaan.

Operasi yang dilancarkan pada 12 Mei 2015 ini dikenali sebagai **Ops Gergaji**. Ia merupakan satu operasi yang sangat mencabar kerana ia melibatkan serbuan di kawasan pendalaman yang sukar dan tidak mempunyai akses masuk kecuali dengan menggunakan helikopter dan bot. Sebanyak **49 lokasi yang telah dikenal pasti** iaitu **di kawasan Kuching, Miri, Sibu, Bintulu, Bakun dan Kapit** telah diserbu oleh pihak berkuasa. Antara premis yang terbabit adalah kilang papan, *logponds* dan pusat perniagaan. Serbuan ini adalah hasil daripada siasatan terperinci, menyeluruh dan disokong oleh maklumat risikan oleh SPRM bersama agensi-agensi terlibat.

Hasil operasi, sebanyak **424 akaun** berjumlah **RM618,608,652.44** telah dibekukan bagi tujuan siasatan. SPRM menjalankan siasatan di bawah seksyen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009 serta Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Pihak LHDN telah membuat tafsiran cukai ke atas akaun-akaun yang dibekukan dan mendapati jumlah **kutipan cukai yang tidak berbayar** bagi tahun-tahun sebelum adalah sebanyak **RM74.5 juta.**

Manakala Jabatan Perhutanan Sarawak telah menyita sebanyak 1,357 kayu balak bernilai RM678,500 yang dimiliki oleh syarikat pembalakan yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Ordinan Perhutanan 1958. **Kayu balak yang disita melibatkan royalti tidak berbayar kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM141,128.**



Anggota penguat kuasa **menjalankan siasatan dalam serbuan Ops Gergaji** di beberapa lokasi di Sarawak. (FOTO HIASAN SPRM)



SPRM BEKU AKAUN RM650 JUTA PEMBALAK HARAM

- SPRM beku akaun 375 akaun bernilai RM650 juta dalam Op Gergaji Bersepadu di Sarawak.
- Mereka dipercayai terlibat dengan rasuah dan pembalakan haram.
- Serbuan serentak dijalankan di 48 lokasi melibatkan 400 pegawai semalam.

BERITA DI MUKA 4



Keratan akhbar tempatan berkaitan 'Ops Gergaji'

Akaun bank syarikat, individu disyaki ada kaitan balak haram di Sarawak

SPRM beku wang RM560 juta



SALAH sebuah kilang papan yang disyaki ada kaitan dengan pembalakan haram di Sarawak diserbu SPRM semalam.



PENGUAT kuasa Ops Gergaji semalam memeriksa kayu balak di sebuah kilang papan yang disyaki dibalang secara haram di Sarawak.

Oleh MULLER ASEN

KUCHING – Sebanyak 375 akaun milik syarikat dan individu yang kesemuanya bernilai lebih RM560 juta dibekukan selepas disyaki mempunyai kaitan dengan kegiatan rasuah pembalakan dan perlombongan bijih secara haram di negeri ini.

Pengarah Bahagian Siasatan Pertubuhannya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mohamad Jamidan Abdullah berkata, pertuh pembekuan akaun ke atas syarikat-syarikat dan individu-individu terbabit dilaksanakan selepas SPRM melakukan serbuan ke atas 48 lokasi yang disyaki berlakunya perbuatan rasuah.

Menurut beliau, daripada 48 lokasi serbuan, 27 buah melibatkan kilang papan dan pusat penggerakan kayu balak manakala baki lagi melibatkan premis-premis perniagaan yang diserbu terletak di sekitar Miri, Bintulu, Sibu, Bakun, Kapit dan Kuching.

"Siasatan daripada serbuan di lokasi-lokasi tersebut, SPRM telah membekukan sebanyak 375 akaun milik syarikat dan individu dengan nilai wang tersimpan lebih RM560 juta," kata beliau dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu Jamidan menambah-kan, lebih 500 batang kayu balak turut disita oleh SPRM yang melibatkan siri serbuan tersebut. Ops Gergaji yang dilancarkan pada pukul 9.30 pagi sehingga petang semalam.



JAMIDAN

Seramai kira-kira 400 pegawai dan anggota SPRM, Polis Diraja Malaysia, Pasukan Gerakan Am, Jabatan Hutan Negeri dan Lembaga Hasil Dalam Negeri terlibat dalam operasi tersebut.

Katanya, operasi bersepadu yang dilakukan bagi membuktikan komitmen pada kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi memerangi kegiatan rasuah dalam industri pembalakan di Sarawak.

'Tauke balak' tawar rasuah RM2,000

KERATAN Kosmo! 23 Oktober 2014.

INFO Kes-kes balak haram di Sarawak

- **17 April 2010** - Pasukan Gerakan Marin negeri berjaya merampas 795 batang kayu balak pelbagai saiz bernilai RM270,000 serta satu rumah kedai menggunakan dua buah tongkang di perairan Sibu.
- **20 Jun 2010** - Sebanyak 519 batang kayu balak berkualiti tinggi pelbagai jenis dianggarkan bernilai RM240,000 berjaya dirampas oleh Pasukan Gerakan Marin di Kuala Sungai Santubong, Kuching.
- **19 Oktober 2011** - Pasukan Gerakan Marin (PGM) Wilayah Lima Sarawak mencatatkan sejarah kes tangkapan kayu balak haram di bawah Akta Perhutanan 2004 dengan nilai rampasan kesemuanya lebih RM1.8 juta.
- **24 Ogos 2014** - Polis Marin Wilayah 5 berjaya merampas sebanyak 253 batang kayu balak bernilai RM810,000 di kawasan Lotai Samarang, Tanjung Manis, Mukah.
- **19 November 2014** - Sebanyak 22,306 balak haram bernilai RM5.5 juta dirampas dalam operasi khas di Miri dan Bintulu yang dilancarkan Jabatan Hutan Sarawak.
- **1 Mac 2015** - Penemberasan ke atas sebuah kem pembalakan di Sungai Mujau, Tatau, Bintulu menemui 150 batang kayu balak haram pelbagai jenis dan saiz bernilai RM52,000.

Kawasan Serbuan Ops Gergaji

Lokasi	Jumlah
Miri	13
Kuching	12
Sibu	12
Bintulu	6
Bakun	3
Kapit	2
Jumlah serbuan	48

3. '*Ops Carsing*' – Kegiatan penyeludupan dan sindiket kereta klon berjaya ditumpaskan

nilai kerugian hasil kerajaan berjumlah RM13 juta

Operasi yang dilancarkan pada 21 April 2015 oleh SPRM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ini berjaya mendedahkan sindiket penyeludupan masuk kenderaan dari negara jiran yang melibatkan sepuluh suspek. Tiga daripada mereka merupakan orang tengah dalam sindiket dan telah diberkas.

Antara kenderaan yang berjaya disita di Terengganu berjenama *Mini Cooper, Lexus, Mazda, BMW, Mercedez Benz, Toyota* dan motosikal berkuasa tinggi. Keseluruhan **nilai kerugian hasil kerajaan** daripada kegiatan sindiket ini adalah **RM13 juta**.

Membeli dan memiliki kenderaan klon menggunakan cukai jalan palsu serta tidak berdaftar merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan No. 333/1987 (Pindaan 2013). Hasil pemeriksaan SPRM dan JPJ, kenderaan-kenderaan yang diseludup masuk ke negara ini telah diklonkan menggunakan nombor pendaftaran yang sama dengan kenderaan asal yang masih aktif digunakan. Perbezaannya hanyalah pada nombor casis serta nombor enjin. Terdapat juga yang menggunakan nombor pendaftaran kenderaan yang telah dikategorikan sebagai *total lost*. Mengikut peraturan, kenderaan tersebut dilarang dibawa masuk ke negara ini tanpa kebenaran khas kecuali dalam bentuk alat ganti terpakai.

Siasatan menjurus kepada kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, Kanun Keseksaan dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2013). Pembeli dan pemilik kenderaan terbabit boleh didakwa bersubahat dalam proses pengeluaran dokumen palsu.



Antara kenderaan yang disita dalam '*Ops Carsing*'



Sidang Media berkaitan '*Ops Carsing*'

4. 'Ops Licin 2' – Bongkar kepincangan integriti pegawai penguatkuasa

37 pegawai penguatkuasa dan 5 orang awam ditahan kerana melindungi aktiviti penjualan dan penyeludupan keluar minyak diesel, petrol bersubsidi dan rokok ke negara jiran

Pada 2 Mac 2015, SPRM telah mengadakan satu operasi khas secara besar-besaran bertempat di sekitar Negeri Perak dan Kedah. Operasi yang dinamakan 'Ops Licin 2' ini adalah hasil maklumat yang diterima mengenai beberapa anggota penguatkuasa yang bertugas di sempadan negara, disyaki terbabit melindungi aktiviti penjualan dan penyeludupan ke negara jiran iaitu minyak diesel, petrol bersubsidi dan rokok.

Operasi ini telah berjaya menahan 37 orang penguatkuasa terdiri daripada pegawai dan anggota Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Pasukan Gerakan Am (PGA), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Turut ditahan adalah lima orang awam yang dipercayai bersubahat dalam kegiatan tersebut. Ini menjadikan jumlah kesemua yang ditahan adalah seramai 42 orang yang berusia dalam lingkungan 20 hingga 60 tahun.

Jumlah penahanan ini merupakan yang terbesar selepas operasi membanteras aktiviti mengelak bayaran cukai kerajaan di zon Perdagangan Bebas Cukai, Pelabuhan Klang Selangor pada September 2014. Hasil risikan dan siasatan mendapati sindiket penyeludupan minyak diesel dan petrol, adalah melalui pintu masuk di sempadan Malaysia-Thailand. Mereka yang terlibat dalam sindiket ini merupakan pegawai penguatkuasa yang pernah bertugas di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, Kota Putra, Durian Burung dan Padang Terap, Kedah sejak beberapa tahun lalu.

Mereka dipercayai menerima suapan sehingga RM4,000 daripada pengusaha stor minyak diesel dan petrol yang tidak berlesen, untuk tidak mematuhi/tidak melaksanakan Prosedur Standard Operasi (SOP) agensi penguatkuasa masing-masing. Hal ini, menyebabkan urusan jual beli petrol dapat 'dipermudahkan' oleh sindiket. Bekas pegawai UPP berusia 60 tahun yang ditahan adalah berpangkat *Assisten Superitendant*, manakala dua orang lagi merupakan pesara tentera dan seorang bekas pegawai KPDNKK.

Sebelum ini terdapat beberapa liputan di akhbar tempatan yang mendedahkan penyelewengan diesel dan petrol di sempadan negara yang masih berterusan meskipun usaha oleh kerajaan khususnya KPDNKK kerap dijalankan. Turut didedahkan adalah tindakan segelintir pegawai penguatkuasa yang tidak membuat pemeriksaan ketat terhadap kenderaan-kenderaan yang disyaki membawa bahan bakar. Ini menyebabkan beberapa kawasan di pintu sempadan negara mudah dibolosi.

Kesemua suspek telah ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 16 (a)(B) dan Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.



14 NASIONAL

15 disyaki lindung jualan, seludup diesel, kena tahan

– 13 polis, bekas komander UPP antara dibahan SPRM

Keratan akhbar tempatan berkaitan 'Ops Licin 2'



6 DALAM NEGERI

Penguat kuasa di sempadan 'pemudah' penyeludupan



OP LICIN 2 BONGKAR KEPINCANGAN INTEGRITI

APAKAH antara faktor Op Licin 2 dilaksanakan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam?

MUSTAFAR: Sesungguhnya bermula daripada maklumat awam mengenai aktiviti melindungi kegiatan penyeludupan di sempadan meliputi diesel, petrol dan rokok.

Hasil maklumat yang diperoleh kita melakukan pemantauan di ICQS terlibat dengan memberkasnya aktiviti-aktiviti yang berlangsung di situ.

Selepas mendapati berlaku rasuah kita mula menyiasat dalam tempoh yang agak lama bagi mengumpul bukti sebelum melakukan tangkapan melibatkan pemberi yang terdiri daripada lima orang awam dan penerima (3) pegawai kuasa yang pernah dan sedang bertugas di ICQS terlibat.

Bagaimana aktiviti rasuah berlaku dan apakah modus operandinya?

Apabila urusan yang melibatkan pertemuan antara individu, pasti akan ada tawar menawar, budi bicara serta permintaan.

Di situ kemungkinan rasuah boleh berlaku dalam pelbagai cara seperti pemberian hadiah atau wang dan sebagainya.

Ditambah pula dengan pelbagai faktor lain antaranya pemerhatian yang kurang, penguatkuasaan yang tidak cukup, kurang tenaga kerja, serta masalah individu seperti kewangan, sikap tamak, tidak peduli, takut membuat laporan dan terikut-ikut dengan keadaan.

Adakah pembongkaran ini menunjukkan masalah rasuah dalam kalangan pegawai kuasa masih menjadi sesuatu yang serius dan mengapa ia terus berlaku?

Masalah rasuah tidak pernah habis dan akan terus berlaku sebagai ada aktiviti memberi dan menerima tidak kira di mana sahaja termasuk melibatkan agensi penguat kuasa. Semua ini berpunca daripada sikap tamak dan kurangnya integriti dalam diri seseorang individu itu.

Peranan penyelia juga penting. Jika penyelia yang patut memantau turut sama melakukan kesalahan bagaimana pula dengan individu yang diselia.

Adakah ini berkait rapat dengan aspek integriti atau masalah kurang tindakan pencegahan di agensi-agensi terlibat?

Integriti adalah asas pencegahan rasuah yang berkesan dan jika integriti dipupuk daripada awal dan dipantau dengan baik pasti dapat mencegah atau mengurangkan gejala rasuah daripada berlaku. Apa yang kita nampak tahap integriti itu masih dalam kepincangan sementara tindakan pencegahan pula memang ada tetapi ada yang tidak dilaksanakan bersungguh-sungguh, tidak berterusan atau tidak menyeluruh.

Misalnya, jika ada pengambilan anggota baharu dalam sesuatu jabatan, sebelum ditetima mereka disaring dan hanya yang terbaik dipilih. Semasa latihan pula semua aspek yang baik termasuk mencegah mereka daripada terlibat dengan rasuah diterapkan.

Tetapi bila mereka mula bekerja dan bercampur dengan senior berlaku sebaliknya. Apa yang diajar semasa latihan dilihat tidak diperaktikkan di dunia pekerjaan sebenar sehingga mereka terkejut, keliru dan akhirnya terjebak.

Sebenarnya, jika aspek pemantauan dilakukan berterusan pasti masalah rasuah dapat di atasi seperti memantau kewangan anggota adakah terlalu banyak wang atau hutang, melihat gaya hidup mereka adakah kereta yang dipakai sesuai dengan pendapatan, di mana mereka bercuti dan banyak lagi. Jika semua ini dipantau pasti dapat mencegah mereka daripada terlibat dalam rasuah.

Berapakah anggaran kerugian yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan berikutan penyelewengan yang dibongkar dalam Op Licin 2?

Berdasarkan kenyataan Jabatan Kastam Diraja Malaysia baru-baru ini jumlah kerugian yang dianggarkan akibat aktiviti penyeludupan ialah sebanyak RM2.4 bilion dan ini merupakan berkait rapat dengan Op Licin 2. Namun sebenarnya kerugian yang berlaku bukan dari segi cukai tahanan sahaja sebaliknya banyak lagi perkara yang kita tidak nampak seperti isu hak asasi manusia dan keselesaan orang ramai.

Misalnya, projek pembinaan bangunan kerajaan sedang dijalankan tapi tidak siap-siap akibat 'projek sakit' hingga jabatan terbabit terpaksa menyewa premis lain.

Secara tidak langsung ini juga menyebabkan kehilangan punca pendapatan dan boleh menimbulkan rasa tidak selesa kepada kakitangan berkaitan.

Begitu juga andainya ada projek hospital tidak siap-siap hingga pesakit terpaksa pergi ke tempat lain dan mungkin berlaku kematian.

Pernah juga dilaporkan, pembinaan penjara lambat akibat 'projek sakit' hingga bumbung terpaksa tinggal bersemak-semak. Akibatnya menimbulkan isu hak asasi manusia. Ini juga kerugian bagi kita.

Bagaimanakah SPRM dapat memastikan masalah ini tidak berulang?

Masalah ini tidak dapat diselesaikan SPRM bersendirian tetapi perlu kerjasama dengan semua agensi yang terlibat. Bagi saya, dalam hal ini kita perlu merobohkan benteng-benteng penghalang.

Ini kerana berdasi buat pencegahan ini memerlukan tindakan bersepadu dengan jabatan-jabatan terlibat disebabkan mereka tahu tempat-tempat yang berisiko tinggi. Apabila terdapat gabungan maklumat antara kedua-dua pihak, maka ia menjadi koordinasi yang bagus.

Misalnya, Jabatan Integriti Dan Pematuhan Standard (JIPS) Polis Diraja Malaysia telah buat kenyataan yang mereka sendiri akan proaktif membanteras rasuah serta bergabung dengan SPRM untuk memberi maklumat tambahan.

Ini tindakan yang bagus. Begitu juga Jabatan Kastam, kita telah bincang dengan Ketua Pengarah dan pesukan khas mereka bagi memerhatikan perkara ini tidak berulang. Kita menyokong apa jua inisiatif yang diambil oleh jabatan tetapi memerlukan pelaksanaan yang betul. Pelan tindakan ini perlu dipantau oleh jabatan masing-masing.

Bagaimanakah tindakan yang diambil SPRM melihat Op Licin membawa imej negatif ke atas agensi yang terlibat?

Dalam hal ini, Kita tidak menafikan jari mana-mana pihak tetapi kita melakukan tangkapan ini adalah dengan kerjasama mereka juga. Jadi bukan SPRM kerja seorang. Misalnya, dengan Jabatan Penjara kita telah berbincang bagaimana cara mengatasi penyelewengan yang berlaku dalam kalangan warden.

Ini sebab yang melakukan hanya segelintir tapi yang tercalar imej seluruh organisasi, jadi bagi memastikan organisasi terpelihara, jabatan perlu tampil bekerjasama lebih awal.

> **Jika aspek pemantauan dilakukan berterusan pasti masalah rasuah dapat di atasi seperti memantau kewangan anggota adakah terlalu banyak wang atau hutang, melihat gaya hidup mereka adakah kereta yang dipakai sesuai dengan pendapatan."**

> **Masalah ini tidak dapat diselesaikan SPRM bersendirian tetapi perlu kerjasama semua agensi yang terlibat. Bagi saya, dalam hal ini kita perlu merobohkan benteng-benteng penghalang."**

MUKADIMAH Pengumuman penahanan 35 anggota penguat kuasa serta lima orang awam melalui Op Licin 2 bermula 2 hingga 4 Mac lalu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan satu lagi pembongkaran kegiatan rasuah dan penyelewengan melibatkan agensi penguatkuasaan negara. Bagaimanapun ramai yang masih tertanya-tanya apakah faktor dan fokus Op Licin 2 dilaksanakan dan sejauh mana keberkesanannya dalam membanteras kegiatan rasuah dan penyelewengan dalam kalangan penguat kuasa.

Ikuti temu bual wartawan Utusan Malaysia **AZRAI MOHAMMAD** dan **MASZUREEN HADZMAN** dengan **TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA** (PENCEGAHAN) SPRM, **DATUK MUSTAFAR ALI (gambar)** bagi mendapatkan penerangan lanjut berhubung operasi ini.

Tahap integriti agensi penguatkuasaan masih dalam kepincangan sementara tindakan pencegahan pula memang ada tetapi ada yang tidak dilaksanakan bersungguh-sungguh, tidak berterusan atau tidak menyeluruh

– Dato' Sri Hj Mustafar Bin Hj Ali, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM,
petikan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 11 Mac 2015.

5. 'OPS BS'

1,623 akaun berjumlah RM559,486,123 dibeku, wang tunai dan barangan kemas bernilai lebih RM1 juta turut dirampas.

Berdasarkan maklumat risikan, pada 15 Mei 2015 satu operasi bersepadu yang dinamakan 'Ops BS' telah dijalankan oleh SPRM dengan kerjasama pihak Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCom), Pasukan Gerakan Am, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Bank Negara Malaysia. Operasi ini melibatkan seramai 420 orang pegawai dan anggota.

Tujuan operasi adalah untuk mengenalpasti seterusnya mengambil tindakan ke atas penjawat awam yang terlibat dalam rasuah dan penyalahgunaan kuasa, membantu kerajaan Negeri Sabah dalam mengurangkan aktiviti penyeludupan diesel bersubsidi, rokok, minuman beralkohol serta mengutip semula hasil cukai daripada aktiviti penyeludupan termasuk di beberapa kawasan pelabuhan di Negeri Sabah.

Operasi telah dijalankan di **51 buah lokasi** di daerah Tawau, Sandakan, Keningau, Kota Kinabalu, Labuan dan Semporna iaitu kawasan yang disyaki berlakunya kegiatan rasuah, aktiviti penyeludupan rokok dan arak, penyelewengan diesel bersubsidi serta perbuatan mengelak cukai kepada kerajaan.

Hasil daripada operasi ini, sebanyak 1,623 akaun syarikat dan milik individu bernilai RM559,486,123 telah dibekukan. Dalam pada itu, wang tunai dan barang kemas bernilai lebih RM1 juta juga telah dirampas oleh SPRM untuk tujuan siasatan di bawah Seksyen 17(a) dan 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Pihak **LHDN telah membuat taksiran cukai** ke atas akaun-akaun yang dibekukan dan mendapati kutipan cukai ke atas **cukai yang tidak berbayar bagi tahun-tahun sebelum adalah sebanyak RM19.9 juta.**

Manakala Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan masing-masing telah menyita pelbagai barang dan bahan penyeludupan untuk tujuan siasatan seperti berikut:-

JADUAL 13: Barang penyeludupan yang disita dalam 'Ops BS'

AGENSI	JENIS BARANG	KUANTITI DISITA
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	1. Bir dan arak	• 5 karton tin arak • 9 karton botol arak • 14 kotak wine • 6 botol wine • Bir dan arak dalam anggaran sebuah lori 10 tan • 20 *container* (20 kaki) bir dan arak • 1,800 kotak bir • Sebuah lori 10 tan mengandungi bir
	2. Rokok	• 25 karton rokok jenis *Astro Menthol King*
	3. Kenderaan	• Sebuah lori 3 tan yang dipenuhi arak • 20 buah kontena • Sebuah van Toyota Hiace (penuh muatan arak) • 2 buah lori dipenuhi bir

AGENSI	JENIS BARANG	KUANTITI DISITA
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	1. Minyak diesel	• 746,871.3 liter
	2. *Skid Tank*	• 10 unit
	3. Laptop dan komputer	• 2 unit
	4. *Pump*	• 4 unit
	5. *Hose*	• 2 unit
	6. Minyak masak	• 74,000kg @ 74 tan
	7. Mesin	• 3 unit
	8. Tangki	• 10 unit
	9. Tangki lori	• 1 unit
JUMLAH ANGGARAN RAMPASAN: RM1,012,113.03	10. *Compressor*	• 3 unit
	11. Dokumen	• Pelbagai dokumen berkaitan

6. 'Ops Rimba' – Sindiket pembalakan haram di hutan simpan Temenggor, Perak tumpas

Pada 2 Jun 2015 satu operasi bersama yang dikenali sebagai 'Ops Rimba' telah dilaksanakan oleh SPRM dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di sekitar Meru, Ipoh, Perak.

individu ditahan cuba merasuah pegawai SPRM dan pegawai Jabatan Perhutanan sebanyak RM500,000

Operasi dijalankan berdasarkan maklumat, yang mendakwa terdapat pihak yang cuba menawarkan wang rasuah sebanyak RM1 juta kepada pegawai SPRM dan pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia supaya tidak meneruskan siasatan serta menutup kes berkaitan aktiviti penebangan kayu balak secara haram serta tidak mempunyai permit yang sah di Hutan Simpan Temenggor, Hulu Perak.

Hasil operasi, seorang individu berbangsa cina berusia 36 tahun yang merupakan Pengarah *Perak Industrial Corporation* iaitu sebuah syarikat kontraktor pembalakan telah ditahan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti pembalakan haram di kawasan tersebut. Beliau ditahan ketika cuba memberi wang rasuah kepada pegawai SPRM dan pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebanyak RM500,000 manakala bakinya akan diserahkan kemudian. Kedua-dua pegawai penguatkuasa berkenaan telah menolak sogokan tersebut. Individu berkenaan telah ditahan dan dibawa ke pejabat SPRM Negeri Perak bagi membantu siasatan.

Penolakan wang sogokan bukan sahaja menunjukkan integriti yang tinggi tetapi juga semangat jihad memerangi rasuah yang utuh oleh kedua-dua pegawai penguatkuasa terbabit dalam menjalankan tugas penyiasatan. Tindakan kedua-dua pegawai ini telah mendapat pujian oleh pihak SPRM.


10 NASIONAL

Balak bernilai tinggi, usia 150 tahun dicuri

Keratan akhbar tempatan berkaitan 'Ops Rimba'


14 NASIONAL

BH

400 TAN BALAK DISEMBUNYI

TANAM BALAK CURI

Lumun rimba sembunyikan 400 tan kayu RM1 juta dalam tanah

RM3.8J HASIL KERAJAAN LESAP

Keratan akhbar tempatan berkaitan 'Ops Rimba'

7. 'Ops Ubat' – Pegawai pakar perubatan penyelidik dituduh bersubahat membuat tuntutan palsu berjumlah RM80,000

Dua wanita termasuk seorang pegawai pakar perubatan penyelidik di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) masing-masing berhadapan dengan lima pertuduhan memalsukan invois tuntutan bernilai RM80,000 antara tahun 2012 dan 2013.

pakar perubatan berhadapan tindakan undang-undang meluluskan dokumen tuntutan palsu RM80,000

Dr. Nor Asiah binti Muhamad, pegawai pakar perubatan penyelidik di IMR dan seorang orang awam iaitu Normi binti Mustapha, masing-masing berusia 46 tahun. Dr. Nor Asiah telah dituduh di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009, di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur atas kesalahan meluluskan tuntutan palsu yang dikemukakan oleh Normi. Tuduhan dibacakan bersama mengikut seksyen 28(1)(c) akta yang sama.

Tuntutan bayaran dibuat kononnya bagi lima kursus yang diadakan untuk pegawai dan kakitangan IMR, sedangkan kursus berkenaan tidak diadakan. Kelima-lima kursus yang dibuat tuntutan bayaran adalah kursus *rev-man managers for systematic review 2012*, kursus kreativiti dan inovasi 2013, kursus *statistical analysis and interpretation 2013*, kursus *training for presentation skills and lectures* dan kursus data analisis 2012.

BEBERAPA KES RASUAH BERPROFIL TINGGI MELIBATKAN PENJAWAT AWAM

1. Kereta mewah BMW 5-Series sebagai imbuhan meluluskan permohonan lesen pajak gadai.

kereta mewah BMW 5 'series' imbuhan rasuah

Kalaichelvan a/l Balakrishnan, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pemberi Wang dan Pemegang Pajak Gadai di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 11 Februari 2015 atas pertuduhan di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 kerana bersetuju menerima satu suapan iaitu sebuah **kenderaan jenis BMW 525i** bernombor pendaftaran WVW 9559 untuk adik beliau pada 18 Mei 2012 daripada syarikat *Semuajaya Resources,* di tepi Jalan One Utama, Lebuh Bandar Utama, Selangor.

Suapan diterima sebagai balasan meluluskan permohonan lesen pajak gadai untuk syarikat *Semuajaya Resources*. Dalam pada itu, satu pertuduhan alternatif dibuat terhadap tertuduh di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan di mana beliau didakwa telah mendapat untuk adiknya, suatu barang berharga iaitu sebuah kereta jenis BMW 525i bernombor pendaftaran WVW 9559 daripada syarikat *Semuajaya Resources*, sedangkan tertuduh mengetahui ada hubungan dengan kerja-kerja rasminya, iaitu dengan meluluskan permohonan lesen pajak gadai bagi syarikat tersebut (syarikat *Semuajaya Resources*).



KALAICHELVAN dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam semalam atas pertuduhan secara rasuah menerima bagi adiknya sebuah kereta jenis BMW 525i.

Keratan akhbar tempatan berkaitan kes Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pemberi Wang dan Pemegang Pajak Gadai di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

2. Guna jawatan untuk beri projek bernilai RM432,000 kepada anak saudara bagi kontrak pembekalan makanan

guna jawatan melantik syarikat milik anak saudara untuk mendapat tender bernilai anggaran RM432,000

Pada 10 Oktober 2015, ACP Abd Radzak Bin Abd Ghani telah dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Sabah. Beliau dituduh secara rasuah menggunakan jawatannya sebagai Ketua Jabatan Logistik (kini dikenali sebagai Kontinjen Start Logistik) Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Sabah, untuk memilih syarikat *Fullscale Developement* milik anak saudaranya, Sharial Taufan Nerawi bagi mendapatkan tender membekal makanan untuk tahanan lokap di IPD Kota Kinabalu.

ACP Abd Radzak didakwa mengambil bahagian sebagai ahli Mesyuarat Penilaian dan Pemilihan Sebut Harga dalam memilih syarikat *Fullscale Developement* mendapat tender membekal catuan makanan bermasak dan *Fresh Ration* untuk orang-orang tahanan di lokap Kota Kinabalu untuk tempoh selama dua tahun bermula 1 Mei 2014 hingga 30 April 2016 dengan nilai anggaran kontrak RM432,000.

Tertuduh dituduh di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24, akta yang sama, yang membawa hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

3. Penginapan hotel mewah imbuhan kekalkan kontrak kerja JPS

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dato' Abu Bakar Mohd Yusof, 60 tahun dan Mohd Nasir Mohd Isa @ Maidin, 44 tahun seorang pelukis pelan di jabatan yang sama mengaku tidak bersalah atas

tuduhan **menerima suapan** daripada Mazlan Jamaluddin, pemilik syarikat Warna Generasi Sdn Bhd **sebagai dorongan tidak mengganggu dan mengekalkan kontrak kerja pengeluaran bahan batuan, pasir dan mendapan di Empangan Batu, Gombak, Selangor untuk JPS**. Kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan-kesalahan seperti berikut:

penginapan hotel mewah dan wang tunai sebagai suapan bagi mengekalkan kontrak kerja JPS

a) Menerima suapan dalam bentuk **penginapan di Avani Sepang Gold Coast Resort**, Sungai Pelek, Selangor yang masing-masingnya bernilai **RM2,097.28** dan **RM1,252.80** pada 29 hingga 30 November 2014 lebih kurang jam 10.11 pagi. Kedua-dua tertuduh didakwa di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009. Dato' Abu Bakar Mohd Yusof telah dihadapkan di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam pada 22 Oktober 2015.

   Manakala pada sebelah petang hari yang sama, Mohd Nasir Mohd Isa @ Maidin berhadapan dengan dua lagi pertuduhan di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Jalan Duta, Kuala Lumpur.

   Beliau didakwa **menerima wang tunai RM10,500 dan RM10,000** daripada Mazlan Jamaluddin **sebagai dorongan supaya Dato' Abu Bakar Mohd Yusof tidak mengganggu dan mengekalkan kontrak kerja** pengeluaran batu, pasir dan mendapan yang dijalankan oleh Syarikat Warna Generasi Sdn Bhd.

   Kedua-dua kesalahan dilakukan pada 13 Mei dan 3 Jun 2015 yang mana masing-masingnya dalam kenderaan Mazlan Jamaluddin di kawasan Old Town Coffee Bangsar dan dalam kenderaan tertuduh iaitu di kawasan letak kereta KIOSK Gazebo Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur.

b) Menerima suapan berbentuk penginapan di ***Hotel Thistle Port Dickson Resort***, Teluk Kemang, Port Dickson yang bernilai **RM4,568** dan **RM1,422** daripada Mazlan Jamaluddin sebagai **dorongan tidak mengganggu dan mengekalkan kontrak kerja** pengeluaran bahan batuan, pasir dan mendapan yang dibuat oleh syarikat Warna Generasi Sdn. Bhd. Kedua-dua tertuduh melakukan kesalahan tersebut pada 12 dan 14 Jun 2015.

Kedua-dua tertuduh telah didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Seremban pada 23 Oktober 2015 bagi pertuduhan tambahan. Masing-masing dituduh dengan satu pertuduhan berasingan dan satu pertuduhan bersama iaitu menerima suapan berbentuk wang tunai berjumlah RM20,000 daripada Mazlan Jamaluddin.



Bekas pengarah, pelukis pelan JPS dituduh rasuah

Shah Alam: Bekas pengarah dan pelukis pelan, Jabatan Pengairan dan Saliran Kuala Lumpur mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas tuduhan menerima suapan pada 29 dan 30 November, pada tahun lalu.

Datuk Abu Bakar Mohd Yusof, 60, dituduh menerima suapan penginapan di Avani Sepang Gold Coast Resort, Sungai Pelek, Sepang, bernilai RM2,097.28, manakala Mohd Nasir Mohd Isa, 44, menerima suapan sama bernilai RM1,252.80 di tempat yang sama.

Mereka menerima suapan itu daripada Mazlan Jamaluddin sebagai balasan melantik syarikat Warna Generasi Sdn Bhd melaksanakan kontrak kerja pengeluaran bahan batuan, pasir dan mendapan di Empangan Batu, Gombak.

Tertuduh didakwa meng... lam Seksyen 16(a)(B) Akta S... ruhanjaya Pencegahan R... suah Malaysia 2009 dibacak... di hadapan Hakim Dato... Noradidah Ahmad.

Timbalan Pendakwa Ray... Mohd Heikal Ismail menawa... kan jaminan RM15,000 deng... seorang penjamin, tetapi p...

guam Abu Bakar, Mohd Shahrullah Khan Nawab Zadah Khan memberitahu mahkamah anak guamnya ... berusia empat bulan lalu dan sentiasa hadir setiap kali diminta berbuat demikian oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sepanjang siasatan dijalankan.

18 November sebutan semula kes

Noradidah menetapkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin terhadap Abu Bakar, manakala jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin ditawarkan kepada Mohd Nasir. Mahkamah menetapkan 18 November ini sebutan semula kes.

Di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Mohd Nasir mengaku tidak bersalah atas dua tuduhan menerima suapan ber...

ZULFADHLI ZAKI/THE SUN

Abu Bakar (left) and Mohd Nasir.

Keratan akhbar tempatan berkaitan kes rasuah pengarah dan pelukis pelan JPS

4. Tiga anggota PDRM didakwa menerima suapan RM12,000 bagi melepaskan enam warganegara China

Tiga anggota polis dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam pada 29 Oktober 2015 atas kesalahan menerima wang suapan berjumlah RM12,000 pada 24 Jun 2015 daripada seorang kontraktor iaitu Datuk Ng Tong Chun bagi melepaskan enam warganegara China daripada tahanan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

terima suapan sebanyak RM12,000 sebagai upah melepaskan enam warganegara China dari tahanan polis

Koperal Roslinda Hamid, berhadapan dengan dua pertuduhan manakala Lans Koperal Detektif Deneshkumar Jeganathan dan Sarjan Mejar Detektif Wong Shim Kuang masing-masing berhadapan dengan satu pertuduhan di bawah Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009 dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Di bawah pertuduhan pertama, Roslinda yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah, Balai Polis Klang Utara didakwa memperoleh suapan berjumlah RM12,000 daripada Datuk Ng Tong Chun untuk dirinya melalui Deneshkumar Jeganathan dan Wong Shim Kuang. Suapan diperoleh sebagai upah untuk melepaskan enam warga China dari tahanan pihak polis untuk siasatan di bawah **Peraturan 39 (b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1959/63.**

Bagi pertuduhan kedua pula, Roslinda, pada tarikh, masa dan tempat yang sama dituduh memiliki satu cop bertulis "DITERIMA; PEJABAT IMIGRESEN NEGERI SELANGOR; BAHAGIAN PENGUATKUASA" dan satu cop "Amirul Ariffin Lakimin, Pegawai Imigresen Tinggi KP22" bagi membuat suatu teraan, dengan niat supaya ia digunakan bagi melakukan pemalsuan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan. Deneshkumar Jeganathan dan Wong Shim Kuang yang bertugas di Bahagian Cawangan Khas, Balai Polis Klang Selatan didakwa bersubahat dengan Roslinda iaitu menerima suapan sebanyak RM12,000 daripada Datuk Ng untuk diberi kepada Roslinda sebagai upah bagi melepaskan enam warganegara China dari tahanan Polis. Mereka dituduh secara bersama, di bawah Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009 dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.



'Upah' lepas warga China

■ Dua anggota polis tidak mengaku terima suapan RM12,000

Oleh Fuad Hadiputra Yaacob

Dua anggota polis dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas pertuduhan menerima suapan daripada ahli perniagaan bergelar Datuk bagi melepaskan enam warga China daripada tahanan, Jun lalu.

Koperal Roslinda Hamid, 48, berdepan dua pertuduhan manakala Lans Koperal Detektif I Deneshkumar, 37, dan Sarjan Mejar Detektif Wong Shim Kuang, 57, masing masing didakwa atas satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan pertama, Roslinda yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah, Balai Polis Klang Utara didakwa memperoleh suapan RM12,000 daripada Datuk Ng Tong Chun untuk dirinya melalui Deneshkumar dan Wong.

Ia sebagai upah bagi melepaskan enam warga Chi-na yang ditahan untuk siasatan mengikut Peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1959/63.

Roslinda didakwa melakukan kesalahan itu pada 24 Jun lalu pada jam 2.10 petang di kawasan parkir Restoran Taman Rasha, Klang.

Tertuduh dituduh mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 yang boleh di hukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Sabit kesalahan dia boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Mengikut pertuduhan kedua, Roslinda pada tarikh, masa dan tempat sama dituduh memiliki satu cap berkaitan kebagian pegawai kuasa Pesaka Imigresen Selangor dan satu cap lagi tertera nama Amirul Ariffin Lakimin, Pegawai Imigresen Tinggi KP22, bagi membuat suatu teraan dengan niat melakukan pemalsuan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan.

Sehubungan itu, dia boleh dihukum mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara sehingga tujuh tahun dan didenda jika sabit kesalahan.

Roslinda mengaku tidak bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Sabariah Atan.

Sementara itu bagi pertuduhan bersama, Deneshkumar dan Wong yang bertugas di Bahagian Cawangan Khas, Balai Polis Klang Selatan didakwa bersubahat dengan Roslinda menerima suapan RM12,000 daripada Ng.

Kedua duanya dituduh melakukan kesalahan pada 24 Jun lalu jam 2.10 petang di kawasan parkir Restoran Taman Rasha, Klang.

Mereka dituduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16 (b)(B) Akta SPRM 2009 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 Akta SPRM 2009.

Sabit kesalahan mereka boleh dihukum penjara tidak lebih 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Deneshkumar mengaku tidak bersalah manakala Wong tidak hadir dan menghidap kelah dan memberi sijil cuti sakit kepada mahkamah.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mahmad Sukri Seman manakala Roslinda dan Deneshkumar diwakili peguam bela Azrul Zulkifli dan Chen Tek Lee.

Mahkamah membenarkan Roslinda dibebaskan dengan jaminan RM12,000 dan Deneshkumar RM8,000 serta menetapkan 1 Disember ini untuk sebutan semula kes.



ROSLINDA HAMID (kanan) dan Deneshkumar Jeganathan keluar dari Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam selepas mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan meminta rasuah sebagai dorongan untuk melepaskan enam warganegara China daripada tahanan polis pada 24 Jun lalu.

Keratan akhbar tempatan - anggota PDRM dibawa ke muka pengadilan akibat rasuah

5. Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) terima rasuah RM74,600 berkaitan dengan tugas rasmi

Seksyen 165, Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan pegawai awam menerima barang bernilai tanpa balasan setimpal daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengannya.

Pada 12 November 2015, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Ibu Pejabat, Nisra Nisran Angit telah didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur atas tiga pertuduhan kerana **menerima RM74,600** (tanpa apa-apa balasan) daripada Hamzah Sia iaitu pemilik syarikat *Semaqberi Enterprise* iaitu sebuah syarikat kontraktor yang beroperasi di Kuantan, Pahang. Syarikat kontraktor ini telah **mendapat kerja-kerja pembinaan dan naik taraf infrastruktur di JAKOA.**

Tertuduh telah melakukan kesalahan tersebut kira-kira lima tahun yang lalu. Bayaran telah dibuat melalui akaun bank milik Yusoff Othman iaitu bekas pemandu tertuduh. Pembayaran dibuat sebanyak tiga transaksi seperti berikut:

- Pada 6 Julai 2010 sebanyak RM34,600
- Pada 6 Disember 2010 sebanyak RM20,000
- Pada 17 Disember 2010 sebanyak RM20,000

Kesemua pertuduhan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

6. Lulus syarikat menantu - Pengarah Urusan TEKUN didakwa

guna jawatan untuk suapan meluluskan permohonan syarikat milik menantu.

Pengarah Urusan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional iaitu Datuk Abdul Rahim Bin Hassan telah didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur pada 26 November 2015 atas dua pertuduhan **rasuah bernilai RM200,000** yang melibatkan syarikat *Dynamind Enterprise.*

Tertuduh didakwa kerana menggunakan jawatannya sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN, bagi mendapatkan suapan iaitu meluluskan permohonan pinjaman program perintis berjumlah RM100,000 kepada syarikat *Dynamind Enterprise* yang dimiliki oleh menantu beliau iaitu Khairul Fadly Bin Mahammad. Beliau didakwa melakukan kesalahan tersebut pada 31 Mac 2014.

Tertuduh juga didakwa melalui pertuduhan kedua iaitu telah meluluskan permohonan pinjaman program perintis berjumlah RM100,000 juga kepada syarikat *Dynamind Enterprise* di mana tertuduh mengetahui bahawa anak saudaranya iaitu Khairiyah Khalid merupakan rakan kongsi dalam syarikat tersebut. Kedua-dua pertuduhan adalah di bawah kesalahan Seksyen 23, Akta SPRM 2009.



Keratan akhbar tempatan berkaitan kes rasuah CEO TEKUN



Didakwa lulus pinjaman untuk menantu

» Bekas Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN tak mengaku salah

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
► Kuala Lumpur

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Datuk Abdul Rahim Hassan, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas dua tuduhan meluluskan pinjaman RM200,000 kepada syarikat milik menantu serta anak saudaranya, tahun lalu.

Abdul Rahim, 59, yang juga bekas Pengarah Urusan TEKUN, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Allaudeen Ismail.

Guna jawatan

Berdasarkan kertas pertuduhan, Abdul Rahim didakwa menggunakan jawatannya bagi mendapatkan suapan dengan meluluskan pinjaman program perintis TEKUN Nasional berjumlah RM100,000 kepada Syarikat Dynamind Enterprise milik menantunya, Khairul Fadly Mahammad.

Dia turut didakwa meluluskan pinjaman program TEKUN Nasional berjumlah RM100,000 kepada Dynamind Enterprise, yang mana anak saudaranya Khairiyah Khalid adalah rakan kongsi syarikat itu.

Abdul Rahim dituduh melakukan kedua-dua kesalahan itu di pejabat TEKUN Nasional di Bandar Tasik Selatan, di sini, pada 31 Mac 2014.

Tawar jaminan

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Syakimah Ibrahim menawarkan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin, bagi setiap pertuduhan dan dokumen perjalanan diserahkan kepada mahkamah.

Bagaimanapun, peguam Hasnal Rezua Merican, yang mewakili Abdul Rahim, memohon jaminan dikurangkan kepada RM40,000 dengan alasan anak guamnya adalah pesara.

Hakim membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dengan seorang penjamin, berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan menetapkan 16 Disember ini untuk sebutan semula kes.

Keratan akhbar tempatan berkaitan kes rasuah CEO TEKUN

SEBAHAGIAN KES RASUAH YANG MELIBATKAN INDIVIDU DI SEKTOR SWASTA BAGI TAHUN 2015

1. Pecah amanah dan pengubahan wang haram lebih RM3 juta - dua Pengarah *Blue Valley Plantation Berhad* (BVPB) didakwa

Pecah Amanah Jenayah bernilai RM3,249,235.82 dan penggubahan wang haram berjumlah RM324,235.82 berjaya dibanteras

Dua Pengarah *Blue Valley Plantation Berhad* (BVPB) iaitu Summugam a/l Ramasamy dan Pannirselvam a/l Subramaniam telah disiasat oleh SPRM. Hasil maklumat yang diterima, kedua-duanya disyaki terlibat dalam pecah amanah dan amalan penggubahan wang haram ke atas wang penjualan tanah di Lot 1591 (Geran 11709) di Mukim Ulu Telom, Cameron Highlands Pahang milik syarikat BVPB kepada syarikat LL Shipyard Sdn. Bhd.

Summugam a/l Ramasamy telah didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam pada 6 Jun 2015 untuk tiga pertuduhan melakukan pecah amanah jenayah bernilai **RM3,249,235.82.** Tertuduh secara curang telah menunaikan cek tersebut tanpa pengetahuan dan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah BVPB dan jika sabit kesalahan tertuduh boleh dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan.

Beliau turut didakwa untuk tiga lagi pertuduhan kerana didapati terlibat dalam amalan pengubahan wang haram iaitu transaksi mendeposit dan mengeluarkan cek bernilai **RM3,249,235.82.** Wang ini adalah hasil daripada aktiviti haram yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Manakala Pannirselvam a/l Subramanian pula telah didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah, Ipoh pada 22 Mei 2015 untuk empat pertuduhan melakukan pecah amanah jenayah ke atas harta

tersebut yang bernilai **RM1,050,000** dan boleh dihukum di bawah Seksyen 409, Kanun Keseksaan.

Beliau turut didakwa dengan empat lagi pertuduhan kerana didapati terlibat dalam amalan pengubahan wang haram iaitu transaksi mendeposit dan mengeluarkan cek bernilai RM1,050,000 di mana jumlah tersebut merupakan hasil daripada aktiviti haram. Tertuduh telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Lelaki tak mengaku pecah amanah

■ ROSDALILAH ZAHARI

IPOH – Seorang bekas ahli lembaga pengarah syarikat perladangan mengaku tidak bersalah atas lapan pertuduhan pecah amanah dan pengubahan wang haram melibatkan wang berjumlah RM2.08 juta kira-kira tujuh tahun lalu, di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

S. Pannirselvam, 61, menghadapi empat pertuduhan di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan dan empat lagi pertuduhan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Kesemua pertuduhan itu dibacakan dalam bahasa Tamil oleh jurubahasa mahkamah dihadapan Hakim Rihaida Rafie.

Mengikut pertuduhan pertama, bekas ahli lembaga pengarah Syarikat Blue Valley Plantations itu didakwa telah melakukan pecah amanah dengan menggunakan cek yang bernilai RM216,666.65 di Public Bank Berhad cawangan Ayer Tawar, Ipoh pada 27 Jun 2008.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, tertuduh didakwa melakukan kesalahan seperti yang terdapat pada pertuduhan pertama di tempat serta masa dan jumlah nilai wang yang sama.

Dalam pertuduhan keempat, tertuduh didakwa telah melakukan kesalahan sama dengan wang tunai RM400,000 di Pejabat Firma Guaman K.H Ong & Ng Advocates & Solicitors, No 11A, Medan Chateau, Ipoh, pada 8 Ogos 2008.

Berikutan itu, bagi kesemua pertuduhan tersebut, tertuduh telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan.

Tertuduh turut menghadapi empat pertuduhan lagi melibatkan jumlah wang yang sama di bawah Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613).

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Asnawi Abu Hanipah memohon supaya mahkamah mengenakan wang ikat jamin sebanyak RM200,000 bagi kesemua pertuduhan serta menahan pasport tertuduh.

Bagaimanapun, peguam tertuduh, Nicholas Netto meminta mahkamah supaya menguranguan wang ikat jamin kepada RM40,000 memandangkan tertuduh telah diisytiharkan muflis pada tahun 2012.

Menurutnya, pasport tertuduh juga tidak pernah digunakan dan tiada niat untuk tertuduh keluar dari dari negara ini.

Selepas meneliti dan mempertimbangkan hujah kedua-dua pihak, Rihaida menetapkan wang jaminan RM200,000 dengan seorang penjamin dan pasport milik tertuduh turut ditahan di mahkamah.

Selain itu, Mahkah menetapkan 23 Jun ini sebagai sebutan semula kes.

Terdahulu, kira-kira jam 9.45 pagi tertuduh yang tiba di mahkamah menutup muka menggunakan kot dirinngi dua wanita yang bertindak cuba menghalang jurugambar daripada melakukan tugas.

Dua wanita berkenaan turut meneriti dengan mengeluarkan perkataan, 'move, move, go go' serta jangan ambil gambar kepada jurugambar berbaga ketika berada di perkarangan Mahkamah Sesyen, di sini.



Pannirselvam (muka ditutup kot) diiringi dua wanita ketika tiba di Mahkamah Sesyen (sch, semalam).

Keratan akhbar tempatan - kes pecah amanah '*Blue Valley Plantation Bhd*'

Bekas ahli lembaga pengarah didakwa pecah amanah, pengubahan wang

IPOH 22 Mei - Seorang bekas ahli lembaga pengarah Blue Valley Plantation Bhd. dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas lapan tuduhan pecah amanah dan aktiviti pengubahan wang haram membabitkan wang tunai berjumlah RM2.08 juta, lapan tahun lalu.

S. Panninselvam, 61, yang kini tidak bekerja mengaku tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan tersebut yang dibacakan dalam bahasa Tamil oleh jurubahasa kepadanya di hadapan Hakim Rihaida Rafie.

Tertuduh yang memakai baju kemeja putih dan berseluar hitam dilihat bersahaja sambil menggeleng kepala dan berkata 'tidak bersalah' selepas jurubahasa mahkamah bertanyakan pengakuannya bagi setiap pertuduhan yang dibacakan secara berasingan.

Pannirselvam sebelum itu tiba ke mahkamah kira-kira pukul 9.45 pagi dalam keadaan diselubungi dengan kot hitam oleh dua wanita dipercayai ahli keluarganya untuk mengelakkan wajahnya dirakam jurugambar akhbar yang menunggu sejak awal pagi.

Sambil memimpin tertuduh masuk ke mahkamah, kedua-dua wanita tersebut turut dilihat menghalau dan menepis jurugambar berkenaan sambil berkata, "Ketepi! dan pergi dari sini," beberapa kali.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat kes ini susulan aduan sekumpulan 24 individu yang percaya wujud elemen penyelewengan dana hasil penjualan tanah milik mereka di Blue Valley Plantation, Cameron Highlands pada tahun 2012.

Mengikut pertuduhan, Pannirselvam didakwa telah melakukan pecah amanah terhadap tiga keping cek Public Bank Bhd. yang masing-masing bernilai RM216,666.65 dan kesemuanya berjumlah RM649,999.95 yang diamanahkan kepadanya.



S.PANNIRSELVAM

Dia yang beralamat di Taman Lim di sini didakwa melakukan ketiga-tiga kesalahan itu pada 27 Jun 2008 di Public Bank Bhd., Cawangan Ayer Tawar, Lot 10, Jalan Ayer Tawar di sini.

Pannirselvam turut didakwa pecah amanah sekeping lagi cek bernilai RM400,000 pada 8 Ogos 2007 di Pejabat Firma K.H. Ong & Ng Advocates & Solicitors di No.11A, Medan Chateau, Taman Chateau di sini.

Keempat-keempat pertuduhan pecah amanah itu dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd. Asnawi Abu Hanifah mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda.

Pannirselvam juga didakwa atas empat lagi pertuduhan di bawah Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 melibatkan nilai wang, masa, tarikh dan tempat yang sama.

Hukuman yang diperuntukkan jika sabit kesalahan bagi seksyen ini pula adalah denda RM5 juta atau penjara atau kedua-duanya bagi setiap pertuduhan.

Sementara itu, Mohd. Asnawi menawarkan jaminan RM200,000 terhadap tertuduh dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan.

Peguam, Nicholas Netto pula memohon anak guamnya itu hanya dikenakan ikat jamin berjumlah RM40,000 bagi semua pertuduhan dan menyatakan anak lelaki Pannirselvam yang bekerja sebagai peguam dan tinggal bersama tertuduh bersedia untuk menjaminnya.

"Tertuduh telah bankrap pada tahun 2012 dan sejak itu dia tidak bekerja. Sejak itu, anaknya ini mengambil alih tugas sebagai penanggung keluarga mereka.

"Beliau belum berumah tangga dan masih tinggal bersama ibu bapanya. Beliau berjanji akan memastikan ayahnya tidak melarikan diri dan hadir ke mahkamah setiap kali perbicaraan diadakan," kata peguam itu.

Rihaida kemudian membenarkan Pannirselvam dibebaskan dengan ikat jamin RM100,000 berserta seorang penjamin bagi semua pertuduhan serta memerintahkan pasport tertuduh diserahkan ke mahkamah sehingga kes selesai.

Beliau menetapkan 23 Jun ini untuk sebutan semula kesemua kes tersebut.

2. Membocorkan maklumat projek untuk sogokan RM31,880.70

menggunakan akaun bank milik ibu mertua bagi penerimaan wang rasuah RM31,880.70

Pada 23 Oktober 2015, Pengurus Projek Petronas ICT Sdn. Bhd, Ali Amran bin Alias telah dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Shah Alam, Selangor atas tiga pertuduhan rasuah bernilai RM31,880.70 kerana telah menyetuju terima tiga kali suapan pada tarikh yang berlainan daripada Ahmad Fauzan bin Hashim, Pengarah Urusan Nera Infocom (M) Sdn. Bhd. **Rasuah diterima sebagai balasan membocorkan maklumat sebut harga** bagi melayakkan syarikat berkenaan terpilih sebagai kontraktor untuk kerja-kerja pemasangan sistem radio UHF *Bintulu Crud Terminal* (BCOT) di Petronas ICT Tanjung Kidurung, Bintulu.

Bayaran dibuat melalui tiga cek berbeza jumlahnya yang dimasukkan ke dalam akaun bank milik ibu mertua tertuduh iaitu Rita Luat. Ketiga-tiga pertuduhan di bawah kesalahan Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.



ALI Amran dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

Didakwa rasuah guna akaun mentua

Shah Alam: Seorang pengurus projek dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tiga tuduhan menerima suapan berjumlah RM31,880.70, pada 2013 dan tahun lalu.

Tertuduh, Ali Amran Alias, 42, yang masih bertugas di PETRONAS ICT Sdn Bhd bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Sabariah Atan.

Tertuduh yang bertugas sebagai pengurus projek menerima suapan daripada Ahmad Fauzan Hashim yang juga pemilik syarikat Nera Infocom (M) Sdn Bhd sebagai dorongan untuk tertuduh membocorkan maklumat sebut harga bagi melayakkan syarikat itu terpilih sebagai kontraktor bagi kerja pemasangan sistem radio UHF Bintulu Crud Terminal (BCOT) di PETRONAS ICT Tanjung Kidurung, Bintulu, Sarawak.

Bagi pertuduhan pertama, Ali bersetuju menerima sekeping cek Malayan Banking berjumlah RM7,084.60 melalui akaun ibu mentuanya, Rita Luat pada 10 Oktober 2013 di Hong Leong Bank Seksyen 15, di sini.

Pertuduhan kedua dan ketiga, tertuduh menerima cek HSBC berjumlah RM14,169.20 dan cek HSBC berjumlah RM10,626.90 melalui akaun dan di lokasi sama masing-masing pada 13 Mac dan 9 Mei tahun lalu.

Bagi semua pertuduhan, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Sekyen 24(1) akta sama yang boleh dihukum penjara 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda nilai suapan atau mana-mana lebih tinggi.

FAKTA
Tertuduh boleh dipenjara 20 tahun dan denda RM10,000

Keratan akhbar tempatan mengenai kes rasuah, Pengurus Projek Petronas ICT Sdn. Bhd.

3. Wang dan permata berlian imbuhan rasuah

Lai Siew Moi, 46 Eksekutif Pemasaran di Elegance Club (M) Sdn Bhd dihadapkan dengan lapan pertuduhan di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Kuala Lumpur pada 13 November 2015 kerana menerima rasuah bernilai lebih RM167,000 sebagai upah bagi membolehkan berlian daripada syarikat Fin Facet (M) Sdn Bhd dan syarikat Rushabh (M) Sdn Bhd dibeli oleh majikan tertuduh. Kesalahan dilakukan pada antara 23 November 2012 hingga 6 Disember 2013.



LAI SIEW MOY ketika hadir berhubung dakwaan rasuah di Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur, semalam.

Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 kerana memperolehi wang yang didepositkan melalui akaun bank milik suaminya dan dalam bentuk berlian sebagai rasuah.

Keratan akhbar tempatan berkaitan kes rasuah Eksekutif Pemasaran, *Elegance Club (M) Sdn Bhd*

Bekas eksekutif didakwa terima

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Seorang bekas eksekutif jualan barangan kemas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas lapan pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM167,087 daripada sebuah syarikat pembekal batu permata.

Lai Siew Moy, 46, didakwa menerima rasuah dalam bentuk wang tunai berjumlah RM78,666 dan berlian bernilai RM88,421 daripada pemilik syarikat pembekal itu, Niket Maheskumar Parikh secara berperingkat-peringkat melalui akaun milik suami tertuduh, Peter Wong Chee Seng.

Rasuah tersebut didakwa merupakan upah kepada wanita berkenaan kerana membeli berlian daripada syarikat-syarikat kepunyaan Niket, Fine Facets (M) Sdn. Bhd., dan Rushabh (M) Sdn. Bhd., bagi pihak majikan tertuduh, Elegance Club (M) Sdn. Bhd. (Elegance Club).

Kesalahan itu didakwa dilakukan oleh Siew Moy di antara 23 November 2012 dan 26 Oktober 2013 di CIMB Bank Bhd., di KL Sentral di sini dan pejabat Elegance Club di Jalan Maarof, Bangsar di sini.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda nilai suapan, mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohammed Heikal Ismail yang mengendalikan pendakwaan mencadangkan jaminan RM30,000 bagi kesemua pertuduhan dengan seorang penjamin.

Siew Moy yang tidak diwakili peguam pula memohon agar jumlah ikat jamin itu dikurangkan memandangkan dia sudah tidak bekerja hampir dua tahun.

Hakim Mohd. Nasir Nordin kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM25,000 dengan seorang penjamin sementara menunggu sebutan semula kes pada 14 Disember ini.

NILAI HARTA DILUCUTHAK PADA TAHUN 2014 DAN 2015

JADUAL 14: Nilai harta dilucuthak tahun 2014 dan 2015

JENIS HARTA	NILAI HARTA DILUCUTHAK (RM)			
	2014		2015	
	ASPRM	AMLATFPUAA	ASPRM	AMLATFPUAA
Wang Tunai	1,370,923.54	-	981,135.00	2,248,400.00
Saham	-	-	-	-
Kenderaan Bermotor	429,000.00	-	450,000.00	-
Hartanah	1,028,749.09	-	-	-
Barang Mudah Rosak	-	-	-	-
Pelbagai	-	-	5,000.00	252,500.00
JUMLAH	**2,828,672.63**	**-**	**1,436,135.00**	**2,500,900.00**

Merujuk kepada statistik yang dipaparkan dalam JADUAL 14 pada tahun 2015 sebanyak RM1,436,135.00 nilai harta telah dilucuthak di bawah Akta SPRM 2009 berbanding RM2,828,672.63 pada tahun 2014. Manakala nilai harta yang telah dilucuthak di bawah *Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing And Proceeds Of Unlawful Activities Act* (AMLATFPUAA) bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM2,500,900.00 berbanding pada tahun 2014 tiada harta yang dilucuthak di bawah akta yang sama.

“

Sesiapa yang melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu maka (tolaklah) dengan hatinya dan hal tersebut adalah selemah-lemahnya iman.

Riwayat Muslim

”



FORENSIK PENYIASATAN SPRM

FORENSIK PENYIASATAN SPRM

Pendekatan forensik dalam proses siasatan merupakan antara inisiatif terkini dan penting dalam usaha SPRM mengaplikasikan teknik-teknik siasatan yang lebih saintifik yang memberi penekanan kepada aspek-aspek teknikal dalam memastikan pengumpulan bukti dan keterangan yang lebih jitu, tepat dan terperinci untuk menyokong kebolehterimaan bukti dan keterangan di mahkamah.

Sehubungan itu sejak tahun 2013, SPRM melalui Unit Forensik Perakaunan (UFP), Bahagian Forensik telah mula mengorak langkah dengan memanfaatkan forensik perakaunan sebagai satu pendekatan yang strategik dalam penyiasatan kes-kes berprofil tinggi serta berkepentingan awam yang mempamerkan elemen-elemen transaksi kewangan yang kompleks, bersifat rentas sempadan (cross border) serta manipulasi penyata-penyata kewangan syarikat melalui teknik *window dressing* yang rumit.

- **analisis forensik perakaunan dan analisis kewangan dalam penyiasatan kes-kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam**
- **analisis harta berlebihan yang melibatkan penjawat awam.**

Antara tugas dan pencapaian UFP, SPRM sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

1. **Menjalankan analisis forensik perakaunan dan analisis kewangan**

1.1 Penglibatan aktif dalam kes-kes berprofil tinggi dan berkepentingan awam melalui khidmat bantuan analisis forensik perakaunan dan analisis kewangan dalam penyiasatan ke atas kes-kes berprofil tinggi, khususnya yang mendapat liputan meluas media massa. Dalam kes-kes ini, beberapa laporan forensik telah dikeluarkan oleh Bahagian Forensik bagi menyokong bukti siasatan.

1.2 Bagi analisis yang berkaitan dengan jejak kewangan (financial trails), UFP juga aktif dalam menjalankan analisis harta berlebihan yang melibatkan penjawat awam. Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 36 Akta SPRM 2009. Pada tahun 2015 beberapa Kertas Forensik (KF) telah dibuka dan diselesaikan oleh UFP bagi membantu penyiasatan dan menjalankan analisis pemilikan harta yang berlebihan melibatkan beberapa pegawai dan kakitangan dalam beberapa agensi penguatkuasa undang-undang seperti polis dan kastam.

1.3 Bantuan juga diberi kepada SPRM Negeri Perak, Perlis dan Sarawak berhubung penyiasatan yang melibatkan kes berkepentingan awam. Penglibatan UFP adalah dalam membuat analisis berkaitan jejak kewangan (financial trails) dan analisis kewangan (financial analysis). Antaranya adalah kes melibatkan projek membaik pulih jalan raya, projek ternakan ikan dan proses pembelian tanah Kerajaan Negeri.

2. Khidmat nasihat dan bantuan profesional

Bagi mempertingkatkan keupayaan analisis forensik dan membangunkan kepakaran forensik perakaunan pegawai-pegawai analisa di UFP secara lebih sistematik, bantuan tiga tenaga pakar dari luar yang berpengalaman dan berpengetahuan diambil untuk menganggotai Bahagian Forensik secara kontrak.

16 pegawai SPRM ditauliahkan *Certified Fraud Examiners* (CFE) oleh ACFE

Selain itu, Bahagian Forensik secara umumnya diberi kepercayaan oleh MACA secara konsisten setiap tahun untuk turut menjayakan program-program pembangunan kapasiti merangkumi latihan secara ceramah-ceramah teknikal kepada pegawai-pegawai SPRM (lantikan baru dan dalam perkhidmatan) berkaitan aspek-aspek forensik perakaunan, analisis kewangan dan siasatan pemilikan harta berlebihan sebagai usaha menyediakan mereka dengan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk menyiasat kes-kes jenayah kolar putih.

3. Pengiktirafan pegawai SPRM sebagai *Certified Fraud Examiners* (CFE)

Dalam usaha berterusan mempertingkatkan imej dan kompetensi pasukan siasatannya, SPRM telah mengambil langkah mengadakan usahasama strategik dengan *Association of Certified Fraud Examiners* (ACFE) yang berpengkalan di Texas, United States of America (USA) bertujuan untuk mendedahkan pegawai-pegawai siasatan di unit-unit siasatan SPRM kepada pengetahuan dan kemahiran terkini anti-fraud yang memenuhi piawaian antarabangsa.

Di antara badan-badan penguatkuasaan antarabangsa yang mempunyai keterlibatan aktif dengan ACFE dan menyokong pentauliahan berterusan *Certified Fraud Examiners* (CFE) ke atas pasukan penyiasat mereka adalah *US Marshall Service, US Secret Service, Federal Bureau of Investigation* (FBI) dan *City of London Police*.

Selaras dengan aspirasi Pengurusan Tertinggi SPRM untuk menyuntik kemahiran *analytical* dan penyiasatan kes-kes jenayah kolar putih dalam ruang lingkup yang lebih luas, pada tahun 2015 SPRM telah menyertai program *Law Enforcement and Government Partnership* (LEGP) bersama ACFE yang menyaksikan pentauliahan seramai 16 orang pegawai SPRM sebagai *Certified Fraud Examiner* oleh pihak ACFE setelah mereka melepasi peperiksaan khas yang ditetapkan oleh ACFE.

4. Pegawai Penyiasat Kewangan yang kompeten

Dalam usaha mempertingkatkan keupayaan dan kebolehan bidang forensik kewangan, seramai 14 pegawai SPRM lantikan baru (Gred P41), telah ditempatkan untuk latihan praktikal di beberapa firma audit antarabangsa di sekitar Kuala Lumpur mulai 1 Disember 2015 selama 2 tahun untuk didedahkan kepada lapangan audit secara praktikal bagi tujuan membentuk kemahiran mereka dalam selok belok pengauditan penyata kewangan institusi-institusi korporat.

Selain itu, pegawai-pegawai ini juga dikehendaki menduduki dan lulus peperiksaan *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) sebelum diserapkan ke Bahagian Forensik, SPRM selepas mereka tamat latihan praktikal audit di lapangan untuk terus membantu memperkasakan keupayaan UFP dengan kepakaran-kepakaran tambahan yang diperlukan.

“Hari ini, godaan menghakis integriti lebih pelbagai wajahnya lebih beraneka rupanya; tidak terbatas kepada sebatang pohon khuldi. Ia berbentuk pangkat dan gelaran, wang ringgit dan wanita cantik, intan berlian, zamrud dan nilam, percutian dan melancong, banglo besar dan kondominium mewah, malah namakan apa sahaja, lebih membimbangkan ia termasuk pakej-pakej bertopengkan ibadah, agama, dari keraian berbuka puasa di hotel lima bintang sehingga tajaan melakukan umrah dan mengerjakan haji. Hari ini, godaan menghakis integriti insan di dunia yang fana ini, lebih pelbagai, dengan daya tarikan yang sukar ditolak, memudahkan dinding pertahanan dirempuh, memudahkan iman diruntuh”

Titah Duli Yang Maha Mulia Memangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Nazrin Shah
di Majlis Konvensyen Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
pada 20 Mei 2013
di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)



PENDAKWAAN KES RASUAH

PENDAKWAAN KES RASUAH

CABARAN DALAM MELAKSANAKAN PENDAKWAAN KES-KES RASUAH

Tahun 2015 merupakan cabaran yang paling getir kepada SPRM dalam usaha pembanterasan jenayah rasuah. Bagi segelintir masyarakat, pendakwaan ke atas beberapa tokoh berjawatan tinggi termasuk pemimpin politik masih belum cukup untuk membuktikan bahawa SPRM telus dan tegas dalam memerangi jenayah rasuah.

Masyarakat perlu sedar bahawa tindakan yang diambil oleh SPRM adalah semata-mata berlandaskan undang-undang dan memerlukan beban pembuktian yang cukup kukuh sehingga mencapai tahap **'*beyond reasonable doubt*'**. Ianya melibatkan saksi, dokumen dan lain-lain bukti yang mampu menyokong kes tersebut. Adalah tidak adil untuk SPRM dikatakan mempengaruhi saksi, membuat dokumen hanya ingin untuk mendakwa seseorang atau sebagainya.

Tindakan undang-undang yang diambil ke atas pelaku rasuah tidak pernah mengenal latar belakang individu, fahaman politik, warna kulit atau sebagainya. Dalam hal ini, kes **PP vs. Dato' Harun Idris, Menteri Besar Selangor** (ketika kes) cukup menunjukkan bahawa prinsip 'Keadilan Jenayah' sentiasa dijunjung demi menegakkan keadilan.

Perbicaraan kes terhadap beliau yang dijalankan di hadapan Hakim Raja Azlan Shah pada tahun 1976 atas kesalahan mengamalkan rasuah dan salahguna kedudukan dalam pentadbirannya cukup memberi pengajaran kepada semua. Beliau telah didakwa meminta dan menerima wang rasuah daripada *Hong Kong and Shanghai Bank Corporation* bagi mendapatkan kelulusan mesyuarat Exco Negeri Selangor berhubung permohonan Bank tersebut untuk pemberian hak milik sebidang tanah negeri. Kes ini bukan sahaja dapat menjadi pengajaran kepada orang ramai malah ia juga memberi suntikan semangat kepada pegawai-pegawai SPRM dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam 'Jihad Memerangi Rasuah".



Sewaktu menjatuhkan hukuman dalam kes ini, antara lain Hakim Raja Azlan Shah (Almarhum Al-Maghfurlah) menyebut:

> ***"It is painful for me to have to sentence a man I know. I wish it were the duty of some other judge to perform that task.***
>
> ***To me this hearing seems to re-affirm the vitality of the rule of law. But to many of us, this hearing also suggests a frightening decay in the integrity of some of our leaders.***
>
> ***It has given horrible illustrations of Lord Acton's aphorism 'power tends to corrupt, and absolute power corrupts absolutely', and has focussed concern on the need of some avowed limitations upon political authority.***
>
> ***...the law is no respector of persons. Nevertheless it will be impossible to ignore the fact that you are in a different category from any person that I have ever tried. It would be impossible to ignore the fact that, in the eyes of millions of our countrymen and women, you are a patriot and a leader. Even those who differ from you in politics look upon you as a man of high ideals. You had every chance to reach the greatest height of human achievement. But half-way along the road, you allowed avarice to corrupt you. It is incomprehensible how a man in your position could not in your own conscience, recognise corruption for what it is. In so doing, you have not only betrayed your party cause, for which you have spoken so eloquently, but also the oath of office which you have taken and subscribed before your Sovereign Ruler, and above all the law of which you are its servant"***

YM Raja Azlan Shah (Almarhum), Hakim Mahkamah Persekutuan - Perbicaraan kes Dato' Harun Idris

Petikan di atas membuktikan bahawa tindakan undang-undang akan diambil terhadap mana-mana pesalah rasuah, tanpa sebarang prasangka dan latar belakang seseorang.

PENDAKWAAN KES RASUAH

Fokus utama pendakwaan dalam mengendalikan kes rasuah adalah untuk memastikan sistem keadilan jenayah sentiasa dipatuhi supaya tindakan pendakwaan dapat dijalankan secara adil dan saksama. Ini bagi memastikan setiap hukuman yang dikenakan ke atas pesalah rasuah benar-benar setimpal dan dapat memberi keinsafan serta pengajaran kepada umum.

Tumpuan juga diberikan kepada usaha melucuthakkan harta hasil jenayah rasuah sama ada melalui pendakwaan atau tanpa pendakwaan. Usaha ini bagi memastikan tiada siapa yang boleh mendapat manfaat daripada sesuatu kesalahan rasuah.

STATISTIK KES PENDAKWAAN

Pertuduhan

Sepanjang tahun 2015, seramai 161 orang telah dituduh di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah atas kesalahan rasuah. Daripada jumlah tersebut, 59 orang atau 37 peratus daripadanya adalah penjawat awam, 78 orang atau 48 peratus orang awam dan 24 orang atau 15 peratus adalah dalam sektor swasta.

161
individu dituduh

37%
penjawat awam

48%
orang awam

15%
sektor swasta

Daripada 59 orang penjawat awam yang telah dituduh di mahkamah, sembilan orang atau 15 peratus daripadanya adalah dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 50 orang atau 85 peratus lagi daripada kumpulan pelaksana.

Kes-Kes Perbicaraan

Pada tahun 2015, sebanyak 387 kes telah dibicarakan di Mahkamah Rendah termasuk 174 kes yang baru didaftarkan. Daripada jumlah tersebut 241 kes telah selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah. Sebanyak 186 kes atau 77 peratus telah disabit atas kesalahan, manakala 32 kes atau 13 peratus telah dilepas dan dibebas (Discharge And Acquittal - DNA). Selain itu 23 kes atau 10 peratus telah dilepas tanpa dibebaskan (Discharge Not Amounting to Acquittal - DNAA). Keputusan kes perbicaraan di Mahkamah Rendah adalah seperti dalam JADUAL 15.

JADUAL 15: Keputusan kes perbicaraan di Mahkamah Rendah tahun 2014 dan 2015

BIL	KEPUTUSAN	2014	%	2015	%
1	Disabit Kesalahan	245	78	186	77
2	Lepas Dan Bebas	51	16	32	13
3	Lepas Tanpa Dibebaskan	17	6	23	10
JUMLAH		**313**	**100**	**241**	**100**

Denda

Sepanjang tahun 2015, sejumlah RM6,367,177 nilai denda telah dikenakan ke atas individu-individu yang disabitkan atas kesalahan rasuah.

RM6.4 juta nilai denda dikenakan

Kes-Kes Rayuan

Pada tahun 2015, sebanyak 165 kes rayuan telah dikendalikan di peringkat Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 104 kes telah pun selesai manakala 61 kes lagi masih didengar. Keputusan kes rayuan di peringkat Mahkamah Tinggi seperti dalam JADUAL 16.

JADUAL 16: Keputusan kes rayuan di Mahkamah Tinggi tahun 2015

BIL	KEPUTUSAN	JUMLAH	%
1	Berpihak kepada Pendakwa Raya	33	69
2	Tidak berpihak kepada Pendakwa Raya	15	31
JUMLAH		**48**	**100**

Sepanjang tahun 2015, 48 kes berjaya diselesaikan di peringkat Mahkamah Tinggi, daripada jumlah tersebut 33 kes atau 69 peratus telah memihak kepada pendakwaan berbanding 15 kes atau 31 peratus memihak kepada tertuduh. Sungguhpun begitu, Notis Rayuan telah difailkan ke Mahkamah Rayuan. Keputusan kes rayuan di Mahkamah Rayuan pada tahun 2015 seperti dalam JADUAL 17.

JADUAL 17: Keputusan kes rayuan di Mahkamah Rayuan tahun 2015

BIL	KEPUTUSAN	JUMLAH	%
1	Berpihak kepada Pendakwa Raya	38	68
2	Tidak berpihak kepada Pendakwa Raya	18	32
JUMLAH		**56**	**100**

Berdasarkan statistik yang dipaparkan, sebanyak 56 kes telah diputuskan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 38 kes atau 68 peratus memihak kepada pendakwaan manakala sebanyak 18 kes atau 32 peratus telah memihak kepada tertuduh. Mahkamah Rayuan adalah peringkat terakhir rayuan bagi kes-kes rasuah.

Kes-Kes Pelucuthakan Harta

Sepanjang tahun 2015, sejumlah 27 kes pelucuthakan harta telah dikendalikan di peringkat Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi. Sejumlah 18 kes telah selesai dibicarakan dan mendapat keputusan

manakala sembilan kes lagi masih belum diputuskan. Keputusan kes pelucuthakan harta bagi tahun 2014 dan 2015 dipaparkan dalam JADUAL 18.

JADUAL 18: Keputusan kes pelucuthakan harta tahun 2014 dan 2015

BIL	KEPUTUSAN	JUMLAH			
		2014	%	2015	%
1	Berpihak kepada Pendakwa Raya	21	100	17	94
2	Tidak berpihak kepada Pendakwa Raya	-	-	1	6

Pada tahun 2015, sejumlah RM15,433,906.51 harta telah disita manakala nilai harta yang telah dilucuthakan kepada Kerajaan Malaysia berjumlah RM3,937,035.

RM15,433,906.51 harta telah disita

RM3,937,035.00 harta dilucuthakan kepada Kerajaan Malaysia

KEJAYAAN KES-KES PENDAKWAAN

Sepanjang tahun 2015 terdapat beberapa kes yang telah menarik perhatian umum dan berkepentingan awam telah dibicarakan. Antara kes-kes yang telah dibicarakan dan dijatuhkan hukuman berat adalah seperti berikut:

1. **Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman terhadap bekas Menteri Besar Selangor – Rumah mewah bernilai RM6.5 juta dilucuthak**

Antara kes berprofil tinggi yang mendapat liputan media pada tahun 2015 adalah melibatkan mantan Menteri Besar Selangor, Dr. Mohamad Khir bin Toyo. Beliau telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 6 Disember 2010 dan dituduh dengan satu pertuduhan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan oleh penjawat awam yang menerima benda berharga dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang diketahui tidak mencukupi daripada seseorang yang ada kena-mengena dalam urusan rasmi penjawat awam itu.

Mahkamah Persekutuan kekalkan sabitan kesalahan. Dr. Mohamad Khir bin Toyo dihukum penjara setahun, rumah mewah bernilai RM6.5 juta dilucuthak

Beliau didakwa atas pembelian sebuah rumah di lot tanah di alamat No. 8 & 10, Jalan Suasa 7/11, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan daripada Pengarah Ditamas Sdn Bhd iaitu Shamsudin bin Hayroni dengan **harga yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran iaitu RM3.5 juta sedangkan hartanah tersebut telah dibeli oleh Ditamas Sdn Bhd pada Disember 2004 dengan harga sebanyak RM6.5 juta.** Kejadian berlaku ketika Dr. Mohamad Khir bin Toyo menyandang jawatan sebagai Menteri Besar Selangor. Kes kemudiannya dipindah untuk didengar di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

Selesai perbicaraan, pada 23 Disember 2011, hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam telah mendapati Dr. Mohamad Khir bersalah. Beliau kemudiannya disabitkan kesalahan dan dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan serta hartanah yang terlibat dilucuthakkan kepada kerajaan.

Pada 30 Mei 2013, panel hakim Mahkamah Rayuan telah sebulat suara menolak rayuan Dr. Mohamad Khir dan mengekalkan sabitan serta hukuman oleh Mahkamah Tinggi. Keputusan Mahkamah Tinggi adalah berlandaskan bahawa ketika kejadian berlaku, Dr. Mohamad Khir adalah seorang penjawat awam iaitu sebagai Menteri Besar dan Pengerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor. Mahkamah juga berpuas hati dengan kredibiliti Shamsudin yang menjual rumah kepada Dr. Mohamad Khir dan Nasir sebagai kontraktor yang mengubahsuai harta tersebut. Menurut mahkamah lagi, tertuduh telah menunjukkan minat dengan harta tersebut sebelum syarikat Ditamas Sdn Bhd dan Shamsudin menjual

kepadanya. Malah beliau juga telah membayar terlebih dahulu kos pengubahsuaian. Jumlah RM3.5 juta bukan jumlah yang adil dan munasabah untuk membelinya kerana Ditamas Sdn Bhd telah membeli hartanah itu pada harga RM6.5 juta pada tahun 2004.

Pada 22 September 2015, Mahkamah Persekutuan telah sebulat suara mengekalkan sabitan dan diikuti pula pada 29 September 2015, **mengekalkan hukuman penjara 12 bulan ke atas Dr. Mohamad Khir. Mahkamah Persekutuan juga mengekalkan perintah pelucuthakan hartanah berkenaan.**

2. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan didenda RM10,000 dan penjara 2 tahun kerana palsukan dokumen untuk naik pangkat

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar dipenjara 2 tahun dan denda RM10,000 palsukan dokumen kenaikan pangkat

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan, Dato' Dr. Noor Soeraya Norsham didakwa pada 17 Januari 2012 di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah Seremban di atas empat pertuduhan di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan. Beliau didakwa **memalsukan empat dokumen berkaitan kenaikan gred jawatannya.**

Mahkamah pada 15 Januari 2013 telah membebaskan Dato' Dr. Noor Soeraya daripada semua pertuduhan. Keputusan dibuat setelah mahkamah mendapati Dato' Dr. Noor Soeraya berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes ini. Keputusan tersebut kemudiannya dirayu oleh pihak pendakwaan.

Kes kemudiannya dibawa ke Mahkamah Tinggi Seremban pada 21 Februari 2014 bagi mengenepikan keputusan Mahkamah Sesyen. Dato' Dr. Noor Soeraya dijatuhkan hukuman penjara empat tahun dan denda RM10,000 (atau enam bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar) bagi setiap pertuduhan. Walau bagaimanapun beliau membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan pada 29 Januari 2015 kemudiannya memutuskan sabitan ke atas yang dituduh dikekalkan dengan hukuman penjara 2 tahun bagi setiap pertuduhan serta denda RM10,000.

3. Suami isteri terlibat rasuah RM250,000 - didenda RM2.5 juta dan penjara

Rasuah, suami isteri dipenjara 5 dan 4 tahun, denda RM2.5 juta

Timbalan Pengarah Bahagian Kandungan dan Penguatkuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Noor Mohamed Khan Mohamed Mastan dan isterinya, Suraya Hani Akmad Zaki iaitu Pengurus *Akaun Strategik Comintel Sdn. Bhd.* telah didakwa pada 9 April 2012 di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas kesalahan **menipu dan meminta rasuah sebanyak RM250,000** daripada Ketua Pegawai Operasi Syarikat Siaga Informatics Sdn. Bhd., Mohd Shukri Othman.

Rasuah diminta **sebagai balasan untuk membantu syarikat Siaga Informatics memperolehi Surat Penganugerahan Tender Projek** merekabentuk, melaksana, menguji dan pentauliahan Makmal Forensik Digital SKMM. Kesalahan dilakukan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009. Keduanya juga dituduh atas pertuduhan pilihan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan iaitu menipu Mohd Shukri dengan mengatakan kononnya Surat Tawaran bagi tender tersebut diperolehi hasil bantuan tertuduh sehingga mendorong Mohd Shukri menyerahkan wang tunai yang diminta.

Pada 5 April 2013, Hakim M. Bakri Abd Majid memutuskan tertuduh iaitu Noor Mohd Khan dan Suraya Hani bersalah dan **masing-masing dihukum penjara lima dan empat tahun serta denda RM2.5 juta** (atau satu tahun penjara sekiranya denda gagal dibayar). Kedua-dua tertuduh telah mengemukakan rayuan atas sabitan dan hukuman yang dikenakan

di Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 9 April 2013. Walau bagaimanapun pada 27 Februari 2015, Mahkamah Tinggi Shah Alam telah menolak rayuan tersebut dan hukuman dikekalkan.

4. Peroleh suapan untuk elak teruskan pertuduhan khalwat, Ketua Pendakwa Syarie Perak dipenjara 2 tahun dan denda RM55,000

tutup kes khalwat, Ketua Pendakwa Syarie Perak dipenjara 2 tahun dan denda RM55,000

Shahrunnazri Abdul Samad, Ketua Pendakwa Syarie, Jabatan Agama Islam Perak telah dituduh pada 2 Mei 2008 di Mahkamah Sesyen Ipoh di bawah Seksyen 10(a)(bb) dan 11(a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana memperoleh suapan wang tunai RM10,000 daripada Mohd Asri Bin A. Bakar untuk tidak meneruskan pertuduhan dalam satu kes khalwat.

Mahkamah pada 13 Februari 2012, telah menjatuhkan hukuman dua tahun penjara dan denda RM55,000 (atau lapan bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar). Tertuduh telah membuat rayuan atas sabitan dan hukuman ke Mahkamah Tinggi Ipoh pada 21 Ogos 2014 namun rayuan tersebut ditolak. Keputusan ini kemudian dirayu oleh tertuduh ke Mahkamah Rayuan pada 2 Jun 2015. Mahkamah Rayuan sebulat suara menolak rayuan tertuduh dengan mengekalkan sabitan dan hukuman.

5. Lapan tuntutan palsu projek sekolah - Ahli Parlimen Sabak Bernam dijatuhkan hukuman penjara enam tahun dan denda RM50,000

tuntutan palsu projek sekolah - Ahli Parlimen Sabak Bernam dijatuhkan hukuman penjara enam tahun dan denda RM50,000

Pada 1 Mac 2012, Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara enam tahun dan denda RM50,000 atas setiap pertuduhan. Tertuduh didakwa menggunakan dokumen peruntukan palsu yang mengandungi butiran bagi tuntutan program dan aktiviti yang tidak pernah dijalankan. Tuntutan itu membabitkan pembelian hadiah, cenderamata dan jamuan untuk program-program di kawasan Sabak Bernam, Selangor seperti berikut:

- Program Motivasi Pelajar di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Air Tawar;
- Program Mesra Rakyat dan Hari Keluarga di Dewan Simpang 4 Bagan Nakhoda Omar (BNO);
- Program Forum Perdana Peringkat Mukim BNO;
- Program Mesra Rakyat dan Sambutan Maulud Nabi; dan
- Program Mesra Rakyat dan Hari Keluarga Guru Kemas.

Kesemua tuntutan palsu ini berjumlah RM80,000 dan ia berlaku semasa tertuduh menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Sementara itu, Pembantu Khasnya iaitu Rosli didapati bersalah atas tuduhan bersubahat melakukan kesemua kesalahan tersebut.

Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman denda RM400,000 setiap seorang bagi kesemua pertuduhan. Kedua-dua tertuduh telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun Mahkamah Tinggi pada 11 Oktober 2012 telah menolak rayuan mereka dan mengekalkan sabitan serta hukuman yang telah diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen. Pada hari yang sama, kedua-dua tertuduh telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan namun rayuan tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi.

Pada 2 Februari 2015, kes ini dibawa semula ke Mahkamah Tinggi untuk didengar oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang lain. Kes masih dalam

peringkat rayuan di Mahkamah Tinggi untuk didengar semula.

6. Pegawai Petronas Carigali dipenjara tiga tahun dan denda lebih RM2 juta kerana setuju terima suapan sebagai dorongan beri kontrak

Idris bin M. Shuhud, Pengurus Kanan *Hook-Up Commissioning* (HUC), Bahagian Pembangunan Petronas Carigali Sdn Bhd telah didakwa pada 5 Julai 2013 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 kerana menyetuju terima suapan bernilai RM403,000 daripada kontraktor sebagai dorongan untuk meluluskan dokumen urusan rasmi PETRONAS, iaitu *Technical Bids Evaluation* (TBE) dan *Service Completion Certificate* (SCC) bagi Syarikat Penaga Orbit Sdn Bhd, Genius Response Sdn Bhd dan Kenali Tuah Sdn Bhd.

Pada 6 Februari 2015, Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara dengan denda RM2,015,000. Jika gagal membayar denda tersebut akan dihukum lapan belas bulan penjara.

7. Beri suapan untuk tarik balik tuduhan gangguan seksual, Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah dipenjara tiga tahun, denda RM150,000

Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Roslan bin Yahaya telah didakwa pada 22 Julai 2013 di Mahkamah Sesyen Butterworth di bawah Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009 kerana secara rasuah memberikan wang tunai sebanyak RM30,000 kepada Adle Bin Ismail melalui Mohd Shukri Bin A. Hamid.

tarik balik tuduhan gangguan seksual, Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah dipenjara tiga tahun, denda RM150,000

Rasuah diberi sebagai dorongan untuk Noor Amiza Binti Azmee iaitu isteri kepada Adle Bin Ismail supaya menarik balik tuduhan gangguan seksual oleh Roslan bin Yahaya terhadap Noor Amiza Binti Azmee.

Pada 19 Mac 2015, Mahkamah Sesyen Butterworth menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara dan denda RM150,000 dan jika gagal membayar akan dikenakan 12 bulan penjara.

8. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah didakwa menerima rasuah daripada pemilik kelab malam bagi meringankan hukuman pesalah syarie

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah meminta dan menerima wang rasuah berjumlah RM13,000 daripada pemilik kelab malam bagi meringankan hukuman ke atas pesalah syarie

Haji Hassan Basri bin Markum merupakan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah pertama di negara ini yang didakwa kerana kesalahan rasuah. Pertuduhan dibuat di Mahkamah Sesyen Ipoh pada 20 November 2007 (lima pertuduhan) dan 31 Mac 2008 (dua pertuduhan). Pertuduhan adalah di bawah Seksyen 10(a)(bb) dan 11(a) Akta Pencegahan Rasuah (APR) 1997. Beliau didakwa meminta dan menerima wang tunai berjumlah keseluruhannya RM13,000 daripada seorang pemilik kelab malam bagi meringankan hukuman ke atas pesalah syarie dan memulangkan wang ikat jamin mahkamah kepada penjamin.

Beliau juga didakwa meminta dan menerima rasuah berjumlah RM2,200 sebagai balasan meluluskan permohonan berpoligami bagi dua pasangan yang ingin berkahwin.

Pada 14 Disember 2010, mahkamah mendapati beliau bersalah atas ketujuh-tujuh pertuduhan rasuah. Beliau dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan

denda RM210,000 (atau 42 bulan penjara sekiranya denda gagal dibayar). Pada 4 Ogos 2014, Mahkamah Tinggi Ipoh mengekalkan sabitan dan hukuman ke atas beliau. Keputusan ini dirayu ke Mahkamah Rayuan.

Hakim Mahkamah Rayuan sebulat suara mengesahkan sabitan terhadap kesemua pertuduhan pada 24 Jun 2015. Walau bagaimanapun, rayuan terhadap hukuman dibenarkan dan telah diperintahkan tertuduh menjalani hukuman penjara berjalan serentak bagi keempat-empat pertuduhan iaitu penjara lima tahun dan denda RM180,000. Jika gagal membayar denda, akan dijatuhkan hukuman selama 36 bulan penjara. Manakala bagi ketiga-tiga pertuduhan lagi telah diperintahkan menjalani satu tahun penjara dan denda RM30,000 jika gagal membayar denda, akan dikenakan hukuman enam bulan penjara.

Memerangi Rasuah Dalam Aktiviti Pendakwaan

Berdasarkan aktiviti pendakwaan di sepanjang tahun 2015, pengekalan peratusan sabitan kes yang tinggi, bilangan kejayaan yang membanggakan bagi kes-kes berkepentingan awam serta mengekang ketirisan, merupakan suatu usaha murni SPRM yang wajar dihargai. Hukuman yang setimpal ke atas pesalah-pesalah rasuah akan terus diperjuangkan bagi menjadi pengajaran kepada masyarakat untuk menjauhi jenayah rasuah.

"JASAMU DIKENANG"



Mendiang Datuk Kevin Anthony Morais

TIMBALAN PENDAKWA RAYA (TPR) DATUK KEVIN MORAIS DALAM KENANGAN

Menjalankan penguatkuasaan bukanlah suatu tugas yang mudah, malah ia merupakan tugas yang sangat berat lagi mencabar apatah lagi melibatkan aspek keselamatan. Ini terbukti apabila telah berlaku suatu peristiwa tragis terhadap mendiang Timbalan Pendakwa Raya (TPR), Datuk Kevin Anthony Morais ketika sedang mengendalikan kes SPRM iaitu kes Pendakwa Raya (PR) lawan Kunasegaran a/l Ragavanaidu (Kolonel Dr. Pakar Patalogi U54, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan) di Mahkamah Sesyen Shah Alam.

Mendiang telah diculik pada 4 September 2015 semasa dalam perjalanan dari rumahnya di Kondominium Menara Duta (1) kira-kira jam 9 pagi untuk ke tempat kerja di Pejabat Peguam Negara, Putrajaya. Mayat mendiang telah dijumpai dalam tong berisi konkrit pada 16 September 2015 di Taman Subang Mewah, USJ 1, Petaling Jaya, Selangor.

Hasil siasatan polis mendapati Dr. Kuna dan enam orang rakan sejenayah terlibat dalam tindakan

menculik dan membunuh mendiang. Ketujuh-tujuh tertuduh kemudiannya telah dituduh di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan pada 28 September 2015. Mahkamah Tinggi menetapkan 16 hari bermula 4 April 2016 untuk perbicaraan kes pembunuhan ini.

Kematian mendiang Kevin merupakan satu berita yang amat mengejutkan dan menyedihkan bagi seluruh warga SPRM. Ini adalah kerana mendiang bukan sahaja dikenali sebagai seorang peguam yang amat berdedikasi dan berintegriti dalam menjalankan tugas, malah beliau juga merupakan seorang mentor yang tidak pernah lokek untuk berkongsi ilmu dan pengalaman tugas kepada mana-mana pegawai yang memerlukan tunjuk ajar serta pandangan. Ini menjadikan mendiang seorang yang sangat dihormati dan disegani oleh seluruh warga SPRM.

- ***'Kevin Morais Moot Court'* Sebagai Pengiktirafan**

Atas jasa dan sumbangan mendiang Kevin, SPRM telah menamakan *moot court* di MACA bersempena nama mendiang iaitu ***'Kevin Morais Moot Court'.*** Meskipun beliau telah pergi buat selama-lamanya namun jasa bakti dan sumbangan beliau sentiasa dikenang. Justeru pada 27 November 2015, mendiang telah dianugerahkan pingat Darjah Datuk Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran 'Datuk' secara Anumerta (anugerah diberi kepada orang yang telah meninggal dunia) sempena Istiadat Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Perak YM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Istana Iskandariah.



'Kevin Morais Moot Court'.



PENCEGAHAN


Senario rasuah banyak berlaku disebabkan adanya sikap tamak dan tidak amanah oleh sesetengah pihak dalam sesebuah organisasi. Kebanyakan kes rasuah berlaku apabila individu yang diberi amanah dan tanggungjawab untuk mengawasi harta dan kepercayaan, telah menyalahguna amanah serta kepercayaan tersebut semata-mata untuk kepentingan diri.

Selain itu, ketiadaan sistem kawalan dalaman yang teratur dan kurang pemantauan oleh pihak pengurusan, boleh membuka ruang dan peluang berlakunya perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam organisasi.

SPRM melalui sektor pencegahan tidak pernah jemu berjihad memerangi rasuah melalui tindakan proaktifnya dalam memberi khidmat nasihat serta garis panduan kepada organisasi tentang bagaimana amalan rasuah ini dapat dikurangkan. Usaha ini sangat penting bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan benci kepada rasuah. Kesedaran tentang kebinasaan dan balasan akibat melakukan rasuah sangat penting untuk disuntik ke dalam jiwa setiap individu melalui aktiviti-aktiviti pencegahan.

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti dari sudut pencegahan yang telah dilaksanakan oleh sektor pencegahan SPRM yang terdiri dari Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan (BPmP), Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam (BUTSA) dan Bahagian Pengurusan Integriti Awam (BPIA) di sepanjang tahun 2015.

PENCEGAHAN



PEMERIKSAAN & PERUNDINGAN

PEMERIKSAAN & PERUNDINGAN

Aktiviti Pemeriksaan dan Perundingan dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang Seksyen 7(c), (d) dan (e) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Objektif utama aktiviti Pemeriksaan dan Perundingan adalah menasihati Ketua Badan Awam, syarikat swasta serta mana-mana pihak mengambil tindakan mencegah dan menghapuskan rasuah melalui pendekatan kawalan dalaman khususnya penambahbaikan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja bagi mengurangkan risiko amalan rasuah dalam organisasi.

Bagi mencapai objektif tersebut, pemeriksaan dan perundingan dilaksanakan secara intensif melalui tiga pendekatan iaitu pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja melalui pembukaan Kertas Pemeriksaan dan Perundingan, Ikrar Integriti Korporat, dan Pengurusan Risiko Rasuah. Sebagai langkah secara proaktif, aktiviti Pemeriksaan dan Perundingan dimantapkan lagi dengan penubuhan *Anti-Corruption and Ethics Centre* (ACE).

1. KERTAS PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN

Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP) dibuka bagi meneliti isu yang melibatkan amalan, sistem dan tatacara kerja sesebuah badan awam / organisasi / pertubuhan, yang mungkin boleh membuka ruang dan peluang berlakunya rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan kelemahan tadbir urus.

Khidmat nasihat kemudiannya diberikan kepada ketua organisasi yang berkaitan untuk menimbangkan syor-syor penambahbaikan oleh SPRM yang perlu diambil tindakan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti. Syor ini perlu dipersetujui oleh kedua-dua pihak bagi membolehkan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.

Pemantauan terhadap syor yang dipersetujui juga akan dilakukan secara berperingkat iaitu tiga, enam dan 12 bulan ke atas organisasi yang terlibat. Sekiranya terdapat mana-mana ketua jabatan atau organisasi yang juga melaksanakan syor yang telah dipersetujui, maka satu laporan ketidakpatuhan akan dikemukakan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM bagi membolehkan tindakan undang-undang atau lain-lain tindakan pentadbiran diambil ke atas organisasi berkenaan.

132 KPP

424 Cadangan Penambahbaikan

Sepanjang tahun 2015, sejumlah 132 KPP telah dibuka bagi menjalankan pemeriksaan ke atas isu yang melibatkan amalan, sistem dan tatacara kerja badan awam/ organisasi/ pertubuhan yang memungkinkan berlakunya perlakuan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 58 KPP dijalankan ke atas badan awam dan tiga KPP ke atas organisasi / pertubuhan. Dari segi khidmat nasihat, sejumlah 424 cadangan penambahbaikan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja telah disyorkan kepada 126 agensi.

Antara pemeriksaan terhadap isu yang melibatkan kepentingan awam yang menjadi fokus SPRM di sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

1.1 Pemeriksaan amalan, sistem dan tatacara kerja berhubung penguatkuasaan penyeludupan migran melalui pintu sempadan di zon utara Kedah dan Perlis

Pemeriksaan ini dijalankan apabila media massa membuat liputan meluas berhubung kebanjiran warga asing di negara ini, yang telah menimbulkan persoalan sinis masyarakat terhadap keupayaan agensi penguatkuasaan sempadan mengenai bagaimana mereka boleh masuk ke Malaysia secara bebas.

Buat pertama kalinya pemeriksaan ini dijalankan secara '*Task Force Based Inspection*' (TFBI). TFBI mengambil tindakan secara berpasukan. Selain daripada penglibatan pegawai perunding SPRM, TFBI turut juga melibatkan khidmat pakar daripada pelbagai agensi dan orang perseorangan yang mahir dan berpengalaman dalam isu berkaitan. Individu dan agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Datuk Dr Raj binti Abdul Karim dari *Anti Trafficking In Persons and Anti Smuggling of Migrants* (ATIPSOM);
2. Bridged Utara, Pasukan Gerakan Am (PGA);
3. Majlis Keselamatan Negara (MKN);
4. Rejimen Sempadan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM);
5. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
6. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);
7. Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Cawangan Kongsi Gelap / Perjudian / Maksiat (D7);
8. Jabatan Perlindungan Wanita;
9. Universiti Utara Malaysia (UUM); dan
10. *The United Nation High Commissioner for Refugee Agency* (UNHCR).

Kelemahan-kelemahan yang ditemui hasil pemeriksaan dan cadangan penambahbaikan yang disyorkan adalah sepertimana dalam JADUAL 19.

JADUAL 19: Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan berhubung penguatkuasaan penyeludupan migran melalui pintu sempadan di zon utara Kedah dan Perlis.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Tiada agensi yang menjadi ketua (Caretaker) dalam mengawal sempadan Malaysia di zon utara.	• Mewujudkan satu entiti (Caretaker) untuk mengawal semua agensi yang berfungsi di *Imigration, Customs, Quarantine and Security Complex* (ICQS).
• Tiada dasar berhubung status pelarian yang masuk ke Malaysia.	• Mewujudkan dasar yang jelas berhubung kemasukan migran dan pelarian ke Malaysia serta tatacara pemberian kad pelarian UNHCR perlu dikaji semula.
• Peruntukan *Exemption Order 311/1988* terhadap Akta Imigresen dan Akta Passport membuka ruang kepada berlakunya penyeludupan migran dan barang-barang tidak bercukai dalam kawasan *The Zone.*	• Perkara 1 dan 2 Akta Imigresen perlu dikaji untuk dibuat pindaan memandangkan pada masa kini ianya tidak lagi relevan dan menyumbang kepada aktiviti penyeludupan terbesar di ICQS Bukit Kayu Hitam dan secara tidak langsung telah menyumbang kepada ketirisan hasil kerajaan.
• Lokasi kawasan Kompleks Bebas Cukai *The Zone* yang digazetkan menjadi *No Man's Land* seluas 60 ekar adalah punca utama berlaku kemasukan migran dan penyeludupan barang kontraban secara berleluasa di sempadan Kedah dan Perlis.	• Kawasan *Free Tax Zone* (FTZ) diperkecilkan bagi memudahkan kawalan dan penguatkuasaan.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak diberikan kuasa dalam Akta ATIPSOM walaupun agensi ini merupakan antara agensi yang mengawal pengurusan sempadan.	• Peranan dan kuasa ATM perlu dimasukkan dalam Akta ATIPSOM 2007 kerana ATM merupakan salah satu agensi penguatkuasaan utama yang mengawal sempadan negara.
• Kuasa ATM terhad kepada *citizen arrest* sahaja dan tiada *legal authorisation*.	• Mengkaji semula kuasa-kuasa yang perlu diperturunkan kepada ATM yang merangkumi pemeriksaan, penangkapan, pembongkaran dan penyitaan.
• Tiada penyimpanan data berkenaan keluar-masuk pelawat ke Malaysia sama ada individu atau kenderaan.	• Mewujudkan sistem pengurusan sempadan bersepadu bertujuan untuk membekalkan kepada kerajaan keupayaan untuk memodenkan keselamatan sempadan dengan mempermudahkan pengesanan kesalahan melalui maklumat dan mengoptimakan interaksi sistem keselamatan pelbagai agensi.
• Kebanyakan pagar-pagar yang berada di sempadan Malaysia-Thailand sudah uzur dan dibina sejak tahun 1990-an lagi.	• Mengawal pencerobohan pagar sempadan dengan menggantikan pagar besi *double barrier* dan *single barrier* kepada tembok konkrit di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand setinggi melebihi 10 kaki. Rasional tembok konkrit ini dibina adalah strukturnya yang kukuh, tidak mudah pecah, jangka hayat yang lama dan kos penyelenggaraan yang rendah selain ianya sukar dibolosi.
• Pagar sempadan FTZ *The Zone* yang tidak praktikal membuka ruang dan peluang berlakunya penyeludupan migran dan barang kontraban.	• Membina tembok konkrit dengan ketinggian munasabah di sekeliling kawasan tersebut.
• Hasil maklumat yang diperolehi mengatakan kebanyakan pegawai dan anggota yang bertugas mengamalkan rasuah.	• Memperkukuhkan tahap integriti pegawai penguatkuasa di ICQS melalui program kesedaran, kesalahan-kesalahan rasuah, penerimaan hadiah, perlindungan pemberi maklumat dan nilai-nilai murni; • Meletakkan iklan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan rasuah dalam bentuk *billboard* di kawasan ICQS; dan • Menyediakan saluran aduan berkenaan dengan rasuah di ICQS.
• Pusingan kerja ada dibuat namun terdapat pegawai Imigresen dan Kastam yang sudah berkhidmat di tempat sama melebihi lima tahun.	• Memastikan semua penguatkuasa yang bertugas di ICQS membuat pusingan kerja selain pemeriksaan di ICQS secara berkala bagi mengelakkan percanggahan kepentingan semasa menjalankan tugas.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Tiada penghargaan diberikan kepada pegawai-pegawai yang bertugas dengan cemerlang atau menolak pemberian rasuah semasa menjalankan tugas di sempadan.	• Memperkenalkan anugerah khas kepada pegawai-pegawai yang bertugas di sempadan contohnya Anugerah Cemerlang di kalangan terbilang.



Pagar yang telah dipotong untuk menyeludup keluar barang daripada stor Kompleks Bebas Cukai *The Zone*, Bukit Kayu Hitam, Kedah.



Tembok batu pasir yang rendah (tinggi enam kaki) yang dibina di sekeliling Kompleks Bebas Cukai *The Zone*, Bukit Kayu Hitam, Kedah memudahkan penyeludup memasuki kawasan berkenaan.



Tembok batu kawasan Kompleks Bebas Cukai *The Zone* yang dipecahkan untuk aktiviti penyeludupan.






Antara 'Laluan Tikus' di kawasan kampus Universiti Utara Malaysia, Kedah yang digunakan untuk menyeludup PATI Rohingya.




Keadaan pagar dalam kawasan kampus Universiti Utara Malaysia, Kedah yang dirosakkan bagi memudahkan pergerakan PATI.



Keadaan pos kawalan di kawasan sempadan yang uzur dan tidak boleh digunakan.



Keadaan pemeriksaan di pos ICQS Bukit Kayu Hitam (mesin *scanner* yang tidak berfungsi. Pemeriksaan individu dan barangan dibuat secara manual).

Hasil pemeriksaan dan cadangan penambahbaikan berhubung isu ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kebangsaan Siri 4 Bil. 2 Tahun 2015 pada 14 Mei 2015 dan seterusnya dibentangkan sebagai Memorandum Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2015 oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan. Jemaah Menteri telah bersetuju dengan semua cadangan penambahbaikan yang dikemukakan SPRM.

Pada 6 Oktober 2015, Kertas Nota Jemaah Menteri berhubung perkara ini telah dibentangkan oleh SPRM dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-124 yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Mesyuarat ini telah memutuskan supaya Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Kewangan mengambil tindakan terhadap syor penambahbaikan yang telah dikemukakan. Susulan daripada itu, kerajaan telah bersetuju dengan cadangan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk menubuhkan Agensi Keselamatan Sempadan sebagai *caretaker* kepada tugas-tugas penguatkuasaan dan keselamatan sempadan.

1.2 Pemeriksaan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja berhubung proses perolehan alat ganti kapal oleh Depot Bekalan Armada (DBA) Pangkalan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) Lumut, Perak

Pemeriksaan ini dibuat secara TFBI yang melibatkan penyertaan pasukan Siasatan SPRM, *Ministry of Finance* (MOF) dan Bahagian Audit Kementerian Pertahanan bertujuan bagi mengkaji dasar, sistem, tatacara kerja dan amalan yang digunapakai oleh Depot Bekalan Armada (DBA) dalam melaksanakan perolehan alat ganti kapal Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM). Pemeriksaan ini dijalankan susulan maklumat yang diterima mengatakan pegawai-pegawai TLDM yang bertugas di DBA, Pangkalan TLDM Lumut, Perak menerima rasuah sejak tahun 2012 hingga 2014 daripada syarikat-syarikat pembekal alat ganti kapal.



Sesi pembentangan khidmat nasihat kepada Kementerian Pertahanan Malaysia oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM.

Kelemahan-kelemahan yang ditemui hasil pemeriksaan dan cadangan penambahbaikan yang disyorkan adalah sepertimana dalam JADUAL 20.

JADUAL 20: Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan terhadap proses perolehan alat ganti kapal oleh Depot Bekalan Armada (DBA) Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, Perak.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• DBA diberi kuasa penuh mengendalikan semua proses perolehan, pembekalan dan pelupusan alatan ganti kapal.	Mengurangkan bidang kuasa DBA dengan cara berikut: • Menghadkan bidang kuasa DBA supaya fokus kepada tugas teras DBA sebagai pusat sehenti (one stop centre) bekalan; dan • Keputusan perolehan dan pelupusan hendaklah dikendalikan oleh bahagian lain.
• Penggunaan *Quotation Management System* (QMS) oleh DBA untuk membuat panggilan Sebut Harga dan tender tanpa tatacara pengendalian yang jelas dan tiada elemen *check and balance* (QMS bersifat *stand alone* tanpa pemantauan oleh Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dan MOF).	• Menghentikan pemakaian sistem QMS dan menggunapakai sistem eP seperti yang ditetapkan oleh MOF.
• Amalan perolehan DBA bercanggah dengan kaedah perolehan kerajaan seperti yang termaktub dalam Perbendaharaan Malaysia PK2.2/2013 Kaedah Perolehan Kerajaan Perkara 1(iii)(a). • DBA memecahkecilkan permintaan-permintaan daripada pengguna yang mana ianya adalah dalam jumlah untuk dibuat tender dan sebutharga serta mengelakkan daripada menggunakan khidmat tender yang telah dimeterai di peringkat KEMENTAH.	• DBA perlu mematuhi sepenuhnya kaedah perolehan kerajaan. • Mewujudkan Kontrak Pusat bagi barang-barang yang mempunyai bilangan permintaan yang tinggi supaya barangan yang dibekalkan diketahui keaslian dan jaminan ketahanan produk tersebut. Kontraktor yang dilantik adalah kontraktor yang layak serta memenuhi syarat Jabatan/ Kementerian. • Mewajibkan perolehan alat ganti dibeli melalui pembekal yang dilantik di bawah Kontrak Pusat. Sebarang pengecualian kepada peraturan ini hendaklah memenuhi syarat-syarat tertentu dan melalui satu prosedur *check and balance*.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Amalan DBA untuk membuat keputusan perolehan tidak memenuhi kehendak Arahan Perbendaharaan Bab B (iii)(ii) Pelantikan dan Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga Perkara 170.3 (b) • Keputusan pemilihan pembekal bagi sesuatu perolehan tidak diputuskan oleh mesyuarat Lembaga Pembelian Terus tetapi dibuat secara edaran. • Lembaga tidak bersidang kerana dikatakan terlalu banyak perolehan dibuat dan perlu disiapkan dengan segera. Ia juga tidak bertindak mengikut peruntukan Arahan Perbendaharaan.	• Menggunapakai sistem e-Perolehan (eP) seperti yang ditetapkan oleh MOF serta mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam arahan tersebut.
• Tiada sebarang rujukan dibuat oleh DBA kepada *Malaysian Armed forces Cataloguing Authority* (MAFCA) berhubung bekalan alat ganti yang sudah diberhentikan pengeluaran oleh pengeluar asal (obsolete parts). Dengan tujuan untuk merujuk bekalan yang boleh diperolehi dari pembekal yang diiktiraf oleh kerajaan. • Senarai kod alat ganti di Bahagian Katalog DBA boleh dipinda bagi membolehkan urusan perolehan alat ganti tersebut dipecah kecilkan. • Tidak ada sebarang arahan atau peraturan yang mewajibkan DBA untuk membuat rujukan kepada MAFCA berhubung perkara melibatkan alat ganti.	• Sebarang pendaftaran nombor siri baru bagi peralatan alat ganti yang dikodkan perlu mendapat kebenaran daripada MAFCA dan ia perlu disimpan sebagai pangkalan data di MAFCA.
• Kaedah dan tatacara pelaksanaan audit dalaman yang dibuat oleh Bahagian Audit Dalaman dan Siasatan (BADSA) gagal mengesan penggunaan sistem QMS yang dilaksanakan di DBA.	• Sebarang tatacara perolehan yang tidak mendapat kebenaran dari MOF perlu dilaporkan oleh BADSA kepada Pengurusan Tertinggi bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.
• Amalan rasuah dalam kalangan pegawai di DBA yang kurang berintegriti di mana mereka mengamalkan gaya hidup mewah dengan perbelanjaan melebihi pendapatan.	• Penguatkuasaan bagi melarang pembekal/orang awam masuk ke kapal TLDM dengan tujuan menyemak barangan alat ganti yang rosak. • Meningkatkan keberkesanan kursus integriti kepada pegawai dan anggota yang berkhidmat di bahagian/ unit berisiko tinggi. • Memperkemas sistem/ tatacara pengisytiharan harta dan pengesanan gaya hidup mewah. • Melaksanakan pusingan kerja (job rotation).

1.3 Pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara pelaksanaan program 1AZAM, perolehan projek kemasyarakatan, projek menaiktaraf sekolah daif dan projek menaiktaraf kemudahan pengangkutan awam luar bandar di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara – *Low Income Household* (NKRA-LIH) oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Program 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin) merupakan inisiatif khusus Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah keluar dari belenggu kemiskinan dan mampu memperolehi pendapatan dengan usaha sendiri melalui pekerjaan, aktiviti pertanian atau keusahawanan. Terdapat empat jenis AZAM iaitu AZAM Niaga, AZAM Kerja, AZAM Tani dan AZAM Khidmat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui *Delivery Management Office* (DMO), NKRA *Low Income Households* (NKRA-LIH) merupakan peneraju bagi AZAM Niaga dan AZAM Khidmat. Selain itu, Unit DMO NKRA-LIH juga bertanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah dikenalpasti bagi membantu golongan ini.

Pemeriksaan dibuat setelah SPRM menjalankan siasatan terhadap tohmahan rasuah dan penyelewengan yang berlaku dalam pelaksanaan projek-projek berkenaan yang membawa tangkapan dan penyitaan kenderaan mewah yang dimiliki oleh pegawai pengendali projek. Hasil pemeriksaan mendapati beberapa kelemahan dan syor-syor penambahbaikan yang diberikan adalah seperti dalam JADUAL 21.

JADUAL 21: Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan program 1AZAM, perolehan projek kemasyarakatan dan menaiktaraf sekolah daif serta projek menaiktaraf kemudahan pengangkutan awam luar bandar oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• SOP berhubung tatacara pelaksanaan, pengurusan dan pemantauan program-program 1AZAM lewat disediakan.	• Mewujudkan SOP berhubung tatacara pelaksanaan, pengurusan dan pemantauan program. • Menambahbaik SOP dengan meletakkan norma masa bagi aktiviti-aktiviti yang dinyatakan dalam carta alir SOP tersebut. • Pemantauan terhadap pematuhan SOP dikuatkuasakan sepenuhnya oleh kementerian.
• Tiada garis panduan diberikan kepada Yayasan Kebajikan Negara (YKN) oleh KPWKM dalam menyediakan Surat Tawaran dan dokumen perjanjian bagi melaksanakan perolehan di bawah Dana Spesifik NKRA-LIH berkaitan projek kemasyarakatan.	• Mewujudkan Garis Panduan berhubung pengurusan dana kementerian oleh agensi atau pertubuhan atau anak-anak syarikat. • Memastikan perjanjian antara agensi dengan kontraktor dibuat sekiranya projek-projek seumpama ini diteruskan di masa akan datang.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Berlaku pertindihan tugas dan tanggungjawab antara KPWKM dan YKN dalam proses perolehan Projek Kemasyarakatan dan Projek Menaiktaraf Sekolah Dhaif.	• Mengkaji semula pengagihan tugas dan tanggungjawab antara KPWKM dan YKN sekiranya projek diteruskan di masa akan datang. • Mewujudkan Garis Panduan berhubung pengurusan dana kementerian yang dilaksanakan oleh agensi atau pertubuhan atau anak-anak syarikat.
• Tiada perbincangan, kajian, dan perancangan awal dibuat oleh pihak Kementerian dan NKRA-LIH berhubung pelaksanaan Projek Kemasyarakatan dan Projek Menaiktaraf Sekolah Daif.	• Perancangan, penyelarasan serta kajian awal hendaklah dibuat bagi semua projek-projek lain yang akan dilaksanakan oleh NKRA-LIH di masa hadapan.
• Ketiadaan tenaga pakar menyebabkan syarikat dilantik tanpa *Bill of Quantity* (BQ) dan Skop Kerja. BQ dan Skop kerja ini disediakan sendiri oleh pihak kontraktor.	• Perlantikan mana-mana badan pakar atau mengambil pegawai kader secara kontrak mengikut kepakaran dan keperluan projek.
• Unit *Delivery Management Office* (DMO) tidak mampu untuk menjalankan pemantauan ke atas bot yang diberikan secara berkala atau *adhoc* disebabkan kekangan anggota di dalam Projek Menaiktaraf Kemudahan Pengangkutan Awam Luar Bandar.	• Penurunan kuasa kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Peringkat Negeri (JKM) bagi tujuan pemantauan untuk memastikan penggunaan bot yang diberikan digunapakai sepenuhnya oleh penduduk kampung.
• Tiada sebarang Akujanji yang mengikat penerima iaitu Ketua Kampung atau wakil daripada memindah milik, melupus atau sebagainya tanpa pengetahuan KPWKM dalam projek menaiktaraf kemudahan pengangkutan awam luar bandar.	• Mengeluarkan Akujanji dan mewajibkan Ketua Kampung atau wakil penerima untuk menandatangani sebagai jaminan kebertanggungjawaban terhadap bot yang dibekalkan.
• YKN tidak mempunyai senarai semak bagi tujuan pembayaran kepada pembekal yang telah melaksanakan kerja-kerja membekal bot berkaitan Projek Menaiktaraf Kemudahan Pengangkutan Awam Luar Bandar.	• Menyediakan senarai semak dokumen yang diperlukan bagi membolehkan pembayaran dibuat kepada syarikat pembekal.



Sesi pembentangan khidmat nasihat yang dilaksanakan oleh Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM kepada Ketua Setiausaha (KSU) KPWKM iaitu Datuk Sabariah Binti Hassan pada 23 Jun 2015 bertempat di KPWKM.

1.4 Pemeriksaan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja pengurusan pengambilan, pengendalian dan pengesanan pekerja asing di agensi – agensi berkaitan.

Isu kemasukan pekerja warga asing yang bekerja secara tidak sah menjadi asas untuk tindakan menjalankan pemeriksaan bagi mengenalpasti kelemahan penguatkuasaan, amalan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa berhubung pengurusan, pengendalian dan pengesanan pekerja warganegara asing serta Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di agensi-agensi yang berkaitan.



Laporan akhbar Mingguan Malaysia mengenai kebanjiran warga asing di Cameron Highlands.

Pemeriksaan dijalankan di Pusat Kelulusan Setempat (OSC), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Perdagangan Antarbangsa dan Industri (MITI). Hasil pemeriksaan mendapati beberapa kelemahan dan syor-syor penambahbaikan yang diberikan adalah seperti dalam JADUAL 22.

JADUAL 22: Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan berhubung dengan pengurusan pengambilan, pengendalian dan pengesanan pekerja asing di agensi–agensi berkaitan.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Menteri Dalam Negeri (MDN) diberi kuasa muktamad membuat keputusan menimbangkan rayuan yang telah ditolak oleh Pusat Kelulusan Setempat (OSC). • Permohonan kelulusan juga boleh dibuat terus kepada Menteri tanpa melalui OSC.	Kuasa Menteri untuk memberi kelulusan khas kepada permohonan yang tidak layak perlu dihapuskan. Setiap permohonan rayuan tidak dibenarkan diangkat terus kepada MDN. Permohonan semula hendaklah dibuat di OSC. Tiada permohonan terus kepada MDN dibenarkan.
• Tiada rekod berkenaan kelulusan khas oleh MDN.	• Sekiranya kuasa khas Menteri masih hendak dikekalkan, setiap rekod permohonan dan kelulusan Menteri hendaklah dikendalikan dan disimpan oleh pejabat OSC KDN. • Semua maklumat pemohon dan data mengenai pekerja asing yang diluluskan dimuatnaik dalam sistem pengkalan data KDN untuk diakses oleh semua pihak yang berkepentingan. • Rekod kelulusan MDN hendaklah dinyatakan dengan jelas dan disimpan oleh OSC supaya wujudnya ketelusan dalam tadbir urus berkaitan kelulusan khas MDN dan tidak menimbulkan keraguan.
• OSC tidak dilengkapi dengan sistem atas talian (online) dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	• Sistem pendaftaran permohonan pekerja asing hendaklah ada akses kepada sistem SSM bagi membolehkan pegawai di OSC mengesan samada majikan tersebut merupakan majikan yang tulen di samping mengesan pemalsuan dan penipuan dokumen oleh pihak yang ingin mengambil kesempatan (manipulasi oleh Orang Tengah).
• Tiada suatu mekanisme pengesahan ketulenan sesuatu dokumen yang dikemukakan ke OSC bagi tujuan permohonan untuk mendapatkan kuota pekerja asing bagi semua sektor (geran tanah, geran ladang, sijil-sijil perakuan kemahiran dan dokumen SSM).	• Satu mekanisma pengesanan dan pengesahan ketulenan dokumen-dokumen yang digunakan dalam proses permohonan kuota pekerja asing melalui perkongsian pintar dengan agensi-agensi yang berkaitan perlu diwujudkan.
• Tiada suatu mekanisme pengesanan bagi memastikan dokumen yang digunakan untuk permohonan pekerja asing ini telah digunakan berulang kali oleh pemohon yang sama atau pemohon berlainan.	• Mewujudkan satu mekanisma yang boleh memastikan bahawa dokumen-dokumen yang digunakan bagi proses permohonan pekerja asing tersebut tidak boleh digunakan secara berulangkali oleh pemohon yang sama atau pemohon yang berlainan.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Proses permohonan pekerja asing masih membenarkan kaedah manual digunapakai walaupun sistem myIMMs telah diwujudkan. Alasan yang diberikan adalah sistem atas talian kadang-kala mengalami gangguan teknikal '*hanging*' iaitu sistem memproses data dengan perlahan dan mengambil masa yang lama disebabkan terdapat sistem lain yang menumpang sistem induk myIMMs seperti MyEG, Sistem Pengurusan Berpusat bagi Pekerja Asing (FWCMS), *Education Malaysia Global Services* (EMGS) bagi kemasukan pelajar antarabangsa dan Bahagian Khidmat Ekspatriat (ESD).	• Menghentikan sistem manual dan menggunapakai sepenuhnya sistem MyIMMs.
• Hal ehwal pekerja asing dari segi Dasar Penggajian diurus dan dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) tetapi pembahagian operasinya dikendalikan oleh organisasi yang berbeza iaitu Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) seperti berikut: » JTK: Kuota pekerja asing; » KDN: Permohonan pekerja asing; » JIM: Dokumentasi kemasukan dan pengesanan pekerja asing; dan » MITI: Kawal selia dasar dan peraturan pengambilan pekerja asing dalam sektor perkilangan.	• Menetapkan KSM menjadi agensi penyelaras dan pemantau berhubung pengurusan pengendalian hal ehwal pekerja asing dan mewujudkan SOP yang seragam bagi memudahkan urusan pengendalian pekerja asing bagi agensi-agensi yang terlibat.
• Semua sektor pekerjaan dibuka kepada pekerja asing.	• Semakan semula ke atas dasar pengambilan pekerja asing di semua sektor pekerjaan dengan melihat kepada keperluan sebenar dan tidak menjejaskan peluang pekerjaan dan kebajikan rakyat tempatan.
• Kawalan ke atas syarat pengiklanan oleh majikan untuk pengambilan pekerja tempatan tidak memuaskan di mana terdapat majikan hanya mengiklankan kerja kosong dalam akhbar tempatan dalam tempoh seminggu sahaja sedangkan syarat ditetapkan adalah sebulan.	• KSM dan JTK hendaklah menjalankan pemantauan berkaitan kerja-kerja kosong yang ditawarkan melalui pengiklanan.
• Peraturan sedia ada membolehkan pekerja asing bertukar majikan dalam tempoh sahlaku permit.	• Kaji semula peraturan sedia ada bagi menghadkan aktiviti pekerja asing bertukar majikan dan meletakkan beban kawalan pekerja asing ke atas majikan asal.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Agensi kawal selia berkaitan dengan pekerja asing tidak diberi kuasa dan tanggungjawab untuk mengesan pekerja asing yang telah tamat tempoh dan bertukar majikan dalam sektor masing-masing.	• Agensi kawal selia diberikan kuasa dan tanggungjawab membuat pemantauan dan pengesanan pekerja asing dalam sektor masing-masing. SOP berkaitan pengesanan dan pemantauan perlu ditetapkan oleh KDN.
• Sistem myIMMs tidak dapat mengesan pekerja asing yang telah tamat tempoh. (Pekerja asing yang telah tamat tempoh perkhidmatan yang perlu dihantar pulang oleh majikan ke negara asal dengan memohon memo periksa keluar (*check-out memo*) tidak dapat dikesan oleh pihak JIM melalui sistem myIMMs disebabkan tiada sistem amaran yang boleh memaklumkan kepada JIM untuk mengesan mana-mana pekerja asing yang telah tamat tempoh pas lawatan kerja).	• Mewujudkan mekanisme dalam sistem myIMMs di Bahagian seperti sistem '*Trigger*' atau '*Alarm*' yang berfungsi memberi peringatan sekiranya seseorang pekerja asing itu telah tamat tempoh penggajian dan keluar dari Malaysia.
• Kekurangan pegawai penguatkuasa JIM untuk menjalankan tugas penguatkuasaan.	• Dicadangkan supaya pihak JIM membuat naziran dan menetapkan fokus bidang ke atas majikan yang berisiko untuk melanggar syarat-syarat pengambilan pekerja asing.



Majikan/wakil majikan sedang berurusan di kaunter pekerja asing di OSC, Bahagian Pengurusan Pekerja Asing KDN.

1.5 Pemeriksaan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja berhubung pengurusan program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)

Pemeriksaan dijalankan berasaskan maklumat yang diterima berhubung aduan yang mengatakan Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) mengamalkan rasuah melibatkan isu-isu seperti berikut:

1. Komisen jualan buku kerja;
2. Yuran kelas komputer;
3. Kem motivasi pelajar;
4. Yuran kelas Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu;
5. Pelaksanaan tender kantin sekolah;
6. Lawatan sambil belajar;
7. Promosi dan jualan di sekolah; dan
8. *Smart Classroom*

Kelemahan-kelemahan yang ditemui hasil pemeriksaan dan cadangan penambahbaikan yang disyorkan adalah sepertimana dalam JADUAL 23.

JADUAL 23: Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan berhubung dengan pengurusan program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Tiada garis panduan berhubung kutipan yuran dan pemilihan pembekal/kontraktor untuk *smart classroom* yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai rujukan dan panduan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan SJKC.	• Mewujudkan satu Garis Panduan berkaitan *smart classroom* yang memperincikan kaedah pemilihan pembekal, kadar yuran, larangan berhubung *conflict of interest*, kelulusan oleh JPN, tatacara perakaunan dan elemen pemantauan.
• Tiada sebarang rekod disimpan di JPN dan PPD bagi sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan *smart classroom.*	• Mewajibkan PPD dan JPN menyimpan rekod bagi sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan *smart classroom* bagi tujuan pemantauan dan meningkatkan ketelusan pengurusan *smart classroom.*
• Tiada pemantauan atau naziran dibuat oleh JPN dan PPD terhadap *smart classroom.*	• Pihak JPN atau PPD perlu membuat naziran atau pemantauan ke atas smart classroom sebagai elemen kawalan dalaman.
• Tiada garis panduan berkaitan kadar kutipan yuran kelas komputer yang perlu dipatuhi oleh pihak sekolah.	• Mewujudkan garis panduan berkaitan kadar kutipan yuran kelas komputer secara jelas dan terperinci. • Menetapkan had maksima kadar kutipan yuran yang dibenarkan • Menjelaskan larangan berhubung *conflict of interest*
• Tiada larangan pemilihan berterusan dinyatakan dalam Panduan Pengurusan Kedai Buku Sekolah 2006. Wujud perlantikan pembekal buku yang sama setiap dua tahun. Contoh: SJKC Chong Hwa telah memilih syarikat pembekal yang sama.	• Memasukkan klausa larangan perlantikan pembekal yang sama selepas tamat tempoh 2 tahun.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Tiada penerangan mengenai larangan pemilihan berterusan di dalam Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat 2011. Terdapat tender kantin sekolah yang diberikan kepada syarikat/individu yang sama dengan alasan telah selesa dengan perkhidmatan syarikat/ individu dan juga terdapat campur tangan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Contoh: SJKC Tai Thung	• Pemilihan tender kantin mesti dibuat secara giliran/ pusingan mengikut tempoh yang ditetapkan. (2 + 1 tahun) secara mandatori.
• Tiada *check & balance* dilaksanakan ke atas kutipan bayaran dan pengurusan perbelanjaan aktiviti lawatan sambil belajar dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2007 - Garis Panduan Lawatan Murid.	• Mewujudkan sistem kawalan dalaman seperti peranan penyelia, proses semakan dan pengesahan serta mewujudkan akaun khusus untuk kutipan bayaran dan perbelanjaan selepas lawatan.
• Tiada larangan menerima komisyen oleh guru-guru dan guru besar dinyatakan secara jelas di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/1988 - Larangan Menjalankan Jualan Terus di Sekolah-Sekolah	• Menambahbaik arahan / pekeliling berkaitan dengan memasukkan klausa larangan menerima komisyen agar selaras dengan tafsiran suapan di bawah Seksyen 3, Akta SPRM 2009
• Tiada penerangan yang jelas berkaitan dengan bidang kuasa, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) berhubung perlantikan kontraktor/pembekal - Surat Siaran KPM Bil 7/2014 - Penubuhan LPS.	• Menambahbaik garis panduan berhubung penubuhan LPS dengan menerangkan secara terperinci bidang kuasa, peranan dan tanggungjawab LPS supaya tidak berlaku pertindihan kuasa dan percanggahan pendapat antara LPS dan pihak sekolah sekaligus menutup ruang dan peluang kepada rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.
• Tiada pemantauan dan audit dibuat ke atas geran (pakej rangsangan) kepada LPS oleh KPM atau JPN.	• Melaksanakan pemantauan dan audit ke atas akaun LPS yang menerima peruntukan /geran daripada kerajaan.
• Ketiadaan Unit Integriti di setiap Jabatan Pendidikan Negeri seluruh Malaysia yang bertanggungjawab untuk memantau pematuhan terhadap arahan, peraturan dan SOP yang ditetapkan oleh KPM.	• Mewujudkan Unit Integriti di setiap Jabatan Pendidikan Negeri bagi memantau pematuhan terhadap arahan, peraturan dan SOP yang ditetapkan oleh KPM.

1.6 Pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara kerja pengurusan pembiayaan program oleh Jabatan Belia Sukan Negara (JBSN) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berada di bawah kawal selia Kementerian Belia Dan Sukan (KBS).

Pemeriksaan ini dijalankan susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2012 berhubung pengurusan pembiayaan program yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia & Sukan (KBS) melibatkan agensi-agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan permohonan dan kelulusan dana, syarat-syarat perjanjian pembiayaan, dan proses penyaluran dana serta pemantauan. Kelemahan-kelemahan yang ditemui hasil pemeriksaan dan cadangan penambahbaikan yang disyorkan sepertimana dalam JADUAL 24.

JADUAL 24: Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan berhubung dengan pengurusan pembiayaan program oleh Jabatan Belia Sukan Negara (JBSN) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berada di bawah kawal selia Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Penerima dana NGO membuat bayaran atas nama pegawai JBSN dan ini adalah bercanggah dengan Arahan Perbendaharaan AP99 (b).	• Mengeluarkan arahan bertulis kepada JBSN untuk menghentikan segera amalan penerimaan bayaran daripada NGO oleh pegawai JBSN. Memastikan semua peruntukan Arahan Perbendaharaan (AP), Pekeliling, Arahan dan Prosedur Kewangan sentiasa difahami dan dipatuhi oleh pegawai; • Memperkenalkan sistem dan tatacara bayaran yang selaras dengan AP dan prosedur kewangan kerajaan sekiranya terdapat keperluan untuk pegawai menerima bayaran daripada mana-mana pihak untuk aktiviti rasmi jabatan; dan • Mewujudkan garis panduan yang jelas berhubung tanggungjawab dan kaedah pembayaran kepada pembekal, khusus untuk Program Profail.
• Tiada garis panduan berkaitan pemantauan dibuat ke atas pejabat operasi NGO/ Persatuan/ Pertubuhan oleh JBS bagi memastikan setiap pejabat operasi NGO/ Persatuan/ Pertubuhan.	• Mewujudkan SOP / Garis Panduan pemantauan ke atas pejabat operasi NGO / Persatuan / Pertubuhan yang menggariskan kaedah dan tatacara pemantauan dan tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku ketidak patuhan serta peranan dan tanggungjawab pihak NGO / Persatuan / Pertubuhan dalam memastikan dokumen permohonan disimpan dan diuruskan secara teratur.
• Pemantauan yang dilaksanakan oleh pihak KBS atas pejabat operasi NGO / Persatuan / Pertubuhan melalui laporan yang tidak dapat dipastikan kesahihannya dan kebenaran maklumat yang diberi.	• Pemantauan / naziran / audit secara berkala ke atas pejabat operasi NGO / Persatuan / Pertubuhan.
• Cadangan Kertas Kerja Program (Proposal Paper Programme) dan Laporan Keberhasilan (Post Mortem Report) yang disediakan oleh NGO / Persatuan / Pertubuhan tidak memperincikan perbelanjaan item-item dalam program.	• KBS perlu mengeluarkan arahan bertulis mewajibkan NGO / Persatuan / Pertubuhan memperincikan setiap perbelanjaan item dalam program yang hendak dilaksanakan. • Satu format yang *standard* juga perlu disediakan supaya dapat dipatuhi oleh NGO/Persatuan/ Pertubuhan.
• Tiada perakuan pengesahan surat permohonan pembiayaan program oleh JBSN kepada Majlis Belia Malaysia (MBM) secara formal – terdapat surat permohonan peruntukan oleh JBSN yang tidak ditandatangani.	• JBSN perlu mengeluarkan surat permohonan rasmi kepada MBM bagi memohon peruntukan untuk disalurkan kepada NGO / Persatuan / Pertubuhan.

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Tiada akuan serah terima yang formal berkaitan penerimaan peruntukan.	• KBS dan MBM perlu menyediakan borang akuan terima dan menguatkuasakan penggunaannya bagi sebarang pergerakan atau penerimaan wang secara tunai kepada NGO / Persatuan / Pertubuhan berkaitan peruntukan yang diberikan.
• Tiada pengesahan bertulis atau berminit berkaitan bayaran secara *ad-hoc* yang dipohon, tetapi wang dikeluarkan dan dibelanjakan tanpa mengetahui butiran perbelanjaan.	• Semua bayaran *ad hoc* dipohon oleh KBS/JBSN kepada MBM perlu dicatat secara bertulis dan disahkan pegawai yang memohon.
• Tiada komunikasi di antara pihak KBS dengan MBM berkaitan tuntutan dan bayaran kepada pembekal bagi Projek Profil dan Projek Tanpa Profil.	• Pihak pengurusan KBS perlu mengeluarkan arahan bertulis berkenaan perkara ini dan mewajibkan komunikasi secara efektif dan efisen.
• Pegawai Penyelia Program tidak menyediakan laporan siap kerja setelah sesuatu program telah selesai dilaksanakan.	• Pihak pengurusan KBS perlu mengeluarkan arahan bertulis kepada MBM berkaitan dengan arahan supaya mewujudkan borang perakuan siap kerja setelah siap sesuatu program.
• Tiada SOP berkaitan tuntutan dan bayaran kepada pembekal bagi Projek Profil dan Projek Tanpa Profil.	• Mewujudkan garis panduan berhubung pengurusan dana KBS oleh agensi atau NGO bagi setiap Projek Profil dan Projek Tanpa Profil.
• MBM tidak ada menyediakan pelaporan kewangan kepada KBS bagi setiap perbelanjaan program.	• Pihak KBS perlu mengarahkan MBM untuk mengemukakan satu laporan penuh (final report) bagi setiap program yang telah selesai pembayaran bagi tujuan rekod KBS dan pengauditan.
• Kelemahan sistem penyimpanan rekod dan fail oleh pihak NGO / Persatuan / Pertubuhan berkenaan pengurusan perbelanjaan Hari Belia Negara (HBN) 2012.	• KBS mengeluarkan arahan bertulis untuk mewajibkan NGO / Persatuan / Pertubuhan menandatangani surat Akujanji berkaitan pengurusan perbelanjaan HBN pada masa akan datang.
• Perakuan Siap Kerja hanya dibuat secara lisan dan tidak didokumenkan.	• Mengeluarkan arahan yang mewajibkan Perakuan Siap Kerja dibuat secara bertulis dan perlu didokumenkan.
• Tidak ada syarat yang mewajibkan supaya dokumen sokongan disertakan semasa tuntutan dibuat.	• Setiap pembayaran mestilah mengikut arahan kewangan sepertimana termaktub dalam AP 99(a) - Baucer perlu disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.



Perbincangan pihak SPRM yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) bersama Menteri Belia dan Sukan Malaysia, YB Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar bertempat di Pejabat YB Menteri di KBS Pada 21 Oktober 2015.

1.7 Pemeriksaan amalan, sistem dan tatacara kerja berhubung pelaksanaan bantuan projek khas perumahan nelayan 2012 oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Pemeriksaan dibuat susulan daripada maklumat yang diterima mengenai penyelewengan yang berlaku dalam pelaksanaan bantuan Projek Khas Perumahan Nelayan 2012 hasil daripada operasi siasatan yang dibuat melibatkan kerja baik pulih 223 buah rumah nelayan di kawasan Parlimen Dungun, Terengganu. Ia bertujuan untuk mengkaji amalan, dasar, sistem dan tatacara kerja yang digunapakai dalam menyalurkan peruntukan bantuan tersebut oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kepada golongan sasar. Kelemahan-kelemahan yang ditemui hasil pemeriksaan dan cadangan penambahbaikan yang disyorkan sepertimana dalam JADUAL 25.

JADUAL 25: Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan bantuan projek khas perumahan nelayan 2012 oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Keputusan kerajaan memberi kuasa kepada Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) untuk menguruskan projek baikpulih Perumahan Nelayan termasuk urusan-urusan pembayaran tuntutan kepada kontraktor, sebaliknya LKIM yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek ini hanya berperanan menyalurkan peruntukan dan memberi kelulusan bantuan setelah disyor oleh MPPP.	• Pelaksanaan Projek Baikpulih Rumah Nelayan hendaklah dilaksanakan sepenuhnya oleh LKIM sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus hal ehwal berkaitan nelayan.
• Kelemahan terhadap Garis Panduan Projek Khas Perumahan Nelayan yang dikeluarkan oleh LKIM adalah seperti berikut: » SOP LKIM berhubung dengan butiran spesifikasi tidak dinyatakan; » Pengesahan hanyalah berdasarkan gambar-gambar sebelum, semasa dan setelah siap kerja; » Elemen dokumentasi tuntutan yang tidak lengkap contohnya Pesanan Penghantaran (Delivery Order - DO), Invois, Senarai Kuantiti (Bill of Quantity – BQ); dan » Tiada klausa larangan dinyatakan berhubung dengan Tawar Turun Kerja (sub-kontraktor).	• Menambahbaik SOP LKIM mengenai Projek Khas Perumahan Nelayan mengikut Arahan Perbendaharaan.

1.8 Pemeriksaan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja berhubung sebutharga membekal dan menghantar barangan berdasarkan contoh perkhidmatan di Tentera Darat Malaysia.

Pemeriksaan dijalankan hasil maklumat yang diterima berhubung tatacara perolehan sebutharga bagi membekal dan menghantar sarung bantal putih dan cadar kepada Tentera Darat Malaysia (TDM) melibatkan 91 Depot Pusat Kor Ordinans DiRaja, Kem Batu Kentonmen, Kuala Lumpur. Depot ini menggunakan spesifikasi 'pandang dan lihat' bagi barangan berdasarkan contoh perkhidmatan (barangan bukan operasi).

Barangan berdasarkan contoh perkhidmatan merupakan barangan yang tidak mempunyai spesifikasi khas dan nilai perolehannya adalah di bawah RM200,000 termasuklah sarung bantal, cadar putih, berus kasut, berus baju dan stokin hitam & putih yang tiada spesifikasi khusus semasa sebutharga dilaksanakan. Kaedah yang telah diguna pakai adalah berdasarkan kepada kaedah melihat dan sentuhan contoh barangan yang disediakan oleh pihak Jawatankuasa Sebutharga. Kaedah ini merupakan amalan yang digunakan oleh Depot bagi jenis perolehan barangan tersebut.

Kelemahan-kelemahan yang ditemui hasil pemeriksaan dan cadangan penambahbaikan yang disyorkan sepertimana dalam JADUAL 26.

JADUAL 26: Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan berhubung dengan bekalan barangan untuk perkhidmatan di Tentera Darat Malaysia

KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
• Barangan berdasarkan contoh perkhidmatan merupakan barangan yang tidak mempunyai spesifikasi khas. • Barang-barang ini ditentukan spesifikasinya melalui mesyuarat iaitu 'pandang dan lihat', di mana semasa pembekal-pembekal ini hadir, pihak Urusetia akan menyediakan sampel barangan fizikal tersebut, dan pembekal yang menentukan spesifikasinya sendiri.	• Spesifikasi bagi apa jua barangan yang ditawarkan dalam sebutharga perlu dimasukkan dalam kolum e-Perolehan. Ini berdasarkan Perkara 174 Arahan Perbendaharaan yang menyatakan apabila sebutharga dipelawa, spesifikasinya hendaklah jelas supaya pembekal mendapat gambaran mengenai kehendak yang diminta dan pembekal mempunyai satu asas yang saksama untuk menyertai sebutharga.
• Dalam sistem ePerolehan, kolum spesifikasi bukan merupakan satu kolum yang mandatori, di mana jika tiada spesifikasi dimasukkan, urusetia boleh terus ke kolum yang seterusnya. Urus setia hanya perlu memasukkan barangan berdasarkan contoh perkhidmatan dan terus ke kolum yang seterusnya. Ini menyebabkan kolum spesifikasi tidak dimasukkan ciri-cirinya.	• Menjadikan kolum spesifikasi dalam sistem e-Perolehan sebagai kolum yang mandatori di mana Urusetia perlu memasukkan spesifikasi barangan sebelum ke kolum seterusnya.

Hasil dari cadangan penambahbaikan yang diberikan, pihak ATM telah mengambil langkah proaktif dan sentiasa memastikan Arahan Perbendaharaan serta tatacara perolehan yang ditetapkan dipatuhi oleh anggotanya. Pasukan pemantauan SPRM mendapati penambahbaikan yang dilaksanakan dapat membendung ruang dan peluang daripada berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

2. KHIDMAT NASIHAT KHUSUS ATAS PERMOHONAN JABATAN

Selain daripada khidmat nasihat melalui KPP, SPRM juga memberi khidmat nasihat secara khusus kepada Jabatan yang memohon nasihat dan pandangan terhadap isu-isu tertentu yang dibangkitkan. Antaranya:

2.1 Khidmat nasihat berhubung penerimaan tajaan oleh pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tujuan menghadiri bengkel, seminar, kursus, lawatan serta latihan tempatan dan antarabangsa.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memohon khidmat nasihat daripada SPRM berhubung isu pelawaan tajaan yang diterima oleh pegawai-pegawai KKM daripada pihak swasta yang dibuat melalui persatuan atau pertubuhan untuk menghadiri bengkel, seminar, kursus, lawatan serta latihan. Tajaan ini meliputi bayaran pendaftaran, tambang kapal terbang atau kemudahan perjalanan.

Berdasarkan Pekeliling yang sedia ada, penerimaan tajaan ini adalah bertentangan dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 (Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam).

Sehubungan itu, SPRM telah mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada KKM berhubung penerimaan tajaan oleh pegawai KKM bagi tujuan menghadiri bengkel, seminar, kursus, lawatan serta latihan tempatan dan antarabangsa sepertimana berikut:

JADUAL 27: Cadangan penambahbaikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
1	Tajaan daripada pihak swasta tidak boleh ditawarkan kepada mana-mana pegawai secara individu. Penajaan yang ingin ditawarkan hendaklah dibuat kepada Jabatan.
2	Mewujudkan satu jawatankuasa pemilihan dan kelulusan penerimaan tajaan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha / Timbalan Ketua Setiausaha dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pengarah Bahagian berkaitan dan pegawai Unit Integriti Jabatan.
3	Mewujudkan satu polisi dan garis panduan di peringkat KKM khusus berhubung penerimaan tajaan bagi tujuan menghadiri bengkel, seminar, kursus, lawatan serta latihan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Memastikan elemen-elemen kawalan ada dalam polisi dan garis panduan tersebut.
4	Sebarang bentuk latihan berkaitan pembekalan ubatan dan peralatan yang dibuat oleh pembekal hendaklah dinyatakan dalam perjanjian kontrak berkaitan.

Hasil surat nasihat ini KKM telah menyediakan deraf Garis Panduan Penerimaan Tajaan Oleh Pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tujuan menghadiri kursus, latihan dan seminar dalam dan luar negara dan dikemukakan kepada JPA untuk kelulusan.

2.2 Khidmat nasihat berhubung kebenaran penerimaan hadiah bagi kontrak perkhidmatan rangkaian 1PDRM Net oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memohon khidmat nasihat daripada SPRM berhubung isu tawaran dan sumbangan muhibbah berbentuk iPad kepada pengurusan tertinggi KDN, Setiausaha-Setiausaha Bahagian (SUB) dan pegawai-pegawai dari Bahagian Perolehan KDN.

Sumbangan muhibbah tersebut ditawarkan oleh pembekal sebagai mengimbangi (offset) kepada pengurangan harga semasa proses rundingan harga bagi kontrak Perkhidmatan Rangkaian 1PDRM yang dibuat secara Rundingan Terus. IPad tersebut telah pun diterima oleh KDN tetapi belum diagihkan.

SPRM telah mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada KDN berhubung penerimaan kebenaran penerimaan hadiah bagi Kontrak Perkhidmatan Rangkaian 1PDRM Net seperti dalam JADUAL 28.

JADUAL 28: Cadangan penambahbaikan bagi Kementerian Dalam Negeri (KDN)

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
1	KDN dinasihati agar memulangkan semula iPad berkenaan kepada pembekal atau *end user* iaitu PDRM kerana: • dikhuatiri penerimaan ini boleh menjurus kepada kesalahan jenayah rasuah di bawah Kanun Keseksaan dan Akta SPRM 2009; • penerimaan ini bercanggah dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998, Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam; • penerimaan ini juga boleh menimbulkan konflik berkepentingan (conflict of interest) sekiranya terdapat isu atau permasalahan timbul sepanjang perlaksanaan kontrak; dan • penerimaan oleh Pengurusan Tertinggi, SUB dan pegawai dari Bahagian Perolehan boleh menimbulkan persepsi negatif bukan sahaja dalam kalangan kakitangan jabatan berkenaan tetapi juga orang awam kerana pemberian tersebut tidak diberikan kepada pengguna akhir dalam kontrak perkhidmatam iaitu PDRM.

BIL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
2	KDN juga adalah dinasihati untuk lebih berwaspada dan mengambil kira segala aspek yang boleh menimbulkan konflik berkepentingan dan perlanggaran kepada peruntukan undang-undang, peraturan-peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa sebelum membuat keputusan berhubung tawaran dan sumbangan muhibbah seperti ini pada masa-masa akan datang.

Hasil daripada khidmat nasihat ini, KDN membuat keputusan menyerahkan semua iPad berkenaan kepada PDRM sebagai aset Jabatan.

3. IKRAR INTEGRITI KORPORAT

Ikrar Integriti Korporat merupakan satu dokumen yang membenarkan sesebuah syarikat/organisasi membuat komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah. Syarikat/organisasi yang menandatangani ikrar ini berikrar dan berjanji untuk tidak terlibat dalam sebarang bentuk perlakuan rasuah serta melaksanakan usaha-usaha pencegahan yang berterusan.

Ikrar yang ditandatangani secara sukarela ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) – Membanteras Rasuah yang dilaksanakan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dilaksanakan secara bersama dengan Badan Kawal Selia Korporat di Malaysia di bawah Sistem Integriti Korporat Malaysia (Corporate Integrity System Malaysia - CISM). SPRM telah dilantik oleh Kerajaan sebagai penjaga(custodian) CIP. Manakala ahli yang lain iaitu Institut Integriti Malaysia (IIM), *Transparency International Malaysia* (TI-M), Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), NKRA Membanteras Rasuah, Bursa Malaysia Berhad, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SCM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai pelaksana dan penggalak kepada CIP.



Rajah 1: Anggota-anggota meja bulat Integriti Korporat

Ikrar Integriti Korporat ini menggariskan lima prinsip untuk diterima pakai oleh organisasi korporat bagi menunjukkan komitmen mereka ke arah membentuk satu persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas dari rasuah.



Rajah 2 : Lima prinsip Ikrar Integriti Korporat

Pemerkasaan Ikrar Integriti Korporat dibuat melalui pemantauan ke atas para penandatangan sekurang-kurangnya selepas enam bulan Ikrar ini ditandatangani. Kaedah pemantauan dan pelaporan dibuat berdasarkan sepuluh Inisiatif Pencegahan-Rasuah seperti dalam Rajah 3 di bawah:



Rajah 3: Sepuluh inisiatif anti rasuah

Semenjak diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2011, sebanyak 828 organisasi telah menandatangani Ikrar ini. Daripada jumlah tersebut, 161 penandatangan adalah daripada badan awam, 642 daripada sektor swasta dan 25 lagi daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO). Bagi tahun 2015, sebanyak 316 organisasi telah menandatangani CIP. 53 daripadanya adalah badan awam, 260 syarikat swasta dan tiga buah NGO.

Hasil pemantauan melalui Bengkel Pemantauan Ikrar Integriti Korporat yang diadakan pada 14 hingga 16 Oktober 2015 ke atas 37 agensi kerajaan dan swasta, didapati terdapat kemajuan dalam pelaksanaan inisiatif. Namun kebanyakan agensi berkenaan masih memerlukan bimbingan lanjut daripada SPRM. Antara agensi yang dikenalpasti telah melaksanakan inisiatif anti-rasuah selaras dengan prinsip CIP adalah seperti berikut:

JADUAL 29: Inisiatif yang dilaksanakan oleh syarikat/organisasi.

SYARIKAT / ORGANISASI	INISIATIF YANG DILAKSANAKAN
Indahwater Konsortium Sdn Bhd (IWK)	• Penubuhan Unit Integriti • Pelancaran Polisi Pemberi Maklumat • Seminar Integriti di setiap wilayah • Taklimat Integriti kepada pembekal-pembekal • Taklimat Kod Etika sewaktu latihan induksi
Universiti Sains Malaysia (USM)	• Seminar Etika Perniagaan • Taklimat Perundangan dan Integriti bagi kemasukan pelajar baru
Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	• Minggu Integriti 2015
Projek Lintasan Kota Holding Sdn. Bhd. (Prolintas)	• Kempen Kesedaran Integriti • Forum Integriti dalam urusan kontrak dan perolehan • Program Integriti Prolintas



YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan di Majlis Penyampaikan Sijil Penghargaan kepada 37 agensi kerajaan dan swasta yang menyertai Bengkel Pemantauan Ikrar Integriti Korporat



Sidang Media Sempena Bengkel Pemantauan Ikrar Integriti Korporat



Bengkel Pemantauan Ikrar Integriti Korporat yang diadakan pada 14 hingga 16 Oktober 2015.

Pelancaran portal *Corporate Integrity System Malaysia* (CISM).



Portal CISM memaparkan jumlah penandatangan Ikrar Integriti Korporat tahun 2015

Portal Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) ini yang telah dibangunkan sejak tahun 2011 bertujuan untuk memberi informasi tentang usaha-usaha untuk membudayakan integriti dan menggalakkan sektor korporat mewujudkan suasana perniagaan yang menolak rasuah serta memupuk nilai ketelusan, kebertanggungjawaban dan tadbir urus yang baik.

Mulai penghujung tahun 2013, penambahbaikan telah dibuat ke atas portal CISM. Antaranya ialah penjenamaan semula portal kepada imej korporat, mewujudkan Sistem Pendaftaran Ikrar Integriti Korporat (CIP) secara atas talian dan menyediakan platform berkongsi amalan terbaik yang telah dilaksanakan oleh penandatangan. Selain itu, Portal CISM ini juga dijadikan sebagai medium pemantauan oleh SPRM ke atas aktiviti/ program yang dilaksanakan.





Pelancaran portal CISM oleh SPRM dan IIM pada 8 Disember 2015 di Pusat Konvensyen Sime Darby (SDCC).

3.1 *Lab Corporate Integrity System Malaysia* (CISM)

Sebanyak enam Lab penggunaan portal *Corporate Integrity System Malaysia* (CISM) dilaksanakan sepanjang bulan November 2015 mengikut Zon (Zon Tengah, Zon Timur, Zon Utara, Zon Selatan, Zon Sabah dan Zon Sarawak). Lab ini bertujuan membimbing pegawai-pegawai agensi penandatangan menggunakan portal CISM.



Lab penggunaan portal *Corporate Integrity System Malaysia* (CISM).

3.2 Persidangan Ikrar Integriti Korporat.

Persidangan yang diadakan pada 8 Disember 2015 ini merupakan acara tahunan yang mengumpul para penandatangan dari pelbagai sektor, para ilmuan, pengamal perniagaan serta pegawai-pegawai integriti di seluruh Malaysia sebagai platform perkongsian idea dan perbincangan berhubung halatuju pencegahan rasuah. Tema persidangan pada kali ini ialah *Theoretical vs Practical.*



Persidangan Ikrar Integriti Korporat di Pusat Konvensyen Sime Darby.

3.3 Penambahbaikan Akta Suruhanjaya Syarikat 2001.

Melalui Perbincangan Meja Bulat CISM (CISM RTD), pelaksanaan Ikrar Integriti Korporat telah berjaya menghasilkan penambahbaikan ke atas Akta Suruhanjaya Syarikat 2001 dengan menambah perkataan pada klausa di bawah Seksyen 7(d) Akta SPRM 2009, berkaitan fungsi Suruhanjaya iaitu:

> "Untuk mendorong dan menggalakkan tatalaku yang sepatutnya di kalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai lain sesuatu perbadanan, dan pengawal seliaan diri oleh perbadanan, syarikat, perniagaan, kumpulan perindustrian dan badan ikhtisas dalam sektor korporat demi untuk memastikan bahawa segala kegiatan korporat dan perniagaan dijalankan mengikut norma-norma yang telah mantap mengenai pentadbiran korporat yang baik dan untuk merangsang dan untuk menggalakkan tanggungjawab korporat dan kemampanan perniagaan."

Dengan penambahbaikan Akta ini, penandatangan CIP dari sektor swasta akan lebih serius dalam usaha memerangi rasuah dan komited dalam pelaksanaan tadbir urus serta sifar toleransi terhadap rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di organisasi masing-masing.

4. PENGURUSAN RISIKO RASUAH

Pengurusan Risiko Rasuah atau dikenali sebagai *Corruption Risk Management* (CRM) merupakan pendekatan yang dilaksanakan oleh SPRM bagi membantu pihak pengurusan badan-badan awam dan swasta mengesan dan menilai risiko-risiko rasuah dalam organisasi. CRM merupakan alat pengurusan bagi agensi mengenalpasti ancaman-ancaman rasuah dalam pelaksanaan aktiviti dan seterusnya mengambil langkah-langkah penambahbaikan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan dalam urusan berkenaan.

Pelaksanaan CRM akan memudahkan pembentukan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Organisasi kerana ia dapat membantu mengenalpasti isu-isu rasuah dan kelemahan tadbir urus yang wujud dalam organisasi di samping mengenalpasti risiko-risiko rasuah yang telah, sedang atau mungkin akan berlaku. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 35 bengkel CRM telah dijalankan seperti yang dipaparkan dalam LAMPIRAN 1.

Agensi-agensi yang menghadiri kursus/taklimat, memberikan komitmen mereka untuk menghasilkan pelan risiko rasuah masing-masing dan memperakukan kepada SPRM bagi melaksanakan pelan penambahbaikan yang ditetapkan. Impak pelaksanaan CRM hanya dapat dinilai setelah pelan penambahbaikan dilaksanakan oleh agensi.

5. *ACE CENTRE*: PEMBASMIAN RASUAH MELALUI WADAH PENCEGAHAN DAN PENDIDIKAN

Anti-Corruption & Ethics (ACE) *Centre* merupakan hasil cetusan idea oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM supaya usaha membanteras rasuah diperluaskan menerusi usaha-usaha pendidikan dan pencegahan. *ACE Centre* merupakan satu platform perkongsian maklumat berkaitan isu-isu rasuah semasa, cadangan penyelesaian dan garis panduan usaha-usaha pencegahan oleh sektor awam dan swasta mahupun orang awam. Perkongsian maklumat ini boleh dicapai melalui fungsi *live chat* ACE, portal rasmi SPRM serta program-program yang diadakan.

Penubuhan *ACE Centre* telah dilancarkan secara rasmi oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 6 Oktober 2015 di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE.

Seiring dengan majlis pelancaran *ACE Centre*, satu jalinan kerjasama (alliance) telah dibentuk dengan termeterinya hubungan strategik untuk meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan rasuah dalam sektor pembinaan di antara Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau *Construction Industry Development Board* (CIDB) Malaysia dengan *Global Insfrastructure Anti-Corruption Centre* (GIACC), United Kingdom yang diterajui oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). Ia merupakan satu inisiatif yang sangat baik dalam mewujudkan persekitaran bebas rasuah di Malaysia.

Di antara peruntukan perjanjian, CIDB boleh menggunapakai bahan-bahan ceramah GIACC untuk tujuan latihan dan membolehkan industri pembinaan di Malaysia menggunakan *toolkits* dan amalan terbaik GIACC sebagai usaha mengelakkan berlakunya perbuatan rasuah dalam penyelenggaraan sesebuah projek infrastruktur dan pembinaan.



Pelancaran *ACE Centre* oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan pada 6 Oktober 2015 di Pusat Pameran Dan Konvensyen MATRADE, Kuala Lumpur



Perjanjian Perhubungan Strategik antara CIDB Holdings dan GIACC, UK; Inisiatif Pertama *ACE Centre* ke arah mengenalpasti amalan terbaik dalam industri pembinaan.

5.1 Bengkel pencegahan rasuah dalam projek infrastruktur oleh GIACC, UK anjuran bersama CIDB & *ACE Centre*

Sempena dengan pelancaran laman web *Anti-Corruption & Ethics* (ACE) *Centre*, satu bengkel selama sehari mengenai pencegahan rasuah dalam projek pembinaan infrastruktur telah diadakan di *Putra World Trade Centre* (PWTC) pada 5 Oktober 2015. Pengasas dan Pengarah *Global Infrastructure Anti-Corruption Centre* (GIACC), United Kingdom, Neil Stansbury telah didatangkan khas untuk bengkel tersebut.

Bengkel ini merupakan sebahagian dari usaha *ACE Centre* ke arah mempelopori dan memupuk kerjasama dalam usaha mencegah kegiatan rasuah dalam industri.



Pengasas dan Pengarah *Global Infrastructure Anti-Corruption Centre* (GIACC), United Kingdom, Neil Stansbury dalam taklimat 'Pencegahan Rasuah Dalam Projek Pembinaan'.

Kesimpulan

Seperti tahun-tahun sebelumnya, tahun 2015 turut menyaksikan usaha pemeriksaan dan perundingan dapat dilaksanakan dengan berkesan. SPRM berkeyakinan bahawa syor dan cadangan penambahbaikan yang diterima baik oleh agensi terus membantu usaha mengurangkan gejala rasuah dalam perkhidmatan awam. Pemantauan yang dibuat menunjukkan syor dan cadangan yang dikemukakan oleh SPRM telah dilaksanakan dan sedang diambil tindakan oleh agensi-agensi terbabit. Pemantauan dan sokongan susulan terus dijalankan bagi memastikan kelemahan tadbir urus agensi-agensi berkaitan dapat diperkemaskan.

Penumpuan pemeriksaan dan perundingan kepada lima bidang utama iaitu perolehan, penguatkuasaan, pembinaan, pengurusan tanah dan pelesenan telah dikuatkuasakan dengan pengwujudan perjawatan Ketua Cawangan bagi setiap bidang utama dalam Waran Perjawatan di bawah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan. Pemantauan terhadap pelaksanaan inisiatif CIP oleh agensi-agensi penandatangan juga dibuat secara meluas yang merangkumi lebih banyak agensi. Kaedah pelaksanaan bengkel CRM juga turut diperkemaskan supaya pengurusan dan pelaksanaannya lebih sistematik. Pelancaran *ACE Centre* pada tahun 2015 pula merupakan satu anjakan usaha dan komitmen SPRM dalam meningkatkan lagi keberkesanan aktiviti pencegahan.

Selain daripada itu, SPRM juga memperkenalkan pendekatan zoning dalam pelaksanaan aktiviti di negeri pada tahun 2015 yang bertujuan untuk memperkasakan aktiviti-aktiviti pemeriksaan dan perundingan di seluruh Malaysia. Pendekatan ini merupakan projek perintis yang mana pelaksanaannya akan lebih menyeluruh pada tahun 2016 dan keberkesanannya disasar dapat dilihat pada tahun seterusnya.

“

Seseorang yang menyembunyikan hatta sebatang jarum yang bukan miliknya atau sejengkal tanah yang diambil secara paksa daripada pemiliknya pasti hukuman berat menanti di akhirat kelak

Hadis Rasulullah s.a.w

Tidak beriman seseorang itu selagi ia tidak mengasihi saudaranya sebagaimana ia mengasihi dirinya sendiri

Hadis Rasulullah s.a.w

”



PEMANTAPAN TADBIR URUS SEKTOR AWAM

PEMANTAPAN TADBIR URUS SEKTOR AWAM

JITU
Mekanisme pelaksanaan tadbir urus baik sektor awam

Sektor awam berdepan dengan pelbagai cabaran yang kompleks dalam usaha menyampaikan perkhidmatan awam yang berkualiti kepada rakyat ekoran daripada perubahan persekitaran domestik dan global yang semakin dinamik serta berdaya saing. Amalan tadbir urus baik (good governance) yang memberi penekanan terhadap aspek prestasi dan pematuhan adalah penting bagi menghadapi cabaran ini secara berkesan. Justeru, kerajaan sentiasa berusaha untuk menginstitusikan prinsip dan amalan tadbir urus baik dalam sektor awam bagi mempertingkatkan dan memperkukuhkan keupayaannya ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

Prinsip tadbir urus baik telah diterapkan ke dalam pelbagai arahan dan pekeliling sektor awam. Semua pegawai awam perlu memainkan peranan penting dalam mengamalkan prinsip tadbir urus baik demi meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang agar memenuhi kepuasan pelanggan malah melangkaui ekspektasi rakyat. Salah satu mekanisme pelaksanaan tadbir urus baik sektor awam adalah melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014.

MESYUARAT JITU PERINGKAT KEBANGSAAN

Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan merupakan satu platform untuk membincangkan dan menyelesaikan isu-isu semasa berkaitan tadbir urus dan integriti yang merentasi agensi melalui mekanisme musyawarah, permuafakatan dan tindakan segera untuk rakyat. Di samping itu, mesyuarat turut menyediakan sesi untuk pembentangan kertas kerja / kajian serta amalan terbaik demi perkongsian pengetahuan dan pengalaman bersama antara agensi-agensi kerajaan.

Pelaksanaan Mesyuarat

SPRM dan Pejabat YB Menteri di JPM (Tadbir Urus dan Integriti) merupakan Urus Setia Bersama JITU Peringkat Kebangsaan

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 mengenai kekerapan mesyuarat, SPRM telah berjaya mengadakan Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan sebanyak tiga kali sepanjang tahun 2015 seperti dalam LAMPIRAN 2.



Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan Tahun 2015

Perkara-perkara berbangkit

Sepanjang tahun 2015, sebanyak sembilan isu utama telah dibincangkan melalui tiga siri Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan.

JADUAL 30: Senarai isu yang dibincangkan dalam mesyuarat JITU peringkat kebangsaan tahun 2015

BIL	ISU
1.	'Orang Tengah'
2.	Tapisan keutuhan bagi pelantikan pegawai kanan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
3.	Pengurusan dana
4.	Rundingan Terus (Direct Negotiation)
5.	Kajian dasar bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pegawai penguatkuasa semasa menjalankan tugas
6.	Kebocoran maklumat rasmi dan rahsia rasmi di sektor awam
7.	Penyeludupan migran melalui pintu masuk sempadan di zon utara Kedah dan Perlis
8.	Cadangan pindaan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Bahagian II, Peraturan 5 berkaitan dengan pekerjaan luar
9.	Pelantikan pegawai kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Badan Berkanun, Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) atau GLC

Status tindakan susulan ke atas isu-isu berbangkit hasil daripada keputusan mesyuarat adalah seperti yang berikut:

1. Isu 'Orang Tengah'

SPRM telah mengadakan dua siri makmal (Lab) 'Orang Tengah' yang bertujuan mengkaji peranan 'Orang Tengah' di samping mencadangkan penambahbaikan terhadap dasar bagi menutup ruang dan peluang perlakuan rasuah dan penyelewengan dalam kalangan 'Orang Tengah' berdasarkan konteks dalam penguatkuasaan, perolehan dan perkhidmatan sektor awam.

JADUAL 31: Makmal 'Orang Tengah' tahun 2015

MAKMAL	TARIKH	OBJEKTIF	AGENSI TERLIBAT
Siri 1 Bil. 1 Tahun 2015	13 April 2015	Membincangkan definisi dan peranan 'Orang Tengah'	MOF, MOA, AGC, KDN, KPDNKK, KKR, JPJ, ICU, JPA, JPM dan SPRM
Siri 2 Bil. 2 Tahun 2015	15-17 Jun 2015	Menyediakan draf Garis Panduan Menangani 'Orang Tengah'	

Seterusnya, hasil makmal 'Orang Tengah' telah dibawa ke mesyuarat khas bagi membincangkan isu 'Orang Tengah' yang diadakan pada 13 November 2015 bertempat di MACA. Mesyuarat dihadiri oleh Ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR), Pasukan Khas Perunding JITU (PKP JITU), Panel Penilaian Operasi (PPO) dan SPRM.

Tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk menyediakan forum untuk perkongsian pengalaman dan pertukaran pendapat bagi menangani isu 'Orang Tengah'. Antara cadangan-cadangan penyelesaian adalah seperti yang berikut:

1. Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) yang bertanggungjawab untuk mengurus dan menilai projek-projek yang memerlukan pembiayaan dana fasilitasi hendaklah menandatangani Persepakatan Integriti;
2. Menghadkan kuasa budi bicara menteri;
3. Langkah drastik penyelesaian masalah ketirisan dengan menghapuskan terus perolehan secara Rundingan Terus;
4. Penglibatan orang tengah hanya dibolehkan dalam perolehan secara Tender Terbuka;
5. Penggunaan teknologi maklumat boleh mengurangkan peranan orang tengah;

6. Melaksanakan penandaarasan dengan agensi luar negeri yang mempunyai amalan terbaik dalam pengurusan perolehan;

7. Membuat pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dengan memasukkan klausa bahawa penjawat awam tidak tertakluk kepada sebarang surat sokongan; dan

8. Mendaftarkan secara sah berdasarkan undang-undang mengikut kepakaran bagi setiap orang tengah yang akan digunakan oleh kementerian / agensi yang memerlukan.

Keputusan Mesyuarat

Mesyuarat memutuskan bahawa cadangan-cadangan penyelesaian akan dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tadbir Urus dan Integriti) untuk makluman / pertimbangan kabinet dalam jangka masa terdekat.

2. Tapisan keutuhan bagi pelantikan pegawai kanan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Keputusan Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 67 Bil. 1 tahun 2011 telah memutuskan bahawa pelantikan pegawai kanan GLC seperti *Chief Executive Officer* (CEO) dan Pengarah Urusan perlu melalui proses tapisan keutuhan bagi mempertingkatkan integriti dalam GLC.

Mesyuarat JKKMKPK telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Ahli mesyuarat JITU turut mencadangkan agar pelaksanaan tapisan keutuhan haruslah dipanjangkan kepada Pengerusi Syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah GLC. Sehubungan dengan itu, pertemuan antara Menteri di JPM (Tadbir Urus dan Integriti) selaku pengerusi Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan, Datuk Paul Low Seng Kuan dengan Pengurusan Khazanah Nasional akan diadakan bagi membincangkan perkara ini secara mendalam.

3. Pengurusan Dana

Keputusan Mesyuarat

Semua Ketua Unit Integriti dan Ketua Unit Audit Dalaman di Kementerian dan Kerajaan Negeri diingatkan agar tidak melibatkan diri dalam jawatankuasa kelulusan dana atau jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan perolehan bagi tujuan mengelakkan daripada berlakunya percanggahan kepentingan. Di samping itu, Polisi Pemberi Maklumat hendaklah diintegrasikan ke dalam amalan dan budaya kerja bagi mengelakkan penipuan dan penyalahgunaan dalam pengurusan dana.

4. Rundingan Terus

Keputusan Mesyuarat

Kabinet telah memutuskan bahawa perolehan secara Rundingan Terus adalah tidak dibenarkan kecuali dalam peruntukan-peruntukan tertentu. Sehubungan dengan itu, semua agensi kerajaan dinasihatkan agar mematuhi tatacara perolehan kerajaan dan memastikan kontrak hanya diluluskan kepada syarikat yang mempunyai kepakaran dan kemahiran tinggi. Walau bagaimanapun, perolehan secara Rundingan Terus perlu dikurangkan bagi mencegah perdagangan orang dalam (insider trading) semasa proses perolehan kerajaan.

5. Kajian dasar bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pegawai penguatkuasa semasa menjalankan tugas

Kajian yang diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah selesai dilaksanakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir

Urus (JKTU) Peringkat Kebangsaan Siri 10 Bil. 1 Tahun 2013. Objektif kajian adalah:

i. Mengkaji dasar dan mekanisme pelaksanaan penguatkuasaan sedia ada;
ii. Mengenal pasti bentuk ancaman yang dihadapi oleh anggota penguatkuasa; dan
iii. Menyediakan cadangan penambahbaikan perlindungan, kelengkapan, dan manfaat kepada anggota agensi penguatkuasa.

Keputusan Mesyuarat

Kertas kajian ini perlu dibawa ke Mesyuarat JKKMKPK Siri 70 akan datang bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan cadangan yang dikemukakan, seterusnya mengeluarkan dasar yang berkaitannya. Namun begitu, mesyuarat JKKMKPK masih tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh dua tahun ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Sehubungan itu, JPM telah diarahkan untuk membentangkan cadangan jangka pendek dan jangka panjang berhubung dengan kajian dasar ini dalam Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan Siri 6 Bil. 1 Tahun 2016 untuk mendapatkan keputusan mengenai tindakan selanjutnya.

6. Kebocoran maklumat rasmi dan rahsia rasmi di sektor awam

JPM sedang dalam proses pembentukan Jawatankuasa Kajian bagi isu kebocoran maklumat rasmi dan rahsia rasmi di sektor awam. Walau bagaimanapun, semua agensi kerajaan adalah diingatkan agar mematuhi perkara-perkara seperti yang berikut bagi mengelakkan berlakunya kebocoran maklumat, iaitu:

i. Sentiasa mematuhi Arahan Keselamatan berkaitan tatacara pengendalian dokumen terperingkat yang telah ditetapkan;
ii. Menggunakan e-mel rasmi jabatan untuk penghantaran dokumen rasmi; dan
iii. Memastikan langkah-langkah keselamatan dan pencegahan diambil dalam pengurusan maklumat.

7. Penyeludupan migran melalui pintu masuk sempadan di zon utara Kedah dan Perlis

Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP), SRPM telah menjalankan pemeriksaan untuk mengenal pasti kelemahan dalam amalan, sistem dan tatacara berhubung penguatkuasaan penyeludupan migran melalui pintu sempadan di zon utara Kedah dan Perlis oleh agensi-agensi penguatkuasa yang terlibat. Hasil pemeriksaan bersertakan syor dan cadangan penambahbaikan bagi menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan telah dibentangkan dalam Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan Siri 4 Bil. 2 Tahun 2015. Sementara itu, SPRM telah menubuhkan Pasukan Petugas Penguatkuasaan bagi mengkaji isu pengurusan sempadan oleh penguatkuasaan di zon utara secara lebih dalam.

8. Cadangan pindaan peraturan-peraturan pegawai awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Bahagian II, Peraturan 5 berkaitan dengan pekerjaan luar

JPA telah mengadakan satu bengkel bersama Unit Integriti Kementerian dan SPRM pada 19 sehingga 21 Oktober 2015 untuk membincangkan isu ini dengan lebih lanjut. Berdasarkan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, seorang pegawai adalah tidak boleh mengambil bahagian dalam pengusahaan komersial/ pertanian/ perindustrian atau mendapatkan upah daripada mana-mana institusi/ syarikat/ firma/ individu persendirian bagi faedah sendiri atau saudara-maranya yang terdekat, melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatannya.

Namun, pengecualian daripada peruntukan ini telah menimbulkan isu percanggahan kepentingan dan ketelusan yang mana pegawai melakukan pekerjaan luar dengan syarikat ahli keluarga terdekat yang mempunyai urusan dengan jabatan. Percanggahan kepentingan akan mengakibatkan pegawai tersebut didakwa oleh SPRM di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

9. Pelantikan pegawai kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Badan Berkanun, Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) atau GLC

Menteri di JPM (Tadbir Urus dan Integriti) akan meneliti dan mengadakan perbincangan lanjut dengan *Ministry of Finance* (MOF) berhubung isu ini. Dimaklumkan bahawa pegawai kerajaan yang dilantik sebagai pengerusi atau ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun/ MKD/ GLC akan dibayar dengan elaun-elaun tertentu. Percanggahan kepentingan timbul apabila pegawai kerajaan lebih menitikberatkan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai ahli Lembaga Pengarah sehingga menjejaskan tugas hakikinya di agensi awam.

Kertas Pembentangan

JADUAL 32 memaparkan Kertas Kerja/Kajian dan Amalan Terbaik yang dibentangkan oleh agensi-agensi tertentu dalam Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan tahun 2015.

JADUAL 32: Kertas-kertas pembentangan mesyuarat JITU peringkat kebangsaan tahun 2015

MESYUARAT	AGENSI	TAJUK KERTAS
Siri 3 Bil. 1 Tahun 2015	KBS	Pengurusan pemberian bantuan kepada NGO
	KPWKM	Pengurusan dana KPWKM berkenaan program 1AZAM (AZAM Niaga dan AZAM Khidmat)
	MOSTI	Pengurusan dana MOSTI
	MOF	Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan kerajaan
Siri 3 Bil. 1 Tahun 2015	Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.)	*Implementation of MRT Corps' Corporate Integrity Pact in KVMRT SBK Line 1 Project*
	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	*Punctuality Cascading Report System* (PCRS)
	KKM	*The Good Governance for Medicines* (GGM) *Program in Malaysia*
Siri 4 Bil. 2 Tahun 2015	MAMPU	Kajian keberkesanan penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
	SPRM	Laporan pemeriksaan amalan, sistem dan tatacara kerja penguatkuasaan penyeludupan migran melalui pintu sempadan di zon utara Kedah dan Perlis
	ICU	Pelaksanaan sistem atas talian *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS)

MESYUARAT	AGENSI	TAJUK KERTAS
Siri 5 Bil. 3 Tahun 2015	SPRM	*Environment Crime – Corruption Related*
	SPRM	Pemeriksaan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja pengurusan pengambilan, pengendalian dan pengesanan pekerja asing di agensi-agensi berkaitan.
	SPRM	*Corruption Risk Management* (CRM)
	KDN	Penubuhan Agensi Keselamatan Sempadan (AKS)
	Institut Integriti Malaysia (IIM)	Projek Perintis *Fix Rate*

PASUKAN KHAS PERUNDING JITU (PKP JITU)

2 kajian telah selesai manakala

3 masih dalam tindakan

Pembentukan PKP JITU adalah berdasarkan punca kuasa Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014. PKP JITU bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian ke atas isu-isu berimpak tinggi yang telah dikenal pasti dan seterusnya menyediakan Kertas Konsep atau Kertas Cadangan untuk pembaharuan dan penambahbaikan. Pemantauan mengenai pencapaian dan status terkini kajian yang sedang/telah dilaksanakan akan dibincangkan dengan lebih lanjut melalui Mesyuarat PKP JITU. Selain itu, SPRM selaku penyelaras PKP JITU akan melaporkan hasil penemuan kajian-kajian dalam Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan. Butiran mesyuarat PKP JITU Tahun 2015 seperti dalam LAMPIRAN 3.

Pada tahun 2015, PKP JITU telah melaksanakan lima kajian seperti berikut:

JADUAL 33: Senarai kajian oleh PKP JITU.

ISU	PENERAJU	STATUS KEMAJUAN
Kajian keberkesanan penyampaian perkhidmatan pihak PBT	MAMPU	Kajian telah selesai dan dibentangkan dalam Mesyuarat JITU Peringkat Kebangsaan Siri 4 Bil. 2 Tahun 2015. Dapatan kajian dan cadangan penambahbaikan akan dikemukakan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai input bagi penyediaan Pelan Transformasi PBT.
Penyelewengan dan salah guna kuasa oleh ahli jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB/ JMC)	SPRM	Kajian telah selesai di mana SPRM telah mengemukakan cadangan berikut: a. Menggabungkan dan membuat penambahbaikan ke atas Akta Bangunan dan Harta Bersama (Pengurusan dan Penyelenggaraan) 2007 serta Akta Hak Milik Strata (1985); dan b. Mewujudkan Rang Undang-Undang Pengurusan Strata (RUUPS) 2012 sebagai akta baru.

ISU	PENERAJU	STATUS KEMAJUAN
Kajian dasar bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pegawai penguatkuasa semasa menjalankan tugas	JPM	Kajian telah selesai dan akan dibawa ke mesyuarat JKKMKPK untuk keputusan dasar.
Kebocoran maklumat rasmi dan rahsia rasmi di sektor awam	JPM	JPM sedang dalam tindakan untuk mengadakan mesyuarat khas bersama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) bagi membincangkan isu ini.
Projek pembinaan rumah kekal mangsa banjir	SPRM	SPRM sedang menjalankan kajian terhadap pengurusan dana projek pembinaan rumah kekal mangsa banjir dan mencadangkan penambahbaikan bagi menutup ruang dan peluang rasuah dan penyelewengan.

Kejayaan JITU

Kertas Pembentangan oleh SPRM dalam Mesyuarat JITU Siri 4 Bil 2 Tahun 2015 mengenai Laporan Pemeriksaan Amalan, Sistem dan Tatacara Kerja Penguatkuasaan Penyeludupan Migran Melalui Pintu Sempadan Di Zon Utara, Kedah dan Perlis telah diangkat oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap Tadbir Urus dan Integriti sebagai Memorandum Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2015.

Keputusan Mesyuarat

Mesyuarat telah bersetuju supaya Nota Taklimat mengenai Penguatkuasaan Penyeludupan Migran dan Barangan Melalui Pintu Masuk Sempadan di zon utara Kedah dan Perlis, zon timur Kelantan dan ESSZONE dibentangkan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-124.

Hasil Mesyuarat

Hasil dari mesyuarat ini kesemua cadangan yang dikemukakan SPRM telah diarah diambil tindakan oleh agensi yang berkenaan. Manakala kejayaan utama ialah penubuhan Agensi Keselamatan Sempadan (AKS) yang akan menyelaras semua tindakan agensi-agensi yang berada di sempadan bagi mengelakkan bukan sahaja penyeludupan (migran dan barangan) tetapi juga untuk menyelaraskan isu-isu integriti dan tadbir urus.

PENILAIAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Pada tahun 2014, SPRM telah menggerakkan usaha pemantapan integriti perkhidmatan awam melalui pelaksanaan Kajian Penilaian Integriti Perkhidmatan Awam Malaysia (MyIA) terhadap 20 Kementerian/ Agensi Kerajaan yang telah dikenal pasti. Sebagai tindakan susulan hasil pelaksanaan kajian tersebut, SPRM telah melaksanakan program intervensi pada tahun 2015 bagi membantu kementerian/ agensi merancang dan melaksanakan dasar integriti yang bersesuaian demi memperkukuh dan mempertingkatkan integriti di organisasi masing-masing.

Bengkel Intervensi Kajian MyIA telah diadakan sebanyak tiga kali sepanjang tahun 2015. Pengisian bengkel merangkumi sesi taklimat berkaitan PSPR dan CRM, diskusi dalam kumpulan serta sesi pembentangan oleh wakil kementerian/agensi. Butiran Bengkel Intervensi Kajian MyIA sepanjang tahun 2015 seperti yang dipaparkan dalam JADUAL 34.

OBJEKTIF PROGRAM INTERVENSI

- Menganalisis data dapatan kajian mengikut domain bagi kementerian/ agensi dengan lebih terperinci.
- Merancang secara holistik dan sistematik penambahbaikan yang boleh dilaksanakan di kementerian/agensi.
- Mencadangkan penambahbaikan dengan menggunakan alat pengurusan (management tool) SPRM seperti Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM).
- Melaksanakan pemantauan terhadap keberkesanan tindakan intervensi yang dilakukan oleh kementerian/agensi.
- Mempertingkatkan skor integriti kementerian/agensi ke tahap yang lebih baik dan seterusnya meningkatkan tahap perkhidmatan awam Malaysia.

RAJAH 4: Objektif program intervensi

JADUAL 34: Bengkel Intervensi Kajian MyIA tahun 2015.

BENGKEL	TARIKH	TEMPAT	KEMENTERIAN/ AGENSI TERLIBAT
Siri 1 Bil. 1 / 2015	19 – 21 Mac 2015	Ipoh, Perak	PDRM, KKM, JPJ, KKR, KDN, KPDNKK
Siri 2 Bil. 2 / 2015	15 – 17 Jun 2015		MOF, FELDA, AADK, KPM, MOD, JKDM, MOA, JIM
Siri 3 Bil. 3 / 2015			MOT, JKR, DOA, JPSM, UKAS, NRE



Bengkel Intervensi Kajian Penilaian Integriti Perkhidmatan Awam Malaysia (MyIA) tahun 2015.

Gerakan pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran kerajaan perlu dilakukan secara berterusan. Justeru, SPRM akan menumpukan perhatian ke hadapan dengan menjalankan Kajian MyIA 2016 ke atas 27 kementerian/agensi yang dikenal pasti. Sementara itu, SPRM juga melaksanakan pemantauan terhadap tindakan intervensi yang telah dilakukan oleh kementerian/agensi berdasarkan keputusan kajian MyIA 2014 demi memastikan objektif peningkatan integriti dalam sesebuah organisasi tercapai.

PROGRAM *MACC PEER REVIEW* (MPR)

Program MPR merupakan salah satu inisiatif dalam transformasi SPRM untuk mempertingkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat terhadap SPRM. Pelaksanaan MPR telah bermula pada tahun 2014 dengan menjadikan SPRM Negeri Johor dan SPRM Negeri Sabah sebagai projek perintis. Pada tahun 2015, program MPR telah dilaksanakan sebanyak 13 seperti yang dipaparkan dalam LAMPIRAN 4.

13 SPRM Negeri telah melaksanakan program MPR pada tahun 2015.

Pelaksanaan MPR adalah dalam bentuk perbincangan dan perkongsian pengetahuan antara Pengarah Negeri yang dinilai dengan dua orang Pengarah Negeri yang dilantik sebagai pelaksana berdasarkan pendekatan kejurulatihan dan pementoran. Skop perbincangan adalah berkaitan dengan penyiasatan, pencegahan dan khidmat pengurusan.



Pelaksanaan MACC *Peer Review* (MPR) di SPRM Negeri Kedah.

Antara penemuan/dapatan daripada program MPR ke atas SPRM Negeri yang boleh dijadikan amalan terbaik untuk perkongsian bersama adalah seperti yang berikut:

1. Pengamalan konsep pengurusan mesra tetapi tegas dalam sistem pentadbiran bagi mengeratkan hubungan antara Pengarah dengan Pegawai bawahan;

2. Pegawai Pendidikan Masyarakat serta Unit Pemeriksaan dan Perundingan SPRM Negeri menghadiri mesyuarat Bilik Gerakan Operasi (BGOS) yang bertujuan memberi pendedahan kepada mereka mengenai tugas siasatan dan mendapatkan maklumat/data terkini yang

3. Penyemakan dan pengemaskinian slaid ceramah agar bersesuaian dengan audiens dan mengikut perkembangan isu semasa dan setempat; dan

4. Pengarah perlu peka terhadap kebajikan pegawai dengan menziarahi pegawai bagi memahami permasalahan pegawai dengan lebih dekat disamping mengeratkan silaturahim.

Program MPR memainkan peranan penting dalam usaha memantapkan sistem pengurusan pentadbiran SPRM dan perlu dilaksanakan secara berterusan. Justeru, pasukan MPR telah membuat perancangan untuk melaksanakan MPR ke atas semua Bahagian di Ibu Pejabat SPRM pada tahun 2016.

Pembudayaan tadbir urus baik yang berasaskan kepada ketelusan, integriti dan keperibadian yang unggul tanpa toleransi kepada rasuah dan penyelewengan menjamin kegemilangan masa depan diri sendiri, keluarga, masyarakat serta negara

YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM)



PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI

PENGURUSAN INTEGRITI

1. Keputusan kerajaan menubuhkan Unit Integriti adalah sebagai focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Hasrat kerajaan mengambil langkah memantap dan mengukuhkan integriti ini adalah bagi memastikan penjawat awam sentiasa menjunjung dan menegakkan prinsip-prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cemerlang. Iltizam kerajaan dalam menubuhkan Unit Integriti di semua agensi awam juga bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh supaya dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013, Penubuhan Unit Integriti Semua Agensi Awam telah pun dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2013. Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) yang ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 2013 telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pelaksanaan fungsi Unit Integriti awam di peringkat Persekutuan dan Negeri di samping bertanggungjawab dalam penyediaan dasar dan mekanisme pengurusan integriti di setiap agensi. SPRM juga bertanggungjawab menetapkan pelaksanaan penarafan risiko rasuah agensi bagi menentukan model Unit Integriti yang bersesuaian untuk dilaksanakan di setiap agensi.

3. SPRM melalui BPIA bertanggungjawab menjalankan penyelidikan, merancang, menggubal dan membangunkan dasar kawalan dalaman dan inisiatif penginstitusian integriti bagi Unit-Unit Integriti Agensi di kementerian, kerajaan negeri, jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Bahagian ini juga berperanan menyelaras dan membimbing program-program penginstitusian integriti, memberi khidmat nasihat dan bantuan dalam hal-hal berkaitan pengurusan integriti kepada agensi-agensi berkenaan.

UNIT INTEGRITI AGENSI

Arahan bagi penubuhan Unit Integriti Agensi bermula 1 Ogos 2013 merupakan satu langkah proaktif Kerajaan bagi menangani isu integriti dalam kalangan penjawat awam. Ia merupakan satu usaha besar Kerajaan untuk memantapkan penginstitusian integriti dan pencegahan rasuah dalam pentadbirannya.

Sehubungan itu Unit Integriti merupakan satu unit khas yang bertanggungjawab untuk pengurusan integriti di sebuah agensi perkhidmatan awam disebabkan perkhidmatan awam sering dikaitkan dengan isu integriti dan rasuah walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk menanganinya. Ekoran dari itu, perkhidmatan awam memerlukan pendekatan baru dan perubahan strategi ke arah memantapkan penginstitusian integriti dan anti-rasuah dalam kalangan anggotanya.

JADUAL 35: Senarai agensi Persekutuan dan Negeri yang telah menubuhkan Unit Integriti Agensi sehingga 31 Disember 2015.

BIL	KATEGORI AGENSI	TARAF RISIKO AGENSI				JUMLAH AGENSI YANG TELAH MENUBUHKAN UNIT INTEGRITI			
		R	S	T	JUMLAH	R	S	T	JUMLAH
1	Kementerian Persekutuan	0	13	12	**25**	0	13	12	**25 (100%)**
2	Jabatan Persekutuan	104	9	8	**121**	104	9	8	**121 (100%)**
3	Badan Berkanun Persekutuan	83	4	1	**88**	83	4	1	**88 (100%)**
4	Pihak Berkuasa Tempatan Persekutuan	1	1	0	**0**	0	1	0	**1 (100%)**
5	Kementerian Negeri	22	2	0	**24**	22	2	0	**24 (100%)**
6	Jabatan Negeri	371	13	0	**384**	371	13	0	**384 (100%)**
7	Badan Berkanun Negeri	100	0	0	**100**	100	0	0	**100 (100%)**
8	Pihak Berkuasa Tempatan Negeri	144	0	0	**144**	144	0	0	**144 (100%)**
JUMLAH		**824**	**42**	**21**	**887**	**824**	**42**	**21**	**887 (100%)**

NOTA: R - Rendah, S - Sederhana, T - Tinggi

Usaha memerangi rasuah dan menegakkan integriti bukanlah tanggungjawab eksklusif SPRM sahaja malahan menjadi tanggungjawab kepada seluruh warga perkhidmatan awam terhadap pematuhan undang-undang, polisi dan prosedur kerajaan. Sehingga 31 Disember 2015, agensi Persekutuan dan Negeri yang telah menubuhkan Unit Integriti dalam agensi masing-masing adalah seperti dalam JADUAL 35.

Seramai 33 pegawai SPRM ditempatkan di 29 agensi awam meliputi Kementerian Persekutuan, Jabatan Persekutuan, Jabatan Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan. Penempatan pegawai SPRM di agensi awam dibuat berdasarkan waran perjawatan agensi dan juga permohonan daripada agensi-agensi terbabit.

SPRM turut menempatkan 12 pegawai kanannya di sepuluh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Statistik penempatan pegawai SPRM di agensi Persekutuan, agensi Negeri dan GLC adalah seperti dalam JADUAL 36. Manakala statistik penempatan pegawai SPRM di agensi berdasarkan penarafan risiko adalah seperti dalam JADUAL 37.

JADUAL 36: Penempatan pegawai SPRM di agensi Persekutuan, agensi Negeri dan GLC

BIL	JENIS AGENSI	BIL. AGENSI	BIL. PEGAWAI
1	Kementerian Persekutuan	17	19
2	Jabatan Persekutuan	8	9
3	Jabatan Negeri	2	2
4	Badan Berkanun Persekutuan	1	1
5	Pihak Berkuasa Tempatan	1	1
6	Syarikat Berkaitan Kerajaan	10	12
JUMLAH		**39**	**44**

JADUAL 37: Statistik penempatan pegawai SPRM di agensi berdasarkan penarafan risiko

BIL	JENIS AGENSI	BIL. AGENSI	BIL. PEGAWAI
1	Risiko Tinggi	16	18
2	Risiko Sederhana	12	12
3	Risiko Rendah	1	2
JUMLAH		**29**	**32**

Bagi agensi yang berisiko tinggi, ditempatkan pegawai SPRM sama ada bergred JUSA C, P54 atau P52 bagi memegang jawatan Ketua Unit Integriti. Dua pegawai SPRM gred P44 ditempatkan di agensi berisiko tinggi sebagai Pegawai Integriti untuk membantu tugas Ketua Unit Integriti.

Bagi agensi berisiko sederhana pula, waran perjawatan yang diluluskan adalah gred P44. Manakala dua agensi bertaraf risiko sederhana iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang memegang jawatan Ketua Unit Integriti masing-masing bergred P52. Statistik penempatan pegawai SPRM di agensi awam dan GLC mengikut gred jawatan adalah seperti dalam JADUAL 38.

JADUAL 38: Statistik penempatan pegawai SPRM di agensi awam dan GLC mengikut gred jawatan

GRED JAWATAN	PENARAFAN				
	TINGGI	SEDERHANA	RENDAH	GLC	JUMLAH
JUSA C	2	0	0	3	**5**
P 54	9	0	1	3	**13**
P 52	5	1	0	1	**7**
P 48	0	1	0	5	**6**
P 44	2	10	0	0	**12**
P 42	0	0	1	0	**1**
JUMLAH	18	12	2	12	**44**

FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 Penubuhan Unit Integriti Semua Agensi Awam menetapkan enam fungsi teras Unit Integriti seperti berikut:

1. **Tadbir Urus** - Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;

2. **Pengukuhan Integriti** - Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;

3. **Pengesanan dan Pengesahan -**

    - Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi, dan memastikan tindakan susulan yang sewajarnya; dan

    - Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguat kuasa yang bertanggungjawab.

4. **Pengurusan Aduan** - Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi;

5. **Pematuhan** - Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa; dan

6. **Tatatertib** - Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

PELAKSANAAN FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI AGENSI

Sepanjang tahun 2015, Unit Integriti di agensi awam dan GLC telah melaksanakan semua fungsi dan tanggungjawab seperti mana ditetapkan. Statistik berkaitan perkara tersebut adalah seperti dalam JADUAL 39.

JADUAL 39: Statistik pelaksanaan fungsi oleh Unit Integriti di agensi awam dan GLC tahun 2014 dan 2015

BIL.	FUNGSI	UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM 2014	UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM 2015	UNIT INTEGRITI GLC 2014	UNIT INTEGRITI GLC 2015
1.	Pengurusan Aduan	1,902	10,813	1,283	1,182
2.	• Pengesanan dan Pengesahan	908	946	146	121
	• Aduan/Maklumat yang disalur kepada SPRM untuk tindakan	157	168	63	30
3.	Penyelesaian Kes Tatatertib	1,937	1,229	1,487	1,397
4.	Program Pengukuhan Integriti	1,596	918	149	224
5.	Aktiviti Pematuhan	384	614	88	31
6.	Tadbir Urus	101	254	22	34

1. Pengurusan Aduan

Sejumlah 10,813 aduan diperolehi Unit Integriti Agensi Awam bagi tahun 2015 berbanding tahun 2014 iaitu sebanyak 1,902 aduan. Manakala jumlah aduan yang diterima oleh Unit Integriti GLC bagi tahun 2015 adalah sebanyak 1,182 aduan, berbanding yang diperolehi pada tahun 2014 iaitu sebanyak 1,283 aduan. Aduan-aduan yang diterima adalah melalui sistem aduan, pengadu datang sendiri, diperolehi oleh pegawai Unit Integriti sendiri dan lain-lain saluran.

10,813
aduan diperolehi Unit Integriti Agensi Awam tahun 2015

2. Pengesanan Dan Pengesahan

Bagi tahun 2015, daripada jumlah keseluruhan aduan iaitu sebanyak 11,995 aduan yang diterima oleh Unit Integriti Agensi Awam dan Unit Integriti GLC, sebanyak 1,067 aduan telah dijalankan tindakan Pengesanan dan Pengesahan. Hasilnya sebanyak 198 aduan telah disalurkan ke SPRM untuk tindakan Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM). Berbanding dengan tahun 2014, daripada jumlah keseluruhan aduan iaitu sebanyak 3,185 yang diperolehi oleh kedua-dua Unit Integriti, sebanyak 1,054 aduan telah disalurkan ke SPRM untuk tindakan Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM).

3. Penyelesaian Kes Tatatertib

Semenjak penubuhan Unit Integriti, Prosiding Lembaga Tatatertib Jabatan dijalankan dengan lebih kerap. Dengan demikian, jumlah penyelesaian kes-kes tatatertib tahun semasa mahupun yang tertunggak telah meningkat. Sepanjang

Penyelesaian
3,424
Kes Tatatertib

tahun 2015, sebanyak 2,626 kes tatatertib berjaya diselesaikan iaitu 1,229 kes oleh Unit Integriti Agensi Awam manakala 1,397 kes oleh Unit Integriti GLC. Berbanding pada tahun 2014, jumlah kes tatatertib yang diselesaikan untuk kedua-dua Unit Integriti adalah sebanyak 3,424 kes.

4. Program Pengukuhan Integriti

1,142
Program Pengukuhan Integriti

Unit Integriti Agensi Awam dan GLC juga menunjukkan penglibatan yang aktif dalam mengadakan program-program pengukuhan integriti. Sepanjang tahun 2015, Unit Integriti Agensi Awam telah melaksanakan 918 program sementara Unit Integriti GLC melaksanakan 224 program. Pada tahun 2014, jumlah Program Pengukuhan Integriti yang dilaksanakan oleh Unit Integriti Agensi Awam adalah sebanyak 1,596 manakala Unit Integriti GLC pula adalah sebanyak 149 program.

5. Aktiviti Pematuhan

645
Aktiviti Pematuhan

Unit Integriti bertanggungjawab memastikan pegawai dan kakitangan agensi awam sentiasa mematuhi semua undang-undang, peraturan, prosedur dan arahan yang ditetapkan. Fokus utama aktiviti pematuhan adalah pematuhan prosedur perolehan, kewangan dan arahan-arahan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Sepanjang tahun 2015, Unit Integriti di Agensi Awam telah melaksanakan 614 aktiviti pematuhan seperti membuat naziran, menjalankan pemeriksaan *mystery shopping* serta pelbagai bentuk aktiviti pematuhan mengikut kesesuaian agensi terbabit. Unit Integriti GLC pula telah melaksanakan sebanyak 31 aktiviti pematuhan mengikut kesesuaian. Berbanding pada tahun 2014 sebanyak 384 aktiviti pematuhan telah dilaksanakan oleh Unit Integriti Agensi Awam dan 88 aktiviti oleh Unit Integriti GLC.

6. Tadbir Urus

254+34
penambahbaikan

Dalam memastikan tadbir urus baik dilaksanakan, sepanjang tahun 2015, sebanyak 288 perkara yang berkaitan dengan tadbir urus telah diambil tindakan. Sebanyak 254 penambahbaikan telah dilaksanakan oleh Unit Integriti di agensi awam, dan 34 aktiviti oleh Unit Integriti di GLC. Penambahbaikan terhadap tadbir urus tersebut adalah dengan mengemukakan cadangan dasar dan inisiatif baharu ataupun dasar dan inisiatif sedia ada yang ditambahbaik. Antaranya termasuklah kajian semula kod etika dan tatakelakuan, mewujudkan sistem aduan rasuah, garis panduan pelan integriti jabatan, dasar berkaitan kontrak perolehan dan lain-lain.

Unit Integriti di GLC tidak terikat dengan pelaksanaan enam fungsi teras seperti yang digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 Penubuhan Unit Integriti semua Agensi Awam. Walau bagaimanapun, untuk penyelarasan data Unit Integriti GLC dikehendaki mengemukakan laporan aktiviti berdasarkan enam fungsi tersebut seperti juga Unit Integriti Agensi Awam.

Terdapat Unit Integriti di GLC yang tidak melaksanakan fungsi-fungsi tertentu. Contohnya, fungsi tatatertib tidak dilaksanakan oleh Unit Integriti di Petronas, *Johor Corporation* dan *Malaysia Airport Holding Berhad* (MAHB). Fungsi pematuhan pula tidak dilaksanakan oleh Unit Integriti di Telekom Malaysia Berhad dan juga di MAHB.

AKTIVITI PENGURUSAN

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM bersama Pegawai-Pegawai SPRM yang dipinjamkan ke agensi luar diadakan sebanyak sembilan kali pada tahun 2015 seperti yang dipaparkan dalam LAMPIRAN 5. Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed dan turut dihadiri oleh ketiga-tiga Timbalan Ketua Pesuruhjaya.

Mesyuarat ini bertujuan untuk Pengurusan Tertinggi SPRM menyampaikan arahan, amanat dan maklumat dari semasa ke semasa. Mesyuarat dan perjumpaan sedemikian dapat mendekatkan Pengurusan Tertinggi SPRM dengan pegawai-pegawai SPRM yang ditempatkan di agensi luar. Mereka dapat berkongsi masalah berhubung tugas-tugas yang dijalankan di agensi masing-masing. Turut dibincangkan adalah mencari jalan penyelesaian terbaik terhadap isu-isu yang dibangkitkan.



Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM bersama pegawai integriti yang dipinjamkan ke agensi luar.

AKTIVITI KETERLIBATAN/NAZIRAN/PEMANTAUAN

1. Lawatan Pemantauan

Sebanyak 20 aktiviti keterlibatan dan lawatan pemantauan terhadap Unit Integriti Agensi Awam telah diadakan sepanjang tahun 2015, bagi memastikan pelaksanaan semua fungsi teras dan masalah yang dihadapi oleh Unit Integriti dapat diselesaikan. Butiran lawatan keterlibatan BPIA ke Unit Integriti Agensi Awam adalah seperti yang dipaparkan dalam LAMPIRAN 6.



Sesi keterlibatan dengan Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) di Pejabat SEDA, Putrajaya

Selain itu sesi perjumpaan antara Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan bersama Unit Integriti Agensi Awam telah diadakan sebanyak tujuh kali. Agensi yang terlibat adalah seperti dalam LAMPIRAN 7.

Ketua Unit Integriti setiap agensi turut membentangkan aktiviti yang telah dilaksanakan serta perancangan Unit Integriti masing-masing. Selain itu, isu-isu semasa berkaitan fungsi dan peranan Unit Integriti Agensi turut dibincangkan dalam mesyuarat ini. Datuk Paul Low Seng Kuan mengambil maklum terhadap setiap permasalahan yang diutarakan serta mencadangkan tindakan yang perlu diambil.

2. Sesi Naziran Ke Unit Integriti Agensi

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 18 buah Unit Integriti Agensi Awam yang terdiri daripada agensi berisiko tinggi, sederhana dan rendah telah dilaksanakan sesi naziran bagi memastikan Unit Integriti Agensi memahami dan melaksanakan kehendak enam fungsi teras Unit Integriti Agensi sepertimana yang termaktub dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Senarai agensi yang telah dilaksanakan naziran adalah seperti dalam LAMPIRAN 8.



Sesi perjumpaan YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan dengan pegawai integriti, Unit Integriti Kementerian Kesihatan (KKM) di Pejabat YB Menteri, Perdana Putra, Putrajaya.



Sesi perjumpaan YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan bersama pegawai integriti, Unit Integriti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di Pejabat YB Menteri, Perdana Putra, Putrajaya.



Naziran di Unit Integriti Agensi Jabatan Pertanian Malaysia.

3. Bidang berisiko dalam Kementerian, Jabatan dan Agensi

Setiap kementerian, jabatan dan agensi mempunyai bidang berisiko yang mempunyai potensi untuk berlakunya rasuah. Sehubungan itu, satu bengkel *Corruption Risk Management* (CRM) dicadangkan hasil dari keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Kebangsaan Siri 3 Bil 1 Tahun 2015. Semua Unit Integriti Kementerian dikehendaki mengenalpasti bidang berisiko masing-masing dan membangunkan pelan tindakan pengurusan risiko rasuah.

Pengurusan risiko rasuah adalah proses bagi mengenalpasti, menilai dan mengawal risiko. Amalan pengurusan risiko rasuah dapat meningkatkan kesedaran keseluruhan warga agensi terhadap kewujudan apa jua risiko yang mungkin memberi kesan terhadap perkhidmatan seterusnya bertindak untuk mengurangkan kemungkinan berlaku risiko dan impak kepada agensi sekiranya ia berlaku.

Mengenalpasti bidang berisiko adalah satu amalan penting jabatan dalam aspek pengurusan dan operasi bertujuan untuk membendung dan mengawal risiko yang boleh menjejaskan reputasi dan pencapaian objektik sesebuah agensi.

4. Usahasama projek pembangunan sistem pelaporan dan *Knowledge Portal* Unit Integriti Agensi bersama MAMPU.

Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) SPRM telah berkolaborasi bersama Bahagian Perundingan ICT MAMPU dalam membangunkan sistem pelaporan dan knowledge portal untuk digunakan oleh 887 agensi yang telah menubuhkan Unit Integriti di seluruh negara.

Projek Pembangunan Sistem Pelaporan dan *Knowledge Portal* ini merupakan satu wadah bagi memberi kemudahan kepada semua Unit Integriti dalam mengemukakan laporan dan sebagai pusat sumber berkaitan pengetahuan dan hal-hal mengenai integriti. Majlis menandatangani dokumen piagam projek ini telah disempurnakan pada 27 November 2015 di antara Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Hj. Mustafar bin Hj. Ali dan Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU, Dr. Suhazimah binti Dzazali, dengan disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed dan Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Sri Zainal Rahim bin Seman.

Lanjutan dari majlis tersebut, satu Bengkel Pembangunan Sistem Pelaporan dan *Knowledge Portal* Unit Integriti Agensi telah dianjurkan oleh BPIA di Bayou Lagoon Park Resort, Melaka pada 7-9 Disember 2015. Bengkel ini diadakan dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU). Pasukan Perunding MAMPU telah bertindak sebagai fasilitator dalam usaha membantu SPRM membangunkan Sistem Pelaporan dan *knowledge portal* yang bakal digunapakai oleh semua 887 Unit Integriti Agensi Awam di seluruh negara.

Bengkel telah dihadiri oleh peserta-peserta dari kalangan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), pegawai-pegawai daripada BPIA dan Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam (BUTSA), pegawai Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat (BPRTM) dari SPRM serta Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU) dari Jabatan Perdana Menteri. Kesemua peserta yang hadir merupakan pasukan kerja dan *Subject Matter Expert* (SME) yang akan membantu pihak MAMPU dalam membangunkan sistem pelaporan ini.



Majlis Menandatangani Piagam Projek Pembangunan Sistem Pelaporan dan *Knowledge Portal* Unit Agensi (SPRM-MAMPU) pada 27/11/2015.

WAY FORWARD UNIT INTEGRITI AGENSI

Dalam tempoh dua tahun pelaksanaan Unit Integriti, pelbagai cabaran telah diharungi oleh setiap agensi dalam melaksanakan tugas-tugas berpandukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6, Tahun 2013 Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam.

Untuk memperkasakan Unit Integriti supaya lapisan masyarakat lebih menyedari kewujudannya dan peranan penting yang dimainkan oleh setiap pegawai yang menjalankan tugas sebagai Ketua Unit mahupun pegawai di Unit Integriti sendiri, pelbagai usaha dan penambahbaikan telah dan perlu dilaksanakan.

Mengikut statistik pengemukaan pelaporan oleh Unit Integriti Agensi bagi tempoh empat bulan pertama tahun 2015 hanya 56 agensi sahaja yang memberikan komitmen. Didapati 30 agensi yang mempunyai pegawai SPRM dalam Unit Integriti, secara konsisten mengemukakan pelaporan. Manakala 26 agensi lain yang tidak mempunyai pegawai SPRM tidak konsisten dalam mengemukakan pelaporan.

Oleh yang demikian, sistem pelaporan secara *online* yang sedang dibangunkan membolehkan semua 887 agensi yang telah menubuhkan Unit Integriti dapat memberi komitmen serta memudahkan mereka mengemukakan pelaporan, penjimatan masa dan kos. Malahan tugas-tugas penganalisaan data dan statistik boleh disegerakan dan dapat dijana pada bila-bila masa.

Usaha memartabatkan dan membudayakan integriti perlu dilaksanakan dengan lebih giat oleh Unit Integriti di semua agensi. Program-program kesedaran integriti yang diperluaskan dengan kaedah penyampaian pendidikan secara bersemuka kepada semua lapisan kakitangan agensi dalam pembudayaan integriti. Ianya secara tidak langsung telah menyahut cabaran ke-4 Wawasan 2020 iaitu membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi dengan budi pekerti yang luhur.

Unit Integriti di agensi perlu merangka dan menjalankan aktiviti-aktiviti *Integrity Testing* ke atas agensi-agensi negeri dan cawangan. Di samping itu, aktiviti pemeriksaan dan pematuhan disusun dan diperkemas bagi meningkatkan tahap integriti dalam kalangan anggota kerja sesebuah agensi agar sentiasa melaksanakan tugas mengikut peraturan-peraturan dan *Standard Operating Prosedur* (SOP) yang ditetapkan.

Dalam usaha menutup ruang-ruang kelemahan yang boleh menjadi punca penyelewengan dan salah laku serta mengurangkan kerenah birokrasi, kajian semula sistem dan prosedur jabatan akan diteruskan dan ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Tanggungjawab membasmi rasuah bukan terletak di bahu SPRM semata-mata tetapi kepada setiap individu dalam sesebuah organisasi. Seluruh ahli masyarakat perlu digerakkan supaya bersama-sama memerangi rasuah dan melaporkan sebarang perbuatan rasuah.

Tanpa adanya amanah, kerajaan tidak dapat ditadbir dan diurus dengan sempurna. Dalam hal ini, akauntabliti juga adalah elemen penting dalam memastikan tadbir urus dilaksanakan sementara pematuhan pula adalah elemen bagi memastikan pentadbiran mempunyai akauntabiliti.

Pemantauan yang berterusan mampu memantapkan lagi akauntabiliti menerusi sistem seperti *check and balance, feedback system,* laporan berkala, peringatan atau teguran serta nasihat kepada semua kakitangan, selain mematuhi kod etika, arahan dan peraturan jabatan.

“

Kezaliman akan terus ada, bukan kerana banyaknya orang jahat, TETAPI kerana diamnya orang-orang baik

Ali bin Abi Talib (R.A)

”



PENDIDIKAN MASYARAKAT

Usaha pendidikan masyarakat dalam pencegahan rasuah dengan tema 'Merakyatkan SPRM' dibuat melalui aktiviti keterlibatan, program turun padang, media cetak dan elektronik. Usaha ini turut disokong dengan mengadakan penyelidikan dan pembangunan program bagi memantapkan lagi pengetahuan masyarakat mengenai jenayah rasuah.

PENDIDIKAN MASYARAKAT



PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH

PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH

Strategi **Merakyatkan SPRM** melalui pendidikan merupakan salah satu elemen penting dalam usaha memerangi jenayah rasuah. Usaha mendidik orang ramai mengenai pencegahan rasuah dilaksanakan berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 7(f) dan Seksyen 7(g) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Bagi tujuan tersebut, usaha dan gerakan bersepadu melalui program-program pendidikan dan keterlibatan giat dijalankan selaras dengan semangat "Jihad Memerangi Rasuah Melalui Pendidikan". Program-program sebegini dapat memupuk dan meningkatkan kesedaran masyarakat untuk membenci rasuah yang akhirnya mereka akan secara bersama memerangi rasuah.

Ini merupakan salah satu inisiatif SPRM yang dilaksanakan secara holistik melalui pendidikan pencegahan rasuah dengan menyasarkan kepada setiap lapisan masyarakat. Keutamaan adalah organisasi massa seperti politik, pertubuhan bukan kerajaan atau *Non-Government Organisation* (NGO), disamping swasta, pelajar dan belia. Pendekatan yang dilaksanakan menggunakan model *Communicate, Penetrate dan Mobilize* (CPM).


"If a country is to be corruption free and become a nation of beautiful minds, I strongly feel there are three key societal members who can make a difference. They are the father, the mother and the teacher"

Dr. APJ Abdul Kalam
Mantan Presiden India

1. AKTIVITI KETERLIBATAN

Teras utama strategi pendidikan pencegahan rasuah adalah melalui aktiviti keterlibatan. Sepanjang tahun 2015, aktiviti keterlibatan yang dilaksanakan adalah menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat dengan memberi keutamaan kepada sektor politik, NGO, swasta dan kumpulan belia sebagaimana dalam RAJAH 5.

RAJAH 5: Aktiviti Keterlibatan



1.1 AKTIVITI KETERLIBATAN BERSAMA INSTITUSI POLITIK

Selaras dengan pendekatan model CPM, beberapa majlis penerangan dan siri dialog bersama pemimpin-pemimpin parti-parti politik yang memerintah dan pembangkang telah diadakan. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat dalam

pelbagai isu rasuah, selain daripada meraih sokongan terhadap cadangan Pindaan Perlembagaan, Akta dan *Political Funding* dalam usaha memperkukuhkan gerakan pencegahan rasuah di Malaysia. Turut diberi penekanan adalah mengenai peranan para pemimpin politik dalam usaha pembanterasan rasuah.

Keterlibatan bersama para pemimpin dan ahli pertubuhan politik digerakkan oleh Cawangan Sektor Politik, Bahagian Pendidikan Masyarakat. Beberapa siri program dan aktiviti pendidikan pencegahan rasuah khusus untuk pemimpin dan ahli-ahli politik telah berjaya dilaksanakan. Aktiviti keterlibatan adalah seperti dalam JADUAL 40.

JADUAL 40: Senarai aktiviti keterlibatan bersama 'Opinion Leaders' (Politik) tahun 2015

BIL	AKTIVITI	TARIKH	PEMIMPIN BERPENGARUH
1.	Forum Isu-Isu Semasa	22 Jan 2015	– Ketua Pemuda MCA, YB Chong Sin Woon – Ahli Parlimen Damansara Utama (DAP), YB Yeo Bee Yin
2.	Perjumpaan Dengan Pemimpin *Democratic Action Party* (DAP)	17 Mac 2015	– Ahli Parlimen Seremban dan Setiausaha Parti DAP Kebangsaan, YB Loke Siew Fook
3.	*Dinner Talk* Pengurusan Tertinggi SPRM Bersama Pemimpin PAS	1 April 2015	– Presiden PAS, YB Datuk Tuan Guru Haji Abdul Hadi Bin Haji Awang – 10 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PAS – 10 orang Ahli Parlimen PAS
4.	Majlis Penerangan dan Sesi Dialog Bersama Ahli Parlimen DAP	7 Apr 2015	– Ahli Parlimen Seremban, YB Loke Siew Fook – Ahli Parlimen Rasah, YB Teo Kok Seong – Ahli Parlimen Sandakan, YB Wong Tien Fatt – Ahli Parlimen Tanjong, YB Ng Wei Aik – Ahli Parlimen Batu Kawan, YB Kasthuriraani a/p Patto – Ahli Parlimen Kampar, YB Ko Chung Sen – Ahli Parlimen Kota Melaka, YB Sim Tong Him – Ahli Parlimen Seputeh, YB Teresa Kok Suh Sim – Ahli Parlimen Kulai, YB Teo Nie Ching – Ahli Parlimen Bakri, YB Er Teck Hwa – Ahli Parlimen Sibu, YB Oscar Ling Chai Yew – Ahli Parlimen Lanang, YB Alice Lau Kiong Yieng – Ahli Parlimen Stampin, YB Julian Tan Kok Ping – Ahli Parlimen, YB Chong Chieng Jen – Ahli Parlimen Bukit Mertajam, YB Sim Chee Keong
5.	Perjumpaan Dengan Pemimpin *Democratic Action Party* (DAP)	20 Mei 2015	– Ahli Parlimen Seremban dan Setiausaha Organisasi DAP Kebangsaan, YB Loke Siew Fook

BIL	AKTIVITI	TARIKH	PEMIMPIN BERPENGARUH
6.	Perjumpaan dengan pemimpin *Malaysian Chinese Association* (MCA)	29 Mei 2015	– Ketua Wanita MCA, Datuk Heng Sie Kie
7.	Majlis Penerangan dan Sesi Dialog Bersama Pengurusan Tertinggi MCA	20 Mei 2015	– Presiden & Ahli Parlimen Bentong, YB Datuk Liow Tiong Lai – Timbalan Presiden & Ahli Parlimen Ayer Hitam, YB Datuk Dr Wee Ka Siong – Setiausaha & Ahli Parlimen Tanjong Malim, YB Datuk Ong Ka Chuan – Ahli Parlimen Alor Gajah, YB Datuk Koh Nai Kwong – Ahli Parlimen Tebrau, YB Khoo Soo Seang – Ketua Wanita MCA, Datuk Heng Seai Kite – YB Senator Datuk Yoo Wei How – YB Senator Datuk Chai Kim Sen – YB Senator Koh Chin Han – Setiausaha Agung Pemuda, Datuk Leong Kim Soon
8.	Perjumpaan dengan pemimpin MCA	29 Mei 2015	– Ketua Wanita MCA, Datuk Heng Sie Kie
9.	Ceramah Anti-Rasuah anjuran MCA	30 Mei 2015	– Ahli-Ahli MCA
10.	Perjumpaan dengan pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR)	17 Mei 2015	– Ahli Parlimen Batu, YB Chuah Tian Chang
11.	Majlis Penerangan dan Sesi Dialog Bersama Pengurusan Tertinggi Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM)	20 Jun 2015	– Presiden PGRM & Ahli Parlimen Teluk Intan, YB Mah Siew Keong – Semua Presiden PGRM Negeri
12.	Ceramah Anti-Rasuah anjuran MCA Pemuda	29 Julai 2015	– Presiden MCA Pemuda, YB Chong Sin Woon – Ahli MCA
13.	Perjumpaan dengan pemimpin MCA	23 Okt 2015	– Pengetua Sekolah Pengajian Politik MCA, YB Chew Mei Fun

Antara impak daripada aktiviti keterlibatan ini, Timbalan Presiden MCA, YB Datuk Dr. Wee Ka Siong yang merupakan Ahli Parlimen Ayer Hitam telah memperaku untuk mengadakan program dan aktiviti pencegahan rasuah melibatkan semua ahli parti MCA dalam usaha memerangi rasuah.

Secara keseluruhannya, ahli-ahli parlimen dan pimpinan parti-parti politik di Malaysia bersetuju untuk memberi sokongan padu dalam memperkukuhkan usaha-usaha pencegahan rasuah. Mereka juga bersetuju dengan saranan perubahan perlembagaan mengenai perlantikan Ketua Pesuruhjaya.



Sesi Dialog Bersama Pengurusan Tertinggi Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) di Wisma PGRM.



Sesi Penerangan kepada Pengurusan Tertinggi *Malaysian Chinese Association* (MCA) yang diadakan di pejabat Menteri Pengangkutan Malaysia.



Dinner Talk Pengurusan Tertinggi SPRM bersama pemimpin PAS.



Dinner Talk Pengurusan Tertinggi SPRM bersama pemimpin PAS.



Majlis penerangan dan sesi dialog bersama Ahli Parlimen DAP.

Aktiviti keterlibatan bersama pemimpin politik peringkat Negeri.

Selain dari, aktiviti keterlibatan bagi institusi politik juga diadakan pada peringkat negeri. Antara aktiviti keterlibatan yang dilaksanakan adalah seperti yang dipaparkan dalam JADUAL 41.

JADUAL 41: Senarai keterlibatan bersama pemimpin politik peringkat Negeri

BIL	PROGRAM	KETERLIBATAN	HASIL
1.	Program Merakyatkan SPRM Bersama Pemimpin Berpengaruh Daerah Kerian 16 Feb 2015	– ADUN Gunong Semanggol, YB. Mohd Zawawi B. Abu Hassan	– Program pencegahan rasuah secara bersemuka yang pertama oleh SPRM Perak di Daerah Kerian. – Sokongan dan kerjasama diberi bagi melaksanakan program-program pencegahan rasuah.
2.	Program Merakyatkan SPRM Bersama Pemimpin Politik Negeri Kelantan 22 Feb 2015	– Menteri Besar Kelantan, YB Datuk Hj. Ahmad bin Yakob – Ahli Parlimen Kota Bharu, YB Dato' Takiyuddin bin Hassan	– Wujud hubungan kerjasama untuk pelaksanaan program-program pencegahan rasuah.
3.	Program Bersama Parti Barisan Nasional Kelantan 24 Feb 2015	– Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Ahli Parlimen Jeli, YB Datuk Mustapa Mohamed – Ahli-ahli Parlimen, ADUN Negeri Kelantan dan Ketua-Ketua UMNO Bahagian	– Sokongan penuh diperolehi berhubung Cadangan Pindaan Perlembagaan bagi memastikan SPRM mampu menjalankan tugas dengan lebih berkesan. – Hubungan kerjasama untuk pelaksanaan program-program pencegahan rasuah dan integriti.
4.	Program Bersama Pemimpin Politik Negeri Selangor 27 Feb 2015	– MB Selangor, YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali	– YB Menteri Besar Selangor dalam perbincangan tersebut memberi jaminan untuk menyokong dan memberi kerjasama penuh terhadap program-program pencegahan rasuah dan integriti yang dilaksanakan secara bersama.
5.	Ceramah Bersama Pemimpin dan Ahli MCA Pahang (MCA Member Enhancement Camp) 6 Dis 2015	– Ahli-Ahli MCA	– Hubungan kerjasama untuk pelaksanaan program-program pencegahan rasuah dan integriti.
6.	Ceramah Bersama Pemimpin dan Ahli MCA Perak (MCA Member Enhancement Camp) 13 Dis 2015	– Ahli-Ahli MCA	– Hubungan kerjasama untuk pelaksanaan program-program pencegahan rasuah dan integriti.



Aktiviti keterlibatan bersama pemimpin politik kerajaan Negeri Selangor oleh SPRM Selangor.



Program Merakyatkan SPRM bersama *Opinion Leaders* (Politik) Daerah Kerian oleh SPRM Negeri Perak.

1.2 AKTIVITI KETERLIBATAN BERSAMA NGO DAN KOMUNITI

Objektif utama SPRM Bersama NGO dan komuniti adalah untuk meningkatkan pengetahuan dalam pencegahan dan pembanterasan rasuah disamping meningkatkan lagi sokongan ahli NGO dan penduduk setempat terhadap SPRM. Sokongan NGO, terhadap cadangan Pindaan Perlembagaan, Akta, *Political Funding* di samping isu "orang tengah" dalam usaha memperkukuhkan gerakan pencegahan rasuah di Malaysia. Antara aktiviti-aktiviti keterlibatan bersama NGO dan komuniti adalah seperti dalam JADUAL 42.

JADUAL 42: Senarai keterlibatan bersama NGO dan Komuniti

BIL	PROGRAM	KETERLIBATAN	HASIL
1.	Program Kesedaran Alam Sekitar dan Majlis Dialog [Program Regional Enviromental Awareness Cameron Highlands (R.E.A.C.H)] – 7 Februari 2015	– Ahli Pasukan Pemantau Pencemaran, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar – Timbalan Pengarah Kawalan Tertinggi, Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	– Berjaya memupuk kesedaran dan komitmen masyarakat setempat bersama REACH hingga membolehkan mereka menganjurkan sendiri program-program pencegahan rasuah.
2.	Program Bersama Penduduk Kampung Orang Asli Tekir, Labu, Negeri Sembilan Dialog "Bersuara Menentang Rasuah" – 15 Februari 2015	– Ahli Exco *Transparency International-Malaysia*, Dr. Muhammad dan Ms. Jessica Sercombe – Ahli NGO *Center to Combat Corruption and Cronyism* (C4) – Wakil Kedutaan Tinggi Kanada, Mr. Rob Stewart	– Penubuhan sebuah badan oleh masyarakat orang asli yang dinamakan Jaringan Kerjasama Orang Asli Semenanjung Malaysia (JKOASM) bagi menangani isu-isu rasuah. – Aktiviti ini telah menarik minat *Transparency International-Canada* dan C4 untuk menjalankan program-program pencegahan rasuah di Tasik Chini Pahang, Cititel Express Hotel Kuala Lumpur, Grik, Tapah, Gua Musang dan Kuala Pilah, Negeri Sembilan; dan

BIL	PROGRAM	KETERLIBATAN	HASIL
			– Kejayaan program ini juga telah mengharumkan nama SPRM di Canada atas usaha pencegahan rasuah yang dijalankan dikalangan masyarakat orang asli di negara ini.
3.	Majlis Penghargaan Rakan SPRM Negeri Sembilan – SPRM di Hati 2015 (7 Oktober 2015)	– Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Dato' Shaharom Nizam bin Abd. Manap – Pemimpin parti politik PGRM dan MCA – NGO (Gabungan Belia Bersatu Malaysia - GBBM)	Program ini mengukuhkan lagi kerjasama yang telah sedia di antara SPRM dengan pihak-pihak yang terlibat.







Sesi dialog bersama NGO dan lawatan tapak oleh Dato' Sri Hj. Mustafar Bin Hj. Ali ke kawasan kesan banjir.



Program "Bersuara Menentang Rasuah" bersama penduduk kampung orang asli Tekir, Labu, Negeri Sembilan.

1.3 AKTIVITI SPRM BERSAMA SEKTOR SWASTA

Bagi terus meningkatkan tahap keyakinan masyarakat, SPRM telah mengadakan beberapa program bagi mengurangkan kadar rasuah dalam sektor swasta. Program-program yang diadakan memberi fokus kepada dasar dan strategi yang dapat memberi kesan besar kepada organisasi swasta secara tidak langsung membawa kepada peningkatan keyakinan masyarakat. Program dan aktiviti yang dijalankan bersama sektor swasta memfokuskan kepada GLC dan institusi kewangan dan perbankan. Aktiviti-aktiviti keterlibatan bersama sektor swasta seperti yang dipaparkan dalam JADUAL 43.

JADUAL 43: Senarai keterlibatan bersama sektor swasta

BIL	PROGRAM	KETERLIBATAN	HASIL
1.	Keterlibatan Secara Efektif Dengan *Malaysian Employees Federation* (4 Februari 2015)	*Malaysian Employees Federation* (MEF)	– Perbincangan bagi mengadakan program dan aktiviti pencegahan rasuah melalui kerjasama MEF dan SPRM pada masa akan datang.
2.	Keterlibatan Bersama *American Chamber Of Commerce* (11 Februari 2015)	*American Chamber Of Commerce* (ACC)	– Kedua-dua pihak bersetuju mengadakan kerjasama dalam melaksanakan pengisian program anti-rasuah di masa hadapan.
3.	Keterlibatan Bersama *Association Islamic Banking Malaysia* (3 Mac 2015)	*Association Islamic Banking Malaysia* (AIBIM)	– Pihak AIBIM bersetuju untuk bekerjasama dengan SPRM dalam menganjurkan program-program pencegahan rasuah kepada ahli AIBIM. – AIBIM turut berminat untuk menandatangani Ikrar Integriti Korporat.

1.4 AKTIVITI KETERLIBATAN BERSAMA BELIA

1.4.1 Program Merakyatkan SPRM bersama Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia

Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS) dengan kerjasama SPRM telah menganjurkan satu forum bagi memberi peluang kepada 250 pemimpin utama badan-badan sukan peringkat kebangsaan untuk berbincang dan berkongsi pandangan tentang isu-isu rasuah dan integriti. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha meningkatkan maruah sukan negara dan mengurangkan persepsi mahupun tohmahan rasuah dalam organisasi sukan negara.

Antara yang menjadi panel dalam program ini adalah Pengarah Bahagian PenMas SPRM, Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, Naib Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Datuk Low Beng Choo serta Naib Presiden Konfederasi Hoki Malaysia, Prof. Dr. Shamala Subramaniam. Majlis perasmian penutup program disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Khairy Jamaluddin yang turut disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM.



YB Khairy Jamaluddin menyampaikan Sijil Penyertaan kepada pemimpin Badan-Badan Sukan Peringkat Kebangsaan dalam Program Merakyatkan SPRM bersama Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

1.4.2 Program bersama belia IPT dan IPTS

SPRM mengambil inisiatif mendekati golongan pelajar melalui penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) di Universiti Awam (UA) sejak tahun 2007. Bermula tahun 2013, SPR telah dilancarkan di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pendidikan MARA (IPMa).

Sehingga hari ini, sebanyak 104 SPR telah diwujudkan di Universiti Awam, Institut Pendidikan Guru dan Institusi Pendidikan MARA. Keberhasilan SPR ternyata turut menarik minat pihak universiti dan kolej swasta seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Saito untuk turut menubuhkan SPR masing-masing pada tahun 2015.

Selain itu, keberhasilan SPR juga dapat dilihat melalui penubuhan Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah (ASPeRA) untuk bekas ahli SPR yang telah menamatkan pengajian. Dengan cara ini, ASPeRA menjadi platform baru kepada alumni bagi meneruskan wadah perjuangan dalam memerangi rasuah walaupun mereka telah bergraduat.

Kesinambungan usaha SPR terbukti dengan penubuhan Majlis Eksekutif Sekretariat Pencegahan Rasuah (MESPR) pada 22 November 2015. Badan ini berperanan sebagai sinergi dalam kalangan SPR bagi mengoptimakan sumber dan mengukuhkan permuafakatan untuk mendapatkan impak maksimum.

Sepanjang tahun 2015, SPR UA telah melaksanakan 70 aktiviti, manakala sebanyak 55 aktiviti oleh SPR IPG. Antaranya forum, kem integriti, forum muzikal, Konvensyen SPR, "*Public Service Announcement*" (PSA) dan kempen Anti Rasuah bersama warga kampus. Antara program dan aktiviti utama yang dilaksanakan oleh Sekretariat Pencegahan Rasuah pada tahun 2015 adalah seperti berikut:

i) Program "*Centrality of Integrity for the Next Generation*"

Pada 4 Julai 2015 bertempat di Auditorium CSIT, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Bangi, Menteri Belia & Sukan, YB. Khairy Bin Jamaluddin telah merasmikan Majlis Pelancaran *Centrality of Integrity For Next Generation* bersempena program pencegahan rasuah dalam kalangan belia, *Empowering Youth Endeavors* (EYE) dengan kerjasama Cawangan Universiti dan Belia, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM.

Turut hadir dan memberi ucapan adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan. Antara perkara penting dalam ucapan beliau adalah ***"sebagai pemimpin di masa hadapan, kepimpinan itu perlu datang bersama integriti serta memiliki nilai murni yang utuh. Semakin kita menuju menjadi sebuah negara yang progresif, kita juga menjadi lebih materialistik yang akhirnya mengundang gejala rasuah"***.

Objektif program adalah untuk mendedahkan pelajar-pelajar IPT kepada program-program pencegahan rasuah. Program ini merupakan kerjasama stategik yang mengaplikasikan *prinsip pareto* di mana usahasama telah dicapai antara SPRM, UNITEN, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan disokong oleh *Malaysia Airports Holding Berhad* (MAHB).

Seramai 250 orang pelajar dari Universiti Awam (UA) yang terdiri daripada ahli Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) serta Universiti Swasta (US) di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor telah menghadiri program ini.

ii) Seminar Kebangsaan Integriti dan Pencegahan Rasuah Institut Pengajian Tinggi Malaysia 2015

Pada 7 Julai 2015, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan kerjasama SPRM telah mengadakan seminar pencegahan rasuah di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Seminar bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang jenayah rasuah disamping mewujudkan kerjasama yang erat antara KUIS dengan SPRM dalam usaha memerangi rasuah.



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) bersama Pengurusan Tertinggi KUIS sempena perasmian Seminar Kebangsaan Integriti dan Pencegahan Rasuah Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2015 di KUIS.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Sri Hj. Mustafar bin Hj. Ali. Dalam majlis yang sama turut dilancarkan adalah penubuhan SPR di KUIS dan buku Pendidikan Integriti Dalam Pembangunan Modal Insan bertajuk '*Integriti dan Pencegahan Rasuah".* Buku ini mengandungi koleksi tesis pegawai-pegawai SPRM yang mengikuti program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Turut disempurnakan adalah Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat KUIS.

Seminar telah dihadiri oleh seramai 500 orang peserta terdiri daripada ahli akademik, ahli agama, NGO Islam, GLC dan pimpinan mahasiswa. Antara pengisian program adalah seperti berikut:

- **Slot Wacana Ilmu**- Membariskan ahli panel yang terdiri daripada Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Rektor KUIS, Prof. Datuk Dr. Halim Tamuri dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Dato' Sri Hj. Mustafar Bin Hj. Ali.

- **Slot Selari I** – Ahli panel terdiri daripada Mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Bin Hassan, Pensyarah KUIS Dr. Mohd Farid Ravi Bin Abdullah dan Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Dr. Anis Yusal Bin Yusoff.

- **Slot Selari II** – Ahli panel terdiri daripada Profesor Tan Sri Datuk Dzulkifli Bin Abdul Razak, Ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Puan Zaleena Binti Abd. Ghani, Ketua Unit Etika & Integriti, Telekom Malaysia Bhd dan Dr. Mohd Akbal Bin Abdullah, Pensyarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

- **Slot Forum Integriti Diri** bertemakan "Pendidikan Integriti Dalam Pembangunan Modal Insan" – Ahli panel terdiri daripada Dr. Syarul Azman Bin Shaharuddin, KUIS, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Datuk Seri Haji Zakaria Bin Haji Jaffar dan YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUIS, saudara Akram Ikrami Bin Taib Azamudden.

Seminar ini dapat meningkatkan kefahaman peserta tentang jenayah rasuah, fungsi dan peranan SPRM dalam usaha-usaha pencegahan rasuah yang dijalankan disamping berkongsi amalan integriti dalam kalangan masyarakat. Selain itu ianya dapat mengeratkan hubungan kerjasama di antara KUIS dan SPRM dengan menjadikan KUIS sebagai salah satu *key-communicator* kepada SPRM.

iii) Forum "Keluh-Kesah Tidur Di Kasur, Berkeruh di Lapik Penjemuran"

Forum anti rasuah anjuran SPRM dengan kerjasama Unit Integriti Universiti Putra Malaysia yang bertajuk **"**Keluh-Kesah Tidur Di Kasur, Berkeruh Di Lapik Penjemuran" ini telah diadakan pada 3 Oktober 2015 bertempat di Auditorium Kolej Kediaman Canselor, Universiti Putra Malaysia. Tajuk forum ini dipilih bagi memupuk dan memperkukuhkan nilai murni pelajar daripada unsur-unsur negatif akibat arus permodenan dan globalisasi.

Forum telah dihadiri oleh seramai 500 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan guru dari beberapa sekolah menengah sekitar Putrajaya, pelajar dan pensyarah IPT dari Kolej Saito, UKM, Maktab Perguruan Ilmu Khas Cheras dan Kolej *Polytech* MARA. Objektif utama forum adalah untuk menerapkan semangat anti rasuah dalam kalangan pelajar.

Ahli panel terdiri daripada Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Sri Hj. Mustafar bin Hj. Ali dan Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Professor Dr. Farid Ravi. Tajuk perbincangan adalah berkisar isu rasuah dan integriti dalam kehidupan pelajar, fungsi SPRM dan peranan penting mahasiswa dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

iv) Konvensyen Sekretariat Pencegahan Rasuah Institut Pengajian Tinggi (SPR IPT) Kali Ke-Lima

Konvensyen telah diadakan pada 21 hingga 24 November 2015 bertempat di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Lenggong, Perak yang bertemakan "*Belia Pencetus Transformasi, Rasuah Dihindari*". Program ini telah dihadiri oleh 500 peserta terdiri daripada ahli SPR mewakili IPTA, IPT Swasta (IPTS) dan Institut Pendidikan Perguruan (IPG).

Antara pengisian konvensyen adalah pembentangan kertas kerja, sesi dialog bersama Pengurusan Tertinggi SPRM, sesi inovasi dan kreativiti serta *team building* yang dikendalikan oleh Alumni Sekretariat Pencegahan Rasuah (ASPeRa).

Dalam konvensyen ini SPRM turut melancarkan penubuhan Majlis Eksekutif Sekretariat Pencegahan Rasuah Malaysia (MESPR) bagi menggandakan fungsi SPR peringkat nasional dengan jalinan kerjasama yang lebih meluas. Dirangka dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan berperanan sebagai mekanisma pencegahan di peringkat kepimpinan belia kolej dan universiti. Bagi tujuan tersebut MESPR hanya akan dianggotai oleh tokoh-tokoh dan ketua SPR sahaja yang kemudiannya akan diserap ke Majlis Perwakilan Pelajar. Mekanisma ini turut mensasarkan untuk menerapkan elemen integriti di universiti yang bakal dilaksanakan pada tahun 2016.

Majlis penutup konvensyen telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Dato' Sri Hj. Mustafar bin Hj. Ali. Majlis penutup diserikan lagi dengan penyampai hadiah dan sijil kepada SPR IPT dan IPG yang paling aktif dalam melaksanakan program pencegahan rasuah dan memainkan peranan mereka sebagai *key communicator* dalam menyebarluaskan mesej anti rasuah.

SPR Universiti Malaysia Sabah telah dinobatkan sebagai SPR IPT terbaik. Manakala Institut Pendidikan Perguruan, Kampus Bahasa Antarabangsa memenangi SPR IPG terbaik. Pertandingan *Public Service Announcement* SPRM 2015 pula telah dimenangi oleh UniKL MICET (Pertama), Kolej MARA Banting (Kedua) dan Kolej Professional MARA Bandar Melaka (ketiga). Kesemua pemenang membawa pulang trofi dan wang tunai.

v) Program *Integrity Running Challenge* - semai nilai integriti pelajar

Usaha untuk memupuk nilai integriti memerlukan komitmen yang berterusan serta penglibatan daripada semua pihak dari segenap lapisan masyarakat. Sehubungan itu, SPR Universiti Malaysia Perlis (SPR UNIMAP), telah menganjurkan Program *Integrity Running Challenge.*

Objektif utama program ini adalah untuk menyemai nilai-nilai integriti dalam diri setiap pelajar yang bergelar mahasiswa dan mahasiswi universiti. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mempromosi dan memberikan ilmu mengenai kewujudan SPR kepada semua pelajar UNIMAP.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Pengarah SPRM Negeri Perlis dan turut dihadiri oleh Timbalan Canselor HEPA UNIMAP, Prof. Madya Dr Mohd Fo'ad bin Sak. Secara keseluruhannya program dan aktiviti yang dijalankan oleh kelab SPR UNIMAP ini berkesan dan berjaya mencapai matlamat utama penganjuran yang dibuat.

vi) Penubuhan SPR di luar negara

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, ketika membuat lawatan kerja ke Rusia pada 30 Oktober 2015, telah sempat mengadakan pertemuan bersama wakil-wakil pelajar Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di Rusia.

Dalam pertemuan tersebut, Ketua Pesuruhjaya menggalakkan supaya SPR ditubuhkan bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang jenayah rasuah. Ini adalah kerana SPR boleh bertindak sebagai pusat informasi dan menganjurkan aktiviti pencegahan rasuah membabitkan pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negara. Beliau yakin penuntut Malaysia di Rusia akan menjadi perintis dalam usaha ini. Beliau juga yakin penubuhan SPR boleh direalisasikan agar generasi muda didedahkan dengan maklumat terkini yang bersesuaian dengan usaha SPRM dalam memerangi rasuah dan mewujudkan persekitaran bebas rasuah.

1.5 AKTIVITI KETERLIBATAN PERINGKAT SEKOLAH.

Tahun 2015 turut menyaksikan komitmen SPRM untuk membudayakan pencegahan rasuah dalam kalangan pelajar sekolah. Pendekatan ini selaras dengan pepatah Melayu '*Melentur Buluh, Biarlah Daripada Rebungnya'*. Dengan memberi pendedahan dan pendidikan pencegahan rasuah di usia muda, diharap dapat menyemai perasan benci kepada jenayah rasuah secara berterusan. Program Wira Anti Rasuah (WAR) telah dijadikan sebagai wadah untuk menyebarluas gerakan anti rasuah.

Walaupun program diadakan khusus kepada murid-murid sekolah, namun ia secara tidak langsung turut melibatkan kumpulan guru dan ibu bapa yang hadir dalam program berkenaan. Pendekatan ini dapat meluaskan lagi penyebaran mesej pencegahan rasuah kepada berbagai lapisan masyarakat. Senarai program WAR yang telah dijalankan pada tahun 2015 adalah seperti dalam LAMPIRAN 9 dan 10.



Pengarah Bahagian PenMas, SPRM Dato' Hj. Shamshun Baharin Bin Mohd Jamil di Majlis Perasmian Program WAR, Sabah.

Rentetan daripada program WAR yang dijalankan, beberapa **impak positif** dapat dilihat seperti berikut:

i. Peningkatan pengetahuan dan pemahaman mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 di kalangan guru-guru, kakitangan sekolah dan ibu-bapa serta penjaga murid-murid;

ii. Pertambahan permintaan penganjuran program WAR;

iii. Peningkatan permintaan lawatan sambil belajar ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya dan SPRM Negeri untuk menambah kefahaman para pelajar, guru-guru dan ibu-bapa; dan

iv. Pertambahan permintaan dalam program-program pencegahan rasuah di peringkat sekolah.

2. AKTIVITI TURUN PADANG - SPRM DEKATI RAKYAT

SPRM kini giat menjalankan aktiviti turun padang untuk bertemu masyarakat dalam usaha memerangi rasuah secara besar-besaran. Langkah ini diambil bagi memastikan semua pihak memberi kerjasama dengan SPRM dalam membanteras gejala tersebut. Program turun padang yang dijalankan dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat tentang bahayanya jenayah rasuah, disamping dapat mengeratkan hubungan SPRM dengan masyarakat. Turut diedarkan dalam program turun padang adalah risalah-risalah yang mengandungi mesej anti rasuah. Antara program dan aktiviti turun padang yang dijalankan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

2.1 Program SPRM dekati rakyat bersama Asian Finance Bank Berhad dan rumah Titian Kaseh.

Mengambil keberkatan bulan Ramadhan, Program **Merakyatkan SPRM** Bersama Asian Finance Bank Berhad (AFBB) dan Rumah Titian Kaseh telah diadakan pada 10 Julai 2015 di MACA. Program kerjasama di antara SPRM dan Asian Finance Bank Berhad (AFBB) ini diadakan bagi meraikan 65 penghuni Rumah Titian Kaseh, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur. Ia terdiri dari anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal, warga emas serta orang kurang upaya (OKU) daripada Rumah Titian Kaseh.

Turut hadir adalah Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed serta isteri Puan Sri Rasheedah binti Zachariah Merican merangkap Pengerusi Puspanita SPRM, Ketua Eksekutif Asian Finance Bank Berhad (AFBB), pegawai-pegawai kanan AFBB dan pegawai kanan SPRM. Seramai 240 orang tetamu jemputan daripada beberapa syarikat dan pertubuhan iaitu syarikat Pharmaniaga Berhad, Syarikat Prasarana Negara Berhad, Petronas, CD Holdings dan Puspanita SPRM telah hadir dan memberi sumbangan.

Program ini merupakan tanggungjawab sosial SPRM untuk mendekati golongan kurang bernasib baik. Selain itu ia juga dapat memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pegawai dan kakitangan SPRM untuk melakukan lebih banyak amal kebajikan.

Majlis diserikan dengan persembahan nasyid oleh kumpulan Nurani SPRM diikuti dengan penyampaian sumbangan kepada para penghuni Rumah Titian Kaseh. Sebagai tanda penghargaan, wakil beberapa syarikat turut memberikan sumbangan telah diberikan Sijil Penghargaan. Turut diadakan adalah tazkirah Ramadhan sebelum diteruskan dengan solat fardu Maghrib secara berjemaah, diikuti dengan Majlis Berbuka Puasa, solat Isyak dan solat sunat Tarawih. Majlis berakhir dengan jamuan moreh.



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, bersama anak-anak yatim, ibu tunggal dan warga emas selepas Majlis Penyampaian Sumbangan.

2.2 Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2015

Hari Anti Rasuah Antarabangsa untuk tahun 2015 telah disambut dengan tema 'Memutuskan Rantaian Rasuah' atau '*Break the Corruption Chain*'. Tema ini dipilih kerana jenayah rasuah berlaku tanpa mengira warna kulit, ideologi politik, latar belakang pendidikan dan kedudukan seseorang. Oleh kerana adanya sikap tamak dan ketiadaan integriti dalam diri individu, ia akan terus berlaku selagi rantaian kepada jenayah itu tidak diputuskan.

SPRM mengambil langkah proaktif menjadi peneraju kepada sambutan Hari Anti Rasuah Malaysia, melalui program-program pencegahan rasuah yang diadakan di peringkat ibu pejabat dan negeri. Ia merupakan komitmen dan sokongan Malaysia kepada inisiatif yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa.

Program dan aktiviti yang dilaksanakan melibatkan pemimpin-pemimpin negara, pengurusan tertinggi agensi kerajaan, syarikat swasta, NGO, pemimpin pelajar dan masyarakat umum selaras dengan dasar 'Merakyatkan SPRM'.

3. STRATEGI PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH MELALUI MEDIA CETAK, MEDIA ELEKTRONIK DAN LAWATAN

3.1 Pameran

Pameran menjadi medium komunikasi secara bersemuka di antara SPRM dengan masyarakat. Pameran diadakan bersempena program-program penting sama ada anjuran SPRM atau agensi luar. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 193 pameran pendidikan pencegahan rasuah telah diadakan di seluruh negara.

Melalui kaedah ini, SPRM dapat memberi penerangan kepada pengunjung pameran mengenai jenayah rasuah dan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan bagi menangani gejala rasuah. Pengunjung juga dapat berinteraksi secara terus dengan pegawai SPRM sekiranya mempunyai sebarang kemusykilan berkaitan jenayah rasuah.

3.2 Promosi Media

Media massa merupakan sumber maklumat yang sangat penting kepada masyarakat. Justeru, SPRM memanfaatkan sepenuhnya peluang yang ada untuk menyebar luas mesej anti rasuah secara komprehensif di seluruh negara. Antara kempen yang dibuat melalui strategi media massa ini adalah seperti berikut:

- **Iklan Pencegahan Rasuah di KLIA TV**

Lapangan terbang merupakan lokasi strategik untuk menyebar luas mesej anti rasuah terutama kepada masyarakat antarabangsa. SPRM turut mengambil peluang ini untuk menyiarkan iklan PSA di KLIA TV di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA 2. Setiap satu membawa mesej 'Laporkan Rasuah' dan iklan *'International Anti Corruption Conference*'. Jenis iklan PSA berdurasi 10 saat, 15 saat, iklan 30 saat informasi penerbangan FIDS di 3 kawasan Balai Berlepas dan ketibaan dan Iklan 3 minit klip video korporat SPRM.

- **Iklan pencegahan rasuah di panggung wayang TGV**

SPRM berkolaborasi dengan panggung wayang *Tanjung Golden Village* (TGV) untuk memaparkan iklan pencegahan rasuah di skrin. Panggung wayang terlibat adalah TGV AEON Tebrau City, Johor Bahru, TGV 1st Avenue Pulau Pinang dan TGV Gurney Paragon, Pulau Pinang.

Iklan berdurasi 30 saat ini memaparkan mesej 'Jangan Musnahkan Integriti Generasi Anda'. Pengiklanan di panggung wayang mensasarkan golongan belia berbilang bangsa yang sering mengunjungi tempat hiburan berkenaan.

- **Iklan**

Walaupun iklan-iklan ini berdurasi 30 hingga 60 saat, namun mesej anti-rasuah yang dipaparkan mampu memberi impak positif kepada penonton apabila ditayangkan dengan kerap. Iklan yang telah disiarkan adalah seperti dalam JADUAL 44.

JADUAL 44: Senarai iklan TV mengenai pencegahan rasuah

BIL	IKLAN
1.	Iklan Lakukan Perubahan Perangi Rasuah RTM TV1
2.	Iklan 30 saat Upin Ipin Malaysia Makmur, Les Copaque
3.	Iklan Rezeki Yang Barakah / Malaysia Makmur Tanpa Rasuah di TV1 (Sebelum Azan Maghrib)
4.	Iklan Malaysia Makmur Tanpa Rasuah di TV Al- Hijrah (Sebelum Azan Maghrib)
5.	Iklan Malaysia Makmur Tanpa Rasuah di TV1 dan TV2 (Selepas Hari Raya)

- **Program Bual Bicara di TV**

JADUAL 45: Senarai program Bual Bicara di TV

BIL	PROGRAM	PENYAMPAI
1.	Temubual di Selamat Pagi 1 Malaysia (RTM TV 1)	– Pengarah Bahagian PenMas SPRM, Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil.
2.	Temubual di program *Sunday Break* (Astro Kah Lai Toi, Channel 304) bertajuk "Jangan Biarkan Rasuah Menjadi Kata Ganti Nama Malaysia" Siri 1 dan 2	– Ps Lim Gim Shin – Peguam Ng Kian Nam – Ahli Parlimen Simpang Renggam, Datuk Liang Teck Meng
3.	Temubual *testimony* promo SPRM di TV Al-Hijrah	– PPj Samsul bin Salip, Bahagian PenMas SPRM.
4.	Temubual di Selamat Pagi 1 Malaysia bertajuk 'Kempen WAR' di RTM TV1;	– Pengarah Bahagian PenMas SPRM, Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil.
5.	Temubual Analisis Awani bertajuk Integriti Dalam Sukan	– Pengarah Bahagian PenMas SPRM, Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil.
6.	Temubual di SP1M bertajuk "Kerjasama SPRM dengan RTM" dan promosi IACC di RTM TV1	– Pengarah Bahagian PenMas SPRM, Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil.
7.	Temubual program 'DIALOG' bertajuk "Mengakhiri Kesan Buruk: Rakyat, Integriti & Tindakan" di RTM TV1	– Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Hj Mustafar bin Hj Ali
8.	Temubual slot Ruang Bicara 502 mengupas tajuk "Rasuah Meragut Kesejahteraan Pengguna"	– Timbalan Pengarah, Bahagian PenMas SPRM, KPKPj Tuan Haji Abd Samat bin Kasah – Presiden Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Datuk Nadzim Johan

- **Dokumentari**

JADUAL 46: Senarai dokumentari di TV mengenai pencegahan rasuah

BIL	PROGRAM
1.	Tayangan Dokudrama Pengakuan Musim 3 (episod 1 – 13) di RTM TV1
2.	Drama Bersiri RISIK-O (episod 1 – 13) di RTM TV2.
3.	Dokumentari kerjasama SPRM / RTM sempena ulang tahun penubuhan BPR / SPRM ke 48 tahun dalam slot Panorama bertajuk Gemilang SPRM.
4.	Dokumentari di TV Al-Hijrah bertajuk "Tradisi Munafik"
5.	Dokumentari di TV Al-Hijrah "Wira Anti Rasuah"
6.	Dokumentari RTM bertajuk "Transformasi SPRM Mercu Kejayaan) di TV1.

- **Iklan Radio**

Seperti televisyen, radio juga memainkan peranan penting dalam membantu menyebarkan mesej anti rasuah kepada masyarakat. Mesej yang disiarkan berulang kali mampu meninggalkan impak besar dalam kehidupan seseorang.


Mesej SPRM telah ke udara di radio Sinar FM, Era FM dan stesen radio RTM seluruh negara. Tahun 2015 juga menyaksikan iklan-iklan pencegahan rasuah menembusi beberapa stesen radio baharu iaitu Ultra FM dan radio berbahasa Cina My.FM. Mesej utama SPRM adalah '**Jangan Beri Dan Jangan Terima Rasuah'** dan tanggungjawab melaporkan jenayah itu.

Iklan 30 saat yang disiarkan turut memberikan mesej seperti **"INSAF", "Hadiah Boleh Jadi Rasuah**" dan **"Peningkatan Perkhidmatan Kerajaan**" di saluran radio seperti dalam RAJAH 6 dan tambahan di saluran radio di PiMai FM, Suria FM, Perak FM dan 98.9 FM (Mandarin).

- **Temubual Radio**

Temubual bersiaran secara langsung dengan kekerapan sebanyak lima kali sebulan dengan membawa topik yang berlainan pada setiap bulan. Temubual bersama pegawai-pegawai SPRM ini membincangkan serta mengupas isu-isu semasa, pandangan, kejayaan, usaha dan juga kesalahan-kesalahan di dalam Akta SPRM 2009 di stesen-stesen radio seperti dalam RAJAH 6:

RAJAH 6: Stesen-stesen radio bagi rancangan temubual pendidikan pencegahan rasuah



- **Portal**

Pada 9 Disember 2015, SPRM telah mengorak langkah dengan membuat penambahbaikan portal rasmi www.sprm.gov.my yang dilengkapi dengan laman mikro MACA dan *ACE Centre* yang berkonsep pusat sehenti bagi memudahkan akses pengguna secara berpusat.



Portal Rasmi SPRM dalam Bahasa Mandarin

Selain itu bagi memudahkan carian pengguna, portal ini ditambah baik dengan penambahan versi Bahasa Mandarin dengan harapan masyarakat keturunan cina akan lebih memahami tugas dan peranan SPRM. Penambahbaikan ini dibuat berdasarkan kepentingan medium itu dalam menyebarluaskan mesej pencegahan rasuah terus kepada kelompok sasaran yang telah **dilayari oleh seramai lapan juta pengguna pada tahun 2015.**

- **MACC.fm**

SPRM telah mencatatkan sejarah pada 9 Disember 2015 apabila radio *streaming* anti rasuah yang pertama di negara ini dilancarkan secara rasmi oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Hj. Mustafar bin Hj. Ali. Radio ini dibangunkan hasil daripada Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan SPRM 2015 yang mendapati 70 peratus responden mengakui mendapat mesej anti rasuah yang cepat dan meluas melalui media elektronik khususnya radio.

Ia merupakan satu *platform* baru bagi memperkasakan lagi usaha menyebarluas mesej anti rasuah kepada masyarakat melalui medium elektronik secara berterusan menerusi temubual / wawancara dan terbitan dalaman berkaitan isu-isu pencegahan rasuah.

Radio yang bersiaran mulai jam 9:00 pagi hingga 9:00 malam ini, menggunakan *tagline* ***"My Anti-Corruption Channel*, MACC.FM"** dan boleh dilayari melalui laman **www.macc.fm** dan **www.sprm.gov.my**. Ia juga boleh dimuat turun menerusi aplikasi di *Google Playstore* (peranti Android) dan *App Store* (peranti iOS). Lebih membanggakan lagi apabila radio ini dikendalikan sepenuhnya oleh Pegawai SPRM di Unit Radio, Cawangan Elektronik, Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat.



Tetamu undangan yang ditemuramah oleh MACC.fm

- **Penerbitan Buletin SPRM**

Sepanjang tahun 2015, sebanyak enam siri Buletin SPRM diterbitkan secara dwi-bulanan. Buletin SPRM ini telah diedarkan ke jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta, perpustakaan, sekolah termasuk SPR di semua kolej dan universiti. Pelbagai paparan berkaitan aktiviti utama SPRM dimuatkan dalam buletin berkenaan. Buletin SPRM turut mengandungi artikel-artikel menarik berkaitan pencegahan rasuah dan kisah iktibar yang boleh dijadikan renungan masyarakat.

- **Pendidikan melalui media sosial**

Media sosial menjadi penyebar maklumat paling berpengaruh masa kini. Medium ini turut digunakan SPRM untuk mendidik masyarakat mengenai pencegahan rasuah. Iklan-iklan pencegahan rasuah, drama bersiri, telemovie dan dokumentari yang diterbitkan oleh SPRM turut dimuat naik ke laman *YouTube* dan *Facebook* SPRM. *Flickr* SPRM pula menghimpunkan semua gambar berkualiti tinggi berkaitan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan SPRM. Aktiviti SPRM dan mesej pencegahan rasuah juga dihebahkan melalui laman *Facebook* 'PenMas Didik' dan 'SPRM Didik'.

4. AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PROGRAM SEBAGAI PEMANGKIN PEMANTAPAN PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH

4.1 Kajian Persepsi Tindakan Pencegahan Rasuah Oleh SPRM 2015 (KPTPR-SPRM)

Kajian penilaian keberkesanan tindakan pencegahan rasuah oleh SPRM dilaksanakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) pada 31 Mac 2003 secara berkala setiap lima tahun sekali. Pada tahun 2002 dan 2007 sebanyak dua kajian telah dilaksanakan dan lebih bersifat makro. Mulai 2012, Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan Pencegahan Rasuah oleh SPRM diteruskan secara tahunan (dengan tiga siri kerja lapangan) sehingga kini.

Kajian ini penting untuk mengukur prestasi SPRM secara keseluruhan yang mencakupi bidang penguatkuasaan, pencegahan dan pendidikan serta mengesan tahap sokongan dan keyakinan masyarakat.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengukur tahap pengetahuan masyarakat terhadap rasuah, peranan SPRM dan senario rasuah. Disamping itu, untuk mengukur sikap masyarakat dari segi kesediaan, kesanggupan dan kerjasama dengan SPRM dalam usaha tindakan pencegahan rasuah serta nilai diri dan sikap tidak toleran terhadap rasuah. Kajian ini juga turut menilai tahap kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM (aras aspirasi) dan menentukan tahap keberkesanan tindakan, sokongan dan keyakinan masyarakat terhadap SPRM (aras tindakan).

Sebanyak **16 faktor utama telah dianalisis** dan diformulakan sebagai Indeks Reputasi Tindakan SPRM (IReTSPRM). Hasil kajian melalui analisis jawapan oleh **9,000 responden** yang mewakili penduduk Malaysia yang terdiri daripada orang awam, penjawat awam, swasta, pelajar pertubuhan politik dan NGO mendapati golongan belia dan pelajar perlu diberikan perhatian lebih-lebih lagi merangkumi 40 peratus penduduk Malaysia.

Dapatan kajian tahun ini mendapati masyarakat masih memiliki sikap sokongan yang sangat tinggi dengan skor melebihi 86 mata, sungguhpun tahun 2015 SPRM mendepani berbagai cabaran. Perkara ini ditafsirkan melalui penilaian Impak Tindakan SPRM yang dikaji setiap tahun. Dari segi keyakinan masyarakat ke atas SPRM, ianya berada pada aras 65.8 mata (dengan sedikit merosot berbanding tahun 2014: 67.8).

Sungguhpun begitu, kajian ini mendapati penilaian masyarakat ke atas Indeks Aspirasi, yakni yang mengabungkan kebebasan, ketelusan dan profesionalisme SPRM berada pada aras tinggi melebihi 70 mata. Cabaran utama adalah persepsi masyarakat ke atas SPRM "bukan badan bebas", dengan tanggapan sebagai suruhanjaya yang masih

tertakluk kepada kerajaan dan bertindak di bawah pengaruh luar.

Bagi memperkukuhkan SPRM, usaha-usaha khusus perlu dilaksanakan bagi mempertingkatkan keyakinan masyarakat khususnya dari segi operasi agar dilihat sebagai berkesan sekaligus akan meninggikan keyakinan. Sokongan rakyat perlu diteruskan melalui program Merakyatkan SPRM dengan lebih agresif, terutama sekali dalam memberi keyakinan bahawa SPRM sentiasa berusaha dan bersama masyarakat untuk menangani jenayah rasuah di Malaysia. SPRM perlu dilihat dan ditafsirkan bertindak bebas dalam menjalankan tindakan secara profesional dan telus bagi menghapuskan kecurigaan yang bakal bangkit melalui tindak tanduknya.

Dapatan kajian 2015, menggariskan empat strategi yang perlu dilaksanakan bagi memperkukuhkan keyakinan masyarakat. Empat inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

i. Mengukuhkan dan memperluaskan sokongan dan dukungan pebagai sektor masyarakat dalam usaha membanteras rasuah tanpa gentar dan menyebelahi mana-mana pihak;

ii. Meningkatkan keberkesanan usaha SPRM dan gerakan pembanterasan rasuah melalui usaha memerangi *"mega corruption"* yang berkepentingan umum dan berprofil tinggi. SPRM membentuk jaringan dan *"coalition"* di seluruh negara dan dipimpin oleh juara masyarakat sebagai ikon menerajui usaha pembanterasan di pihak rakyat;

iii. Menggariskan usaha untuk menangani kecenderungan melakukan rasuah dan memantapkan integriti dalam kalangan belia dan pelajar. Langkah jangka panjang yang holistik melalui pengukuhan nilai, etika dan integriti serta mempertingkatkan kesediaan dan kerjasama meluas dalam kalangan belia dan pelajar; dan

iv. Menangani *'trust deficit'* dan memperbaiki aras keseriusan dan kecukupan kerajaan membanteras rasuah secara tuntas dan konsisten. Masyarakat melihat usaha memerangi rasuah tidak disertai dengan iltizam politik yang kukuh. SPRM sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan bagi membanteras rasuah harus mengemukakan dapatan *'trust deficit'* kepada pimpinan tertinggi negara.

Pelaksanaan keempat-empat strategi yang diformulasi daripada dapatan kajian perlu dilaksanakan dalam usaha menjadikan SPRM lebih berkesan dan bersungguh dalam usahanya sejajar dengan gagasan **Jihad Memerangi Rasuah.**

4.2 Pembangunan Modul Pencegahan Rasuah (MPR)

Bengkel Pembangunan Modul Pencegahan Rasuah (MPR) telah diadakan pada 6 Februari 2015 bertempat di MACA yang telah dihadiri oleh 25 orang pegawai dari Bahagian Pendidikan Masyarakat (PENMAS) Ibu Pejabat dan juga negeri serta dua orang tenaga pengajar dari Institut Aminuddin Baki (IAB).

Sebanyak 25 MPR telah dibangunkan selepas *Training Needs Analysis* (TNA) diadakan untuk mengumpulkan elemen-elemen penting berkaitan pencegahan rasuah. Maklumat ini diolah mengikut keperluan dan kesesuaian kumpulan sasar. MPR yang dibangunkan terbahagi kepada lima kluster iaitu Kluster Pendidikan, Kluster Belia, Kluster Perniagaan dan *Regulators*, Kluster Komuniti dan Kluster Perkhidmatan Awam.

Setiap modul mengandungi jadual pengisian program, slaid ceramah mengenai nilai-nilai murni dan pencegahan jenayah rasuah serta penggunaan bahan bantu yang berkaitan.




Seksyen Pembangunan Modul dan Penyelidikan, Bahagian PenMas bersama pegawai-pegawai penyelidikan, Institut Aminuddin Baki (IAB).



Peserta bengkel pembangunan MPR.

RAJAH 7: Kluster MPR

LIMA KLUSTER
MODUL PENCEGAHAN RASUAH (MPR) SRRM



4.3 Bengkel *Toastmaster* SPRM 2015, Penceramah Berimpak Tinggi

Objektif utama pelaksanaan Bengkel *Toastmaster* SPRM 2015: Penceramah Berimpak Tinggi adalah sebagai langkah untuk mempertingkatkan keupayaan pegawai dalam aktiviti menyampaikan ceramah. Program ini adalah hasil saranan Ahli Panel Pembangunan Kompetensi Pencegahan yang memfokuskan kepada perkara-perkara berikut:

i. Kemahiran Berkomunikasi / Penyampaian;
ii. Kemahiran Mempengaruhi;
iii. Kemahiran Pengurusan Program;
iv. Kemahiran Komunikasi Bertulis;
v. Kemahiran Menganalisa; dan
vi. Kemahiran Menjalin Rangkaian

Program yang telah dilaksanakan sebanyak empat siri secara berkala pada tahun 2015 telah berjaya melatih sejumlah 115 orang pegawai dari Bahagian dan Unit PenMas yang sebahagian besarnya adalah penceramah SPRM di seluruh Malaysia.



Peserta bengkel *Toastmaster* bersama tenaga pengajar, Ibu Faridah Hanim.

Keberhasilan daripada Program *Toastmaster* SPRM (Penceramah Berimpak Tinggi) ini dapat dilihat menerusi maklum balas positif yang diterima oleh para peserta antara lain dapat meningkatkan keyakinan peserta serta mampu untuk menyampaikan topik ceramah kepada semua peringkat peserta dengan lebih baik. Adalah disarankan setiap penceramah yang menghadiri program ini dapat ditauliahkan sebagai penceramah berimpak tinggi oleh pihak SPRM.



Sebahagian peserta bengkel *Toastmaster*

4.4 Pendokumentasian Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR)

Sejajar dengan hasrat Pengurusan Tertinggi SPRM agar setiap pelaksanaan program pendidikan pencegahan rasuah didokumenkan untuk dijadikan garis panduan dan bahan rujukan, satu lagi inisiatif dalam pembangunan modul pencegahan adalah mendokumentasikan metodologi Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (PSPR). PSPR penting kerana ia merupakan usaha dalaman pencegahan rasuah yang perlu dilaksanakan oleh agensi yang telah dikenal pasti mempunyai risiko rasuah.

Melalui pelan struktur ini, aktiviti pemantapan integriti dan pencegahan rasuah dapat dilaksanakan oleh agensi secara lebih fokus dan berstruktur. PSPR mempunyai empat pendekatan atau strategi iaitu Strategi Pendidikan, Strategi Pencegahan, Strategi Pengukuhan dan Strategi Penguatkuasaan.

Sehubungan itu, pada tahun 2015 kerja-kerja mendokumenkan kerangka modul dan metodologi PSPR telah dilaksanakan dan dijangka siap pada bulan Jun 2016. Penyediaan dokumen sebegini untuk dijadikan bahan rujukan dan garis panduan kepada agensi dalam pelaksanaan PSPR.



Pelaksanaan PSPR Pejabat Tanah dan Servei, Sarawak.

5. AKTIVITI PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH PERINGKAT NEGERI





Program Hari Anti Rasuah Sedunia *Penang Anti Corruption Run* (PACRUN) oleh SPRM Pulau Pinang.



Program Merakyatkan SPRM bersama masyarakat Kampung Cikgu Ali, Mata Ayer sempena Iftar Ramadhan 1436H oleh SPRM Negeri Perlis.



Program Kembara Bermotosikal Kuasa Besar "Kami Menolak Perlakuan Rasuah dan Menyokong Usaha Pencegahan Rasuah Oleh SPRM" anjuran bersama SUK & Sabah *Big Bikers Association* (SBBA) dan SPRM Negeri Sabah.



Program Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2015 & KL *Free Car Morning* oleh SPRM Wilayah Persekutuan.



Program Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2015 '*10,000 steps Fight Corruption*' oleh SPRM Negeri Sembilan.



Program "Merakyatkan SPRM-Perjuangan Bersama" Sempena Sambutan Ulang Tahun BPR/SPRM Ke 48 oleh SPRM Negeri Pahang.



Majlis Penutupan Forum "Melaka Indah Tanpa Rasuah: Belia/NGO Pendokong SPRM" oleh SPRM Negeri Melaka.



Program "Merakyatkan SPRM" bersama pemimpin komuniti luar bandar Kg Buntal, Santubong, Sarawak oleh SPRM Negeri Sarawak.



Program Rundingan Meja Bulat "RTD", SPRM Negeri Johor bersama Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)



KOMUNIKASI STRATEGIK

KOMUNIKASI STRATEGIK

Komunikasi strategik terus memainkan peranan penting dalam melaksanakan pelan tindakan perhubungan awam dan komunikasi yang tepat dan berkesan berkaitan SPRM. Disamping itu, ia turut memainkan peranan penting dalam menjalinkan hubungan kerjasama yang erat dengan pihak media massa, pemimpin-pemimpin masyarakat, politik dan NGO dalam usaha untuk meningkatkan keyakinan dan persepsi masyarakat terhadap SPRM.

Dalam hal ini, Bahagian Komunikasi Strategi (BKS) SPRM diberi tanggungjawab untuk berperanan sebagai pusat saluran maklumat dan komunikasi secara efektif sama ada di peringkat dalaman mahupun luaran. BKS mengambil pendekatan proaktif ke atas semua isu yang melibatkan SPRM dengan cara mengeluarkan kenyataan media terhadap sesuatu isu dengan cepat, tepat dan betul.

TUMPUAN UTAMA KOMUNIKASI STRATEGIK

Pada tahun 2015, fokus utama komunikasi strategik adalah:

- Pengurusan isu secara efektif;
- Meningkatkan keyakinan dan sokongan masyarakat terhadap SPRM dengan membaiki persepsi masyarakat secara efektif dan berterusan;
- Mewujudkan jalinan kerjasama yang erat dengan pengamal media dan semua pihak yang berkepentingan dengan SPRM; serta
- Menyediakan latihan berkaitan pengurusan media dan komunikasi kepada pegawai-pegawai SPRM.

PENGURUSAN ISU SECARA EFEKTIF

Isu yang dihadapi oleh SPRM yang melibatkan beberapa pihak berkepentingan di samping tanggapan masyarakat dalam dan luar negara, telah memberikan implikasi yang sangat besar dalam perjalanan SPRM. Antara isu-isu yang menjadi tumpuan untuk ditangani BKS sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

- Siasatan terhadap SRC International;
- Wang derma berjumlah RM2.6 billion;
- Kes-kes pertuduhan berprofil tinggi seperti keputusan rayuan kes bekas Menteri Besar Selangor, Dr. Mohd Khir Toyo, Pengurus Petronas Carigali, bekas Leftenan Komander TLDM dan lain-lain.

Turut berperanan dalam membuat liputan tentang kejayaan-kejayaan SPRM pada tahun 2015 seperti:

- Operasi-operasi yang dijalankan seperti Ops Gergaji, Ops Carsing, Ops BS di Sabah, Ops Sealord, Ops Licin 2, Ops Sejuk Cameron Highlands, Ops Kristal dan sebagainya;
- Penganjuran Persidangan Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACC) oleh SPRM;
- Keterlibatan SPRM bersama institusi politik, NGO, swasta, komuniti, belia dan pelajar dalam usaha pencegahan rasuah.

PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Seiring dengan Program Transformasi SPRM, SPRM meneruskan pelaksanaan inisiatif pembaharuan dan penambahbaikan bagi memperkasakan aspek pengurusan media dan komunikasi strategik. Sehubungan itu beberapa pegawai SPRM Ibu Pejabat dan Negeri yang bertugas dalam bidang berkaitan pengendalian pengurusan isu, telah dihantar mengikuti kursus dan latihan kemahiran komunikasi seperti berikut:

i. Bengkel Pengurusan Media dan Komunikasi Strategik (Lanjutan).
ii. Kursus Kemahiran Mengendali Media Sosial.
iii. Bengkel Komunikasi Strategi Sosial Media.

Pegawai SPRM yang telah tamat kursus khususnya daripada SPRM Negeri akan menjadi penyampai infomasi berkaitan program atau aktiviti negeri-negeri supaya dapat disalurkan kepada masyarakat luar umumnya dan warga kerja SPRM khususnya.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) PROGRAM PENEMPATAN SILANG

SPRM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Program Penempatan Silang

Bagi meningkatkan kemahiran pengurusan media dan komunikasi dalam kalangan pegawai-pegawai, SPRM turut mengambil langkah menjalin kerjasama dalam bentuk Program Penempatan Latihan bersama Kumpulan *New Straits Times*. Sehubungan itu, Memorandum Persefahaman (MoU) Program Penempatan Silang telah ditandatangani pada bulan Januari 2015. Jalinan kerjasama akan dibentuk dengan pihak-pihak lain bagi menjayakan strategi pemindahan kemahiran (transfer of knowledge).

UNIT MEDIA SOSIAL

Unit Media Sosial ditubuhkan bagi memperkukuhkan sektor pengurusan isu-isu, dibawa oleh media atas talian dan sosial dengan berkesan, pantas dan menyeluruh

Satu lagi pembaharuan yang dilaksanakan oleh SPRM adalah mewujudkan Unit Media Sosial. Sayap terbaharu ini dibentuk dengan tujuan utama untuk memperkukuhkan sektor pengurusan isu-isu, dibawa oleh media atas talian dan sosial dengan berkesan, pantas dan menyeluruh.

Pencapaian selama 10 bulan sejak Februari 2015 menunjukkan bahawa pembentukan Unit Media Sosial adalah tepat lagi relevan dalam mengenal pasti isu-isu rasuah dan usaha pencegahan dengan lebih cepat dan meluas. Isu-isu yang kritikal telah dapat ditangani dengan berkesan, di mana kumpulan sasaran dapat dijelaskan dengan fakta dan hujah yang munasabah, sekaligus memperbaiki persepsi mereka ke atas SPRM. Perkembangan ini terbukti hasil analisis yang telah dikendalikan. Analisis tona media sosial kendalian secara dalaman juga menunjukkan bahawa liputan positif adalah dalam lingkungan 92 hingga 94 peratus. Ia satu perkembangan dan impak yang membina bagi SPRM. Unit Media Sosial juga menjalin kerjasama dengan pengendali portal berita dan blog bagi memperkasakan kemahiran mengurus dan menangani isu-isu media atas talian.

ANALISIS TONA MEDIA

SPRM turut memantau tona media setiap hari untuk melihat keberkesanan usaha pencegahan rasuah. Analisis tona media terhadap laporan di media elektronik, cetak dan media sosial dibuat oleh firma bebas dan profesional yang dilantik SPRM iaitu syarikat Isentia.

Secara keseluruhannya, SPRM merekodkan tona media positif 94.5 peratus pada tahun 2015. Pencapaian ini satu perkembangan positif berbanding 92.33 peratus yang direkodkan pada tahun 2014. Peningkatan tona positif ini adalah sumbangan kes-kes melibatkan kepentingan rakyat dan kejayaan SPRM dalam melaksanakan dasar Merakyatkan SPRM sepanjang tahun.

SPRM merekodkan tona media positif 94.5 peratus pada tahun 2015

Analisis tona yang disediakan oleh firma Isentia menunjukkan sebanyak 11,753 laporan telah dibawa oleh media cetak, elektronik dan online sepanjang tahun 2015, yang berkaitan dengan SPRM secara langsung. Daripada jumlah itu, 7,493 penulisan disiarkan di akhbar dan majalah, televisyen menyiarkan 760 laporan, radio (594 laporan) dan media atas talian (2,906 laporan).

Kebanyakan laporan media berkisar kes-kes yang disiasat SPRM dan pendakwaan kes rasuah di mahkamah iaitu sebanyak 6,961 laporan atau 59.2 peratus. Ini disusuli dengan aspek fungsi dan peranan SPRM (2,638); isu politik yang dikaitkan dengan rasuah (990); laporan berkaitan dengan Ketua Pesuruhjaya dan warga kerja SPRM (675) dan laporan aktiviti dan kempen pendidikan masyarakat (489).

Antara pendekatan yang digunakan untuk menghebahkan maklumat mengenai peranan, pencapaian dan aktiviti SPRM adalah melalui wawancara eksklusif membabitkan pengurusan tertinggi SPRM dan pengarah-pengarah SPRM bahagian dan negeri. Wawancara tersebut seterusnya dijadikan artikel dan disiarkan dalam akhbar tempatan dan majalah yang berkaitan. Antaranya artikel bersama Ketua Pesuruhjaya Tan Sri Abu Kassim, Timbalan-Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Pengarah-Pengarah Negeri.

Berbanding tahun-tahun sebelum ini, tahun 2015 turut memberi tumpuan ke atas wawancara bersama Pengarah-Pengarah Negeri iaitu Johor, Kelantan, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor. Usaha perlu diambil untuk mempromosikan kejayaan di peringkat negeri. Langkah awal telah membuahkan hasil dan ia akan diteruskan pada tahun 2016.

Khidmat beberapa ahli dari kelima-lima badan bebas iaitu Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Panel Penilaian Operasi, Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah serta mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) Datuk Seri Zakaria Jaafar digunakan untuk mengisi ruang yang disediakan oleh pihak media.

SPRM melalui BKS sedang menyusun strategi untuk menggunakan ruang dan peluang ini dengan efektif pada tahun 2016. Perkembangan ini dilihat satu impak Program Transformasi yang memberi tumpuan untuk menjalin hubungan lebih baik dengan media. BKS juga menggunakan dengan baik radio MACC FM untuk tujuan menangani isu dan mempromosikan aktiviti SPRM sejak Disember 2015.

PENGURUSAN MEDIA IACC 2015

Di sebalik cabaran yang dihadapi semasa 2015, SPRM melalui BKS telah berjaya mengendalikan pengurusan media semasa majlis IACC Kali Ke-16, yang julung kali dianjurkan secara bersama oleh SPRM. Malaysia sebagai tuan rumah IACC kali ke-16 telah memberikan pendedahan meluas kepada pegawai SPRM dalam pengurusan media dan komunikasi.

Penyebaran maklumat dibuat melibatkan kesemua tiga peringkat pra, semasa dan selepas IACC berlangsung dari 2 hingga 4 September 2015. Pelbagai cara dalam menyampaikan maklumat bagi menyebarluaskan majlis IACC antaranya pertemuan

dengan editor dari dalam dan koresponden luar negara, mengaturkan wawancara dengan media cetak dan elektronik, penulisan artikel dan kenyataan media. IACC Kali Ke-16 yang berlangsung memberikan impak yang besar kepada organisasi dan pelanggan antaranya:

i. Kejayaan Program Transformasi dari sudut *transfer of knowledge* di mana kehadiran anggota tenaga pakar telah membantu dalam proses pemindahan ilmu, pengetahuan dan skil kepada pengurusan media dan komunikasi kepada pegawai-pegawai SPRM di Ibu Pejabat dan Negeri. SPRM berupaya mengendali dan menguruskan sendiri majlis dan program bertaraf antarabangsa tanpa bergantung kepada khidmat firma perhubungan media luar;

ii. Pembentukan satu rangkaian atau sinergi kerjasama yang dinamik bersama media dan stakeholder SPRM seperti NGO dan ahli-ahli badan bebas yang memantau perjalanan SPRM dalam mempromosikan kejayaan dan amalan-amalan baik SPRM kepada dunia luar. Kerjasama ini sudah pasti akan memanfaatkan SPRM dalam jangka panjang;

iii. Penggubalan SOP atau Garis Panduan berkenaan dengan amalan baik pengurusan media dan komunikasi khususnya dari segi penganjuran majlis-majlis besar dan bertaraf antarabangsa; dan

iv. Penjimatan kos pengurusan media sehingga setengah juta ringgit apabila Sekretariat Media SPRM memutuskan untuk tidak menggunakan khidmat firma perhubungan media luar. Ini kali pertama SPRM mengendalikan urusan promosi media dan komunikasi secara dalaman dan sendiri. Kejayaan menjimatkan sejumlah ini sesungguhnya satu kejayaan yang besar ketika Pengurusan Tertinggi menyeru dan menasihatkan setiap Bahagian dan warga kerja mengambil langkah berjimat cermat susulan pemotongan bajet.

INISIATIF MENANGANI PERSEPSI NEGATIF

Persepsi negatif merupakan halangan utama yang dilihat menjejaskan reputasi SPRM. SPRM memandang serius perkara ini dan telah menggerakkan semua warganya untuk sama-sama menjadi penyampai maklumat yang tepat dan jelas kepada masyarakat berhubung sesuatu perkara.

Saluran media elektronik, cetak dan sosial turut digunakan dengan optimum agar masyarakat mendapat maklumat yang tepat. Antara inisiatif SPRM bagi menangani isu persepsi negatif ini adalah menerusi usaha mengoptimumkan medium komunikasi dalaman melalui sebaran e-mel kepada warga SPRM bagi memberi informasi berhubung isu-isu semasa dan perkembangan terkini dan taklimat berkala oleh bahagian-bahagian di bawah aktiviti operasi kepada pegawai-pegawai di Bahagian Pendidikan Masyarakat dan penceramah-penceramah SPRM berkaitan kes-kes semasa.

Ia dapat membantu pegawai terbabit dan penceramah SPRM memberikan maklumat yang tepat kepada masyarakat semasa aktiviti ceramah atau aktiviti pendidikan masyarakat yang lain serta menguruskan hebahan berkaitan kejayaan operasi dan aktiviti-aktiviti SPRM di media-media secara tersusun, terancang dan optimum. Ia dapat membantu dalam meningkatkan tona media ke arah yang lebih positif.

MEDIA SOSIAL SALURAN KOMUNIKASI STRATEGIK SPRM

Seiring dengan perkembangan semasa yang menjadikan media sosial sebagai saluran utama untuk mendapat maklumat, SPRM terus giat menggunakan medium itu untuk menyampaikan informasi terkini dan mesej pencegahan rasuah. Capaian yang tinggi terutama dalam kalangan golongan muda terhadap media sosial menyebabkan SPRM terus menggunakannya bagi mendekati pelbagai lapisan masyarakat.

Kandungan bahan yang dimuatkan dalam media sosial termasuk petikan ucapan Pengurusan Tertinggi SPRM dan tokoh-tokoh negara berkaitan rasuah, pertuduhan kes rasuah di mahkamah, rakaman sidang media SPRM, maklumat terkini mengenai sesuatu kes, laporan dan gambar-gambar berkaitan aktiviti SPRM. Berikut adalah perincian medium komunikasi SPRM:

- **Blog Rasmi *www.ourdifferentview.com***

  Blog rasmi SPRM atas alamat www.ourdifferentview.com yang diwujudkan pada 19 Mei 2010, terus menjadi medium bagi SPRM menjelaskan isu-isu semasa secara terus kepada masyarakat. Sebanyak 200 artikel telah dimuat naik ke blog tersebut. Jumlah pengunjung pula mencecah 352,987 orang.

- ***Facebook* SPRM**

  Akaun *Facebook* digunakan kerana ia merupakan saluran paling digemari golongan belia. *Facebook* SPRM memaparkan berita terkini mengenai usaha pembanterasan rasuah dan aktiviti-aktiviti SPRM. Ia boleh dilayari di alamat http://www.facebook.com/pages/SPRM/247689136935. Sehingga 31 Disember 2015, Facebook SPRM telah berjaya menarik lebih 185,702 rakan (like).

- ***Twitter* SPRM**

  Akaun *Twitter* dengan nama SPRM Malaysia dan boleh dicapai di http:// twitter.com/SPRMMalaysia. Seperti *Facebook* SPRM, platform ini juga digunakan untuk menyampaikan informasi terkini mengenai program dan aktiviti SPRM. Sebanyak 14,614 tweet telah dikeluarkan dengan pengikut seramai 28,401 orang.

- ***Flickr* SPRM**

  Laman galeri gambar ini diwujudkan pada 19 Mei 2010 dan mengandungi gambar-gambar program dan aktiviti SPRM seluruh Malaysia. *Flickr* SPRM boleh dicapai di http://www.flickr.com/photos/ourdifferentview/. Sebanyak 26,333 gambar telah dimuat naik dan diakses sebanyak 2,766,861 juta kali.

- ***YouTube* SPRM**

  Saluran sosial ini diwujudkan pada 19 Mei 2010 dan mengandungi video aktiviti SPRM, petikan ucapan berkaitan rasuah dan iklan-iklan pencegahan rasuah. Ia boleh dilayari melalui http://www.youtube.com/odvmacc. Secara keseluruhannya, sebanyak 568 video dimuat naik. *YouTube* SPRM mempunyai 370 ahli berdaftar (subscribers) dan telah ditonton sebanyak 2,935,843 kali.

- ***E-newsletter***

  Saluran *e-newsletter* digunakan untuk menyebarkan maklumat mengenai pencegahan rasuah kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa. Ia disediakan dalam Bahasa Inggeris dengan menggunakan nama '*MACCToday*'. Selain itu, *e-newsletter* yang mencoretkan aktiviti dan persidangan menarik sepanjang tiga hari IACC Kali Ke-16, yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dari 2 hingga 4 September 2015, juga telah diedarkan setiap hari dalam 250 naskhah kepada peserta IACC Kali Ke-16. Ini kali pertama pendekatan ini diambil dan telah disambut baik oleh perwakilan.


- **Aplikasi *Whatsapp***

  Penggunaan aplikasi *Whatsapp* kini diguna pakai oleh pegawai-pegawai BKS untuk komunikasi pantas terutama kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dengan SPRM. Ia menjadi medium komunikasi utama dengan kumpulan media bagi menyampaikan maklumat berhubung sesuatu program yang memerlukan pihak media hadir untuk membuat liputan. Turut diwujudkan kumpulan-kumpulan tertentu dalam aplikasi *Whatsapp* contohnya untuk wartawan mahkamah, biro-biro negeri dan pihak editor akhbar.

Pendekatan media dan bukan media yang telah digunakan dengan berkesan oleh BKS sepanjang tahun 2015 adalah susulan daripada pelaksanaan Program Transformasi yang telah membuahkan hasil positif dalam bidang pengurusan isu, mempromosi aktiviti dan inisiatif-inisiatif SPRM sama ada di peringkat Ibu Pejabat mahupun Negeri.

Bila kita merasa letih kerana berbuat kebaikan, maka sesungguhnya keletihan itu akan hilang dan kebaikan akan kekal. Bila kita bersenang-senang dengan dosa, kesenangan itu akan hilang dan dosa yang akan kekal.

Umar bin Al- Khattab



"I believe that our world needs an instrument of global action as never before in history. I believe that the United Nations is the instrument for securing peace and for giving people everywhere, in poorer countries as in richer, a real stake in that peace by promoting development and encouraging cooperation. But the United Nations is only an instrument, an actor in need of props and cues from its directors, and so I will paraphrase Winston Churchill: Give us the tools - the trust, the authority and the means - and we will do the job."

Kofi Annan
Mantan Setiausaha Agung PBB

PENGANTARABANGSAAN



PENCAPAIAN ANTARABANGSA

PENCAPAIAN ANTARABANGSA

Kesungguhan Malaysia dalam usaha pembanterasan rasuah mendapat perhatian masyarakat antarabangsa. Suatu pencapaian besar SPRM khususnya dan Malaysia amnya apabila dijemput membuat pembentangan dipelbagai forum besar pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa. Malah, perlantikan Pengurusan Tertinggi SPRM mewakili Malaysia untuk berkongsi pengalaman dalam melaksanakan program transformasi dan gerakan pencegahan rasuah merupakan pengiktirafan antarabangsa.

Keanggotaan Malaysia dalam pelbagai inisiatif tidak dinafikan membuka ruang dan peluang berharga bagi menzahirkan peranan dan kesungguhan kerajaan dalam memerangi rasuah hingga ke peringkat antarabangsa. Ini sekaligus menjana persepsi lebih tepat mengenai senario rasuah di negara ini. Ia juga mampu mengetengahkan keberhasilan mekanisme pencegahan rasuah yang dipelopori kerajaan terutama inisiatif yang terkandung dalam *Government Transformational Programme* (GTP).

Penglibatan aktif dan konsisten Malaysia dalam memenuhi keperluan artikel mandatori dan opsyenal *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC), mendapat perhatian masyarakat antarabangsa. Antaranya adalah pembentukan sebuah agensi pencegahan rasuah bebas, mewujudkan peruntukan undang-undang bagi kesalahan rasuah sektor swasta, pengenalan Akta Perlindungan Saksi serta Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Sepanjang tahun 2015, keterlibatan dan pencapaian Malaysia dalam usaha pembanterasan rasuah di peringkat antarabangsa adalah melalui:

1. *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC)
2. *Asia Pacific Economic Cooperation – Anti-Corruption Transparency Working Group* (APEC - ACTWG)
3. *International Anti-Corruption Conference* (IACC)
4. *International Anti-Corruption Academy* (IACA), Austria
5. *South East Asia Parties Against Corruption* (SEA-PAC)

Butiran lanjut keterlibatan dan kejayaan yang diperolehi adalah seperti berikut:

1. *UNITED NATIONS CONVENTION AGAINST CORRUPTION* (UNCAC)

UNCAC adalah konvensyen antarabangsa di bawah *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) yang mewajibkan negara-negara ahli melaksanakan langkah-langkah pencegahan rasuah secara luas dan terperinci. Konvensyen ini sah di sisi undang-undang dan diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu. UNCAC telah ditandatangani oleh Malaysia pada 9 Disember 2003 dan diratifikasikan pada 24 September 2008.

UNCAC mengandungi lapan Bab dan 71 Artikel yang menyentuh mengenai pencegahan, jenayah dan penguatkuasaan undang-undang, mempromosi integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan dana awam, kerjasama antarabangsa, pengesanan aset, bantuan teknikal dan pertukaran maklumat serta mekanisme perlaksanaan konvensyen.

Malaysia berjaya menyelesaikan proses penilaian UNCAC dalam masa setahun seperti mana yang ditetapkan oleh *Implementation Review Group* (IRG)

Penilaian terhadap pematuhan UNCAC dibuat mengikut pusingan iaitu setiap lima tahun sekali dengan setiap pusingan difokuskan kepada bab-bab tertentu dalam konvensyen. Penilaian pusingan pertama telah dilaksanakan dengan jayanya pada tahun 2010 - 2014 dengan fokus terhadap pematuhan **Bab III - Jenayah dan Penguatkuasaan Undang-Undang** serta **Bab IV - Kerjasama Antarabangsa.**

Malaysia merupakan salah satu negara yang berjaya menyelesaikan proses penilaian UNCAC dalam masa setahun seperti mana yang ditetapkan oleh *Implementation Review Group* (IRG). Pusingan kedua yang melibatkan **Bab II - Pencegahan** dan **Bab V - Pengesanan Aset** bermula pada tahun 2016 - 2020. Sebagai langkah proaktif, SPRM telah menubuhkan pasukan khas yang turut dianggotai oleh pelbagai pihak berkepentingan untuk menghadapi pusingan kedua.

1.1 Bantuan teknikal kepada Palau

Malaysia selaku *state party* kepada UNCAC, telah membantu negara Palau dalam memberikan bantuan teknikal dari segi penyediaan Laporan *Self Assessment Checklist* UNCAC bagi Bab II-Pencegahan. Pemilihan pegawai SPRM menjadi satu pengiktirafan bagi Malaysia secara umumnya dan kepada SPRM khasnya. Bantuan teknikal tersebut telah diadakan pada 21-23 April 2015.

Malaysia telah dilihat sebagai sebuah negara yang amat komited dalam proses penilaian UNCAC serta inisiatif yang telah, sedang dan akan dijalankan. Banyak negara kagum dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Malaysia dalam menghadapi proses penilaian secara proaktif walaupun prosesnya belum bermula lagi.

Penubuhan pasukan khas UNCAC oleh SPRM dengan melibatkan pelbagai pihak pemegang taruh, khususnya Jabatan atau Agensi Kerajaan, Syarikat Milik Kerajaan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan juga dilihat sebagai salah satu amalan baik yang perlu dicontohi. Hasilnya beberapa buah negara luar ingin belajar daripada Malaysia berhubung persediaan menghadapi proses penilaian Bab II.

1.2 *6th Session of the Implementation Review Group (IRG), UNCAC*

Persidangan yang telah diadakan di Vienna, Austria ini bermula dari 1-5 Jun 2015 telah dihadiri oleh tenaga pakar SPRM , Tuan Chuah Chang Man bersama Penolong Kanan Pesuruhjaya (PKPj) Karunanithy a/l Y.Subbiah. SPRM telah membentangkan secara komprehensif kertas kerja mengenai bantuan teknikal yang telah diberikan kepada negara Palau dalam pengisian ***Self Assessment Checklist Chapter II UNCAC***.

Pihak UNODC telah merakamkan ucapan terima kasih kepada Malaysia dan Kemboja atas komitmen yang telah diberikan bagi membolehkan proses penilaian berjalan dengan lancar. Malaysia telah dipilih untuk menilai tiga negara iaitu Iraq, Palau dan Turki manakala proses penilaian melibatkan Malaysia telah selesai dijalankan pada bulan Mei 2013.

1.3 *6th Conference Of The State Parties To The UNCAC – St. Petersburg,* Russia

Delegasi Malaysia ke persidangan ini telah diketuai oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Timbalan Ketua Pesuruhjaya

(Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Hj. Mustafar bin Hj. Ali dan tiga Pegawai Kanan SPRM.

Dalam persidangan tersebut, Dato' Sri Hj. Mustafar bin Hj. Ali telah menyampaikan ucapan mewakili Kerajaan Malaysia berhubung usaha-usaha yang telah diambil oleh SPRM dalam membanteras rasuah di Malaysia. Antaranya adalah usaha pencegahan rasuah yang dilaksanakan di sektor swasta, penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah (SPR) di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan MARA (IPMa) dan Institut Pendidikan Perguruan (IPG).

2. *ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION – ANTI-CORRUPTION TRANSPARENCY WORKING GROUP* (APEC - ACTWG)

Asia Pacific Economic Cooperation (APEC) yang dianggotai oleh 21 buah negara di dunia yang mewakili 40.5 peratus populasi, 54.2 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar atau *Gross Domestic Product* (GDP) dan 43.7 peratus nilai dagangan di dunia. Kapasiti tersebut menjadikan APEC sebuah forum penting yang menjadi pemudah cara kepada pakatan ekonomi, perdagangan dan pelaburan di rantau Asia Pasifik. Akur bahawa rasuah adalah antara halangan utama kepada pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kos perniagaan, APEC telah mewujudkan *Anti-Corruption Transparency Working Group* (ACTWG).

Inisiatif ini bertujuan menyelaras pelaksanaan pelbagai tindakan ke arah pencegahan rasuah selain memupuk keutuhan dalam amalan ekonomi dan urus tadbir di rantau Asia Pasifik. Sejak ia ditubuhkan pada tahun 2005, SPRM telah secara aktif bersama negara-negara lain membincang dan mengemukakan pandangan bagi memantapkan komitmen pencegahan rasuah di dalam penghasilan *Mid-Term Work Plan* 2010 – 2015.

Keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap inisiatif-inisiatif SPRM terserlah apabila cadangan supaya negara-negara ahli memberi perhatian kepada usaha penambahbaikan dalam perkongsian antara sektor awam dan swasta serta urus tadbir terbaik organisasi bukan berasaskan keuntungan telah diterima baik dan bakal diterima sebagai salah satu daripada empat perkara yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun itu.

2.1 *Asia Pacific Economic Cooperation – Anti-Corruption Transparency Working Group (APEC-ACTWG) First Senior Officials Meeting* (SOMI)

Mesyuarat yang telah diadakan pada 26-28 Januari 2015 di Clark, Filipina ini telah dihadiri oleh Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, Datuk Ahmad Khusairi Bin Yahaya, dan Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Datuk Norazlan Bin Mohd Razali.

SPRM terlibat secara langsung dalam (ACTWG) dan selaku *focal point* ahli ekonomi yang aktif

SPRM secara langsung terlibat dalam forum *Anti-Corruption and Transparency Working Group* (ACTWG) dan selaku *focal point* ahli ekonomi yang aktif. Penglibatan SPRM adalah penting untuk melaporkan perkembangan UNCAC dan aktiviti SPRM berkaitan usaha pembanterasan rasuah di Malaysia.

Dua kertas kerja telah dibentangkan oleh wakil SPRM iaitu perkembagan dan penglibatan dalam UNCAC dan mengenai mekanisma dan pelaksanaan unit integriti di Kementerian/Jabatan/Agensi di Malaysia.

3. *INTERNATIONAL ANTI-CORRUPTION CONFERENCE* (IACC)

International Anti-Corruption Conference (IACC) dianjurkan oleh Majlis IACC dan *Transparency International* dalam perkongsian bersama dengan

'tuan rumah' yang dipilih. IACC secara amnya adalah sebuah forum global utama dunia yang mempertemukan ketua-ketua negara, pemimpin NGO dan sektor swasta untuk bertukar pengalaman dan kemahiran bagi menangani cabaran-cabaran yang semakin canggih ekoran jenayah rasuah. Persidangan ini merupakan satu forum global utama untuk sokongan dan tindakan yang berkesan di peringkat global.

3.1 *16th International Anti-Corruption Conference* (IACC) – Putrajaya Malaysia

Persidangan Anti Rasuah Antarabangsa atau *International Anti-Corruption Conference* (IACC) Ke-16 telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya pada 2-4 September 2015. Persidangan telah disempurnakan perasmiannya oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, menteri yang dipertanggungjawabkan mengenai integriti dan tadbir urus.

Majlis penutup pula telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Sri Hj. Mustafar Bin Hj. Ali telah mewakili Ketua Pesuruhjaya SPRM dan selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Penganjuran IACC, telah menyampaikan ucapan dan membentangkan kertas kerja.

Persidangan dua tahun sekali yang bertemakan '**Mengakhiri Kesan Buruk: Rakyat, Integriti dan Tindakan'** ini merupakan persidangan anjuran



Majlis Perasmian *International Anti-Corruption Conference* (IACC) Ke-16 Oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan



Pengerusi Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim, sebagai salah seorang ahli panel dalam forum di persidangan IACC

bersama SPRM, Majlis Penasihat IACC, *Transparency International* (TI) dan *Transparency International Malaysia* (TI-M) dan telah disertai lebih 1,200 peserta dari 130 buah negara.

Sepanjang persidangan ini, sebanyak empat sesi bengkel telah diadakan secara serentak. Secara keseluruhannya 35 orang pembentang kertas kerja terlibat dalam pelbagai sesi yang dianjur. Sebanyak 17 gerai pameran dari pelbagai agensi termasuk SPRM, MACA, Petronas dan TI-M telah mengambil bahagian.

Persidangan IACC yang Ke-16 ini diakhiri dengan Deklarasi Putrajaya yang antara lain menekankan keperluan tindakan yang pelbagai untuk memerangi jenayah rasuah.



Ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Datuk Seri Azman bin Ujang dalam satu sesi dialog di persidangan IACC



Salah satu forum yang diadakan dalam persidangan IACC

Deklarasi Putrajaya

"Di Putrajaya, kami mengisytiharkan akan keperluan bagi pelbagai tindakan untuk mencegah rasuah, bagi menghentikan rasuah, untuk memastikan perlakuan rasuah tidak berulang dan bagi memastikan rasuah bukan sahaja merasai tindakan padu undang-undang, tetapi juga (mereka yang melakukan rasuah), membayar balik hutang kepada masyarakat."

a. Kami sedang memerhatikan mereka yang melakukan (rasuah) dengan memiliki kekebalan dan kami hendak memastikan bahawa mereka tidak terlepas daripada tindakan mereka;

b. Dengan gandingan bersama, kita ada kekuatan untuk menamatkan kekebalan;

c. Hanya tindakan kolektif dan semangat yang boleh memastikan pihak yang ada kuasa, yang melakukan jenayah rasuah dibawa ke muka pengadilan;

d. Mereka dalam kerajaan, masyarakat madani, sektor swasta, golongan muda dan mereka yang mencipta pembaharuan sosial harus berganding untuk mewujudkan penyelesaian pencegahan rasuah yang inovatif, telus dan bertanggungjawab bagi menamatkan kekebalan dan rasuah;

e. Keperluan budaya berintegriti dalam semua sektor dalam masyarakat untuk mencapai perubahan yang positif dan berkekalan; dan

f. Kita memerlukan masyarakat yang berintegriti mengambil tindakan bersama bagi menentang kekebalan, yang menyebabkan rasuah berleluasa.

4. *INTERNATIONAL ANTI-CORRUPTION ACADEMY* (IACA), AUSTRIA

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 25 Ogos 2010 telah bersetuju untuk Kerajaan Malaysia menandatangani perjanjian bagi penubuhan *International Anti-Corruption Academy* (IACA) di Vienna, Austria sebagai sebuah institusi bertaraf antarabangsa. Perjanjian penubuhan itu telah ditandatangani oleh Tan Sri Abdul Gani Patail, Peguam Negara pada 2 September 2010 bagi mewakili Kerajaan Malaysia.

Ketua Pesuruhjaya SPRM pada tahun 2010, telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Penasihat *The International Anti-Corruption Academy (IACA*) dan berperanan untuk membincangkan hala tuju IACA serta hubungan kerjasama di antara IACA dan MACA. Dalam perhimpunan seterusnya yang diadakan pada November 2012, proses pemilihan untuk menganggotai *Member of Board of Governors of International Anti Corruption Academy* telah diadakan di mana Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kasim bin Mohamed dilantik sebagai Naib Pengerusi Lembaga Gabenor (Board of Governors) IACA.

4.1 *Board of Governors* (BoG) *Meeting IACA, Austria*

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kasim bin Mohamed selaku Naib Pengerusi bersama Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik SPRM, Datuk Rohaizad bin Yaakob telah menghadiri mesyuarat *Board of Governors* (BoG) *Meeting* yang telah diadakan pada 4-6 Mac 2015 di Vienna, Austria.

Antara tanggungjawab Naib Pengerusi adalah menentukan strategi, dasar dan garis panduan IACA serta memastikan pelaksanaan peraturan yang mengawal operasi IACA, termasuk peraturan-peraturan kewangan dan kakitangan. Melalui pelantikan tersebut juga, ia dapat menggalakkan perkongsian pengetahuan dan kepakaran antara MACA dan IACA.

4.2 *Masters of Anti Corruption Studies* (MACS) Kukuh Jalinan Kerjasama Antara Pegawai Penguatkuasa Anti-Rasuah

Kursus Sarjana Pengajian Pencegahan Rasuah Antarabangsa atau *Masters of Anti Corruption Studies* (MACS) amat bermakna dan merupakan suatu inisiatif yang baik bagi golongan penguatkuasa undang-undang untuk meningkatkan kerjasama antara organisasi mereka dengan SPRM. Ia dapat membuka mata para peserta terhadap usaha-usaha pencegahan rasuah di negara-negara lain dan mereka diharapkan dapat memberi sumbangan kepada inisiatif pencegahan rasuah apabila pulang ke negara asal nanti.

SPRM melalui MACA, diberi penghormatan menjadi tuan rumah bagi salah satu modul MACS iaitu "Penguatkuasaan" yang dikendalikan di MACA, Kuala Lumpur. Program MACS yang julung kali diperkenalkan telah disertai oleh 26 penuntut dari 17 buah negara yang kebanyakannya terdiri daripada anggota agensi penguatkuasaan, Badan Bukan Kerajaan serta anggota pentadbiran kerajaan.

MACS, yang ditawarkan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa atau *International Anti Corruption Academy* (IACA) yang berpejabat di Vienna, Austria, merupakan program dua tahun sekali. Ia direka khusus untuk golongan profesional bagi mempertingkatkan kefahaman berhubung kompleksiti jalinan rasuah ke atas persekitaran sosial dan langkah pencegahan berkesan. SPRM berbangga kerana diberi penghormatan menjadi tuan rumah salah satu modul MACS, lebih-lebih lagi susulan pengiktirafan sebagai pusat penyedia latihan antarabangsa dalam bidang pencegahan rasuah oleh UNODC.

4.3 *4th Session of IACA's Assembly of Parties* – Vienna, Austria

4th Session of the Assembly of Parties to International Anti-Corruption Academy telah berlangsung di Vienna, Austria mulai 9-11 Disember 2015. Menteri

di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan dan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed telah mewakili kerajaan Malaysia yang merupakan *state parties* dalam IACA. Rentetan daripada pemeterian Memorandum Persefahaman atau *Memorandum of Understanding* (MoU) di antara SPRM dan IACA pada tahun 2012, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk meneruskan jalinan kerjasama bagi tempoh tiga tahun berikutnya. Pemeterian MoU ini telah ditandatangani di Vienna, Austria bagi mengubal rangka kerjasama dalam penambahbaikan program pengajian Sarjana Pencegahan Rasuah Antarabangsa. Sebahagian daripada pengajian tersebut akan dikendalikan di MACA. Tempoh pengajian sarjana selama dua tahun ini khusus untuk ahli profesional dalam bidang pencegahan rasuah, pegawai polis, hakim dan pegawai agensi penguatkuasa yang lain.

Malaysia turut diberi peluang untuk menyampaikan ucapan dalam perhimpunan ini. YB. Senator Datuk Paul Low telah menyampaikan ucapan kesungguhan kerajaan Malaysia dalam membanteras rasuah dengan menggariskan pelbagai dasar berhubung pencegahan rasuah. Beliau turut menawarkan IACA dan negara-negara ahli untuk menggunakan kemudahan MACA sebagai pusat latihan bagi melahirkan pegawai pencegahan rasuah yang mahir. Turut bersama dalam perhimpunan ini adalah Datuk Rohaizad bin Yaakob, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik SPRM, PPj Shamina binti Ali, Cawangan Perhubungan Antarabangsa SPRM dan Encik Alan Kirupakaran, Pegawai Urus Tadbir dan Integriti Pejabat Menteri.

4.4 Sumbangan Tahunan Kerajaan Malaysia Kepada IACA

Sejak tahun 2012, SPRM melalui Kerajaan Malaysia telah menghulurkan sumbangan sebanyak Euro 700,000 kepada pengurusan IACA bagi tujuan perjalanan aktiviti-aktiviti di IACA. Sumbangan ini menunjukkan komitmen yang tinggi kerajaan Malaysia dalam usaha pembanterasan jenayah rasuah dan membawa nama Malaysia ke persada antarabangsa serta layak untuk pemberian biasiswa bagi mana-mana pelajar yang mengikuti program MACS.

5. *SOUTH EAST ASIA PARTIES AGAINST CORRUPTION* (SEA-PAC)

South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC) adalah forum yang menghimpunkan agensi-agensi pencegahan rasuah di rantau Asia Tenggara untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam aspek pencegahan rasuah serta memupuk jalinan kerjasama dalam kalangan agensi-agensi berkenaan.

Keyakinan SEA-PAC terhadap SPRM dan Malaysia terserlah apabila diberikan penghormatan dipilih sebagai Sekretariat Tetap bagi *Meeting of Parties to the Memorandum of Understanding on Preventing and Combating Corruption* yang diwujudkan di bawah inisiatif SEA-PAC. Melalui peranan ini, SPRM telah secara aktif membantu memantapkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah inisiatif SEA-PAC sekaligus mendukung negara-negara ahli untuk mengukuhkan keupayaan mereka di dalam usaha pencegahan rasuah demi manfaat serantau.

5.1 *11th South East Asia Parties Against Corruption (SEA-PAC) Secretariat Meeting*

Kesemua negara anggota *South East Asia Parties Against Corruption* (SEA-PAC) menyokong inisiatif SPRM untuk menjadikan SEA-PAC di bawah naungan ASEAN semasa Mesyuarat Sekretariat SEA-PAC ke-11 yang diadakan di Pulau Pinang pada 28-29 April 2015. Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan SPRM, Datuk Ahmad Khusairi bin Yahaya telah mempengerusikan mesyuarat sekretariat tersebut. Pada mesyuarat kali ini, negara-negara anggota SEA-PAC telah bersetuju supaya pihak SPRM mengemukakan permohonan rasmi berkaitan perkara tersebut kepada Setiausaha Agong ASEAN.

Bagi mengukuhkan kapasiti SEA-PAC, negara-negara anggota telah mencapai konsensus dan bersetuju untuk mengeratkan kerjasama dan saling membantu dalam penyiasatan dan pencegahan rasuah selaras dengan Artikel 48 dan 49, UNCAC. Selain itu, turut dibincangkan adalah kaedah terbaik

penganjuran kursus kepimpinan di bawah kendalian MACA dengan kerjasama UNODC. Perkara ini selaras dengan pengiktirafan yang diberikan kepada MACA pada Mesyuarat SEA-PAC Kali Ke-10 sebagai pusat penyediaan latihan pencegahan rasuah yang menawarkan khidmat sebagai hab latihan kepimpinan di rantau Asia Tenggara.

Mesyuarat sekretariat ini telah dihadiri oleh pegawai dari Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei Darussalam, Komisi Pemberantasan Korupsi Indonesia, *Corrupt Practices Investigation Bureau* (CPIB) Singapura; *Anti-Corruption Unit* (ACU) Cambodia; *Office of Ombudsman Philipines; National Anti-Corruption Commission* (NACC) Thailand; *Government Inspectorate of Vietnam; Lao People's Democratic Republic dan Special Investigation Bureau of Myanmar.* Dua kertas kerja telah dibentangkan oleh SPRM bertajuk: *"Report on the Proposal for SEA-PAC to Become an Entity Associated with ASEAN"* oleh PKPj Karunanithy a/l Y.Subbiah dan *"Leadership Program"* oleh Puan Faridah Hanim binti Haron.



Mesyuarat Sekretariat SEA-PAC Kali Ke-11



PKPj. Karunanithy a/l Y. Subbiah Ketua Cawangan Perhubungan Antarabangsa Membentangkan Kertas Kerja Bertajuk *"For SEA-PAC To Become An Entity Associated With ASEAN"*

SUMBANGAN ANTARABANGSA

Penempatan Pegawai di *The International Criminal Police Organization* (INTERPOL)

Bagi tempoh dua tahun, bermula pada tahun 2014, PsK Mohan a/l Munusamy, Penguasa Kanan SPRM telah dipilih untuk ditempatkan di *The International Criminal Police Organization* (INTERPOL) di Lyon, Perancis. Antara tugas dan tanggungjawab beliau adalah untuk membantu pihak INTERPOL dalam perkara-perkara berkaitan dengan pembangunan kapasiti di antara negara-negara Asia dan menjalinkan kerjasama yang erat dalam usaha pencegahan rasuah antara Kesatuan Negara-Negara Eropah.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

1. Memorandum Persefahaman di antara SPRM dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Timor-Leste serta SPRM dan Maldives

Bersempena dengan penganjuran IACC, SPRM telah menandatangani Memorandum Persefahaman atau *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan Timor Leste dan juga Maldives pada 3 September 2015 dalam membina kerjasama lebih erat bagi pembanterasan rasuah. Majlis menandatangani MoU telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Bagi pihak SPRM, kedua-dua MoU telah ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Sri Hj. Mustafar bin Hj. Ali; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Timor Leste diwakili oleh Pesuruhjayanya, Aderito Antonio Pinto Tilman manakala Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Maldives pula diwakili oleh Pesuruhjayanya, Sofwath Mohamed.

Majlis menandatangani MoU disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB. Senator Datuk Paul Low Seng Kuan. Turut menyaksikan Majlis Menandatangani MoU tersebut ialah Pemangku

Pesuruhjaya Tinggi Maldives ke Malaysia, Mohamed Fahmee Hassan dan Duta Besar Timor Leste ke Malaysia, Jose Amorium Dias. Kedua-dua MoU ini melibatkan kerjasama dalam tujuh bidang:

1. Kerjasama dalam menyediakan kursus kemahiran profesional anti rasuah, pertukaran kepakaran dan memberi nasihat berkenaan pembangunan modal insan;
2. Pertukaran maklumat dan kepakaran dalam mencegah dan membasmi rasuah;
3. Pertukaran pengalaman dalam mengenal pasti perbuatan rasuah dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak yang melakukan rasuah;
4. Menganjur dan menyertai forum, bengkel, seminar, konvensyen dan persidangan pencegahan rasuah;
5. Pertukaran maklumat berkaitan pendidikan masyarakat untuk meningkatkan kesedaran berkenaan pencegahan rasuah melalui media, kempen mempromosikan integriti serta meningkatkan penglibatan masyarakat dalam mencegah dan membasmi gejala rasuah;
6. Kerjasama dalam membekalkan bantuan teknikal dalam aktiviti-aktiviti operasi; dan
7. Bidang kerjasama lain yang bersesuaian.

Dengan termeterainya kedua-dua MoU ini, SPRM telah menandatangani MoU dengan 13 pihak yang terdiri daripada pertubuhan dan agensi anti rasuah peringkat antarabangsa. Kerjasama ini penting bagi memperkukuhkan keupayaan operasi SPRM serta mendapatkan keyakinan masyarakat antarabangsa.

Jalinan kerjasama ini juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa termasuk UNODC yang antara lain menyenaraikan 23 amalan baik dan kejayaan Malaysia dalam melaksanakan program pencegahan rasuah. Pengiktirafan ini disenaraikan dalam laporan UNODC pada tahun 2013. Kesediaan negara luar menandatangani MoU ini, menunjukkan kepercayaan pihak luar terhadap SPRM dalam usaha membanteras rasuah.

2. Memorandum Persefahaman di antara SPRM dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Bhutan

SPRM dan *Anti Corruption Commission* (ACC) Bhutan pada 11 Mac 2015 telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam aspek kerjasama antarabangsa dalam pencegahan rasuah. MoU ini memperlihatkan kerjasama yang kukuh dan efektif antara SPRM dan ACC Bhutan dalam meningkatkan usaha pencegahan rasuah kedua-dua negara.

MoU ini ditandatangani oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed dan Pengerusi ACC Bhutan iaitu Zeten Zangmo. Bhutan merupakan negara dan pertubuhan luar yang ke-13 menandatangani MoU dengan SPRM. Bhutan juga merupakan salah satu negara yang telah menandatangani UNCAC.

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA / MESYUARAT DAN KURSUS DI ARENA ANTARABANGSA

Sepanjang tahun 2015, SPRM telah menerima jemputan dari pelbagai agensi dan pertubuhan di peringkat antarabangsa bagi membentangkan kertas kerja dalam bidang siasatan, perisikan, pencegahan dan latihan.

Jemputan-jemputan ini merupakan pengiktirafan kepada SPRM selaku sebuah agensi penguatkuasa undang-undang mencegah rasuah di peringkat antarabangsa. Antara forum, persidangan, mesyuarat, bengkel dan inisiatif antarabangsa yang disertai oleh SPRM adalah seperti dalam LAMPIRAN 11.

1. Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Kali Ke-11 Di Antara SPRM Dan Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei Darussalam

Laporan Penilaian UNODC ke atas Malaysia berhubung pematuhan ke atas UNCAC, antara lain mengiktiraf kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh SPRM kepada BMR Brunei

Darussalam. Ia salah satu daripada 23 kejayaan dan amalan baik Malaysia dalam usaha mencegah rasuah yang diiktiraf oleh UNODC.

Mesyuarat Kerjasama Dua Hala di antara SPRM dengan BMR Brunei Darussalam kali ke-11 yang diadakan di Brunei Darussalam pada tahun 2015 telah membincangkan beberapa perkara berkaitan kerjasama antara kedua-dua agensi dalam isu jenayah rasuah di peringkat antarabangsa.

Antara perkara yang telah dibentangkan semasa mesyuarat tersebut adalah "Laporan Persidangan Operasi & Rangkaian Kerja Kali Ke-3 SPRM dan BMR, Brunei" yang telah disampaikan oleh Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Mohd Jamidan bin Abdullah dan "Cabaran Pendakwaan Kes Rasuah" yang telah disampaikan oleh Pengarah Perundangan dan Pendakwaan SPRM, Datuk Umar Saifuddin bin Jaafar. Kehadiran seramai 12 orang Pegawai Kanan SPRM yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Sri Mohd Shukri bin Abdull telah berlangsung selama dua hari yang meliputi mesyuarat dan acara riadah bersama para pegawai kedua-dua agensi.

Kedua-dua agensi berpegang kepada prinsip bahawa penguatkuasaan dan pelaksanaan operasi dalam gerakan pencegahan dan pembanterasan rasuah memerlukan penggembelengan daya dan usaha semua pihak. Ia melangkaui sempadan dan batas antarabangsa. Ini merupakan pra-syarat dan landasan yang kukuh untuk negara memperkukuh kekuatan dalaman dengan sokongan rakan-rakan agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa.

Atas kefahaman, kesedaran dan keinsafan itu, gerakan memperkukuh jaringan kerja bersama agensi penguatkuasa pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa dibentuk dan diperkukuhkan. Kerjasama erat yang dijalin antara SPRM dan BMR Brunei Darussalam telah membentuk keberhasilan gabungan merentasi sempadan negara. Batasan persempadanan dirungkaikan dalam menentukan penguatkuasaan dan menentukan rancangan dan rangsangan pelaksanaannya.

Pembentukan Mesyuarat Bilateral Antara SPRM-BMR Brunei Darussalam yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Pengarah BMR Brunei Darussalam ini memperlihatkan komitmen dan azam serta iltizam kedua-dua agensi. Ini disusuli dengan penubuhan Mesyuarat Pasukan Kerja yang dipengerusikan bersama oleh Pengarah Bahagian Siasatan SPRM dan Ketua Bahagian Penyiasatan BMR Brunei Darussalam.

2. Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Kali Pertama Di Antara *National Anti-Corruption Commission* (NACC), Thailand dan SPRM

Susulan dari mesyuarat sampingan di antara SPRM dan *National Anti-Corruption Commission* (NACC) *of Thailand* yang telah diadakan pada 29 April 2015 di Pulau Pinang, satu Mesyuarat Kerjasama Dua Hala Kali Pertama antara SPRM dan NACC, Thailand telah diadakan pada 22 hingga 23 Oktober 2015 di Alor Setar, Kedah.

Dalam mesyuarat tersebut, NACC Thailand telah menghantar delegasi seramai sepuluh orang termasuk Pengarah NACC Daerah Songkhla, Narathiwat, Pattani, Yala dan Satun. Delegasi diketuai oleh Penolong Setiausaha Agung *Assistant Secretary-General of NACC.* SPRM pula diwakili oleh seramai 11 orang delegasi yang terdiri dari Pengarah Bahagian Siasatan selaku Ketua Delegasi, Pengarah Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, Pengarah Bahagian Perisikan, Pengarah SPRM Negeri Perak, Pengarah SPRM Negeri Kedah, Pengarah SPRM Negeri Kelantan dan Pengarah SPRM Negeri Perlis.

Antara objektif mesyuarat ini adalah untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik kedua-dua pihak dalam usaha pembanterasan dan pencegahan rasuah melalui kerjasama daripada agensi penguatkuasaan di sempadan. Ia seiring dengan Artikel 48 dalam UNCAC, yang mana SPRM dan NACC telah mengambil inisiatif menandatangani

MoU menandakan komitmen kedua-dua institusi ini dalam menjalinkan hubungan kerjasama jangka panjang untuk menyokong satu sama lain dalam usaha pembanterasan dan pencegahan rasuah.
Mesyuarat ini turut mencadangkan supaya:

- Mesyuarat MoU diadakan di negeri-negeri yang berkongsi sempadan dengan Thailand, iaitu Kedah, Kelantan, Perak dan Perlis.

- Mesyuarat MoU harus dijadikan sebagai mesyuarat tahunan yang diadakan secara bergilir dalam kalangan negeri-negeri yang berkaitan iaitu Kedah, Perak, Kelantan, Perlis dan Thailand. Pejabat SPRM Negeri yang terlibat haruslah membantu pihak Sekretariat Induk berhubung persediaan mesyuarat.

SUKAN KERJASAMA *TRIPARTITE* DI ANTARA SPRM, CPIB DAN BMR BRUNEI DARUSSALAM

Program yang dihoskan oleh BMR Brunei Darussalam ini turut disertai oleh SPRM dan CPIB bertempat di Kompleks Sukan Negara Brunei Darussalam. Pihak Pengurusan Tertinggi dan pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat SPRM, SPRM Negeri Sarawak dan SPRM Negeri Sabah telah berjaya membawa pulang kejayaan keseluruhan pertandingan pada kali ini. Kontinjen SPRM yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull sekali lagi berjaya mengekalkan kejuaraan sebagaimana pada temasya sukan yang pertama kali diadakan secara tiga penjuru di Kuala Lumpur pada tahun 2014.


Objektif program sukan ini adalah untuk memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama di antara ketiga-tiga agensi dalam menjalankan tugas di peringkat antarabangsa. Kontinjen Singapura dihadiri seramai 72 orang yang diketuai oleh Pengarah CPIB, manakala kontinjen SPRM disertai seramai 30 orang pegawai yang oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull. Antara sukan yang dipertandingkan adalah sukan futsal, bola tampar, badminton, bola keranjang dan juga boling. Trofi kejohanan keseluruhan acara telah dimenangi oleh SPRM.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah BMR Brunei Darussalam, YM Datuk Paduka Hj. Mohd Juanda A.Rashid.

Jalinan persahabatan sebegini merupakan refleksi jelas mengenai hubungan kerjasama yang telah termeterai di antara SPRM dan CPIB sejak tahun 2008. Manakala hubungan dua hala antara SPRM dan BMR Brunei Darusssalam telah terjalin sejak sepuluh tahun yang lalu. Program sebegini dapat mewujudkan jaringan kerja yang lebih mantap di antara ketiga-tiga agensi.

LAWATAN DELEGASI LUAR NEGARA KE SPRM

SPRM turut dijadikan tempat rujukan dan berkongsi pengalaman dalam memerangi jenayah rasuah oleh organisasi-organisasi di peringkat antarabangsa. Sepanjang tahun 2015, seramai 113 orang delegasi dari 13 buah negara dan badan antarabangsa telah melawat SPRM. Butiran lawatan adalah seperti dalam LAMPIRAN 12.



I look for three things, in hiring people. The first is personal INTEGRITY, the second is intelligence and the third one is a high energy level. But, if you don't have the first, the other two will kill you

Warren Buffett. CEO, Berkshire Hathaway

PROFESIONALISME



PROFESIONALISME TONGGAK KECEMERLANGAN

PROFESIONALISME TONGGAK KECEMERLANGAN

"...Kecemerlangan SPRM amat penting untuk meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat ke atas keberkesanannya dalam usaha pencegahan rasuah berasaskan kepada prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme. Oleh itu, usaha pembinaan peribadi mulia dan berakhlak tinggi hendaklah diutamakan. Ia tidak hanya bergantung kepada kemampuan mentransformasikan sistem pengoperasian dan teknologi semata-mata tetapi sebenarnya ia berkait rapat dengan kualiti modal insan organisasi...".

Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed
Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Dalam mengharungi persekitaran yang serba mencabar sejak kebelakangan ini, perkara utama yang dititikberatkan oleh pihak pengurusan SPRM adalah integriti, komitmen dan kecemerlangan warga kerjanya. Turut tidak diabaikan oleh pihak pengurusan adalah memberi motivasi dan perangsang kepada seluruh warga kerja untuk terus maju dan berkerja lebih gigih dalam mencapai hala tuju dan matlamat SPRM iaitu memastikan negara ini bersih dari gejala rasuah.

Selain memberi perhatian kepada operasi dan aktiviti-aktiviti pencegahan, turut diberi perhatian oleh SPRM adalah mengenai pengurusan integriti, psikologi organisasi dan pengurusan aduan yang melibatkan warga kerjanya. Butiran lanjut berkaitan aktiviti-aktiviti berkenaan adalah seperti berikut:-

1. PENGURUSAN INTEGRITI

Sebagai agensi penguatkuasaan, SPRM tidak terkecuali berhadapan dengan pelbagai bentuk ancaman sama ada dari luaran mahupun dalaman. Ancaman dalaman yang dimaksudkan adalah berkait rapat dengan integriti dan etika warga kerja yang boleh menjejaskan prestasi dan produktiviti SPRM.

Berdasarkan hala tuju SPRM dan Pelan Integriti SPRM 2011-2015, pelbagai inisiatif pembudayaan budaya kerja cemerlang telah dijalankan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Justeru itu berbagai program telah diadakan bagi membentuk dan membudayakan warga kerja SPRM dengan nilai integriti dan keperibadian yang tinggi. Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman dan membudayakan nilai murni dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Antara program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

1.1 Budaya integriti membentuk kecemerlangan organisasi

Pada tahun 2015 sebanyak 1,050 program dan aktiviti pembudayaan integriti telah dilaksanakan di seluruh SPRM. Program dan aktiviti telah dilaksanakan dengan menggunakan strategi-strategi seperti yang dipaparkan dalam JADUAL 47.

JADUAL 47: Pelaksanaan program/aktiviti mengikut strategi

Bil.	OBJEKTIF STRATEGI	BILANGAN PELAKSANAAN PROGRAM/ AKTIVITI
1.	Strategi 1 - Membangunkan modal insan berintegriti	138
2.	Strategi 2 - Memantapkan budaya integriti dan inovasi	416
3.	Strategi 3 - Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan	168
4.	Strategi 4 - Memperkasa tadbir urus dan pengurusan tatatertib	220
5.	Strategi 5 - Meningkatkan dan mengiktiraf integriti dan prestasi	96
6.	Strategi 6 - Memantapkan program pemulihan	12
JUMLAH		**1,050**

Matlamat program ini adalah untuk melahirkan warga SPRM yang berintegriti. Justeru, setiap aktiviti yang dilaksanakan mampu untuk menanam budaya integriti yang dapat mengukuhkan keupayaan warga SPRM supaya lebih berinovasi dan memperkukuhkan tadbir urus selain mempertingkatkan prestasi.

CARTA 4 : Peratusan pelaksanaan program/aktiviti mengikut strategi



Kesemua pelaksanaan program dan aktiviti ini adalah bertujuan mengukuhkan akauntabiliti dan integriti warga SPRM. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan lagi tahap pematuhan warga SPRM kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.

1.2 Program pengukuhan integriti warga SPRM

Sebanyak empat program pengukuhan integriti telah diadakan pada bulan Oktober dan November 2015. Program yang disertai seramai 290 warga SPRM ini telah dibahagikan kepada empat zon iaitu zon utara, zon timur, zon selatan dan zon Labuan. Program diadakan bagi tujuan berikut:

a. Memantapkan lagi integriti warga SPRM;
b. Mengeratkan hubungan warga SPRM di setiap zon;
c. Perbincangan mengenai isu tatakelakuan warga SPRM Negeri; dan
d. Berkongsi mekanisme dan kaedah menangani isu perlanggaran tatakelakuan.

Program ini telah memberikan impak yang positif kepada warga SPRM yang hadir. Hasilnya telah berjaya meningkatkan lagi tahap kefahaman mereka berkaitan kesalahan dan hukuman yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (kelakuan dan tatatertib) 1993.



Peserta program pengukuhan integriti warga SPRM di Baling, Kedah.

1.3 Ujian integriti

Sebanyak 72 sesi ujian integriti telah dilaksanakan untuk mengukur nilai kerja, pandangan positif, sosial, tingkah laku dan etika warga SPRM. Pelbagai kaedah digunakan bagi menguji tahap akauntabiliti dan integriti setiap warga kerja kepada sebarang kemungkinan yang akan dihadapi. Pelaksanaan ujian integriti di SPRM adalah seperti berikut:

- Penyamaran panggilan telefon

  Hasil daripada 48 penyamaran panggilan misteri yang telah dilaksanakan didapati kualiti layanan perkhidmatan pelanggan melalui telefon di 16 Pusat Tanggungjawab (PTJ) SPRM berada dalam keadaan memuaskan. Dalam setiap proses penyamaran yang dilalui, pegawai dan kakitangan SPRM menunjukkan sikap kesediaan untuk menerima panggilan dengan cara berhemah.

- Pemeriksaan mengejut (Mystery Shopping)

  Hasil daripada pemeriksaan mengejut yang telah dilakukan, adalah didapati:

  i. Kualiti layanan perkhidmatan pelanggan dan bantuan yang diberikan adalah memuaskan;
  ii. Aspek keselamatan kawasan bangunan pejabat berada dalam keadaan baik serta terkawal; dan
  iii. Ruang menunggu di pejabat SPRM dan kelengkapan kemudahan kepada tetamu berada dalam keadaan bersih yang mencerminkan suasana selesa dan ceria.

- Saringan air kencing warga SPRM

  SPRM mengambil langkah proaktif dengan menjalankan ujian air kencing terhadap semua warga kerjanya. Ujian ini dibuat dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Ia bertujuan memastikan warga SPRM bebas daripada gejala dadah.

2. PENGURUSAN PSIKOLOGI ORGANISASI

2.1 Program pengurusan psikologi

Kecemerlangan dan profesionalisme sangat penting dalam pembangunan kesejahteraan modal insan di SPRM. Inspirasi ini adalah selari dengan Kod Etika dan Tata Kelakuan SPRM serta Pelan Integriti SPRM 2011-2015.

Bagi mencapai matlamat tersebut, pelbagai program berteraskan ilmu psikologi yang berkaitan dengan perkhidmatan pembangunan, pencegahan, pemulihan dan intervensi krisis telah dilaksanakan. Pelaksanaannya adalah merangkumi pendekatan khidmat nasihat, perundingan dan perakuan serta penganjuran pelbagai program yang berkaitan dengan pembangunan perkhidmatan psikologi organisasi.

2.2 Pengurusan kewangan peribadi berkesan dan efektif

Sebanyak tiga siri taklimat Pengurusan Kewangan Peribadi telah dilaksanakan kepada mereka yang dikenal pasti. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran mereka mengenai aspek perancangan kewangan dengan lebih teratur dan berhemah.

Program ini adalah hasil kerjasama antara SPRM dan Seksyen Pengurusan Psikologi, Jabatan Perdana Menteri, serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Ketiga-tiga program tersebut diadakan pada 24 Mac 2015, 23 Jun 2015 dan 13 November 2015 bertempat di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya.

2.3 Taklimat jenayah siber bertajuk 'Kesan dan Akibat'

Seramai 251 warga SPRM Ibu Pejabat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan MACA, telah menghadiri taklimat jenayah siber bertajuk 'Kesan dan Akibat' yang telah diadakan

pada 20 Mei 2015. Taklimat yang diadakan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia, Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme warga SPRM.



Taklimat jenayah siber: 'Kesan Dan Akibat' oleh Pegawai Siasatan Jenayah Telekomunikasi, Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Polis DiRaja Malaysia pada 20 Mei 2015.



2.4 Intervensi dan pembangunan pegawai

Seramai 23 orang pegawai dan kakitangan SPRM yang terpilih telah mengikuti Program Intervensi dan Pembangunan Pegawai, bertempat di Kem Bina Negara Tanjung Rhu, Sepang, Selangor pada 4 hingga 8 Oktober 2015. Program ini merupakan modul khas yang dibangunkan khusus oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi tujuan membantu peserta untuk:

i. Mengenali diri sendiri;
ii. Memahami orang lain dan persekitaran;
iii. Membuat penyesuaian dan integrasi antara diri, orang lain dan tuntutan persekitaran;
iv. Mengurus diri termasuk pemikiran, sikap dan tingkah laku ; dan
v. Melahirkan peserta yang berdaya tahan mendepani cabaran dalam kehidupan.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya meningkatkan tahap kefahaman peserta daripada 73 peratus kepada 92 peratus iaitu peningkatan sebanyak 19 peratus. Penilaian adalah berdasarkan pemahaman peserta sebelum dan selepas program dilaksanakan.

2.5 Ceramah motivasi 'Kerja Satu Ibadah' memberi kesan yang positif

Program ini bertujuan untuk meningkatkan lagi motivasi kepada warga SPRM berhubung dengan tanggungjawab dan amanah. Ceramah ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Hushim bin Haji Salleh, dari *Motivational and Counselling Consultancy*.

2.6 Kreativiti dan inovasi

Sempena sambutan Hari Inovasi SPRM yang bertemakan 'Kelestarian Inovasi Memacu Transformasi', dua Bahagian SPRM telah dipilih sebagai penerima Sijil Penghargaan Inovasi SPRM 2015 atas kreativiti dan inovasi yang dihasilkan. Dua Bahagian yang memenangi Sijil Penghargaan Inovasi SPRM 2015 tersebut adalah:

2.6.1 Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat kerana mendapat:

i. Penarafan Portal Lima Bintang (Provider-Based Evaluation – PROBE 2014);
ii. Pensijilan Transisi ISMS Standard ISO/IEC 27001:2005 ke ISMS Standard ISO/IEC 27001:2015 ISMS bagi SPRM tahun 2015;

iii. Anugerah *Open Gov Asia "Excellence in Analytics Business Operations Award" and "Excellence in Analytics Employee Innovation Award*"; dan

iv. Naib Johan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Perdana Menteri 2015.

2.6.2 Bahagian Keselamatan kerana mendapat penarafan empat bintang inspektorat keselamatan perlindungan.

2.6.3 Selain daripada itu, Anugerah Inovasi SPRM 2015 juga dianugerahkan kepada pemenang-pemenang berikut:-

i. SPRM Kedah

Menyediakan kad dan buku khas Sambung Jamin yang dihasilkan bagi memudahkan urusan sambung jamin ke atas seseorang yang telah ditangkap oleh SPRM;

ii. Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat (BPRTM)

Membangunkan sistem atas talian bagi memudahkan pengesahan terhadap rekod seseorang individu untuk tujuan kenaikan pangkat / anugerah dan lain-lain perkara yang berkaitan; dan

iii. SPRM Pulau Pinang

Pemantauan dalaman oleh Pengarah dan Timbalan Pengarah bersama beberapa orang pegawai di Unit Kewangan Negeri untuk memastikan tiada pertanyaan audit dan prestasi perbelanjaan cemerlang.



Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Dato' Sri Hj Mustafar Bin Hj Ali melawat *booth* pameran peserta Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) sempena sambutan Hari Inovasi SPRM 2015 pada 24 November 2015.



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Bin Mohamed bersama pemenang Anugerah Inovasi SPRM sempena sambutan Hari Inovasi SPRM 2015 pada 24 November 2015.

3. PENGURUSAN ADUAN


3.1 Penerimaan dan tindakan ke atas aduan

Dalam tahun 2015, Jawatankuasa Aduan (JKA) SPRM mengadakan enam mesyuarat iaitu tiga di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya dan masing-masing satu mesyuarat di SPRM Pulau Pinang, SPRM Negeri Sembilan dan SPRM Labuan. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk memantau tindakan 95 aduan yang diterima terhadap warga SPRM. Pecahan penerimaan aduan adalah seperti dalam JADUAL 48.

JADUAL 48 : Jumlah penerimaan aduan mengikut saluran

BIL	SALURAN ADUAN	JUMLAH
1.	Surat rasmi	53
2.	Surat layang	12
3.	Panggilan telefon	4
4.	e-mel rasmi Jabatan	26
JUMLAH		**95**

CARTA 5 : Peratusan penerimaan aduan mengikut saluran aduan 2015



Kesemua 95 aduan yang diterima telah diambil tindakan seperti dalam JADUAL 49.

JADUAL 49: Bilangan aduan dan tindakan

BILANGAN ADUAN	TINDAKAN
26	Kertas Siasatan Tatatertib
6	Kertas Lembaga Tatatertib
56	Sampul Kecil
1	Fail Penyiasatan (Kepil)
2	Diedarkan ke Bahagian/Negeri
1	Penyelesaian Dalaman
2	No Futher Action (NFA)
1	Peringkat Pertimbangan Pembukaan Kertas Siasatan.

Hasil daripada pemantauan didapati purata penyiapan Kertas Siasatan adalah selama 32 hari berbanding 60 hari tempoh penyiapan yang ditetapkan.

3.2 Tapisan Tatatertib dan Perisytiharan Harta

Sebanyak 1,455 tapisan tatatertib telah diproses dengan pecahannya seperti yang dipaparkan dalam JADUAL 50.

JADUAL 50: Tapisan tatatertib


Bil.	JENIS TAPISAN	JUMLAH
1.	Lanjut Pelajaran	47
2.	Persaraan	14
3.	Pengesahan Perkhidmatan	182
4.	Pelepasan Jawatan	6
5.	Pemangkuan	85
6.	Kenaikan Pangkat	777
7.	Pengurniaan Darjah/ Pingat / Anugerah	64
8.	Kursus	20

Bil.	JENIS TAPISAN	JUMLAH
9.	Kursus Luar Negara	25
10.	Jawatan Baru/Temuduga	2
11.	Khidmat Cemerlang	177
12.	Anjakan Gaji	3
13.	Peminjaman	13
14.	Pinjaman ke Jabatan Lain	8
15.	Membantu Siasatan	2
16.	Status Prosiding Tatatertib	16
17.	Pelanjutan Tempoh Percubaan	2
18.	Pengisian di Pejabat Perwakilan Luar Negara	4
19.	Permohonan Bekerja Di luar Waktu Pejabat	1
21.	Penyediaan Kertas Dasar	1
22.	Temuduga	6
JUMLAH		**1,455**

Tapisan dilaksanakan untuk memastikan hanya warga SPRM yang bebas daripada sebarang salah laku dan hukuman tatatetertib sahaja layak dipertimbangkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam JADUAL 50.

4. PENGURUSAN TATAKELAKUAN

Sebanyak 18 keputusan hukuman tatatertib telah dijatuhkan ke atas pegawai dan kakitangan SPRM sepanjang tahun 2015. Ia melibatkan 13 orang pegawai suruhanjaya dan empat orang kakitangan gunasama. Semua keputusan hukuman yang dikenakan ke atas warga SPRM yang didapati bersalah dihebahkan kepada semua warga SPRM melalui emel dan diwartakan. Ia adalah sebagai peringatan kepada semua warga SPRM agar mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Tindakan ini membuktikan SPRM bertindak tegas dan tidak berkrompromi dengan mana-mana pegawai dan kakitangannya yang melakukan kesalahan tatakelakuan.



KESELAMATAN

KESELAMATAN

Pengurusan keselamatan perlindungan merupakan satu perkara yang amat penting dalam SPRM. Ia merangkumi aspek keselamatan, fizikal, dokumen dan personel bagi memastikan SPRM selamat daripada sebarang bentuk ancaman dan pencerobohan.

Sepanjang tahun 2015, antara aktiviti dan pencapaian dalam Pengurusan Keselamatan Perlindungan adalah mengadakan Audit Keselamatan Perlindungan, Pemantauan Keselamatan Lokap, Konvensyen Keselamatan SPRM dan Program Pengurusan Risiko dan Ancaman Keselamatan SPRM. Selain program dan aktiviti yang dilaksanakan, perkara penting yang sentiasa diutamakan dalam pengurusan keselamatan adalah perlindungan saksi kerana saksi merupakan aset penting dalam menentu kejayaan atau kegagalan kes rasuah yang disiasat oleh SPRM.

Aktiviti penting dalam memantapkan keselamatan perlindungan adalah seperti berikut:

1. AUDIT KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Peranan dan komitmen berterusan Pengurusan Tertinggi SPRM terhadap aspek keselamatan seperti keutamaan pemberian peruntukan terbukti dalam menentukan kejayaan polisi keselamatan yang telah direncanakan. Justeru itu satu mekanisme pengukuran tahap keselamatan pejabat diwujudkan untuk menilai tahap keselamatan pejabat SPRM dari semasa ke semasa.

Audit Keselamatan Pejabat SPRM dijalankan pada setiap tahun untuk memastikan pelaksanaan dan pematuhan kepada Arahan Keselamatan dipatuhi pada tahap yang optimum. Oleh itu Pengurusan Keselamatan Perlindungan SPRM menjadi salah satu Petunjuk Prestasi Utama yang juga dikenali sebagai *Key Performance Indicator* (KPI), kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Timbalan Ketua Pesuruhjaya serta Pengarah SPRM Bahagian dan Negeri.

Penilaian Audit Keselamatan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu Inspektorat Keselamatan Perlindungan yang dilaksanakan di Ibu Pejabat SPRM dan bagi pejabat SPRM Negeri penilaian dilaksanakan melalui Naziran Keselamatan Pejabat.

Objektif Audit Keselamatan dilaksanakan adalah untuk menilai tahap pelaksanaan dan pematuhan kepada Arahan Keselamatan Kerajaan di Ibu Pejabat SPRM dan pejabat SPRM Negeri melalui pemeriksaan secara fizikal dan dokumentasi. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

1.1 Inspektorat Keselamatan Perlindungan, Ibu Pejabat SPRM

Inspektorat Keselamatan Perlindungan (IKP) Ibu Pejabat SPRM telah dilaksanakan oleh Bahagian Inspektorat Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (KPKK). Mulai tahun 2015, IKP mula dilaksanakan di Ibu Pejabat SPRM yang mana pencapaian skor seperti dalam RAJAH 8.


RAJAH 8: Pengurusan Inspektorat Keselamatan Perlindungan.



Pencapaian ini merupakan bukti komitmen pengurusan yang berterusan dalam aspek keselamatan. Sekaligus telah berjaya meningkatkan tahap akauntabiliti dan integriti pegawai SPRM dan menjadikan SPRM sebagai sebuah agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah yang bebas, telus dan profesional selaras dengan prinsip "Jihad Memerangi Rasuah".

1.2 Naziran Keselamatan Pejabat

Turut dilaksanakan bagi pemantauan pelaksanaan dan pematuhan Arahan Keselamatan yang dikuatkuasakan di pejabat-pejabat SPRM Negeri adalah Naziran Keselamatan Pejabat. Sepanjang tahun 2015, Naziran Keselamatan telah dilaksanakan di 17 buah pejabat SPRM Negeri. Berikut adalah butirannya:



RAJAH 9: Naziran keselamatan pejabat SPRM Negeri tahun 2015.

Peningkatan Skor Indeks Keselamatan daripada 92.87 peratus, tahun 2014 kepada 96.67 peratus pada tahun 2015 menunjukkan usaha dan komitmen SPRM dalam memastikan aspek keselamatan sentiasa diutamakan.

2. PEMANTAUAN KESELAMATAN LOKAP, JAMINAN INTEGRITI SPRM

Sehingga tahun 2015, terdapat 12 buah lokap di pejabat SPRM seluruh Malaysia dan telah diwartakan di bawah peruntukan Akta Penjara 1995 dan Akta SPRM 2009. Semua lokap ini dilengkapi dengan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV). Selain daripada untuk pemantauan keselamatan, ia sekaligus berfungsi sebagai jaminan akauntabiliti dan integriti SPRM. Pemantauan keselamatan lokap

amat dititikberatkan bagi memastikan keselamatan lokap berada dalam keadaan terbaik sekaligus menangkis persepsi negatif masyarakat terhadap keselamatan tahanan di lokap SPRM.

Pihak SPRM sentiasa mengambil langkah-langkah mempertingkatkan keselamatan elektronik dengan teknologi terkini. Sehingga kini pejabat SPRM Pulau Pinang, Perak, Sabah, Labuan dan cawangan Temerloh telah dilengkapi dengan sistem CCTV yang baru.



Jawatankuasa Pengurusan SPRM dalam konvensyen

3. KONVENSYEN KESELAMATAN SPRM

Satu Konvensyen Keselamatan SPRM Siri 1 bertemakan "Integriti dan Keselamatan, Pemangkin Transformasi Jihad Memerangi Rasuah" telah diadakan pada 2 hingga 4 Mac 2015 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Konvensyen yang diadakan dengan kerjasama Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Polis DiRaja Malaysia dan Cyber Security Malaysia ini telah dihadiri oleh seramai 70 orang Pegawai Keselamatan Jabatan, Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan dan Ketua Unit Keselamatan SPRM Bahagian, Negeri dan Cawangan.

Ia merupakan platform terbaik kepada Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan SPRM yang dipengerusikan



Peserta konvensyen



Konvensyen Keselamatan SPRM 2015

oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato' Sri Mohd Jamidan bin Abdullah bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan keselamatan pejabat-pejabat SPRM selain menyelaraskan penguatkuasaan undang-undang dan pematuhan arahan berkaitan keselamatan. Hasil konvensyen ini, satu resolusi telah dikeluarkan. Kandungan resolusi seperti dalam RAJAH 10.



RAJAH 10 : Resolusi Konvensyen Keselamatan SPRM Siri 1 Tahun 2015.



Sesi taklimat oleh Pengarah Bahagian Keselamatan, SPRM.



Peserta Program Pengurusan Risiko dan Ancaman Keselamatan SPRM.

4. PROGRAM PENGURUSAN RISIKO DAN ANCAMAN KESELAMATAN SPRM

Program Pengurusan Risiko dan Ancaman Keselamatan SPRM telah diadakan pada 11 hingga 13 November 2015. Program ini telah dihadiri seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Unit Keselamatan SPRM Negeri dan Cawangan serta wakil SPRM Bahagian Operasi. Objektif utama program adalah untuk memberi pendedahan dan memantapkan pengetahuan tentang ancaman risiko semasa di tempat kerja.

5. PERLINDUNGAN SAKSI JAMIN KEYAKINAN MASYARAKAT

Anggota masyarakat adalah aset kepada SPRM kerana mereka adalah sumber maklumat. Selain itu kerjasama untuk menjadi saksi adalah faktor utama kejayaan sesuatu kes yang disiasat serta dibicarakan. Tahap keyakinan mereka terhadap SPRM perlu diberi perhatian dan ditingkatkan sepanjang masa. SPRM sentiasa memberi keutamaan dalam perkara ini dengan memberikan perlindungan kepada mereka yang ingin bekerjasama.

SPRM melalui Cawangan Pengiringan dan Perlindungan telah menyediakan lima pasukan pegawai pengiring terlatih yang akan bertanggungjawab dalam memberi perlindungan awal (interim) dan semasa pendakwaan dijalankan ke atas saksi. SPRM khususnya Cawangan Pengiringan dan Perlindungan perlu berada dalam keadaan siap siaga bagi menghadapi sebarang ancaman.

Akta Perlindungan Saksi 2009 yang dikuatkuasakan oleh Bahagian Perlindungan Saksi (BPS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) sentiasa memberikan kerjasama terhadap permohonan perlindungan saksi yang dikemukakan secara rasmi oleh SPRM.

Dalam pada itu sebelum proses kelulusan perlindungan formal melalui BPS diberikan, saksi akan terus mendapatkan perlindungan awal oleh SPRM bagi memastikan tahap kerjasama dan kenyakinan saksi terjamin. Saksi akan dilindungi semasa menjalani kehidupan dan ketika hadir di SPRM atau mahkamah sekiranya diminta oleh saksi.

Tahap kerjasama yang diberikan menunjukkan masyarakat terus memberi sokongan dan keyakinan terhadap SPRM walaupun dalam situasi yang sukar. SPRM juga sentiasa mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan keselamatan termasuk menyediakan pelbagai kemudahan logistik sekali gus dapat meningkatkan keyakinan masyarakat. Pengurusan Tertinggi SPRM sentiasa peka dan memberikan perhatian yang serius dalam isu memberikan perlindungan kepada saksi-saksi.

Sehubungan dengan itu tanggungjawab sosial dan imej SPRM dapat dipertingkatkan. Ia merupakan satu impak besar daripada usaha SPRM ke arah meningkatkan aspek keselamatan dalam organisasi.



Pegawai-pegawai SPRM Cawangan Pengiringan dan Perlindungan menjalani latihan



AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (MACA)

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Sebagai satu-satunya pusat latihan pencegahan rasuah di Malaysia, fokus utama MACA adalah untuk memperkasakan modal insan melalui pengukuhan aspek pengetahuan dan kemahiran kepada warga kerja SPRM, sebagai persediaan dalam menjalankan tugas membanteras rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.

Arus perkembangan semasa, khususnya kepesatan teknologi, menjadi suatu cabaran yang perlu dihadapi oleh SPRM dan lain-lain agensi penguatkuasaan. Tugas pembanterasan jenayah rasuah menjadi semakin sukar dan perlu dilakukan menggunakan kaedah bersesuaian dengan arus semasa. Dalam hal ini MACA bertanggungjawab menganjurkan program-program yang bersesuaian untuk melengkapkan modal insan dengan kemahiran yang tinggi. Turut diberi perhatian adalah dalam aspek pemantapan integriti dan kerohanian bagi memastikan pegawai dan kakitangan SPRM mampu untuk melaksanakan tanggungjawab secara profesional.

Peranan MACA diperluaskan lagi dalam memberi latihan kepada pegawai-pegawai dari pelbagai jabatan dan agensi sama ada kerajaan atau swasta mengikut keperluan. Setelah hampir sedekad penubuhannya, MACA kini menjadi pusat latihan kecemerlangan pencegahan rasuah yang terulung di rantau Asia Pasifik dan sehingga kini MACA mempunyai kluster pengajian seperti berikut:

i. Kluster Pengajian Antarabangsa
ii. Kluster Latihan Asas
iii. Kluster Pembangunan Integriti Korporat
iv. Kluster Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan
v. Kluster Penyiasatan dan Forensik
vi. Kluster Perisikan dan Pengesanan
vii. Kluster Perundangan dan Pendakwaan
viii. Kluster Pencegahan Rasuah dan Pengurusan
ix. Kluster Kecemerlangan Kepimpinan SPRM
x. Kluster Etika dan Profesionalisme

Komitmen MACA diperlihatkan melalui pembentukan Pelan Strategik MACA yang menggambarkan halatuju yang jelas iaitu untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan pencegahan rasuah bertaraf serantau dan antarabangsa.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN MACA SEPANJANG TAHUN 2015

Satu kejayaan bagi MACA adalah apabila pelbagai institusi dan pertubuhan antarabangsa telah menyatakan hasrat bukan sahaja bekerjasama dengan MACA tetapi menjadikannya sebagai pusat rujukan berkaitan pencegahan rasuah. Justeru, kini MACA mampu menyediakan tenaga pengajar, mendapatkan khidmat pakar, merangka modul latihan, mengendalikan kursus, latihan, seminar dan bengkel dalam aspek pencegahan rasuah.

Bagi menjayakan peranan tersebut, langkah mengadakan kerjasama dua atau pelbagai hala (bilateral and multilateral) dengan agensi-agensi penguatkuasaan pencegahan rasuah serantau

dilaksanakan. Antara yang dijayakan sepanjang tahun 2015 adalah;

i. *Independent Commission Against Corruption* (ICAC) Hong Kong;
ii. *Federal Bureau of Investigation* (FBI) United States;
iii. Biro Mencegah Rasuah (BMR) Brunei Darussalam;
iv. *Korea Independent Commission Against Corruption* (KICAC) Republic of Korea;
v. Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) Indonesia;
vi. *Corrupt Practices Investigation Bureau* (CPIB) Singapura; dan
vii. *National Anti-Corruption Commission* (NACC) Thailand

Dalam usaha meningkatkan kemahiran dan profesionalisme pegawai-pegawai SPRM pula, MACA telah menyediakan pelbagai jenis latihan dalam perkhidmatan merangkumi pembinaan modul penyiasatan, pendakwaan, perisikan, pendidikan masyarakat, pemeriksaan dan perundingan, tatacara kerja, pengurusan dan kewangan, keselamatan, kepimpinan, latihan kejurulatihan (training of trainers), teknologi maklumat serta pengajian bahasa terutamanya Bahasa Inggeris.

1. MENAPAK TINGGI DI PERSADA ANTARABANGSA

Sebagai salah sebuah sekolah yang terbaik bagi pengajian anti rasuah, keupayaan MACA telah menarik perhatian dan keyakinan antarabangsa. Sejak penubuhannya, setiap tahun terdapat penyertaan peserta dari pelbagai negara mengikuti latihan dianjurkan di bawah kendalian kluster Pengajian Antarabangsa mengenai pencegahan rasuah.

MACA juga menjalankan latihan berasaskan permintaan dan keperluan agensi antarabangsa (tailor-made/customize courses). Antara kursusnya seperti kursus latihan asas, penyiasatan kewangan dan rasuah, pendakwaan selain kursus etika dan dan integriti. Agensi antarabangsa yang pernah menerima latihan daripada MACA adalah:



Kursus *Executive Certificate Course for Strategic Management of Anti-Corruption.*



Kursus *Corruption Risk Management* (CRM) *for ACA Egypt.*



Kursus *Intelligence Based Investigation* (IBI).

i. *Government Inspectorate of Vietnam;*
ii. *Republic of Kazakhstan Civil Service;*
iii. *Fiji Independent Commission Against Corruption;*
iv. *Bhutan Anti-Corruption Commission;*
v. *Attorney General Office, Anti-Corruption Unit, European Police Mission in Afghanistan*;
vi. KPK Indonesia;
vii. *Anti-Corruption for Palestine;*
viii. *Administrative Control Authority* (ACA) Cairo, Egypt;
ix. *Commission for the Investigation of Abuse of Authority* (CIAA) Officials, Nepal; dan
x. *Anti-Corruption Commission of Maldives* (ACC) Republic of Maldives.

Antara program dan kursus yang dihadiri oleh peserta-peserta dari agensi antarabangsa pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

1.1 MACA kembang kepakaran latihan ke luar negara

Komitmen MACA bukan semata-mata berlegar dalam negara malahan telah merentasi sempadan. Ini terbukti apabila MACA telah diminta untuk menghantar *Subject Matter Expert* dalam bidang pencegahan rasuah ke negara-negara seperti Maldives, Fiji, Nepal dan yang terbaru adalah Bhutan. Program penghantaran tenaga pakar ke luar negara ini dilihat sebagai satu cara perkongsian bestari dalam mengukuhkan kerjasama antara Malaysia dan negara penerima. Di Bhutan, SPRM telah membantu *Bhutan Anti-Corruption Commission* dalam penyediaan latihan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan penggunaan peralatan teknikal terkini aktiviti perisikan. Selain itu, turut dikongsi ialah Program Latihan Etika dan Pengurusan Integriti. Malah Bhutan juga telah meminta MACA untuk menghantar tenaga pakar bagi membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penjawat-penjawat awam Bhutan berkaitan modul etika dan integriti berdasarkan acuan Malaysia.

2. MELESTARIKAN AGENDA INTEGRITI

MACA telah berjaya mengembangkan peranannya sebagai hab latihan pencegahan rasuah dan integriti dalam negara bagi memenuhi keperluan sektor awam dan swasta. Sehubungan itu, sebuah pusat yang dikenali sebagai Pusat Pembangunan Integriti Korporat atau *Corporate Integrity Development Center* (CIDC) telah ditubuhkan untuk mengendalikan Program Pegawai Integriti Bertauliah atau *Certified Integrity Officer* (CeIO).





Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) SPRM, Datuk Seri Hj Zakaria bin Hj Jaffar, Pengarah MACA, Dato' Abdul Wahab bin Abdul Aziz dan Timbalan Pengarah Bahagian PenMas SPRM, KPKPj Hj. Abdul Samat bin Kasah semasa sesi latihan penyediaan SOP di Bhutan.

Satu perkembangan menarik dapat disaksikan sejak program CeIO diperkenalkan, semakin ramai pegawai sama ada kerajaan atau swasta menunjukkan minat untuk mengikuti Program CeIO ini. Trend positif bilangan peserta yang meningkat juga menunjukkan kesedaran menjadikan integriti sebahagian daripada komponen dalam pengurusan sesebuah organisasi turut semakin penting.

Juga terdapat cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh CeIO untuk menjadikannya terus relevan. Cabaran utamanya ialah sebagai agen untuk membudayakan dan merakyatkan integriti dalam kalangan rakyat Malaysia. Bagi mencapai impak maksimum, adalah diharapkan agar ketua-ketua jabatan meletakkan pegawai yang telah menyertai kursus CeIO untuk menjalankan tugas-tugas berkaitan integriti.

RAJAH 11: Peranan dan fungsi Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO).



Adalah diharapkan para CeIO akan dapat melaksanakan tugas dan amanah yang berat ini dengan berkesan. Ini merupakan cabaran penting yang perlu dilalui oleh CeIO. Program CeIO juga merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran jangka panjang bagi mewujudkan nilai-nilai positif pengurusan dan pentadbiran.



Peserta CeIO Siri 9



Peserta program CeIO sedang berbincang tentang cabaran CeIO sebagai agen membudayakan dan merakyatkan integriti dalam kalangan rakyat Malaysia.



Peserta *CeIO International* dalam sesi '*Roundtable Discussion*' mengenai fungsi dan bidang tugas Unit Integriti Jabatan dan Organisasi mengikut kesesuaian negara masing-masing.



Majlis Konvokesyen Kali Ke 4, Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) yang diadakan pada 9 April 2015 di *Putra World Convention Centre* (PWTC).

3. PENGIKTIRAFAN SEPANJANG TAHUN 2015

3.1 Komitmen dan konsistensi MACA dalam tempoh sedekad berjaya meraih pengiktirafan antarabangsa daripada *South East Asia Parties Against Corruption* (SEA-PAC), sebagai hab latihan dan pusat kecemerlangan pencegahan rasuah di rantau Asia Tenggara;

3.2 Mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam dan disenaraikan sebagai Institut Latihan Awam (ILA);

3.3 Keupayaan MACA semakin diyakini di peringkat antarabangsa apabila terpilih bagi membangunkan modul serta menjadi pusat pembelajaran Modul 6 Program *Master of Corruption Studies* (MACS) anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA), Vienna, Austria. Ini telah melonjakkan imej SPRM dan MACA sebagai hab latihan bertaraf antarabangsa;

3.4 *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) turut mengiktiraf SPRM dalam pelaksanaan kerjasama antarabangsa, penjenayahan rasuah dan penguatkuasaan undang-undang seperti yang termaktub dalam Bab III dan IV *United Nation Convention Against Corruption* (UNCAC) di mana MACA menyumbang dalam aspek pembangunan latihan dan pembelajaran. MACA juga telah diiktiraf sebagai salah sebuah sekolah yang terbaik di dunia bagi pengajian anti-rasuah; dan

3.5 MACA juga menjadi platform jalinan kerjasama dengan negara-negara Kesatuan Eropah dalam usaha pencegahan rasuah di peringkat antarabangsa. Ini terbukti dengan penempatan pegawai-pegawai SPRM di Diktorat Pencegahan Rasuah, *The International Criminal Police Organisation* (INTERPOL), Lyon.

Way Forward

MACA serius dalam melaksanakan peranannya dalam menginstitusikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pembentukan sahsiah diri yang mantap. Komitmen ini diperlihatkan melalui pembentukan Pelan Strategik MACA yang menggambarkan halatuju yang jelas iaitu untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan pencegahan rasuah bertaraf serantau dan antarabangsa. Secara umumnya MACA diharap akan menjadi pusat serantau bagi usaha-usaha meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam pembanterasan rasuah.




PEMANTAUAN DAN PENYELARASAN

PEMANTAUAN DAN PENYELARASAN

Peningkatan keyakinan masyarakat terhadap SPRM menjadi agenda utama dalam langkah transformasi SPRM. Peningkatan keyakinan masyarakat, diperkukuhkan melalui strategi dengan gagasan **Merakyatkan SPRM**, sebagai teras utama.

CARTA 6: Tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM (Tahun 2009 – 2015)



Kajian Keyakinan Masyarakat Terhadap SPRM yang telah dijalankan menunjukkan peningkatan pada setiap tahun bermula dengan 31 peratus pada tahun 2009 kepada 67.8 peratus pada tahun 2014. Walau bagaimanapun ia sedikit menurun kepada 65.8 peratus pada tahun 2015. Faktor peningkatan tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM adalah kerana pelaksanaan tanggunjawab korporat melalui prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme yang telah diterapkan kepada semua peringkat pegawai dan warga kerja. Namun demikian, untuk terus mengekalkan tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM, ia memerlukan komitmen dan kerjasama daripada pelbagai pihak pemegang taruh (stakeholders) yang berkait rapat dengan institusi SPRM.

Bagi memastikan peningkatan keyakinan masyarakat terus meningkat naik, Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan, SPRM dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelaras setiap pelaksanaan langkah strategik yang diambil oleh SPRM. Bahagian ini turut bertanggungjawab membantu Ketua Pesuruhjaya SPRM bagi memastikan setiap strategi di bawah program dan aktiviti yang dilaksanakan menjurus kepada pencapaian tahap optimum.

1. PEMANTAUAN DAN PENYELARASAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA [KPI] DAN PELAKSANAAN STRATEGIK SPRM


1.1 Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators - KPI)

Petunjuk Prestasi Utama yang juga dikenali sebagai *Key Performance Indicators* (KPI) adalah satu mekanisme bagi membantu SPRM untuk menentukan dan mengukur kemajuan bagi mencapai objektif dan hala tuju SPRM. KPI adalah pengukuran kuantitatif yang turut mencerminkan faktor-faktor penentu keberhasilan SPRM.

KPI menjadi salah satu langkah strategik bagi mencapai objektif SPRM dalam membanteras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan. Secara tidak langsung, strategi ini juga dirangka bagi mencapai visi SPRM iaitu bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah dan menjadikan SPRM sebagai agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

Pengurusan KPI SPRM 2015 adalah kesinambungan kepada pengurusan KPI SPRM 2014. Penetapan KPI SPRM 2015 adalah menggunakan templat KPI yang diselaraskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang merangkumi tiga kelompok utama iaitu tanggungjawab bersama, tanggungjawab spesifik dan keberkesanan peribadi. Setiap kelompok mempunyai nilai wajaran markah yang ditetapkan mengikut dimensi di setiap peringkat *Tier* masing-masing. Rujuk RAJAH 12.

RAJAH 12: Struktur pembangunan KPI.



Berdasarkan rajah Struktur Pembangunan KPI, menunjukkan pelaksanaan KPI bermula dari *Tier 1* (Ketua Pesuruhjaya), *Tier 2* (Timbalan-Timbalan Ketua Pesuruhjaya), *Tier 3* (Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri), *Tier 4* (Penyelia) dan *Tier 5* (Pegawai/Kakitangan).

Sebagai permulaan, pada tahun 2014, pelaksanaan KPI hanya melibatkan *Tier 1* hingga *Tier 3*.

Bagi memastikan pengurusan tanda aras prestasi yang berkesan, maka pemantauan, penyelarasan dan pelaksanaan pembangunan KPI di SPRM turut dilaksanakan supaya mampu mencapai dan menepati sasaran yang ditetapkan. Selain itu, juga berfungsi untuk memastikan KPI di setiap peringkat (Tier) saling berpautan dan mendapat sokongan penuh struktur di bawahnya.

Semangat kerja berpasukan yang diterapkan melalui langkah pemantauan dan penyelarasan ini telah menyuntik semangat dan iltizam baru kepada semua warga untuk menyumbang kepada pencapaian organisasi. Ia terbukti dengan persetujuan semua pihak untuk meluaskan pelaksanaan KPI ini kepada semua penjawat *Tier 4* dan *Tier 5* di SPRM mulai tahun 2015. Ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan dalam usaha merealisasikan pelaksanaan tanda aras KPI di SPRM.



Sesi menandatangani KPI tahun 2015 oleh Pengurusan Tertinggi SPRM



Majlis Penyerahan Buku Pengurusan Petunjuk Prestasi Utama SPRM Tahun 2015.

Penetapan KPI SPRM dibuat melalui persetujuan bersama setiap penjawat dari *Tier 1* sehinggalah *Tier 5*. KPI ini telah ditandatangani oleh setiap penjawat mengikut templat KPI sebagaimana kebertanggungjawaban masing-masing.

1.2 Keberhasilan KPI

Strategi **MERAKYATKAN SPRM** yang diperjuangkan ini bukan setakat berjaya meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap SPRM malahan telah berjaya meningkatkan komitmen dan prestasi warga SPRM sendiri. Ini membuktikan transformasi SPRM mulai menyerlahkan impak yang positif dan mula dirasai.

2. PEMATUHAN UNIT INSPEKTORAT

Bagi mewujudkan pematuhan yang menyeluruh oleh pegawai dan kakitangan SPRM di peringkat Bahagian dan Negeri, pemantauan dan penyelarasan pelaksanaan setiap program dan aktiviti SPRM telah dilaksanakan secara berterusan. Langkah ini untuk memastikan setiap arahan-arahan yang berkuatkuasa dan dikeluarkan oleh pengurusan SPRM dipatuhi.

Objektif pemantauan ini dijalankan secara naziran oleh Unit Inspektorat bagi menilai:

- Tahap kefahaman pegawai SPRM
- Tahap kepatuhan terhadap Perintah Tetap, Pekeliling, Arahan dan *Standard Operating Procedures* (SOP)
- Tahap pelaksanaan peraturan dan prosedur
- Tahap kefungsian peralatan yang disediakan

Berdasarkan kepada domain, sasaran naziran Tahun 2015 adalah seperti berikut:

- Bahagian Siasatan
- Bahagian Pendidikan Masyarakat
- Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan
- Bahagian Keselamatan
- Bahagian Pengurusan Kewangan

Kaedah naziran yang dijalankan adalah secara temubual bersemuka dan pemeriksaan fizikal melalui semakan fail, rekod serta dokumen yang berkaitan.

Pada tahun 2015, pemantauan melalui pelaksanaan inspektorat di pejabat-pejabat SPRM ditumpukan kepada lima domain di atas. Sejumlah 16 SPRM Negeri dan lima Bahagian iaitu Bahagian Siasatan, Bahagian Perisikan, Bahagian Operasi Khas, Bahagian Forensik serta Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan yang terlibat telah diperiksa pada awal tahun 2015.

3. PEMATUHAN PENGURUSAN KAPASITI

Pemantauan dan penyelarasan juga dilaksanakan ke atas perkara-perkara berikut:

- Indeks Akauntabiliti
- Laporan Naziran eSPKB Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
- Laporan Naziran Pengurusan Aset dan Stor
- Laporan Audit terhadap SPRM

3.1 Indeks Akauntabiliti

Selain menjadi komponen penting tadbir urus dan akauntabiliti dalam pengukuran KPI, ia juga menjadi penyumbang utama yang boleh mempengaruhi persepsi dan keyakinan masyarakat terhadap SPRM. Langkah Ini adalah sebagai usaha bagi memantapkan dan membuat penambahbaikan terhadap sistem pengurusan kewangan terutamanya di SPRM Negeri dan Cawangan yang menjadi Pusat Tanggungjawab (PTJ), untuk menentukan skor peratusan ketidakpatuhan yang minima.

3.2 Laporan naziran sistem perancangan dan kawalan belanjawan elektronik (eSPKB) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

Pada 11 Jun 2015, SPRM melalui Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan bersama pegawai-pegawai daripada Bahagian Kewangan, Akaun dan Pembangunan serta Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengurus seliakan Naziran Pra Pengauditan Pengurusan Kewangan dan Aset di SPRM Negeri Sembilan. Hasil pengauditan, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi tujuan tindakan pembetulan dan penambahbaikan.

Objektif naziran adalah bagi memastikan pengurusan kewangan di pejabat SPRM mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Selain itu untuk menambah baik pengurusan kewangan negeri secara proaktif sebelum pengauditan oleh Bahagian Audit Dalam Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) atau Jabatan Audit Negara (JAN). Naziran ini secara tidak langsung dapat membantu meminimakan teguran pengauditan terhadap Pejabat SPRM Negeri Sembilan.

Bahagian Audit Dalam JPM telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan terhadap Pejabat SPRM Negeri Sembilan pada 22-26 Jun 2015, di mana SPRM Negeri Sembilan mencapai tahap baik dalam pengurusan kewangan. Proses yang sama dilaksanakan ke atas semua SPRM Bahagian dan Negeri dari semasa ke semasa.



Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan SPRM, Dato' Salim Sundar bin Abdullah mempengerusikan mesyuarat naziran Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti SPRM Cawangan Tawau, Sabah.

3.3 Audit Pematuhan Pengurusan Stor

Pada 5 hingga 9 November 2015, Audit Pematuhan Pengurusan Stor SPRM telah dilaksanakan. Laporan audit telah disediakan dan dibentangkan dalam mesyuarat penutup yang diadakan pada 19 November 2015 untuk tindakan Unit Pengurusan Stor Bahagian Khidmat Pengurusan SPRM.

Objektif pengauditan atau semakan adalah bagi memastikan pengurusan stor utama Ibu Pejabat SPRM, di Putrajaya mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

Manakala pada 15 hingga 17 November 2015, audit berasaskan Indeks Akauntabiliti di SPRM Negeri Sabah dan SPRM Cawangan Tawau telah dilaksanakan. Hasil pengauditan yang dijalankan, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikeluarkan untuk diambil tindakan penambahbaikan.

Naziran juga turut dilaksanakan di SPRM Cawangan Miri, Sarawak pada 7 hingga 9 Disember 2015. Mesyuarat penutup naziran telah diadakan bersama Ketua Cawangan pada 9 Disember 2015 bagi merumuskan isu dan penemuan naziran dengan cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh Pejabat Cawangan Miri Sarawak.

Pemantauan dan penyelarasan yang dibuat secara berkala di setiap peringkat memberi kesan yang cukup positif. Sesi pemantauan dan penyelarasan turut menjadi medan pengukuhan semangat kerja berpasukan, selain dari sesi percambahan ilmu dan penambahbaikan kepada setiap proses pelaksanaan KPI turut dilaksanakan.

3.4 Pematuhan Pengurusan Kapabiliti

Pemantauan dan penyelarasan juga dilaksanakan ke atas prestasi pegawai *contract for service* dan *contract of service* yang berkhidmat di SPRM. Objektif kajian ini dijalankan adalah bagi menilai sama ada pegawai *contract for service* dan *contract of service* telah memberi khidmat dengan berkesan ke arah kecemerlangan SPRM.

Kajian ini telah dilaksanakan bermula pada Oktober hingga November 2015. Seramai 15 orang pegawai *contract for service* (tenaga pakar) yang dilantik oleh *Talent Corporation (M) Bhd* serta 32 orang pegawai *contract of service* yang dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam terlibat dalam kajian ini.

Laporan Kajian Audit tersebut telah dibentangkan oleh Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan kepada pihak pengurusan SPRM dengan dihadiri oleh semua pegawai yang terlibat dalam sesi mesyuarat penutup yang diadakan pada 5 November 2015.

Pengurusan pemantauan dan penyelarasan KPI yang cekap dan berkesan bukan sahaja memberi faedah kepada warga kerja malahan kepada SPRM untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan SPRM. Dalam pelaksanaan KPI ini, antara nilai-nilai positif yang mahu diterapkan oleh seluruh warga kerja SPRM adalah seperti berikut:-

i. Budaya kecemerlangan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab (Culture of Excellence);

ii. Budaya mementingkan dan menguruskan masa untuk meningkatkan kecekapan (Culture of Precision);

iii. Menerapkan budaya kesetiaan kepada SPRM khususnya dan negara amnya tanpa berbelah bahagi (Unwavering Loyalty);

iv. Ketabahan dalam menghadapi suasana persekitaran yang kurang baik atau bencana (Preserverance in Facing Adversity);

v. Mementingkan integriti dalam semua hal-hal pengurusan dan transaksi (Integrity In All Matters); dan

vi. Mempamerkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab korporat.



Menempatkan orang yang sesuai dengan kemahiran yang lengkap dalam kedudukan yang pasti pada masa yang tepat demi mendapatkan hasil yang berkesan.

Kofi Annan
Mantan Setiausaha Agung PBB

Aku tidak mahu meminjam daripada Baitulmal kerana aku takut takdirku tiba, maut menjemputku. Aku khuatir kamu dan kaum muslimin mengatakan aku menggunakan wang daripada Baitulmal untuk kegunaan peribadiku

Khalifah Umar Ibni Khatab

PENGURUSAN DAN KEWANGAN



KHIDMAT PENGURUSAN

KHIDMAT PENGURUSAN

Transformasi Modal Insan adalah pelengkap kepada Transformasi Operasi SPRM. Langkah ini dapat membantu meningkatkan lagi keupayaan dan profesionalisme pegawai SPRM, terutamanya dalam proses kompetensi, akreditasi, latihan dan pembangunan kemajuan kerjaya dan penempatan pegawai serta pelan penggantian.

Pengukuhan Organisasi

keseluruhan perjawatan
2,944

Secara keseluruhannya bilangan perjawatan di SPRM pada tahun 2015 adalah sebanyak 2,944 dengan pengisian perjawatan sebanyak 86.3 peratus. Daripada jumlah tersebut 1,717 jawatan merupakan perjawatan pegawai SPRM manakala baki 827 jawatan adalah dalam kalangan kakitangan gunasama. Pecahan penjawatan adalah seperti berikut:

JADUAL 51: Perjawatan SPRM bagi tahun 2015.

KUMPULAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
Pengurusan Tertinggi Pegawai SPRM	22	19	3
Pengurusan Tertinggi Pegawai Gunasama	5	4	1
Pengurusan & Profesional Pegawai SPRM	702	547	155
Pengurusan & Profesional Pegawai Gunasama	136	95	41
Sokongan I Pegawai SPRM	1,296	1,151	145
Sokongan I Pegawai Gunasama	535	495	40
Sokongan II Pegawai Gunasama	248	230	18
JUMLAH	**2,944**	**2,541**	**403**
PERATUS PENGISIAN (%)	**100**	**86.3**	**13.7**

Bilangan ini adalah berdasarkan Waran Perjawatan A179 dan A188 Tahun 2014, di mana pihak kerajaan telah meluluskan pertambahan perjawatan SPRM sebanyak 146 waran perjawatan yang terdiri dari pelbagai gred. Pertambahan jawatan ini sejajar dengan keputusan kerajaan untuk menambah 150 pegawai SPRM pada setiap tahun. Peningkatan ini adalah komitmen kerajaan dalam usaha membanteras jenayah rasuah serta memperbaiki kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) di peringkat antarabangsa.

kerajaan telah meluluskan pertambahan perjawatan SPRM sebanyak

146 waran perjawatan

Penugasan pegawai SPRM ke agensi luar

SPRM telah menempatkan seramai 35 orang pegawai sebagai Pegawai Integriti Bertauliah atau lebih dikenali sebagai *Certified Integrity Officer* (CeIO) secara kader di kementerian, jabatan dan agensi awam terpilih yang mendapat penarafan risiko sederhana dan tinggi. Dengan penempatan pegawai-pegawai SPRM sebagai CeIO, diharapkan ianya akan menjadi benteng kawalan dalaman kepada organisasi berkenaan dalam usaha memperkasakan integriti dan pencegahan rasuah.

Peningkatan Kerjaya Pegawai SPRM

Selaras dengan kehendak dasar kerajaan, pegawai yang telah membuktikan kecemerlangannya dalam tugas layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat. Sehubungan itu pada tahun 2015, Program Transformasi SPRM diteruskan dalam urusan kenaikan pangkat dan penilaian pemangkuan sebagaimana yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya. Bagi tahun 2015, bilangan pegawai yang dinaikkan pangkat adalah seperti berikut:

JADUAL 52: Penilaian pemangkuan pegawai.

BIL	URUSAN PEMANGKUAN	BIL. CALON	BIL. BERJAYA
1.	Gred P52 ke P54	27	15
2.	Gred P48 ke P52	25	25
3.	Gred P44 ke P48	40	26
4.	Gred P41 ke P44	74	70
5.	Gred P29/P32 dan P38 ke P42	-	6
6.	Gred P32 ke P38	18	15
7.	Gred P29 ke P32	126	59
JUMLAH		**310**	**216**

SPRM juga melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan Pengurusan Tertinggi bagi mengisi jawatan-jawatan utama berdasarkan waran perjawatan seperti berikut:

JADUAL 53: Calon Pemangkuan Pengurusan Tertinggi.

BIL	URUSAN PEMANGKUAN	BIL. CALON
1.	Gred JUSA B ke JUSA A (KUP)	1
2.	Gred JUSA C ke JUSA B (KUP)	-
3.	Gred P54 ke JUSA C • Secara hakiki • Secara operasi	 3 2
JUMLAH		**6**

* Calon bagi pemangkuan Pengurusan Tertinggi masih menunggu keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA)

Pelaksanaan HRMIS

Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia atau *Human Resource Management and Information System* (HRMIS) merupakan salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) bagi Ketua Pesuruhjaya SPRM. Satu kejayaan bagi SPRM bilamana pada 30 November 2015 sekali lagi telah menerima Sijil Penghargaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam atas pencapaian 100 peratus KPI pada tahun 2014.



SPRM antara agensi kerajaan yang mencapai KPI HRMIS seratus peratus.

Bagi tahun 2015, secara keseluruhannya prestasi pelaksanaan HRMIS adalah mengikut kriteria-kriteria penilaian seperti berikut:

JADUAL 54: Kriteria penilaian prestasi pelaksanaan HRMIS.

BIL	MODUL/SUB MODUL	PERATUS PENCAPAIAN
1.	Pemurnian Data bagi 24 elemen di Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan di HRMIS	100
2.	Perbandingan Bilangan Jawatan di antara HRMIS dan MyPost	100
3.	Pelaksanaan Perisytiharaan Harta Melalui HRMIS	99.65
4.	Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan Bagi Tahun 2015 Melalui HRMIS	98.32
5.	Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Bagi Tahun 2015 Melalui HRMIS	99.72

USAHA-USAHA MENINGKATKAN MUTU PERKHIDMATAN

Dalam usaha meningkatkan lagi mutu perkhidmatan, SPRM turut mengadakan beberapa program dan aktiviti. Antaranya seperti berikut:

Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan telah diadakan pada 21 Mei dan 17 Disember 2015 bertempat di Ruang Legar Aras 5, Ibu Pejabat SPRM. Objektif utama adalah untuk menyediakan peluang kepada warga SPRM menyuarakan sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan sumber manusia.



Antara warga SPRM yang hadir semasa Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan di ruang legar Aras 5, Ibu Pejabat SPRM.

Konvensyen Sumber Manusia, SPRM

Satu Konvensyen Sumber Manusia, SPRM telah diadakan pada 18 hingga 20 November 2015 di Melaka. Objektif utama penganjuran konvensyen adalah seperti berikut:

a. Mendapatkan resolusi bagi mengatasi isu-isu berbangkit berhubung pengurusan sumber manusia SPRM;
b. Meningkatkan lagi pelaksanaan mengenai peraturan, prosedur dan sistem kerja yang perlu diamalkan oleh pengurusan sumber manusia; dan
c. Percambahan fikiran bagi meningkatkan mutu perkhidmatan sumber manusia.



Salah satu sesi dalam Konvensyen Sumber Manusia.

Program latihan untuk kumpulan pelaksana

Dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan untuk Kumpulan Pelaksana, beberapa program berbentuk latihan / kursus telah diadakan seperti berikut:-

a. Kursus pengendalian dan pemanduan kenderaan jabatan

Satu kursus pengendalian dan pemanduan kenderaan jabatan dengan kerjasama Mitsubishi Motors Malaysia telah diadakan pada 28 Mei 2015 bertempat di Pusat Latihan Mitsubishi, Petaling Jaya. Kursus ini telah dihadiri seramai 23 orang pemandu SPRM. Ia bertujuan bagi meningkatkan lagi kefahaman dan kemahiran tentang cara-cara pengendalian, teknik dan penggunaan kenderaan dengan betul dan selamat.

b. Bengkel pengurusan kenderaan kerajaan

Bengkel Pengurusan Kenderaan Kerajaan telah diadakan pada 28 hingga 30 Oktober 2015, bertempat di Permodalan Nasional Berhad (PNB) Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini dihadiri oleh semua Pegawai Pengendali Kenderaan Jabatan dari Bahagian dan Negeri. Bengkel ini bertujuan bagi memastikan sistem pengurusan pengendalian kenderaan jabatan dilaksanakan dengan berkesan, teratur dan menurut peraturan.

Antara topik perbincangan sepanjang bengkel adalah mengenai pengurusan Buku Log Kenderaan, penyelenggaraan kenderaan dan Sistem Pengurusan Kenderaan Jabatan Atas Talian (E-SPKJ) yang disampaikan oleh pegawai dari Kementerian Kewangan Malaysia, JKR Woksyop Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Bahagian Kecemerlangan & Profesionalisme dan Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat.



Sesi bengkel pengendalian dan pemanduan kenderaan jabatan

c. Sesi Pembelajaran Dalaman

Sesi pembelajaran dalaman diadakan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 yang bertujuan seperti berikut:

- Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai tentang fungsi dan peranan di setiap Bahagian;
- Meningkatkan kefahaman tentang prosedur kerja, arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling yang berkaitan; dan
- Melahirkan warga SPRM yang kompeten dan berdedikasi.

Majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang

Sebagai menghargai pencapaian dan prestasi cemerlang pegawai dalam perkhidmatan untuk tahun 2014, satu Majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang, SPRM telah diadakan pada 12 Mac 2015 di Dewan Serbaguna, Aras B2, Kompleks D, Putrajaya. Seramai 198 pegawai menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dalam majlis tersebut. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tan Sri Ketua Pesuruhjaya SPRM.



Penerima APC, SPRM 2014

PERSARAAN PEGAWAI SPRM

Seramai 45 orang pegawai SPRM bersara wajib dan menamatkan perkhidmatan pada tahun 2015. Statistik pegawai yang bersara mengikut kategori persaraan wajib, persaraan pilihan, pencen terbitan dan persaraan atas sebab kesihatan adalah seperti berikut:

JADUAL 55: Statisitik persaraan pegawai.

PERSARAAN	BILANGAN PEGAWAI
Wajib	26
Pilihan Sendiri	17
Pencen Terbitan	1
Atas Sebab Kesihatan	1
JUMLAH	**45**

a. Majlis Persaraan Pegawai SPRM 2015

SPRM turut mengadakan Majlis Persaraan pada 12 Oktober 2015, bertempat di The Everly Hotel, Putrajaya bagi meraikan 45 warga SPRM yang bersara di sepanjang tahun 2015. Majlis yang disempurnakan oleh Tan Sri Ketua Pesuruhjaya ini turut dihadiri oleh Persatuan Bekas Pegawai SPRM, Bekas Ahli Jawatankuasa Aduan SPRM, Pengarah-Pengarah Bahagian / Negeri serta pegawai-pegawai kanan SPRM.



Majlis Persaraan Pegawai-Pegawai SPRM 2015.

b. Majlis Serah Tugas bersempena persaraan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme)

Satu Majlis Serah Tugas Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) daripada Datuk Sri Hj. Zakaria bin Jaffar kepada Datuk Mohd Jamidan bin Abdullah telah diadakan pada 3 Ogos 2015 bersempena persaraan wajib Datuk Sri Hj. Zakaria bin Jaffar. Majlis telah disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed.

Bersempena persaraan tersebut satu Majlis Paluan Berundur telah diadakan pada 12 Oktober 2015 bertempat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Kuala Lumpur.





Sesi Menandatangani dan Serah Menyerah Surat Serah Tugas.



Istiadat Paluan Berundur yang diadakan di MACA.

MAJLIS BERSAMA JABATAN: PEMANGKIN HUBUNGAN HARMONI PEKERJA & PENGURUSAN

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) SPRM telah berjaya melaksanakan mesyuarat sebanyak empat kali. Mesyuarat diadakan bagi membincang dan menyelesaikan perkara-perkara seperti berikut:

i. Hal kebajikan;
ii. Hal kewangan;
iii. Hal pentadbiran;
iv. Skim perkhidmatan dan perjawatan;
v. Hal perkhidmatan; dan
vi. Hal-hal selain dari perkara-perkara yang menyentuh peraturan dan dasar kerajaan dan hal yang berkaitan orang perseorangan dan masalah peribadi.

Jumlah isu yang dibangkitkan dan berjaya diselesaikan sepanjang tahun 2015 adalah seperti berikut:

JADUAL 56: Jumlah isu yang dibangkit dan diselesai tahun 2015

PERKARA	JUMLAH
Jumlah Isu Dibangkitkan	20
Jumlah Isu Diselesaikan	20
Peratus Penyelesaian	**100 %**

Barang siapa yang Kami angkat menjadi pegawai dengan tugas-tugas tertentu dan telah Kami berikan upah sebagaimana yang semestinya, maka apa yang dia ambil luar daripada apa yang telah diberikan, itu namanya pengkhianatan (RASUAH)

Hadis Riwayat Abu Daud



KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

PENGURUSAN PERUNTUKAN MENGURUS YANG CEKAP

Pengurusan kewangan yang efektif adalah penting dalam menyediakan peruntukan kewangan secara berhemah selaras dengan tatacara kewangan yang berkuatkuasa.


Peruntukan mengurus
RM294,326,800
Penyekatan Peruntukan
RM27,258,799

SPRM mendapat peruntukan mengurus bagi tahun 2015 sebanyak RM294,326,800. Sebagai langkah penjimatan, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan dua Notis Penyekatan Peruntukan berjumlah RM27,258,799 atau 9.26 peratus menjadikan **jumlah peruntukan mengurus untuk 2015 adalah RM267,068,001.** Ini bermakna, jumlah peruntukan Tahun 2015 berbanding Peruntukan tahun 2014 adalah berkurangan sebanyak RM24,918,999 atau 8.53 peratus.


JADUAL 57: Perbandingan jumlah peruntukan tahunan dari tahun 2012 hingga 2015.

TAHUN	10000 EMOLUMEN (RM)	20000 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN (RM)	30000 ASET (RM)	40000 PEMBERIAN (RM)	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2012	116,499,100	90,429,100	4,032,500	327,800	211,288,500
2013	150,001,100	94,366,700	13,652,500	327,800	258,348,000
2014	172,611,330	107,247,526	11,259,160	868,984	291,987,000
2015	154,159,325	99,195,570	10,470,048	3,243,058	267,068,001

CARTA 7: Perbandingan jumlah peruntukan tahunan dari tahun 2012 hingga 2015.



CARTA 8: Agihan peruntukan perbelanjaan mengurus SPRM B09 bagi tahun 2015.



PRESTASI PERBELANJAAN

Dalam tahun 2015, prestasi keseluruhan perbelanjaan peruntukan mengurus adalah sebanyak RM265,065,786.59 atau 99.25 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan yang diberi iaitu RM267,068,001. Pecahan peruntukan mengikut peruntukan dasar dan nilai perbelanjaan yang ditetapkan adalah seperti dalam JADUAL 58 berikut:

JADUAL 58: Peruntukan berbanding perbelanjaan mengikut dasar.

DASAR	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)
Dasar Sedia Ada	246,716,281	245,294,457.37	99.42
Dasar Baru	3,949,787	3,909,899.10	98.99
Program Khusus	2,643,300	2,450,578.06	92.71
One-Off	13,758,633	13,410,852.06	97.47
JUMLAH	**267,068,001**	**265,065,786.59**	**99.25**

PENGURUSAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN YANG CEKAP

Pada tahun 2015, SPRM telah diperuntukkan sebanyak RM 18,475,000 bagi empat buah Projek Pembangunan Kompleks Pejabat SPRM. Senarai Projek berkenaan adalah seperti berikut :-

JADUAL 59: Pengurusan Peruntukan Pembangunan.

BIL	PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS PEJABAT SPRM	PERUNTUKAN TAHUN 2015 (RM)	PINDAAN KALI PERTAMA (RM)	PINDAAN KALI KEDUA (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1.	Selangor	16,000,000	7,310,604.15	4,564,984.15	4,560,353.76
2.	Sarawak (ubahsuai bangunan)	1,600,000	816,895.85	708,995.85	686,302.11
3.	Terengganu	875,000	110,000	74,737.10	74,737.10
4.	Pahang (NOC wujud semula butiran)	-	-	369,031.90	292,790.29
JUMLAH		**18,475,000**	**8,237,500**	**5,717,749**	**5,614,183.26**

Perbelanjaan sebenar bagi Peruntukan Pembangunan Projek Fizikal sehingga 31 Disember 2015 berjumlah RM5,614,183.26 atau 98.19 peratus. Manakala bagi Projek ICT pula adalah berjumlah RM4,948,954.42 atau 99.98 peratus.

PROJEK PEMBINAAN PEJABAT SPRM TAHUN 2015

Pembinaan Pejabat SPRM Negeri Terengganu

Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah meluluskan Projek Pembinaan Kompleks Pejabat SPRM di Kuala Terengganu, Terengganu pada 28 Oktober 2015. Kompleks ini dijangka siap pada tahun 2018.



Ilustrasi bangunan Pejabat SPRM Terengganu.

Pembinaan bangunan Ibu Pejabat SPRM

Projek yang telah mendapat kelulusan pada tahun 2010, kini sedang giat dilaksanakan melalui pendekatan *Private Public Partnership* (PPP) di antara Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PjH). Ia dijangka siap sepenuhnya pada Tahun 2017.









Lawatan Pengurusan Tertinggi SPRM ke tapak projek pembangunan bangunan baru Ibu Pejabat SPRM.

PEMATUHAN PRESTASI PEMBAYARAN BIL DALAM TEMPOH 14 HARI

Berdasarkan Laporan Kemajuan Pemprosesan Bil-Bil Agensi di bawah JPM, SPRM telah berjaya membudayakan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan bil yang lengkap sebagaimana Arahan Perbendaharaan 103. SPRM juga berjaya menyelesaikan pembayaran bil sebanyak 97.16 peratus dalam tempoh kurang dari tujuh hari. Pecahan prestasi pembayaran bil sempurna adalah seperti berikut:

JADUAL 60: Pematuhan prestasi pembayaran bil.

TEMPOH	HARI	BILANGAN (UNIT)	PERATUS (%)	NILAI (RM)
01/01/2015 – 31/12/2015	<7	16,619	97.16	58,845,610.05
	8 – 14	485	2.84	1,517,121.88
	15 >	-	-	-
JUMLAH		**17,104**	**100**	**60,362,731.93**





LAMPIRAN



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1: Senarai pelaksanaan Bengkel CRM (m/s : 125)

BIL	TARIKH	JABATAN
1	23-26 Februari 2015	Jabatan Pertanian Siri 1/2015
2	24-26 Februari 2015	Syarikat Air Johor (SAJ)
3	23-26 Mac 2015	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
4	24-27 Mac 2015	Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan Institut Kemahiran MARA (IKM)
5	30 Mac – 1 April 2015	Jabatan Alam Sekitar (JAS)
6	20-23 April 2015	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)
7	20-22 April 2015	Giatmara Sendirian Berhad
8	5-7 Mei 2015	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
9	25-28 Mei 2015	Universiti Kuala Lumpur dan Kampus Cawangan
10	8-10 Jun 2015	Jabatan Kerajaan dan Agensi Swasta Negeri Melaka
11	11-13 Jun 2015	Biro Tatanegara
12	11-13 Jun 2015	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
13	8-10 Jun 2015	Majlis Perbandaran Kemaman (MPK)
14	8-11 Jun 2015	Universiti Kuala Lumpur dan Kampus Cawangan
15	16 Jun 2015	TH Properties
16	29-30 Jun 2015	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
17	4-6 Ogos 2015	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
18	20-22 Ogos 2015	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Siri 1/2015
19	11-13 Ogos 2015	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak
20	11-12 Ogos 2015	Jabatan Imigresen Malaysia
21	2-4 September 2015	Kementerian Kewangan Malaysia
22	8-10 September 2015	Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB)
23	10-12 September 2015	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
24	28-30 September 2015	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
25	6-7 Oktober 2015	Jabatan Perikanan Malaysia
26	8-9 Oktober 2015	Kementerian Pertahanan
27	18-20 Oktober 2015	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
28	29 Oktober 2015	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
29	2-4 November 2015	Jabatan Mahkamah Syariah Negeri Perak
30	16-18 November 2015	Kementerian Dalam Negeri (KDN)

BIL	TARIKH	JABATAN
31	11-12 November 2015	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
32	18-21 November 2015	Kementerian Perladangan dan Komoditi (MPIC)
33	23-24 November 2015	Jabatan Kerja Raya (JKR)
34	24-26 November 2015	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM)
35	25-26 November 2015	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya

LAMPIRAN 2: Mesyuarat JiTU Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2015 (m/s : 129)

MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
Siri 3 Bil. 1 Tahun 2015	24 Februari 2015	Alor Setar, Kedah
Siri 4 Bil. 2 Tahun 2015	14 Mei 2015	Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya
Siri 5 Bil. 3 Tahun 2015	14 Disember 2015	Putrajaya

LAMPIRAN 3: Mesyuarat PKP JITU tahun 2015 (m/s : 134)

MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT
Siri 3 Bil. 1 Tahun 2015	23 Januari 2015	Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya
Siri 4 Bil. 2 Tahun 2015	28 April 2015	Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya
Siri 5 Bil. 3 Tahun 2015	2 Oktober 2015	Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya

LAMPIRAN 4: Pelaksanaan MPR tahun 2015 (m/s : 137)

BIL.	SPRM NEGERI	TARIKH
1.	Wilayah Persekutuan Labuan	11 Mac 2015
2.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	16 Mac 2015
3.	Negeri Sembilan	23 Mac 2015
4.	Melaka	9 April 2015
5.	Wilayah Persekutuan Putrajaya	27 April 2015
6.	Pahang	6 Mei 2015
7.	Terengganu	12 Mei 2015
8.	Kelantan	19 Mei 2015
9.	Perak	27 Mei 2015

BIL.	SPRM NEGERI	TARIKH
10.	Selangor	28 Julai 2015
11.	Pulau Pinang	20 Ogos 2015
12.	Sarawak	22 September 2015
13.	Kedah	13 November 2015

LAMPIRAN 5: Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM bersama pegawai-pegawai SPRM yang dipinjamkan ke agensi luar (m/s : 146)

BIL.	MESYUARAT	TARIKH
1.	Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2015	10 Februari 2015
2.	Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2015	26 Februari 2015
3.	Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2015	30 Mac 2015
4.	Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2015	30 April 2015
5.	Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2015	28 Mei 2015
6.	Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2015	30 Jun 2015
7.	Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2015	18 Ogos 2015
8.	Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2015	30 Oktober 2015
9.	Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2015	23 November 2015

LAMPIRAN 6: Lawatan keterlibatan BPIA ke Unit Integriti Agensi Awam (m/s : 147)

BIL.	AGENSI AWAM	TARIKH
1.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)	13 Jan 2015
2.	Kementerian Sumber Manusia (KSM)	19 Jan 2015
3.	Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)	27 Jan 2015
4.	Agensi Penguatkuasaan Malaysia (APMM)	5 Feb 2015
5.	Kementerian luar Negeri (KLN)	12 Feb 2015
6.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	13 Feb 2015
7.	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air KeTTHA	16 Feb 2015
8.	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC)	21 Apr 2015
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)	8 Mei 2015
10.	Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	13 Mei 2015
11.	Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Perkhidmatan Malaysia (MAQIS)	19 Mei 2015
12.	Pejabat SUK dan PBT Negeri Perak dan Selangor	15 Jun 2015

BIL.	AGENSI AWAM	TARIKH
13.	Universiti Putra Malaysia	23 Jun 2015
14.	Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR)	24 Jun 2015
15.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	26 Jun 2015
16.	Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA)	12 Ogos 2015
17.	Pejabat SUK dan PBT Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang (Zon Timur)	24 Ogos 2015
18.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)	27 Ogos 2015
19.	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)	15 Sept 2015
20.	Pejabat SUK Negeri Kedah	20 Okt 2015

LAMPIRAN 7: Sesi Perjumpaan YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan bersama Unit Integriti Agensi (Terpilih) (m/s : 147)

BIL.	AGENSI AWAM	TARIKH
1.	Kementerian Pengangkutan (MOT)	9 Jun 2015
2.	Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM)	18 Jun 2015
3.	Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	22 Jun 2015
4.	Kementerian Pertahanan (MINDEF)	23 Jun 2015
5.	Kementerian Sumber Manusia (KSM)	25 Jun 2015
6.	Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)	29 Jun 2015
7.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	14 Sept 2015

LAMPIRAN 8: Senarai Unit Integriti Agensi yang telah dilaksanakan naziran (m/s : 147)

BIL.	AGENSI	TARIKH NAZIRAN
1.	Jabatan Pertanian Malaysia	05 Feb 2015
2.	Kementerian Belia Dan Sukan	05 Feb 2015
3.	Jabatan Pengangkutan Jalan	06 Feb 2015
4.	Kementerian Dalam Negeri	17 Feb 2015
5.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	05 Mac 2015
6.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	05 Mac 2015
7.	Agensi Anti-Dadah Kebangsaan	10 Mac 2015
8.	Jabatan Pendaftaran Negara	20 Mac 2015
9.	Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia	23 Mac 2015

BIL	AGENSI	TARIKH NAZIRAN
10.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	31 Mac 2015
11.	Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)	15 Apr 2015
12.	Jabatan Perdana Menteri	21 Apr 2015
13.	Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi Malaysia	29 Apr 2015
14.	Kementerian Kesihatan Malaysia	07 Mei 2015
15.	Jabatan Imigresen Malaysia	12 Mei 2015
16.	Kementerian Sumber Manusia	12 Mei 2015
17.	SUK Selangor	13 Mei 2015
18.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	01Julai 2015

LAMPIRAN 9: Program WAR melibatkan Sekolah Rendah pada tahun 2015 (m/s : 167)

BIL	SEKOLAH RENDAH
1.	SJK(C) Chuen Min, Klang
2.	SK Malawa, Kota Kinabalu , Sabah
3.	SK Bota Kiri, Perak
4.	SJK(T) Subramaniya Barathee, Pulau Pinang
5.	SJK(T) Ladang Rinching, Selangor
6.	SJK(C) Chung Sin, Tanjung Malim , Perak
7.	SK Rantau Panjang, Kelantan
8.	SK Petani Jaya, Kedah
9.	Sek.Rendah Sri Al-Amin, Bangi
10.	Sek. Kebangsaan Bandar Rinching, Selangor

LAMPIRAN 10: Program WAR melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan dan MRSM pada tahun 2015 (m/s : 167)

BIL	SEKOLAH MENENGAH DAN MRSM
1.	SMK Presint 8, Putrajaya
2.	SMK Tunku Putera, Baling, Kedah
3.	SMK Presint 16 (1), Putrajaya
4.	SMK Presint 14 (1) , Putrajaya
5.	SMK Keningau I, Sabah
6.	SMK Keningau II, Sabah
7.	SMK Gunsanat I, Sabah
8.	SMK Gunsanat II, Sabah
9.	SMK Seri Pepatih, Negeri Sembilan
10.	SMK Jalan Reko, Klang
11.	SMK Seri Alam, Selangor
12.	SMK Presint 16 (1), Putrajaya
13.	MRSM Taiping, Perak
14.	MRSM Alor Gajah, Melaka
15.	MRSM Kuantan, Pahang
16.	MRSM Batu Pahat, Johor

LAMPIRAN 11: Senarai persidangan/forum/bengkel/mesyuarat peringkat antarabangsa tahun 2015 (m/s : 199)

BIL.	PERSIDANGAN/FORUM/BENGKEL/ MESYUARAT	TEMPAT	TARIKH	BIL. KERTAS KERJA
1	*APEC Senior Officials Meeting*	Clark, Filipina	26-28 Januari 2015	1
2	*PWC'S Financial Crime and Compliance Conference*	Singapura	29 Januari 2015	1
3	Mesyuarat Pleno dan Kumpulan Kerja *Financial Action Task Force* (FATF)	Paris, France	22-27 Februari 2015	-
4	Siri Mesyuarat Bersempena dengan Sidang Kemuncak G20	Turkey	4-5 Mac 2015	1
5	*Board of Governors Meeting*	Vienna, Austria	4-6 Mac 2015	-
6	*First Nazaha International Anti-Corruption Conference Riyadh*	Riyadh, Saudi Arabia	15-20 Mac 2015	1
7	Mesyuarat Kerjasama Dua Hala SPRM & GIV Vietnam	Vietnam	5-11 April 2015	3
8	UNODC	Palau	21-23 April 2015	-
9	*Global Cities: Joining Forces Against Corruption*	New York, USA	23-25 April 2015	1
10	11th SEA-PAC *Secreteriat Meeting*	Pulau Pinang, Malaysia	28-29 April 2015	2
11	The 6th ICAC *Symposium*	Hong Kong	11-13 Mei 2015	1
12	3rd *Annual Meeting of Economic Crime Agencies Network* (ECAN)	Hong Kong	14-15 Mei 2015	1
13	ACRC *Training Course*	Seoul, Korea	Mei 2015	1
14	Mesyuarat Kerjasama Dua Hala SPRM & BMR Kali Ke-11	Brunei	22-23 Mei 2015	4
15	Program Kerjasama Pelbagai Hala SPRM-BMR-CPIB	Brunei	23 Mei 2015	-
16	6th *Session of the implementation Review Group*	Vienna, Austria	1-5 Jun 2015	1
17	OECD *Working Group on Bribery*	Paris , France	8-12 Jun 2015	1

BIL.	PERSIDANGAN/FORUM/BENGKEL/ MESYUARAT	TEMPAT	TARIKH	BIL. KERTAS KERJA
18	G20 *Anti-Corruption Working Group Washington D.C meeting*	Washington D.C USA	16-17 Jun 2015	-
19	*The 3rd Conference on Evidence based Anti-Corruption Policies* (CEBAP 3)	Thailand	17-18 Jun 2015	1
20	*ALB SE Asia Anti-Corruption Forum*	Singapura	30 Jun 2015	1
21	*The 2nd APEC Anti-Corruption Transparency Network of Anti-Corruption Authorities and Law Enforcement Agencies (ACT-NET)*	Cebu, Philipines	28 Ogos 2015	1
22	*16th International Anti-Corruption Conference (IACC)*	Putrajaya, Malaysia	2-4 September 2015	18
23	*6th Meeting of the Open-Ended Intergovermental Working Group on Asset Recovery*	Vienna, Austria	3-4 September 2015	-
24	*1st Bilateral and Working Group Meeting between MACC & NACC, Thailand*	Kedah, Malaysia	22-23 Oktober 2015	5
25	*8th IAACA Annual Conference and General Meeting*	Moscow/ St. Petersburg, Russia	30-31 Oktober 2015	1
26	*6th Session of the Conference of State Parties to the UNCAC*	St. Petersburg, Russia	2-6 November 2015	2
27	Lawatan Pemantapan Pelaksanaan Unit Integriti	Washington D.C USA	10-15 November 2015	-
28	Lawatan Sambil Belajar ke *Thailand Institute of Director*	Bangkok, Thailand	12-14 November 2015	-
29	*Typologies and Capacity Building Workshop Asia Pacific Group on Money Laundering (APG)*	Kathamandu, Nepal	16-19 November 2015	-
30	*9th Regional Seminar on Good Governance for Southeast Asian Countries*	Jakarta, Indonesia	24-26 November 2015	1
31	*Complaints Management System Workshop*	Hanoi, Vietnam	26/11/2015	1

LAMPIRAN 12: Senarai lawatan agensi luarnegara ke SPRM (m/s : 201)

BIL.	NEGARA / AGENSI	JUMLAH DELEGASI
1	Lawatan Kerja delegasi Bangsamoro	11
2	Lawatan Kerja oleh *Head of Education Department Civil Servant Training Centre Japan*	1
3	Lawatan Kerja pegawai INTERPOL	2
4	*Civil Servant Training Centre, National Personnel Authority of Japan*	1
5	*National Anti-Corruption Commision* (NACC) Thailand	13
6	*Anti-Corruption Commission* (ACC) Bhutan	2
7	Kunjungan Hormat Kedutaan Australia di Malaysia	2
8	*Training Course for GIV Vietnam*	1
9	Lawatan Kerja *Business Integrity Network Afghanistan (BINA) and Commercial Law Development Program* (CLDP)	21
10	Lawatan Kerja *Commission for the Investigation of Abuse of Authority (CIAA), Nepal*	15
11	Lawatan Kerja *Independent Commision Against Corruption (ICAC) Solomon Island*	7
12	Lawatan Kerja *Corruption Practices Investigation Bureau (CPIB), Singapura*	35
13	*Memorandum of Understanding MACC between CAC, Timor-Leste & ACC, Maldives*	6
14	Lawatan Sambil Belajar Delegasi Institusi Audit Afghanistan	15
15	Lawatan Kerja *Deputy Undersecretary* Pejabat Perdana Menteri Turki	2



SENARAI CARTA, JADUAL DAN KERATAN AKHBAR

SENARAI CARTA

BIL	TAJUK CARTA	MUKA SURAT
1	Punca penerimaan maklumat tahun 2015	45
2	Perbandingan tindakan terhadap maklumat berunsur rasuah tahun 2014 dan 2015	47
3	Kertas Siasatan mengikut jenis-jenis kesalahan tahun 2015	48
4	Peratusan pelaksanaan program/ aktiviti mengikut strategi	206
5	Peratusan penerimaan aduan mengikut saluran aduan 2015	210
6	Tahap keyakinan masyarakat terhadap SPRM (tahun 2009 – 2015)	225
7	Perbandingan jumlah peruntukan tahunan dari tahun 2012 hingga 2015	242
8	Agihan peruntukan perbelanjaan mengurus SPRM B09 bagi tahun 2015	242

SENARAI JADUAL

BIL	TAJUK JADUAL	MUKA SURAT
	MEKANISME CHECK AND BALANCE	
1	Jumlah penerimaan aduan mengikut saluran	29
	PENGUATKUASAAN - STATISTIK OPERASI	
2	Punca maklumat diterima tahun 2014 dan 2015	46
3	Maklumat diterima tahun 2015	46
4	Perbandingan bilangan maklumat mengikut kategori tahun 2014 dan 2015	46
5	Kertas Siasatan mengikut jenis-jenis kesalahan tahun 2014 dan 2015	47
6	Kertas Siasatan mengikut seksyen kesalahan tahun 2015	48
7	Perbandingan tangkapan berdasarkan kategori perjawatan tahun 2014 dan 2015	48
8	Tangkapan mengikut jenis kesalahan - tahun 2014 dan 2015	49
9	Permohonan tapisan keutuhan tahun 2014 dan 2015	50
10	Tempoh proses permohonan tapisan keutuhan tahun 2014 dan 2015 (sehingga 31 Disember)	50
11	Jumlah perlindungan kepada pemberi maklumat bagi tahun 2011 hingga 2015	51
	PENGUATKUASAAN - PENYIASATAN SPRM	
12	Antara operasi yang dijalankan pada tahun 2015	53
13	Barang penyeludupan yang disita dalam ‘Ops BS”	67
14	Nilai harta dilucuthak tahun 2014 dan 2015	78
	PENGUATKUASAAN - PENDAKWAAN KES RASUAH	
15	Keputusan kes perbicaraan di Mahkamah Rendah tahun 2014 dan 2015	87
16	Keputusan kes rayuan di Mahkamah Tinggi tahun 2015	87
17	Keputusan kes rayuan di Mahkamah Rayuan Tahun 2015	87
18	Keputusan kes pelucuthakan harta tahun 2014 dan 2015	88
	PENCEGAHAN - PEMERIKSAAN & PERUNDINGAN	
19	Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan berhubung penguatkuasaan penyeludupan migran melalui pintu sempadan di zon utara Kedah dan Perlis	98

BIL	TAJUK JADUAL	MUKA SURAT
20	Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan terhadap proses perolehan alat ganti kapal oleh Depot Bekalan Armada (DBA) Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, Perak	104
21	Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan program 1AZAM, perolehan projek kemasyarakatan dan menaiktaraf sekolah daif serta projek menaiktaraf kemudahan pengangkutan awam luar bandar oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)	106
22	Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan berhubung dengan pengurusan pengambilan, pengendalian dan pengesanan pekerja asing di agensi–agensi berkaitan.	104
23	Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan berhubung dengan pengurusan program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	112
24	Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan berhubung dengan pengurusan pembiayaan program oleh Jabatan Belia Sukan Negara (JBSN) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berada di bawah kawal selia Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	114
25	Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan bantuan projek khas perumahan nelayan 2012 oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	117
26	Kelemahan-Kelemahan yang dikenalpasti dan cadangan penambahbaikan berhubung dengan bekalan barangan untuk perkhidmatan di Tentera Darat Malaysia	118
27	Cadangan penambahbaikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	119
28	Cadangan penambahbaikan bagi Kementerian Dalam Negeri (KDN)	119
29	Inisiatif yang dilaksanakan oleh syarikat/organisasi	121
	PENCEGAHAN - URUS TADBIR SEKTOR AWAM	
30	Senarai isu yang dibincangkan dalam mesyuarat JITU peringkat kebangsaan tahun 2015	130
31	Makmal 'Orang Tengah' tahun 2015	130
32	Kertas-kertas pembentangan mesyuarat JITU peringkat kebangsaan tahun 2015	133
	PENCEGAHAN - PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI	
33	Senarai kajian oleh PKP JITU	134
34	Bengkel intervensi kajian MyIA Tahun 2015	136
35	Senarai agensi persekutuan dan negeri yang telah menubuhkan Unit Integriti Agensi sehingga 31 Disember 2015	142
36	Penempatan pegawai SPRM di agensi Persekutuan, agensi Negeri dan GLC	143

BIL	TAJUK JADUAL	MUKA SURAT
37	Statistik penempatan pegawai SPRM di agensi berdasarkan penarafan risiko	143
38	Statistik penempatan pegawai SPRM di agensi awam dan GLC mengikut gred jawatan	144
39	Statistik pelaksanaan fungsi oleh Unit Integriti di agensi awam dan GLC tahun 2014 dan 2015	145
	PENDIDIKAN PENCEGAHAN RASUAH	
40	Senarai aktiviti keterlibatan bersama 'Opinion Leaders' (Politik) tahun 2015	156
41	Senarai keterlibatan bersama pemimpin politik peringkat negeri	159
42	Senarai keterlibatan bersama NGO dan Komuniti	160
43	Senarai keterlibatan bersama sektor swasta	162
44	Senarai iklan TV mengenai pencegahan rasuah	170
45	Senarai program Bual Bicara di TV	170
46	Senarai dokumentari di TV mengenai pencegahan rasuah	171
	KECEMERLANGAN & PROFESIONALISME	
47	Pelaksanaan program/aktiviti mengikut strategi	206
48	Jumlah penerimaan aduan mengikut saluran	210
49	Bilangan aduan dan tindakan	210
50	Tapisan tatatertib	210
	PENGURUSAN DAN KEWANGAN	
51	Perjawatan SPRM bagi tahun 2015	233
52	Penilaian pemangkuan pegawai	234
53	Calon pemangkuan Pengurusan Tertinggi	234
54	Kriteria penilaian prestasi pelaksanaan HRMIS	235
55	Statisitik persaraan pegawai	237
56	Jumlah isu yang dibangkit dan diselesai tahun 2015	238
57	Perbandingan jumlah peruntukan tahunan dari tahun 2012 hingga 2015	241
58	Peruntukan berbanding perbelanjaan mengikut dasar	243
59	Pengurusan peruntukan pembangunan	243
60	Pematuhan prestasi pembayaran bil	245

SENARAI RAJAH

BIL	TAJUK RAJAH	MUKA SURAT
1	Anggota-anggota meja bulat Integriti Korporat	120
2	Lima prinsip Ikrar Integriti Korporat	120
3	Sepuluh inisiatif anti rasuah	121
4	Objektif program intervensi	136
5	Aktiviti keterlibatan	155
6	Stesen-stesen radio bagi rancangan temubual pendidikan pencegahan rasuah	171
7	Kluster MPR	176
8	Pengurusan Inspektorat Keselamatan Perlindungan	214
9	Naziran keselamatan pejabat SPRM Negeri tahun 2015	214
10	Resolusi Konvensyen Keselamatan SPRM Siri 1 tahun 2015	216
11	Peranan dan fungsi Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)	222
12	Struktur pembangunan KPI	226

SENARAI KERATAN AKHBAR

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Keratan akhbar berkaitan '*Ops Sealord*'	60
2	Keratan akhbar berkaitan 'Ops Gergaji'	62
3	Keratan akhbar berkaitan '*Ops Carsing*'	63
4	Keratan akhbar berkaitan 'Ops Licin 2'	65
5	Keratan akhbar berkaitan 'Ops Licin 2' – bongkar kepincangan integriti	66
6	Keratan akhbar berkaitan 'Ops Rimba'	68 & 69
7	Keratan akhbar tempatan berkaitan kes Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pemberi Wang dan Pemegang Pajak Gadai di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	70
8	Keratan akhbar berkaitan kes rasuah pengarah dan pelukis pelan di JPS	71
9	Keratan akhbar tempatan – anggota PDRM dibawa ke muka pengadilan akibat rasuah	72
10	Keratan akhbar berkaitan kes rasuah CEO TEKUN	73 & 74
11	Keratan akhbar tempatan kes pecah amanah '*Blue Valley Plantation Bhd*'	75
12	Keratan akhbar tempatan mengenai kes rasuah Pengurus Projek Petronas ICT Sdn Bhd	76
13	Keratan akhbar tempatan berkaitan kes rasuah Eksekutif Pemasaran Syarikat *Elegance Club (M) Sdn Bhd*	77